




Perbadanan Insurans Deposit Malaysia  
Malaysia Deposit Insurance Corporation

## Laporan Tahunan 2008



Melindungi Deposit Anda



#### MUKA DEPAN

Pokok merupakan satu bahagian yang penting dalam ekosistem. Sebatang pokok yang besar dan kukuh boleh memberi perlindungan kepada hidupan yang berada di bawahnya daripada elemen semulajadi. Ia juga membantu memelihara atmosfera bagi membolehkan semua hidupan lain tumbuh dengan subur.

Justeru, ia melambangkan kehidupan dan pertumbuhan, aspek kritikal yang berkait rapat dengan PIDM. Di sini, kami terus berusaha untuk menyediakan jaminan kepada pendeposit bahawa dana mereka dilindungi dengan selamat.

Di PIDM, kami sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan lagi pertumbuhan kami dengan kepimpinan yang baik, kerja berpasukan, tumpuan dan dedikasi. Berdasarkan tema ini, reka bentuk muka depan kami menggambarkan dusun pokok yang kukuh dan sihat, sebagai simbol yang melambangkan pertumbuhan PIDM dan pada masa yang sama kami mengembangkan operasi dalam usaha mencapai misi kami.

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) telah mencapai beberapa kemajuan ketara sepanjang tiga tahun sejak penubuhan kami pada 2005.

Hasilnya, kami telah membangunkan visi baru yang menjadi asas inspirasi kami:

***"Penginsurans deposit amalan terbaik"***

Justeru, kami berhasrat untuk diiktiraf sebagai penginsurans deposit yang ditadbir dan diurus dengan baik dalam semua aspek urus niaga dan hal ehwal kami.



**PIDM mengutamakan pengurusan bertanggungjawab dalam setiap aspek operasi kami. Ini jelas terbukti daripada penggunaan kertas mesra alam yang dipilih khas untuk penerbitan Laporan Tahunan ini. Ia disahkan oleh Forest Stewardship Council (FSC) iaitu organisasi antarabangsa yang menyokong piawaian tertinggi dalam pengurusan hutan.**

## Visi Kami

- Penginsurans deposit amalan terbaik

## Misi Kami

- Kami akan melindungi deposit Islam dan konvensional, menyediakan insentif bagi memantapkan pengurusan risiko, serta menggalakkan dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan di Malaysia. Kami akan memenuhi mandat kami dengan cara yang efisien dan efektif bagi manfaat pendeposit, dengan mengambil kira kepentingan kakitangan dan pemegang kepentingan kami yang lain

## Teras Strategik Kami

- Kesiediaan operasi
- Amalan urus niaga dan kewangan yang mantap
- Kesedaran awam yang efektif
- Perkongsian yang kukuh

## Objektif Korporat Kami

- Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik
- Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat
- Perkongsian efektif
- Penggunaan sumber yang optimum
- Kecemerlangan operasi
- Tenaga kerja yang berpengetahuan dan kompeten
- Persekitaran korporat yang kondusif

## Nilai Korporat Kami

- Kecemerlangan dan Profesionalisme
- Hormat dan Adil
- Integriti dan Kebolehpercayaan
- Komunikasi dan Kerja Berpasukan
- Pengelolaan Kewangan



<b>BAHAGIAN 1: PENGENALAN</b>	<b>5</b>	<b>BAHAGIAN 4: PENYATA KEWANGAN</b>	<b>95</b>
Profil Korporat	7	Laporan Pengarah	97
Ringkasan Kewangan	9	Pernyataan Pengarah	100
Sekilas Pandang Tahun 2008	11	Akaun Berkanun	101
Sorotan Pencapaian Kami Sejak Penubuhan	13	Laporan Ketua Audit Negara	102
Perutusan daripada Pengerusi, Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha	15	Lembaran Imbangan	103
Lembaga Pengarah: Ahli dan Profil	19	Pernyata Pendapatan	104
Perutusan daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Jean Pierre Sabourin	23	Pernyata Perubahan dalam Kumpulan Dana dan Rizab	105
Carta Organisasi	29	Pernyata Aliran Tunai	106
Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif: Ahli dan Profil	31	Dana Insurans Deposit Konvensional - Lembaran Imbangan	107
Jawatankuasa Pengurusan	36	Dana Insurans Deposit Konvensional - Pernyata Pendapatan	108
<b>BAHAGIAN 2: TADBIR URUS KORPORAT</b>	<b>37</b>	Dana Insurans Deposit Konvensional - Pernyata Aliran Tunai	109
Menangani Risiko Kami	39	Dana Insurans Deposit Islam - Lembaran Imbangan	110
Pernyataan Tadbir Urus	46	Dana Insurans Deposit Islam - Pernyata Pendapatan	111
Pernyataan Kawalan Dalaman	59	Dana Insurans Deposit Islam - Pernyata Aliran Tunai	112
<b>BAHAGIAN 3: PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN</b>	<b>67</b>	Nota kepada Pernyata Kewangan	113
Persekitaran Operasi Kami	69	<b>BAHAGIAN 5: ARTIKEL</b>	<b>135</b>
Kajian Semula Operasi dan Pencapaian 2008	72	Jaminan Deposit Kerajaan	137
Tinjauan Kewangan 2008	80	Sistem Insurans Deposit Islam Di Malaysia	139
Tinjauan Keanggotaan - 2008	89	<b>BAHAGIAN 6: INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT</b>	<b>141</b>
Ringkasan Rancangan Korporat 2009 - 2011	92	<b>BAHAGIAN 7: KALENDAR PERISTIWA</b>	<b>153</b>
		<b>LAMPIRAN</b>	<b>167</b>
		Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus	169
		Piagam Jawatankuasa Ganjaran	172
		Piagam Jawatankuasa Audit	175
		Scorecard Korporat 2009 - 2011	182
		Senarai Polisi Utama	184
		Lembaran Fakta Mengenai Jaminan Deposit Kerajaan	185
		Soalan Lazim Mengenai Jaminan Deposit Kerajaan	186
		Senarai Institusi Kewangan yang Diberi Jaminan Deposit Kerajaan	188
		Glosari Istilah	189
		Hubungi Kami	193

Bahagian 1  
Pengenalan





## PROFIL KORPORAT

Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM). Peranan kami adalah untuk mentadbir sistem insurans deposit di Malaysia, menyediakan perlindungan kepada pendeposit dan membayar balik deposit kepada pendeposit sekiranya berlaku kegagalan sesebuah institusi anggota.

Sebagai sebahagian daripada sistem jaringan keselamatan kewangan nasional, kami mempunyai bidang kuasa yang luas untuk menggalak dan menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dan menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap dalam sistem kewangan.

Sistem insurans deposit di Malaysia dibiayai oleh premium yang dibayar oleh institusi anggota. Memandangkan sistem insurans deposit menyediakan perlindungan bagi deposit Islam dan konvensional, PIDM mentadbir dua dana insurans deposit yang

berasingan. Dana Insurans Deposit Islam diurus mengikut prinsip-prinsip Syariah.

PIDM melapor kepada Parlimen menerusi Menteri Kewangan dan ditadbir oleh Lembaga Pengarah yang dianggotai tujuh ahli. Kami juga dikenali sebagai *Malaysia Deposit Insurance Corporation* di peringkat antarabangsa.

## MANDAT KAMI

Mandat berkanun kami adalah untuk:

- mentadbir sistem insurans deposit;
  - menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit;
  - menyediakan insentif bagi pengurusan risiko yang mantap dalam sistem kewangan; dan
  - menggalak atau menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan Malaysia;
- dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

## MELINDUNGI PENDEPOSIT

Di bawah sistem insurans deposit di Malaysia, pendeposit menikmati perlindungan bagi deposit mereka di bawah undang-undang. Pendeposit dilindungi daripada kehilangan wang mereka yang disimpan di dalam bank.

Susulan pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan pada 16 Oktober 2008, PIDM melindungi sepenuhnya semua deposit dalam Ringgit dan mata wang asing dengan bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan dan bank Islam antarabangsa, serta institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Jaminan deposit sementara itu menyediakan perlindungan lanjutan kepada pendeposit melebihi perlindungan yang disediakan oleh PIDM, dan berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2010.

Institusi anggota PIDM merangkumi semua bank perdagangan (termasuk subsidiari bank asing yang diperbadankan dan beroperasi di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 dan semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan Islam 1983. Pada akhir Disember 2008, 39 institusi perbankan (17 bank Islam dan 22 bank perdagangan) ialah institusi anggota PIDM.

Jaminan Deposit Kerajaan telah mengembangkan skop tanggungjawab kami. Oleh itu, PIDM kini menyediakan perlindungan tambahan bagi deposit dalam 15 bank pelaburan, dua bank Islam antarabangsa dan lima institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan dikawal selia oleh BNM.

## KESTABILAN SISTEM KEWANGAN

PIDM menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan dan melengkapkan rangka kerja pengawalseliaan yang sedia ada dengan menyediakan insentif bagi bank-bank untuk memantapkan amalan pengurusan risiko seperti yang diperuntukkan di bawah mandat kami. Kami diberi kuasa untuk campur tangan bagi mengurangkan atau mengelak risiko kepada sistem kewangan dengan mengurus bank individu yang tidak berdaya maju dengan segera. Kuasa campur tangan dan resolusi kami membolehkan kami, antara lain, memperoleh aset daripada bank-bank atau membuat pinjaman atau pendahuluan. Apabila sesebuah institusi anggota menjadi tidak berdaya maju, kami juga mempunyai bidang kuasa yang luas untuk mengambil alih kuasa untuk mengendalikan resolusi dan membuat pembayaran balik deposit yang diinsuranskan dengan segera.

Sehubungan ini, kami bekerjasama rapat dengan BNM, pengawal selia utama institusi-institusi kewangan. Hubungan kerja kami diperuntukkan mandat dalam Akta PIDM dan diperincikan dalam Perjanjian Perikatan Strategik. Kerjasama kami dengan BNM memastikan pertukaran maklumat yang tepat pada masa mengenai institusi anggota dan kerjasama dalam semua aspek utama fungsi dan aktiviti kami.

Kesedaran awam mengenai insurans deposit juga merupakan kunci kepada kestabilan sistem kewangan kerana ia memberi jaminan kepada orang awam bahawa deposit mereka dilindungi dan meningkatkan keyakinan awam terhadap sistem perbankan serta menggalakkan kestabilan kewangan. Justeru, PIDM mengendalikan inisiatif kesedaran dan pendidikan awam secara berterusan untuk meningkatkan tahap pemahaman mengenai insurans deposit, sekaligus mewujudkan lebih ramai pendeposit yang berpengetahuan yang memahami ciri-ciri dan manfaat sistem ini.



# PENGENALAN

## RINGKASAN PRESTASI EMPAT TAHUN PIDM

UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER	2008	2007	2006	2005*
<b>BUTIRAN PENYATA PENDAPATAN TERPILIH (RM Juta)</b>				
<b>Pendapatan Premium</b>	<b>90.0</b>	<b>110.1</b>	<b>102.1</b>	<b>35.6</b>
Konvensional	76.0	98.5	92.7	32.3
Islam	14.0	11.6	9.4	3.3
<b>Pendapatan Pelaburan</b>	<b>8.5</b>	<b>5.8</b>	<b>2.8</b>	<b>0.2</b>
Konvensional	7.5	5.2	2.6	0.2
Islam	1.0	0.6	0.2	0.0
<b>Kos Operasi</b>	<b>34.5</b>	<b>27.1</b>	<b>15.0</b>	<b>3.3</b>
<b>Lebihan Bersih</b>	<b>64.0</b>	<b>88.8</b>	<b>89.9</b>	<b>32.5</b>
<b>BUTIRAN LEMBARAN IMBANGAN TERPILIH (RM Juta)</b>				
<b>Jumlah Aset</b>	<b>276.8</b>	<b>215.1</b>	<b>127.0</b>	<b>33.1</b>
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>1.5</b>	<b>3.8</b>	<b>4.5</b>	<b>0.6</b>
<b>Dana Insurans Deposit</b>	<b>275.3</b>	<b>211.3</b>	<b>122.5</b>	<b>32.5</b>
Konvensional	243.0	190.4	111.2	29.5
Islam	32.3	20.9	11.3	3.0
<b>UNTUK TAHUN TAKSIRAN</b>				
<b>Jumlah Deposit Diinsuranskan (RM Bilion)**</b>	<b>191.0</b>	<b>178.8</b>	<b>165.2</b>	<b>165.3</b>
<b>Kadar Pertumbuhan Deposit Diinsuranskan (%)</b>	<b>6.8%</b>	<b>8.2%</b>	<b>(0.06%)</b>	
<b>Jumlah Deposit (RM Bilion)**</b>	<b>822.0</b>	<b>769.6</b>	<b>662.0</b>	<b>640.8</b>
<b>Kadar Pertumbuhan Deposit (%)</b>	<b>6.8%</b>	<b>16.3%</b>	<b>3.3%</b>	

Nota: \* Tempoh kewangan 2005 meliputi tempoh empat bulan beroperasi yang berakhir pada 31 Disember 2005.


\*\* Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Jumlah Deposit bagi tahun taksiran 2008 merujuk kepada kedudukan deposit pada 31 Disember 2007 kerana penilaian premium tahunan berasaskan jumlah deposit yang dipegang oleh institusi-institusi anggota pada 31 Disember tahun sebelumnya.




# PENGENALAN

## IMBASAN KEWANGAN


PENDAPATAN PREMIUM




PENDAPATAN PELABURAN




KOS OPERASI




LEBIHAN BERSIH




ASET




DANA INSURANS DEPOSIT



JUMLAH DEPOSIT DIINSURANSKAN



JUMLAH DEPOSIT





Operasi kami bermula pada Ogos 2005 dan sejak itu, kami telah mencatatkan kemajuan ketara dalam membentuk asas bagi institusi sektor awam yang ditadbir dan diurus dengan baik.

### SOROTAN PENCAPAIAN KAMI PADA 2008:

#### *Berkembang kukuh daripada kekuatan*

#### **Mengeratkan hubungan kami dengan pemegang kepentingan dan rakan kongsi utama**

- Mengekalkan hubungan dan kerjasama yang kukuh dengan BNM dan badan Kerajaan yang berkaitan, institusi anggota, penyedia perkhidmatan dan penginsurans deposit lain.
- Mengendalikan tiga sesi pendidikan untuk Lembaga Pengarah.
- Mengendalikan taklimat dan sesi perkongsian pengetahuan dengan pemegang kepentingan utama.
- Menganjurkan seminar antarabangsa mengenai Insurans Deposit Islam.

- Melaksanakan fasa kedua Rancangan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun kami.

#### **Mengukuhkan proses dan pengelolaan kewangan kami**

- Membangunkan dan melaksanakan proses pengauditan berasaskan risiko.
- Melaksanakan Sistem Penilaian Risiko untuk memantau institusi anggota.
- Mengkaji semula dan memantapkan sistem pemantauan dan pelaporan bajet.
- Mengeluar dan melaksanakan Sistem Premium Berbeza (SPB), Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keanggotaan dan Pengecualian di bawah Seksyen 80(h) Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Perjanjian atau Transaksi Kewangan).
- Mengeluarkan Garis Panduan Penyata Jumlah Deposit Diinsuranskan
- Membangunkan Rangka Kerja Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan.
- Memulakan pembangunan Sistem Pembayaran Semula Deposit.

- Meningkatkan infrastruktur IT bagi memperkasa pengguna dan untuk keberkesanan operasi.

#### **Memantapkan tenaga kerja kami dan menggalakkan persekitaran kerja yang kondusif**

- Membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Tenaga Kerja dan Model Kecekapan.
- Meneruskan usaha untuk membangunkan kakitangan kami menerusi analisis keperluan latihan yang menyeluruh dan pelan pembangunan khusus bagi setiap kakitangan.
- Memulakan pelaksanaan perancangan penggantian untuk jawatan utama berasaskan rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.
- Memperkukuhkan nilai korporat dan budaya prestasi kami menerusi Minggu Modal Insan, Hari Keluarga dan Majlis Makan Malam Tahunan.

#### **Pencapaian Lain**

- Mencapai Petunjuk Prestasi Utama (PPU) dalam Rancangan Korporat 2008-2010 kami tepat pada masa dan di bawah bajet yang ditetapkan.
- Membangunkan dan menerbitkan Rancangan Korporat PIDM 2009-2011.
- Mencapai indeks kepuasan kakitangan pada tahap 81% mengatasi sasaran kami iaitu 75%.
- Selain PPU, kami juga melaksanakan inisiatif berikut:
  - (i) proses pengesahan luaran bagi Penyata Jumlah Deposit Diinsuranskan dan maklumat SPB.
  - (ii) Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan yang dianjurkan secara kerjasama dengan BNM.
  - (iii) rangka kerja bagi mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan.

#### **Pengiktirafan Luar**

- Menerima anugerah Sijil Merit (*Certificate of Merit*) daripada Anugerah Laporan Tahunan Korporat Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards – NACRA*) bagi Laporan Tahunan 2007 kami.
- Menerima Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan bagi Kategori Badan Berkanun Persekutuan daripada Jabatan Audit Negara.
- Menerajui dan mempengerusikan pembentukan Kumpulan Insurans Deposit Islam di Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers – IADI*).
- Satu daripada dua organisasi yang dicalonkan bagi Anugerah Penginsurans Deposit Terbaik 2008.

- Seorang wakil daripada PIDM dilantik sebagai ahli Majlis Eksekutif, badan pentadbir IADI.

#### **JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN**

- Sejalan dengan inisiatif serantau untuk mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan masing-masing, Kementerian Kewangan dan BNM mengumumkan pada 16 Oktober 2008, bahawa semua deposit dalam Ringgit dan mata wang asing yang disimpan dengan bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan, bank Islam antarabangsa, serta institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan dikawal selia oleh BNM akan dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan menerusi PIDM sehingga 31 Disember 2010 (Jaminan Deposit Kerajaan). Jaminan Deposit Kerajaan dilanjutkan kepada semua institusi perbankan asing yang diperbadankan di Malaysia.
- PIDM mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan dan akan bekerjasama rapat dengan BNM bagi memastikan institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin tidak terlibat dalam pengambilan risiko yang berlebihan dan mengekalkan tahap modal yang mencukupi.

#### **MASA HADAPAN**

- Rancangan Korporat 2009-2011 kami menggariskan hala tuju strategik, tumpuan dan keutamaan untuk memenuhi mandat kami dengan berkesan dan berusaha mencapai visi baru kami.
- Rancangan itu memberi tumpuan untuk membangunkan modal insan kami, memantapkan aktiviti penilaian risiko dan pemantauan, memastikan keberkesanan operasi yang berterusan, kesediaan untuk mengendalikan aktiviti campur tangan dan resolusi kegagalan serta meneruskan usaha kami untuk meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman awam mengenai PIDM dan mengekalkan keyakinan terhadap sistem kewangan kita.
- Tumpuan jangka panjang kami adalah untuk terus membina kumpulan kepimpinan yang unggul, meningkatkan pengurusan hubungan dengan pemegang kepentingan kami dan memupuk budaya inovatif yang kukuh dalam usaha kami untuk membangunkan sebuah organisasi yang mampan dan berprestasi tinggi.



### 2005 Tahun Penubuhan Kami

- Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM) berkuat kuasa pada 11 Ogos 2005.
- Menubuhkan Lembaga Pengarah kami dengan semua Pengarah Bukan Eksekutif. Tiga Jawatankuasa Lembaga Pengarah ditubuhkan dan tugas dimulakan.
- Membangun dan membentuk Visi, Misi dan Nilai Korporat PIDM.
- Membentuk struktur organisasi kami dan membangunkan Rancangan Korporat kami yang pertama, iaitu bagi tahun 2006-2008.

### 2006 Membina Asas yang Kukuh

- Melaksanakan polisi tadbir urus utama, termasuk Kod Tatalaku dan Etika Urus Niaga, Polisi Pemberitahuan Maklumat, dan khususnya, Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, menetapkan dengan jelas harapan peranan Lembaga Pengarah dan Pengurusan.
- Meningkatkan kesedaran awam menerusi pelbagai aktiviti.
- Menjadi tuan rumah mesyuarat Majlis Eksekutif IADI dan giat menyertai mesyuarat dan acara antarabangsa. PIDM juga menjadi Ahli Bersekutu Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (*Islamic Financial Services Board – IFSB*).
- Mewujudkan kerjasama rapat dengan rakan kongsi kami; memeterai Perjanjian Perikatan Strategik dengan BNM, melibatkan institusi anggota kami sebagai rakan kongsi untuk meningkatkan lagi kesedaran awam mengenai insurans deposit; memantapkan praktik dasar kami untuk mengadakan perundingan dengan pemegang kepentingan sebelum mengeluarkan polisi atau peraturan-peraturan.
- Membentuk rangka kerja dan konsep utama termasuk audit dalaman, pengurusan risiko organisasi dan Sistem Premium Berbeza (SPB).
- Membentuk rangka kerja utama berkaitan dengan aktiviti penilaian risiko, pemantauan dan pembayaran balik deposit.
- Melaksanakan sistem perakaunan yang baru dan komprehensif.
- Mengeluarkan peraturan-peraturan utama untuk menguatkuasakan Akta PIDM, termasuk Garis Panduan Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Garis Panduan Keperluan Pendedahan bagi Akaun Bersama dan Akaun Amanah.
- Membangunkan pasukan organisasi kami dan mewujudkan strategi modal insan serta polisi modal insan utama, termasuk imbuhan dan manfaat serta polisi pengurusan prestasi.
- Membangunkan dan menerbitkan Rancangan Korporat 2007-2009.

### 2007 Membina atas Kekuatan Kami

- Menerima penarafan yang tertinggi dan anugerah daripada juruaudit luar kami, Jabatan Audit Negara, susulan audit pengurusan.
- Menerima anugerah Sijil Merit daripada NACRA bagi Laporan Tahunan 2006.
- Menyempurnakan rangka kerja pengurusan penggantian bagi Lembaga Pengarah dan Pengurusan.
- Mengadakan empat sesi pendidikan formal Lembaga Pengarah dan orientasi bagi Pengarah baru kami.
- Mewujudkan pangkalan rakan kongsi strategik yang kukuh.
- Bekerjasama rapat dengan Kementerian Kewangan, BNM, institusi anggota, pengawal selia kewangan dan agensi Kerajaan yang lain.
- Melaksanakan fasa pertama Rancangan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun kami.
- Menumpukan usaha dalam aktiviti untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai insurans deposit dan PIDM, termasuk menganjurkan Pameran Kewangan Malaysia 2007 dan Persidangan Tahunan IADI Ke-6.
- Melaksanakan rangka kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan.
- Mewujudkan rangka kerja bagi pengurusan komunikasi krisis.
- Mengeluarkan lima kertas perundingan berkaitan dengan Garis Panduan bagi Kriteria bagi Menentukan Deposit yang Diinsuranskan, draf Peraturan-Peraturan bagi Keperluan Maklumat bagi Insurans Deposit, draf Peraturan-Peraturan bagi SPB, draf Peraturan-Peraturan bagi Terma dan Syarat Keanggotaan dan cadangan berkaitan peruntukan dan penjelasan penamatan bersih dalam urus niaga derivatif.
- Mewujudkan Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti serta Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat.
- Membangunkan dan menerbitkan Rancangan Korporat 2008-2010.
- Melaksanakan mekanisme maklum balas menyeluruh (360 darjah) bagi Pengurusan.
- Mewujudkan polisi bagi mencegah gangguan di tempat kerja.
- Memindahkan pejabat kami ke Kuala Lumpur Sentral.





## PERUTUSAN DARIPADA PENGERUSI

### TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ HAJITAHA

2008 bolehlah dianggap sebagai antara tahun paling sukar bagi sistem kewangan global dalam sejarah mutakhir ini. Di seluruh dunia, penggubal polisi bertungkus-lumus menangani cabaran untuk memulihkan keyakinan dalam sistem kewangan mereka, apabila krisis demi krisis muncul bertimpa-timpa. Dalam usaha untuk memulihkan semula keadaan ini, saya percaya, cabaran jangka panjang bakal dihadapi – pelbagai persoalan mengenai pembaharuan sistem kewangan ketika ini dan skim pengawalseliaan perlu ditangani.

Sebagai sebuah ekonomi yang terbuka dan bergantung kepada perdagangan, kita tidak boleh berharap Malaysia akan terlindung sepenuhnya daripada krisis kewangan global. Tahun 2008 menunjukkan bagaimana cabaran tercetus daripada peristiwa yang berlaku di luar dan jauh dari negara kita. Pada 16 Oktober 2008 – meskipun dengan asas sistem kewangan yang kukuh - Bank Negara Malaysia (BNM) bersama Kementerian Kewangan mengumumkan Jaminan Deposit Kerajaan menerusi PIDM, sekaligus melanjutkan sistem perlindungan deposit terhad eksplisit kami kepada had yang lebih luas dan meliputi lebih banyak institusi kewangan dan lebih banyak deposit.

Pada pandangan saya, krisis kewangan yang berlaku pada 2008 penting dalam konteks penginsurans deposit:

- Krisis kewangan di seluruh dunia telah menekankan semula kepentingan sistem insurans deposit sebagai satu komponen penting dalam jaringan keselamatan negara. Negara-negara yang tidak mempunyai sistem insurans deposit yang eksplisit telah mula mempertimbangkan pembentukannya.
- Negara-negara yang telahpun mempunyai sistem insurans deposit seperti Amerika Syarikat, mendapati penginsurans deposit memainkan peranan penting dan besar bagi menangani bank-bank bermasalah.
- Peristiwa-peristiwa yang berlaku di seluruh dunia, serta pengumuman Jaminan Deposit Kerajaan di Malaysia, telah meningkatkan lagi kesedaran dan pemahaman awam mengenai insurans deposit.

Pengumuman Jaminan Deposit Kerajaan pada Oktober 2008 penting terutamanya dari segi pentadbirannya. Di semua negara lain, jaminan kerajaan ditadbir secara langsung oleh pihak berkuasa atau kerajaan sendiri. Di Malaysia, pentadbiran Jaminan Deposit Kerajaan – menerusi penginsurans deposit – merupakan respons Malaysia yang unik dan tiada negara lain telah melaksanakannya dengan cara yang sedemikian. PIDM mempunyai kuasa yang perlu dan dengan itu, ini memudahkan penyesuaian pentadbiran Jaminan Deposit Kerajaan dalam rangka kerja insurans deposit eksplisit dengan rapi. Bagi saya, penyelesaian ini ialah hasil pandangan jauh penggubal polisi kita, yang lebih penting lagi, dengan mewujudkan sistem insurans deposit nasional yang efektif ketika ekonomi negara berada dalam keadaan kukuh.



# PENGENALAN

## PERUTUSAN DARIPADA Pengerusi

### Kemajuan PIDM pada 2008

Sukacita ingin saya maklumkan bahawa, pada 2008, PIDM sekali lagi mencatatkan kemajuan besar dalam banyak aspek.

Kami meneruskan usaha bagi memastikan kami mempunyai budaya, pemimpin dan pekerja yang sesuai. Sebagai sebahagian daripada komitmen kami kepada amalan tadbir urus terbaik, Lembaga Pengarah menumpukan usaha kepada perancangan penggantian Lembaga Pengarah, dan bagi membangunkan dan mengukuhkan pengurusan risiko organisasi serta kawalan dalaman PIDM. Lembaga Pengarah juga memulakan usaha bagi perancangan penggantian pengurusan, tumpuan yang akan diteruskan untuk tahun-tahun akan datang. Keutamaan Lembaga Pengarah bagi 2008 juga termasuk tumpuan pada pengurusan tenaga kerja dan membangunkan Model Kecekapan kami. Kami mendapatkan pandangan peribadi para Pengarah kami tentang pembentukan satu set kecekapan kakitangan unik yang penting bagi mendorong PIDM ke arah kejayaan dalam memenuhi misi dan visinya. PIDM menghargai pandangan yang diberikan, dan Lembaga Pengarah amat berpuas hati dengan keputusan yang dicapai. Kami yakin model ini akan dilaksanakan dengan jayanya.

Saya juga dengan sukacita melaporkan bahawa sekali lagi pada tahun ini, PIDM menerima anugerah Sijil Merit daripada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards – NACRA*) bagi laporan tahunan 2007 kami, serta pencalonan kami, bersama dengan *Federal Deposit Insurance Corporation* di Amerika Syarikat yang sudah beroperasi selama 75 tahun, bagi anugerah "Penginsurans Deposit Terbaik Tahun 2008" daripada Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers – IADI*). Saya percaya pencalonan ini merupakan satu penghormatan yang amat besar kepada kami, memandangkan kami hanya baru ditubuhkan pada September 2005.

Usaha diteruskan sepanjang tahun untuk menjana kesedaran awam dan memastikan kesediaan operasi, terutamanya dalam bahagian penilaian risiko, pembayaran balik deposit serta campur tangan dan resolusi.

### Pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan

Selepas pengumuman Jaminan Deposit Kerajaan, bahagian tumpuan utama lain yang dijangkakan, ialah pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan, dan memastikan

PIDM berupaya untuk memantau dan berurusan dengan institusi tambahan yang kini dalam skop Jaminan Deposit Kerajaan. Langkah-langkah utama bagi Jaminan Deposit Kerajaan telah diambil dengan segera. Kami mentakrif prinsip dan rangka kerja untuk menguruskan Jaminan Deposit Kerajaan dan menangani keperluan bagi meminimumkan pengambilan risiko berlebihan oleh institusi yang dijamin, menerusi fi Jaminan Deposit Kerajaan yang diluluskan oleh Kerajaan dan langkah-langkah lain. Kami juga merangka draf pindaan kepada Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM), bagi membolehkan, antara lain, PIDM mempunyai akses kepada maklumat daripada institusi bukan anggota yang depositnya dilindungi di bawah Jaminan Deposit Kerajaan serta melanjutkan kuasa campur tangan dan resolusinya untuk merangkumi institusi seumpama ini.

### Perkongsian

Kami meneruskan hubungan baik kami dengan anggota jaringan keselamatan kewangan yang lain, termasuk BNM dan Kementerian Kewangan. Kerjasama erat di kalangan peserta dalam jaringan keselamatan kewangan, terutamanya dalam tempoh-tempoh mencabar, sememangnya penting kepada pencapaian objektif bersama kami – untuk menggalak atau menyumbang kepada keselamatan dan kukuh sistem kewangan. Kami juga terus berinteraksi dan memberi respons yang diperlukan oleh institusi anggota kami, serta memastikan kami mengadakan perundingan dengan mereka bagi memastikan keputusan polisi dan pengawalseliaan yang sesuai dan dipertimbangkan dengan baik.

### Masa Depan

Ketika kami telah menyempurnakan tahun ketiga penubuhan kami, kami disedarkan, menerusi peristiwa suram yang berlaku dalam sektor perkhidmatan kewangan global, betapa pentingnya misi kami dan bagaimana kami harus memainkan peranan dalam melindungi pendeposit dan mengekalkan keyakinan awam terhadap sistem kewangan negara. Dalam melaksanakan peranan ini, kami akan memberi penekanan utama dalam tahun 2009 kepada objektif teras kami, iaitu, kakitangan kami, pendeposit dan sistem kewangan dengan menggalakkan pengurusan risiko yang mantap dan keyakinan awam dalam sistem kewangan.

Kami bernasib baik kerana menerusi pengurusan pengawalseliaan yang berhemat, bank-bank di Malaysia kekal mempunyai asas yang kukuh. Langkah awal

pencegahan berbentuk Jaminan Deposit Kerajaan di Malaysia telah diambil secara berwaspada dengan berpandangan jauh dalam respons kepada kebimbangan global. Keyakinan awam terhadap sistem kewangan kita masih kekal utuh.

Pada masa yang sama, kami menyedari cabaran dalam persekitaran operasi pada ketika ini memerlukan tindakan yang segera untuk mencapai tahap kesediaan serta meningkatkan pemantauan dan penilaian. Justeru, dalam organisasi kami:

- Kami akan bekerjasama rapat dengan BNM bagi memastikan semua institusi kewangan yang dijamin mengurus risiko dengan baik, beroperasi dalam persekitaran yang selamat dan kukuh, dan memenuhi tanggungjawab berkanun mereka serta tanggungjawab kepada pendeposit dan pemegang kepentingan lain.
- Kami juga menyedari bahawa kami perlu mempunyai keupayaan untuk mengenal pasti masalah dan menanganinya dengan serta-merta. Sehubungan itu, kami telah meningkatkan lagi tahap berjaga-jaga – kami menyedari keperluan untuk mengenal pasti dan menganalisis risiko terkini dan potensi bahagian risiko baru dalam perkhidmatan kewangan dan keseluruhan ekonomi, dan menangani dengan segera isu-isu yang muncul. Kami juga sedang menyemak Akta PIDM, bagi memastikan kami dapat menangani sebarang jurang perbezaan dalam perundangan yang boleh menghalang keupayaan kami untuk bertindak dengan cepat dan berkesan sekiranya perlu.
- Kami akan terus mengembangkan usaha komunikasi kami secara kerjasama dengan BNM dan organisasi berkaitan yang lain untuk terus memupuk pemahaman dan penghargaan awam terhadap manfaat tugas dan usaha amalan terbaik kami. Bagi perancangan pada masa depan, kami menjangka usaha komunikasi kami juga akan mengambil kira keperluan bagi memastikan peralihan lancar daripada Jaminan Deposit Kerajaan pada akhir 2010 kepada skim insurans deposit terhad yang eksplisit.
- Akhir sekali dan tidak kurang pentingnya, kami akan terus memberi tumpuan untuk melaksanakan pelan strategik modal insan kami bagi menarik dan

mengekalkan tenaga kerja terbaik ke arah sebuah organisasi yang berprestasi tinggi.

Selain bahagian teras ini, kami akan meneruskan beberapa inisiatif keutamaan lain pada 2009, bagi meningkatkan keupayaan organisasi kami dalam jangka panjang. Usaha ini akan dibimbing menerusi pernyataan visi kami yang telah diperbaharui. Kejayaan kami sebelum ini memberi inspirasi kepada kami untuk membangunkan visi baru masa depan yang memberi gambaran bahawa kami membina berasaskan kukuh kami dan terus berkembang kukuh menerusi sasaran kami untuk menjadi penginsurans deposit amalan terbaik. Saya yakin dengan penyusunan tadbir urus yang baik dan budaya serta hala tuju yang sesuai, kami akan mencapai visi kami.

### Penghargaan

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada ahli Lembaga Pengarah atas sokongan padu mereka kepada PIDM dan kerana menunaikan tugas dan tanggungjawab mereka dengan penyumbangan masa secara ikhlas. Laporan komprehensif tentang tugas kerjanya pada 2008 yang terdapat dalam *Penyataan Tadbir Urus* mengesahkan komitmen Lembaga Pengarah terhadap ketelusan dan amalan terbaik.

Saya juga mewakili PIDM merakamkan penghargaan kami atas sumbangan besar Allahyarham Tan Sri Dato' Seri Haji Muhammad Azmi Kamaruddin kepada PIDM, yang telah kembali ke rahmatullah pada Januari 2009. Tan Sri Azmi berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah PIDM sejak penubuhannya pada 2005 dan memainkan peranan penting dalam menyokong PIDM sepanjang tahun-tahun penubuhannya.

Sebagai mewakili Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan rasa terima kasih dan penghargaan kami kepada setiap kakitangan PIDM atas kerja penuh kesungguhan, dedikasi dan ketekunan di bawah kepimpinan cekap dan dedikasi Ketua Pegawai Eksekutif kami, Encik Jean Pierre Sabourin.

TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ HAJI TAHA

# LEMBAGA PENGARAH

Dari kiri ke kanan:

Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Mahbob  
Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah  
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz  
Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha (Pengerusi)  
Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias  
Encik Michael Wong Kuan Lee

---





# PENGENALAN

## LEMBAGA PENGARAH: AHLI DAN PROFIL

### **TAN SRI DATO' ABDUL AZIZ HAJI TAHA**

Pengerusi

Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha ialah Pengerusi PIDM. Sebagai seorang Akauntan Bertauliah, beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang perbankan dan kewangan. Beliau telah berkhidmat selama 16 tahun di Bank Negara Malaysia dan merupakan Gabenor Bank Negara Malaysia dari tahun 1980 hingga 1985. Beliau juga memegang jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Terbitan Modal dan rakan kongsi Tetuan Kassim Chan & Co/ Deloitte Haskins & Sells Malaysia, ahli Jawatankuasa Pelaburan Asing, Majlis Perancangan Pembangunan Kebangsaan, Panel Pelaburan Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Panel Pelaburan Lembaga Tabung Haji. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Malaysian Industrial Development Finance Berhad dan Perbadanan Nasional Berhad.

### **TAN SRI DATO' SRI DR. ZETI AKHTAR AZIZ**

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dilantik sebagai Gabenor Bank Negara Malaysia pada Mei 2000. Beliau berkhidmat di Bank Negara Malaysia sejak 1985, dan kerjaya beliau meliputi beberapa jawatan kanan dalam polisi monetari dan kewangan serta pengurusan rizab. Dr. Zeti mempengerusikan penggubalan Pelan Induk Sektor Kewangan, satu pelan 10 tahun bagi pembangunan sistem kewangan Malaysia. Sepanjang tempoh beliau sebagai Gabenor, Dr. Zeti turut menyelia transformasi sistem kewangan yang melibatkan pembaharuan kewangan yang meluas, penubuhan institusi kewangan baru, pengukuhan pasaran kewangan dan peralihan kepada apungan terurus kadar pertukaran asing Ringgit. Beliau juga terlibat dalam pembangunan kewangan Islam antarabangsa dan kerjasama kewangan serantau.

Dalam mempromosikan inisiatif integrasi serantau, Dr. Zeti mempengerusikan Pasukan Kerja bagi Kerjasama Serantau antara Bank-bank Pusat di Asia di *Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks* (EMEAP) untuk membentuk pelan tindakan kerjasama kewangan pada masa hadapan di rantau tersebut. Beliau juga ahli Kumpulan Tadbir Urus Bank Pusat Bank for International Settlements (BIS) sejak 2001. Dr. Zeti juga merupakan salah seorang ahli

pengasas Majlis Perundingan Asia BIS dan kini ialah Pengerusi Majlis. Pada 2008, beliau dilantik sebagai ahli panel Pasukan Petugas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*) untuk Pembaharuan Sistem Kewangan Global. Dr. Zeti menerima Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam bidang Ekonomi dari Universiti Malaya dan Ijazah Doktor Falsafah dari University of Pennsylvania.

### **TAN SRI DATO' SRI DR. WAN ABDUL AZIZ WAN ABDULLAH**

Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah ialah Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Beliau mempunyai pengalaman selama 34 tahun dalam sektor awam, terutamanya dalam bidang perancangan ekonomi. Beliau memulakan kerjaya di Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 1975, menyandang pelbagai jawatan dalam bidang makro ekonomi, sumber manusia dan tenaga. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif (Bersilih ganti) bagi World Bank Group di Washington DC, di mana beliau mewakili beberapa negara Asia. Beliau kemudiannya kembali ke Malaysia dan berkhidmat dengan Kementerian Kewangan, dan pada tahun 2007 beliau dilantik sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Beliau kini memegang keahlian dalam lembaga pengarah bagi organisasi seperti Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, Sistem Penerbangan Malaysia Berhad, Petrolia Nasional Berhad, MISC Berhad, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan), Lembaga Hasil Dalam Negeri, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd, Cyberview Sdn Bhd, Pembinaan BLT Sdn Bhd dan Bank Negara Malaysia. Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz memegang Ijazah Doktor Falsafah dalam jurusan Ekonomi dari University of Leeds, United Kingdom.

### **TAN SRI DATO' SRI DR. SULAIMAN MAHBOB**

Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Mahbob ialah Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Sebelum ini, beliau merupakan Presiden Institut Integriti Malaysia, iaitu sebuah agensi yang ditubuhkan untuk melaksanakan Pelan Integriti Nasional. Beliau juga ialah Profesor Kehormat (Ekonomi) di Universiti Malaya dan di Universiti Utara

Malaysia (Pengurusan Awam dan Undang-Undang). Beliau berpengalaman dalam bidang perancangan ekonomi kebangsaan, kewangan awam, polisi awam dan pengurusan ekonomi negara secara keseluruhan. Beliau berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia selama 33 tahun dari tahun 1971 hingga tahun 2004 dan menyandang pelbagai jawatan termasuk sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, *Under-Secretary* (Ekonomi) di Kementerian Kewangan, dan Ketua Sekretariat bagi Majlis Tindakan Ekonomi Negara di Unit Perancangan Ekonomi semasa krisis kewangan dari 1998 hingga 2001. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia dan ahli Lembaga Perbadanan Harta Intelek Malaysia, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad dan Padiberas Nasional Berhad. Beliau kini merupakan ahli Lembaga Petrolia Nasional Berhad, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Pihak Berkuasa Pembangunan Serantau Iskandar.

### **DATUK DR. ABDUL SAMAD HAJI ALIAS**

Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias ialah seorang Felo di Institute of Chartered Accountants, Australia. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pengauditan dan perakaunan dan pernah menjadi Pengerusi bukan Eksekutif di Ernst & Young Malaysia dari 2005 hingga 2008. Beliau kini memegang jawatan Pengerusi Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Malaysia Venture Capital Management Berhad dan Malaysia Debt Venture Berhad dan berkhidmat sebagai ahli Lembaga di Lembaga Tabung Haji, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan, Felda Holdings Berhad dan TH Plantations Berhad. Beliau juga ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia. Pada tahun 2006, Datuk Dr. Abdul Samad menerima pengiktirafan antarabangsa melalui Anugerah Pencapaian di Asia oleh Association of Chartered Certified Accountants.

### **ENCIK MICHAEL WONG KUAN LEE**

Encik Michael Wong Kuan Lee ialah perunding kepada firma guaman Tetuan Shook Lin & Bok. Beliau merupakan rakan kongsi firma tersebut selama 23 tahun, 19 tahun daripadanya adalah sebagai Rakan Kongsi Pengurusan.

Beliau bersara pada Disember 1991. Beliau juga memegang jawatan Pengarah dalam beberapa syarikat awam tersenarai. Beliau pernah berkhidmat sebagai penasihat undang-undang kepada pelbagai organisasi tempatan dan antarabangsa, termasuk bank, bank pelaburan, firma pengurusan sekuriti dan aset, Bank Negara Malaysia dan Persatuan Bank-Bank Malaysia. Beliau juga memegang beberapa pelantikan awam, dan pernah menjadi ahli Majlis Penasihat Pendidikan Tinggi, ahli Majlis Perbandaran Petaling Jaya, ahli Dewan Negara, ahli Majlis Kolej Tunku Abdul Rahman dan ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia.

### **TAN SRI DATO' SERI HAJI MUHAMMAD AZMI KAMARUDDIN**

Allahyarham Tan Sri Dato' Seri Haji Muhammad Azmi Kamaruddin berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah PIDM sejak 2005 sehingga beliau kembali ke rahmatullah pada 5 Januari 2009. Beliau juga merupakan Pengerusi Biro Pengantaraan Kewangan, jawatan yang dipegang oleh beliau sejak Jun 2005. Sepanjang kerjaya beliau dalam Perkhidmatan Penghakiman dan Perundangan Malaysia, beliau berkhidmat sebagai majistret, Penolong Kanan Pendaftar dan Hakim Mahkamah Sesyen di beberapa negeri di Malaysia, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Timbalan Pendakwaraya Awam bagi negeri Kelantan, Penasihat Undang-Undang Negeri bagi negeri Selangor dan Ketua Pendaftar di Mahkamah Persekutuan. Beliau dinaikkan pangkat menjadi Hakim Mahkamah Tinggi pada tahun 1970 dan Hakim Mahkamah Persekutuan pada tahun 1980 sebelum bersara daripada bidang Kehakiman pada tahun 1999. Beliau juga pernah dilantik oleh Majlis Raja-Raja sebagai Hakim Mahkamah Khas untuk tempoh tiga tahun. Sorotan penting lain dalam kerjaya beliau termasuklah menjadi Penimbang Tara di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur, ahli Panel Penimbang Tara Malaysia yang bergabung dengan International Chamber of Commerce Court of Arbitration yang beroperasi di Paris, dan Hakim Tribunal Jenayah Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Rwanda.

# PERUTUSAN DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

## JEAN PIERRE SABOURIN

Tahun ini merupakan tahun yang mencabar bagi pihak-pihak berkuasa kerajaan kerana mereka terpaksa mengambil langkah di luar kebiasaan untuk menstabilkan sistem kewangan ekoran krisis kewangan global. Tindakan ini ditumpukan terutamanya dalam dua matlamat, menyediakan kecairan dan sokongan kewangan kepada institusi kewangan serta mengekalkan keyakinan awam menerusi insurans deposit. Sebilangan besar negara meningkatkan had dan perlindungan yang disediakan oleh sistem insurans deposit yang sedia ada, manakala negara yang lain memperkenalkan jaminan deposit menyeluruh dan selainnya membentuk sistem insurans deposit eksplisit. Langkah-langkah yang diambil ini membawa kesan yang disasarkan dan keyakinan awam dikekalkan. Tindakan ini sekali lagi menunjukkan manfaat dan kepentingan perlindungan pendeposit dan bagaimana ia menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan.

Di Malaysia, kita telah lama menyedari manfaat dan kepentingan sebuah sistem insurans deposit yang efektif bagi menggalakkan keyakinan awam dalam kestabilan sistem kewangan kita. PIDM ditubuhkan pada 2005 dengan mandat yang kukuh dan khusus bagi menyediakan perlindungan kepada pendeposit dan menggalak serta menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan kita. Sejak itu, PIDM telah bekerja dengan penuh kesungguhan untuk menjadi penginsurans deposit amalan terbaik agar rakyat Malaysia boleh merasa yakin bahawa deposit mereka dilindungi dengan baik dan selamat.

Dalam usaha untuk memenuhi visi kami, saya dengan sukacita menyampaikan laporan pencapaian kami pada 2008. PIDM mencapai kesemua inisiatifnya yang digariskan dalam Rancangan Korporat kami dan ia dicapai kurang daripada bajet yang diperuntukkan. Kami sekali lagi mencatatkan kemajuan ketara dalam usaha untuk menjadi penginsurans deposit amalan terbaik.

Kami menggariskan empat teras strategik sebagai panduan dalam usaha kami. Teras ini ialah kesediaan operasi, amalan urus niaga dan kewangan yang mantap, kesedaran awam yang efektif dan perkongsian yang kukuh, dan kami mencatatkan kemajuan yang cemerlang dalam pencapaian objektif korporat kami yang menyokong strategi ini.





# PENGENALAN

## PERUTUSAN DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Secara khususnya, saya ingin menekankan usaha kami untuk diiktiraf sebagai sebuah organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik agar pemegang kepentingan boleh merasa yakin dengan keupayaan kami untuk memenuhi mandat kami. Dalam mencapai matlamat ini, kami berbangga menjadi penerima anugerah sijil merit daripada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (*National Annual Corporate Report Awards – NACRA*) bagi kualiti Laporan Tahunan 2007 kami. Kami juga menerima anugerah bagi tahap penilaian tertinggi daripada Jabatan Audit Negara untuk audit pengurusan kami dan pencalonan kami bagi Anugerah Penginsurans Deposit Terbaik tahun ini, bersama dengan *Federal Deposit Insurance Corporation*, oleh Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers – IADI*), amat membanggakan dan memberi keyakinan bahawa kami sedang menjalankan usaha yang sepatutnya.

Kami juga menyedari tentang perlunya kesegeraan dalam usaha kami seperti yang dicerminkan dalam keutamaan kami. Pengumuman Jaminan Deposit Kerajaan pada 2008 yang dipertanggungjawabkan kepada PIDM untuk mentadbir jaminan itu, di samping mengekalkan sistem insurans deposit yang sedia ada, menunjukkan bagaimana persekitaran boleh berubah dengan pantas semasa tempoh-tempoh kesukaran ini.

Kami menerima dengan bangga, tanggungjawab yang diberikan kepada kami untuk membangunkan dan melaksanakan rangka kerja komprehensif bagi menguatkuasakan Jaminan Deposit Kerajaan dengan sepenuhnya. Bagaimanapun, pada masa yang sama, kami sedar bahawa cabaran dan kesukaran biasanya berkaitan dengan butiran yang terperinci. Oleh itu, saya dengan sukacita melaporkan bahawa kami telah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memastikan Jaminan Deposit Kerajaan dilaksanakan dengan cara yang wajar. Kami mengadakan banyak perbincangan bersama rakan kongsi kami iaitu Bank Negara Malaysia (BNM), bagi memastikan secara jelas peranan dan tanggungjawab masing-masing, mengenal pasti produk yang akan dilindungi di bawah Jaminan Deposit Kerajaan, dan bagi menentukan institusi yang perlu dilindungi depositnya. Kemudiannya, kami mengadakan mesyuarat dengan wakil institusi kewangan bagi memastikan mereka memahami rangka kerja dan bagaimana PIDM dan BNM akan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan risiko bahaya moral.

Kami juga membuat pindaan perundangan berkaitan, mengesyorkan tahap fi jaminan yang patut dibayar oleh institusi kewangan dan menyediakan perjanjian yang diperlukan antara PIDM dan Kerajaan. Selain itu, kami membuat publisiti mengenai perlindungan di bawah Jaminan Deposit Kerajaan bagi memastikan maklumat ini tersebar luas. Risalah maklumat baharu diterbitkan, pegawai-pegawai pusat panggilan PIDM diberikan taklimat mengenai butir-butir terperinci Jaminan Deposit Kerajaan, pengemaskinian yang perlu dibuat kepada maklumat yang terdapat dalam laman web kami, dan lebih banyak sesi dan penyampaian taklimat diadakan untuk pelbagai pemegang kepentingan. Bagi mengurangkan risiko bahaya moral, kami tidak menggalakkan institusi kewangan untuk menggunakan Jaminan Deposit Kerajaan dalam promosi atau pemasaran produk deposit, meningkatkan pengawalseliaan dan pemantauan semasa tempoh Jaminan Deposit Kerajaan bagi memastikan tiada pengambilan risiko yang berlebihan, dan kami mengumumkan bahawa fi jaminan tahunan akan ditaksir terhadap setiap institusi kewangan yang depositnya dijamin di bawah Jaminan Deposit Kerajaan.

### **Kesediaan Operasi dan Amalan Urus Niaga dan Kewangan yang Mantap**

Dalam Laporan Tahunan 2007 kami, saya menyentuh tentang kepentingan kesediaan dan keperluan bagi perancangan kontigensi atau luar jangka. Pada 2008, kami bekerja dengan penuh kesungguhan bagi memastikan kesediaan operasi. Kami mencatatkan kemajuan ketara dalam pembangunan sistem pembayaran balik deposit untuk membayar balik deposit dengan segera kepada pendeposit jika sekiranya berlaku kegagalan sesebuah bank.

Kami juga memulakan pembangunan aspek kritikal kesediaan operasi – pelaksanaan rangka kerja campur tangan dan resolusi yang komprehensif yang termasuk pembangunan pelan kontingensi. Projek ini akan akhirnya membolehkan PIDM menggunakan pelbagai instrumen untuk mengurus institusi yang tidak berdaya maju dengan segera agar meminimumkan kerugian kepada sistem kewangan.

Pencapaian kami dalam menyediakan insentif bagi pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan adalah menerusi:

- (a) pelaksanaan Sistem Premium Berbeza (SPB) bagi bank konvensional dan bank Islam secara berasingan. Sistem ini menyediakan insentif kewangan kepada bank-bank bagi mengelak berlakunya pengambilan risiko berlebihan dan meningkatkan keadilan dalam proses penaksiran premium. Hasilnya, bank-bank dengan profil risiko lebih rendah kini membayar premium yang lebih rendah;
- (b) pengeluaran Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keanggotaan 2008. Peraturan-peraturan ini mengenakan syarat-syarat kepada institusi anggota dan menyokong usaha pengawal selia dengan membolehkan PIDM mengenakan surcaj premium jika gagal mematuhi syarat-syarat;
- (c) pelaksanaan Sistem Penilaian Risiko (SPR) kami. Instrumen risikan urus niaga ini membolehkan kami melaksanakan penilaian dan pemantauan risiko institusi anggota dengan lebih cekap dan berkesan; dan
- (d) penyediaan inisiatif khusus bagi menggalakkan amalan terbaik dalam tadbir urus.

Kedua-dua SPB dan SPR merupakan instrumen kritikal bagi penginsurans deposit amalan terbaik. Kami telahpun menerima banyak pertanyaan dan permintaan daripada penginsurans deposit lain yang ingin mengkaji pendekatan PIDM ke arah memantapkan pengurusan risiko menerusi SPB kami dan bagaimana kami menilai dan memantau dengan aktif risiko yang diambil oleh institusi anggota kami.

Kami juga bekerjasama dengan BNM untuk membangun dan melaksanakan program pendidikan baru bagi pengarah-pengarah institusi kewangan. Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan, yang dibangunkan bersama oleh BNM dan PIDM, mula beroperasi pada November 2008. Program tersebut unik dari segi reka bentuk dan penyampaiannya, dan dirangka bagi mendidik peserta mengenai amalan tadbir urus korporat yang mantap, untuk diguna pakai dalam institusi mereka sendiri. Pembabitan kami dalam pembangunan dan pelaksanaan program ini menyokong mandat kami secara langsung dalam menggalakkan pengurusan risiko wajar dalam sistem kewangan.

Amalan urus niaga dan kewangan yang mantap yang merupakan sebahagian daripada inisiatif tadbir urus utama kami pada 2008 termasuk penyempurnaan keseluruhan kitaran rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi kami, dengan pengesahan sokongan daripada fungsi kawalan dalaman kami. Kami juga melaksanakan pendekatan berasaskan risiko kepada perancangan audit dalaman dan proses pengauditan bagi melengkapkan rangka kerja pengurusan risiko kami. Dan sejajar dengan visi kami, kami merancang untuk menjadikan pendekatan tadbir urus kami sebagai amalan terbaik dan terkini, dengan cara mengikuti perkembangan antarabangsa dan menyemak semula penyusunan tadbir urus kami secara berterusan.

### **Perkongasian yang Kukuh**

Dari segi perkongsian, kami terus mengekalkan hubungan kerjasama yang baik dengan BNM, Kerajaan, institusi anggota serta penyedia perkhidmatan dan pemegang kepentingan utama kami yang lain. Di peringkat antarabangsa, PIDM terus memainkan peranan utama dalam pembangunan sistem insurans deposit yang efektif. PIDM sering menerima permintaan untuk menyediakan penceramah dan khidmat nasihat kepada pihak berkuasa yang berminat untuk melaksanakan sistem insurans deposit amalan terbaik. Kami juga merupakan anggota aktif IADI. Pada penghujung tahun 2008, Pengurus Besar Bahagian Polisi dan Antarabangsa kami, Puan Lai Wai Keen, dilantik sebagai ahli Majlis Eksekutif IADI. Kami turut menerima tujuh delegasi lawatan sambil belajar daripada penginsurans deposit lain dan bank pusat asing yang berminat dalam pencapaian kerja kami.

### **Modal Insan**

Kami telah mencapai kemajuan dalam pengurusan modal insan kami. Kami mengeluarkan edisi pertama buku panduan kakitangan kami dan membangunkan rangka kerja pengurusan tenaga kerja. Rangka kerja itu menyediakan pendekatan menyeluruh kepada kami agar kami boleh mengekalkan tumpuan, cermat dan konsisten dengan cara kami menyepadu dan menguruskan semua aktiviti modal insan.



# PENGENALAN

## PERUTUSAN DARIPADA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Sebagai subset Rangka Kerja Pengurusan Tenaga Kerja, kami telah membangunkan Model Kecekapan yang unik kepada PIDM. Ini membantu kami mentakrif ciri-ciri yang akan membezakan kami daripada organisasi lain. Kami juga mengadakan sesi taklimat mengenai Model Kecekapan ini untuk semua kakitangan kami bagi memastikan semua kakitangan memahami model tersebut dan memastikan model ini berjaya disepadukan dalam semua aktiviti modal insan utama kami.

Pengekalan persekitaran korporat yang kondusif terus menjadi tumpuan utama bagi organisasi ini. Saya dengan sukacita melaporkan bahawa usaha kami selama ini tidak sia-sia – kami mencapai indeks kepuasan kerja kakitangan pada 81%, dengan kenaikan sebanyak 2% dari 2007, melebihi sasaran kami iaitu 75%.

### **Kesedaran Awam**

Dalam aspek kesedaran dan pendidikan awam, kami menjalankan usaha padu untuk memupuk keyakinan awam. Sepanjang tahun ini, kami terus melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu pelbagai tahun kami. Tahap kesedaran pengguna mengenai insurans deposit menunjukkan peningkatan yang menggalakkan kepada 27% daripada 15% pada 2007 manakala kesedaran mengenai PIDM meningkat kepada 32% daripada hanya 12% pada 2007.

### **Kedudukan Kewangan**

Bagi 2008, PIDM mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM98.5 juta, merangkumi RM90.0 juta dalam premium dan RM8.5 juta dalam pendapatan pelaburan.

Perbelanjaan operasi kami berjumlah RM34.5 juta dan kami mencatatkan lebih sebanyak RM64.0 juta. Kami melabur lebih dana kami dalam sekuriti kerajaan kecairan tinggi. Dana Insurans Deposit Konvensional dan Dana Insurans Deposit Islam kami masing-masing berjumlah RM243.0 juta dan RM32.3 juta.

Kami telah menyediakan butiran terperinci mengenai kedudukan kewangan kami dan perbandingan dalam bahagian Perbincangan dan Analisis Pengurusan

dalam Laporan Tahunan ini. Pendedahan kami telah dipertingkatkan pada tahun ini bagi menyediakan kepada pembaca maklumat kewangan berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Kami juga mengembangkan nota 20 dalam penyata kewangan kami untuk menyediakan kefahaman kepada pembaca mengenai sebab PIDM tidak mencatatkan peruntukan untuk kerugian masa depan dan bagaimana dana insurans deposit dipegang dalam bentuk rizab bagi menampung kerugian jika PIDM perlu memenuhi obligasinya kepada pendeposit.

### **Institusi Anggota**

Jumlah deposit diinsuranskan yang dipegang dalam bank perdagangan dan bank Islam bagi tahun taksiran 2008 berjumlah RM191.0 bilion, merangkumi RM169.3 bilion dalam bank konvensional dan RM21.7 bilion dalam bank Islam.

Meskipun persekitaran operasi yang mencabar, keseluruhan prestasi institusi anggota kami pada 2008 kekal kukuh dengan penambahbaikan ketara dari segi kualiti aset dan prestasi kewangan. Keanggotaan kami juga meningkat daripada 33 kepada 39, dengan penyertaan enam bank Islam baru.

### **Kesimpulan**

Kami kini jelas berada di ambang ufuk baharu. Saya percaya akan terdapat cabaran seterusnya pada masa depan, justeru, kami perlu fokus, berdaya tahan dan berusaha dengan gigih sepanjang masa. Kami telah mencapai banyak kemajuan dalam tempoh tiga tahun awal penubuhan kami – menyediakan asas, dan memanfaatkan kekuatan kami untuk menjadi penginsurans deposit amalan terbaik.

Visi kami yang diperbaharui memberi tumpuan untuk terus melaksanakan amalan terbaik dalam semua aspek operasi kami. Bagi mencapai visi ini, kami akan terus meningkatkan kualiti penyelidikan dalam pembangunan dan pelaksanaan semua aspek tugas kami – termasuk tadbir urus, penilaian risiko, campur tangan dan resolusi, pembangunan polisi, modal insan dan komunikasi. Menerusi ukur rujuk berterusan bagi kecemerlangan, diiringi dengan pemikiran pemajuan berterusan, saya yakin kami akan


dapat meningkatkan keupayaan untuk menggalak dan menyumbang kepada keyakinan awam dalam sistem kewangan kita. Di peringkat antarabangsa, PIDM juga boleh memberi sokongan kepada pihak lain dalam bahagian kepakaran kami. Kami juga akan terus meningkatkan hubungan kerjasama kami dengan rakan kongsi jaringan keselamatan kewangan kami, institusi anggota, ahli IADI, penyelidik dan masyarakat bagi memaksimumkan keberkesanan kerja kami.

Saya percaya bahawa dalam setiap cabaran, peluang sentiasa wujud. Saya menganggap peristiwa yang berlaku pada 2008 sebagai ujian sederhana kepada daya tahan kami dalam tempoh yang penuh cabaran ini. Bagaimanapun, saya yakin, dengan kegigihan dan kesungguhan, PIDM akan mempunyai kesediaan yang lebih daripada mencukupi untuk menangani sebarang cabaran pada tahun-tahun yang akan datang.

Akhir sekali, izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah di bawah pengerusian Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha atas sokongan padu yang diberikan dalam membentuk penginsurans deposit amalan terbaik. Pihak pengurusan bergantung besar kepada bimbingan, hala tuju dan sokongan oleh Lembaga Pengarah justeru kami amat bersyukur dan berterima kasih atas jasa Lembaga Pengarah.

Saya juga, secara peribadi, ingin menghargai dan memuji semua kakitangan atas kesetiaan dan komitmen mereka terhadap organisasi ini. Masa depan mungkin agak sukar memandangkan keadaan ekonomi global dan krisis kewangan sekarang, tetapi saya yakin semua cabaran ini dapat ditangani dengan sokongan pasukan yang bertenaga dan berdedikasi yang sesungguhnya yakin bahawa perkhidmatan awam merupakan suatu tugas kerja yang mulia.

JEAN PIERRE SABOURIN



Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif

Jean Pierre Sabourin\*  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Lai Wai Keen  
PENGURUS BESAR, POLISI DAN ANTARABANGSA

Lee Yee Ming  
KETUA PEGAWAI RISIKO DAN PENGURUS BESAR, PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI

Lim Yam Poh\*\*  
KAUNSEL AM DAN SETIAUSAHA KORPORAT

Md. Khairuddin Haji Arshad\*\*  
PENGURUS BESAR, INSURANS, PENILAIAN RISIKO DAN PEMANTAUAN

Noorida Baharuddin  
KETUA AUDIT DALAMAN DAN PENGURUS BESAR, AUDIT DAN KHIDMAT PERUNDINGAN

S. Loganathan  
PENGURUS BESAR, KOMUNIKASI DAN HAL EHWAL AWAM

Siti Zubaidah Haron  
PENGURUS BESAR, SUMBER MANUSIA

Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi\*\*  
KETUA PEGAWAI KEWANGAN DAN PENGURUS BESAR, KEWANGAN DAN PENTADBIRAN

**Nota:**

\* Ketua Pegawai Eksekutif dilantik oleh Menteri Kewangan atas syor Lembaga Pengarah hingga Ogos 2011.

\*\* Pegawai korporat yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.



# JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF

Dari kiri ke kanan:

Lee Yee Ming  
Siti Zubaidah Haron  
Md. Khairuddin Haji Arshad  
Lai Wai Keen  
Jean Pierre Sabourin  
Lim Yam Poh  
Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi  
S. Loganathan  
Noorida Baharuddin

---





## PENGENALAN

### JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF: AHLI DAN PROFIL

Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif merupakan forum bagi perbincangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan pengurusan dan operasi harian PIDM. Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif bertujuan untuk memudahkan komunikasi, kerja berpasukan, penyesuaian kepada perubahan dan kerjasama dalam semua bahagian di PIDM, serta berfungsi sebagai saluran maklumat kepada semua kakitangan.

#### **JEAN PIERRE SABOURIN**

Ketua Pegawai Eksekutif

Jean Pierre Sabourin ialah Ketua Pegawai Eksekutif PIDM sejak penubuhannya pada 2005. Beliau mempunyai pengalaman khusus yang luas dalam semua aspek mengenai insurans deposit dan kepakaran beliau sering menjadi permintaan di peringkat antarabangsa. Pelbagai negara lain telah meminta bantuan beliau untuk mewujudkan atau meningkatkan keberkesanan sistem insurans deposit mereka. Antara pencapaian besar beliau adalah memperkerusi kajian antarabangsa dan kumpulan kerja mengenai insurans deposit anjuran Forum Kestabilan Kewangan dan memperkerusi Dialog Polisi APEC mengenai Insurans Deposit yang pertama. Pada Mei 2002, beliau menerajui penubuhan Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa dan dilantik sebagai Pengerusi Majlis Eksekutif dan Presiden yang pertama, jawatan yang dipegang oleh beliau sehingga akhir tahun 2007. Beliau mula berkhidmat di Canada Deposit Insurance Corporation (CDIC) pada 1976, dan telah memegang pelbagai jawatan di CDIC sebelum dilantik menjadi Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif pada 1990, sehingga persaraan beliau pada 2005. Di bawah pimpinan beliau, PIDM berusaha menjadi penginsurans deposit amalan terbaik. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat bagi Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (*International Centre for Leadership in Finance* – ICLIF). Beliau memegang ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari University of Toronto.

#### **LAI WAI KEEN**

Pengurus Besar, Polisi dan Antarabangsa

Lai Wai Keen ialah Pengurus Besar Bahagian Polisi dan Antarabangsa. Beliau bertanggungjawab ke

atas bidang-bidang polisi utama dan perhubungan antarabangsa PIDM. Beliau merupakan salah seorang ahli Pasukan Petugas Insurans Deposit di Bank Negara Malaysia (BNM) yang ditubuhkan untuk mewujudkan sistem insurans deposit. Pasukan Petugas tersebut bertanggungjawab membentuk polisi yang mengambil kira keperluan khusus sistem kewangan dan pendeposit di Malaysia. Beliau mempunyai pengalaman melebihi 20 tahun dalam bidang pengawalseliaan di BNM, termasuk dalam bidang pengawalan bank, komunikasi, perhubungan antarabangsa dan perundangan. Beliau memegang ijazah dalam bidang pentadbiran perniagaan dari Universiti Malaya dan ijazah undang-undang dari University of London.

#### **LEE YEE MING**

Ketua Pegawai Risiko dan Pengurus Besar, Pengurusan Risiko Organisasi

Lee Yee Ming ialah Ketua Pegawai Risiko dan menerajui Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi. Beliau bertanggungjawab bagi pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM yang meliputi seluruh organisasi dan menyokong Lembaga Pengarah dengan memastikan risiko utama PIDM sentiasa dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan.

Beliau mempunyai pengalaman sembilan tahun dalam bidang perundangan dan perbankan mengenai Pengurusan Risiko Organisasi, Basel II, tadbir urus korporat dan audit dalaman. Beliau memulakan kerjaya di Amerika Syarikat dengan sebuah institusi kewangan di Illinois dan kemudiannya menyertai Ernst & Young pejabat Kuala Lumpur, Malaysia dan Taipei, Taiwan. Berkaitan dengan Pengurusan Risiko Organisasi, beliau telah memberikan khidmat nasihat kepada syarikat awam tersenarai di Malaysia dan sebuah organisasi di Korea mengenai pelaksanaan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi masing-masing. Beliau juga pernah membantu bank-bank di Taiwan sebagai pengurus projek keseluruhan dalam pelaksanaan sistem Basel II dan projek-projek berkenaan dengan pelaksanaan Basel II. Beliau memegang ijazah kepujian dalam pentadbiran perniagaan (*summa cum laude*) dan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam jurusan kewangan

dari Western Michigan University. Beliau juga merupakan Juruaudit Dalaman Bertauliah.

#### **LIM YAM POH**

Kaunsel Am dan Setiausaha Korporat

Lim Yam Poh ialah Kaunsel Am dan Setiausaha Korporat yang bertanggungjawab ke atas semua nasihat guaman di PIDM dan perkhidmatan seperti kontrak, rundingan penyelesaian dan litigasi. Beliau juga memastikan bahawa PIDM mematuhi semua undang-undang berkaitan, termasuk perundangan khusus kepada urus niaga dan hal ehwal PIDM seperti Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005, undang-undang lain yang berkaitan, dan perundangan yang berkaitan dengan fungsi sebagai agensi berkanun dan majikan berperaturan. Beliau juga memainkan peranan sebagai Setiausaha Korporat dan menyediakan semua perkhidmatan guaman yang berkaitan dengan Lembaga Pengarah. Secara khususnya, beliau memberi pandangan dan nasihat kepada Jawatankuasa Tadbir Urus yang dipertanggungjawabkan oleh Lembaga Pengarah PIDM bagi memantau dan menangani hal ehwal berkenaan tadbir urus. Beliau mempunyai pengalaman melebihi tujuh tahun dengan sebuah firma perundangan terkemuka di Kuala Lumpur. Beliau berkhidmat dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dari tahun 1997 hingga 2000 dan Hong Kong Securities and Futures Commission antara 2000 dan 2005. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari University of Birmingham, England dan menjadi ahli Bar of England and Wales dan Majlis Peguam Malaysia.

#### **MD. KHAIRUDDIN HAJI ARSHAD**

Pengurus Besar, Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan

Md. Khairuddin Haji Arshad ialah Pengurus Besar Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan. Beliau bertanggungjawab ke atas analisis dan pemantauan tahap risiko bank-bank serta campur tangan dan resolusi kegagalan bagi institusi anggota yang tidak berdaya maju. Sebelum ini, beliau berkhidmat di BNM lebih daripada 15 tahun di Jabatan Pengawalan Bank dan Jabatan Perbankan Islam dan Takaful. Beliau berpengalaman luas dalam bidang perbankan dan kewangan Islam dan kini merupakan ahli kumpulan kerja Lembaga Piawai Perakaunan Malaysia mengenai transaksi niaga kewangan Islam. Beliau juga

menyediakan bantuan teknikal kepada beberapa negara dalam membentuk industri perbankan Islam mereka serta membentangkan kertas kerja di seminar tempatan dan antarabangsa. Beliau memegang ijazah perakaunan dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

#### **NOORIDA BAHARUDDIN**

Ketua Audit Dalaman dan Pengurus Besar, Audit dan Khidmat Perundingan

Noorida Baharuddin ialah Ketua Juruaudit Dalaman dan mengetuai Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan. Tanggungjawab utama beliau termasuk menyediakan perkhidmatan jaminan dan perundingan yang bebas dan objektif secara berterusan bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan operasi PIDM, kebolehppercayaan dan integriti laporan kewangan PIDM serta memastikan pematuhan PIDM kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan. Beliau berpengalaman melebihi 15 tahun dalam bidang pengauditan, pengurusan risiko dan pembangunan polisi yang diperoleh menerusi kerjaya beliau dengan firma audit luaran, badan-badan pengawal selia dan syarikat awam tersenarai. Pengalaman pengauditan beliau termasuk audit dalaman dan luaran serta pemeriksaan pengawalseliaan. Dalam pemeriksaan pengawalseliaan, beliau telah mengetuai pemeriksaan terhadap institusi dan pengantara pasaran modal yang dilesenkan dan dikawal selia oleh Suruhanjaya Sekuriti, serta institusi-institusi kewangan dan insurans luar pesisir yang dilesenkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (*Labuan Offshore Financial Services Authority* – LOFSA). Dalam pengurusan risiko, beliau terlibat dengan pembangunan dan pelaksanaan pengurusan risiko organisasi bagi LOFSA. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (*Islamic Financial Services Board* – IFSB) di mana beliau membantu dalam pembentukan Prinsip-Prinsip Panduan Pengurusan Risiko bagi Bank-Bank yang Menawarkan Perkhidmatan Kewangan Islam. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dalam jurusan perakaunan dari University of Tasmania, Australia dan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Institut Teknologi Mara (UiTM), Malaysia. Beliau ialah ahli Certified Practising Accountant (Australia) dan merupakan Perancang Kewangan Bertauliah dengan Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (Financial Planning Association of Malaysia – FPAM).



## PENGENALAN

### JAWATANKUASA PENGURUSAN EKSEKUTIF: AHLI DAN PROFIL

#### **S. LOGANATHAN**

Pengurus Besar, Komunikasi dan Hal Ehwal Awam

S. Loganathan ialah Pengurus Besar Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam. Beliau bertanggungjawab ke atas komunikasi dan perhubungan awam serta menguruskan program kesedaran awam PIDM. Beliau mempunyai pengalaman lebih 25 tahun dalam bidang media kewangan dan industri sekuriti. Beliau memulakan kerjaya sebagai wartawan dengan Bernama dan kemudiannya dengan Business Times, di mana beliau mengkhusus dalam berita korporat, pasaran saham dan industri sekuriti. Beliau menyertai Kumpulan Bursa Malaysia (dahulunya dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur) pada 1990 dan memegang pelbagai jawatan termasuk Pengurus Institut Penyelidikan Analisis Pelaburan Malaysia, Naib Presiden Kanan Pembangunan Pasaran dan Pengurus Besar Bursa Opsyen dan Niaga Hadapan Kewangan (*Kuala Lumpur Options and Financial Futures Exchange – KLOFFE*). Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Pengurus Besar Bursa Kewangan Antarabangsa Labuan yang dipegang dari Jun 2001. Beliau kemudiannya meninggalkan kumpulan Bursa Malaysia pada Oktober 2004 untuk menubuhkan WeR-1 Consultants Sdn Bhd, sebuah firma rundingan di Malaysia yang mengkhusus dalam hubungan pelabur dan strategi media yang beribu pejabat di Singapura. Beliau memegang ijazah kepujian dalam pentadbiran perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

#### **SITI ZUBAIDAH HARON**

Pengurus Besar, Sumber Manusia

Siti Zubaidah Haron bertanggungjawab ke atas segala hal ehwal berkaitan sumber manusia di PIDM, khususnya mengenai strategi sumber manusia, pengurusan tenaga kerja dan polisi, prosedur dan fungsi berkaitan sumber manusia, serta memastikan perkembangan modal insan yang mampan. Beliau memulakan kerjaya dalam bidang sumber manusia pada 1990 dan mempunyai pendedahan dan pengalaman dalam menguruskan fungsi sumber manusia dalam industri perkilangan, runcit serta pasar raya besar dan pusat perkhidmatan kumpulan yang menyediakan perkhidmatan di 15 negara di seluruh Eropah, Amerika Syarikat dan Asia Pasifik. Beliau mempunyai

pendedahan menyeluruh dan menguruskan keseluruhan hal ehwal sumber manusia di peringkat atasan dalam pelbagai budaya sejak 1996. Beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Sumber Manusia di Carrefour (Malaysia)/Magnificent Diagraph Sdn Bhd antara 2002 dan 2005, dan juga Naib Presiden – Sumber Manusia, Pembelajaran & Pembangunan dan Komunikasi di HSBC Electronic Data Processing (M) Sdn Bhd (*Group Service Centre, Malaysia*) sehingga beliau menyertai PIDM. Siti memegang ijazah Sarjana Muda Kepujian Pentadbiran Perniagaan dalam jurusan pengurusan sumber manusia dan Diploma dalam Kajian Perniagaan.

#### **WAN AHMAD IKRAM WAN AHMAD LOTFI**

Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurus Besar, Kewangan dan Pentadbiran

Wan Ahmad Ikram Wan Ahmad Lotfi ialah Ketua Pegawai Kewangan yang bertanggungjawab bagi seluruh hal ehwal kewangan dan pentadbiran PIDM. Secara khusus, beliau bertanggungjawab dalam hala tuju, pengurusan dan kawalan fungsi perakaunan dan perbendaharaan serta fungsi-fungsi yang berkaitan dengan sistem pengurusan maklumat dan teknologi, pentadbiran pejabat, polisi dan kawalan dalaman, dan proses perancangan strategik. Sebagai seorang Akauntan Bertauliah (*Chartered Accountant*), beliau ialah ahli Institute of Chartered Accountants in Australia dan Institut Akauntan Malaysia. Beliau memulakan kerjaya dengan Telekom Malaysia Berhad sebelum meneruskan kerjaya perakaunan profesional dengan firma KPMG di Melbourne, Australia. Sekembalinya beliau ke Malaysia, beliau berkhidmat di Tahan Insurance Malaysia Berhad sebagai Ketua Juruaudit Dalaman dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangannya pada Mac 2004. Beliau memegang Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari University of Melbourne, Australia.



## PENGENALAN

### JAWATANKUASA PENGURUSAN

#### **JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI**

Dalam membantu Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi menyediakan penyeliaan bagi pelaksanaan dan penggunaan rangka kerja, polisi dan proses Pengurusan Risiko Organisasi secara konsisten. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi menerajui pengurusan risiko serta memantau pendedahan risiko dan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi PIDM.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi terdiri daripada ahli berikut:

- Ketua Pegawai Eksekutif (Pengerusi);
- Pengurus Besar Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan
- Ketua Pegawai Kewangan
- Kaunsel Am, Bahagian Perundangan
- Ketua Pegawai Risiko
- Pengurus Besar Bahagian Polisi dan Antarabangsa
- Pengurus Besar Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Pengurus Besar Bahagian Sumber Manusia
- Pengurus Kanan, Ekonomi dan Penyelidikan

Pengurus Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi merangkap Sekretariat kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi, manakala Ketua Juruaudit Dalaman menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi sebagai pemerhati.

Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi menyokong Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dalam memudah serta menyelaraskan aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi dan perancangan strategik pada peringkat operasi seluruh PIDM. Ini termasuk mengemas kini penilaian dan penarafan risiko sedia ada, memantau prestasi berbanding pelan mitigasi Bahagian masing-masing dan mengemas kini pelan. Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi diwakili daripada semua Bahagian dalam PIDM.

#### **JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET DAN LIABILITI**

Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti ialah jawatankuasa pengurusan yang ditubuhkan untuk memaklumkan kepada Ketua Pegawai Kewangan mengenai isu-isu berkaitan dengan pengurusan aset dan liabiliti PIDM. Jawatankuasa itu juga memberikan khidmat

nasihat dan maklumat mengenai pembiayaan, kecairan, pelaburan dan pengurusan risiko kewangan kepada Ketua Pegawai Kewangan dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif secara am. Ia juga berfungsi sebagai forum untuk membincangkan implikasi keputusan berhubung pengurusan aset dan liabiliti PIDM.

Jawatankuasa itu dianggotai 10 ahli seperti berikut:

- Ketua Pegawai Kewangan (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Eksekutif (*ex-officio*)
- Pengurus Besar Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan
- Ketua Pegawai Risiko
- Ketua Juruaudit Dalaman
- Pengurus Besar Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Timbalan Pengurus Besar, Campur Tangan
- Timbalan Pengurus Besar, Kewangan dan Pentadbiran
- Pengurus Kanan, Polisi dan Antarabangsa
- Pengurus Kanan, Kewangan dan Pentadbiran, merangkap Setiausaha kepada Jawatankuasa

#### **JAWATANKUASA PENGEMUDI TEKNOLOGI MAKLUMAT**

Fungsi utama Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat adalah untuk mengawas, mengurus dan melaksanakan strategi dan pelan teknologi maklumat (IT). Penyeliaan oleh Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat menyediakan hala tuju dan rujukan dalam menyelaras dan melaksanakan strategi IT bagi menyokong matlamat PIDM. Ia juga menyediakan pandangan dan hala tuju yang berkaitan dengan pengurusan risiko dan peluang yang berkaitan dengan IT daripada sumber atau peristiwa luaran. Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat juga menangani isu-isu urus niaga berkaitan dengan Pelan Strategik IT dan menyemak semula strategi berkaitan belanjawan, keperluan operasi, serta memantau risiko, kualiti dan ketepatan masa projek IT.

Ahli Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat adalah seperti berikut:

- Pengurus Besar Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan (Pengerusi)
- Ketua Pegawai Kewangan
- Ketua Pegawai Risiko
- Pengurus Besar Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam
- Timbalan Pengurus Besar, Teknologi Maklumat
- Timbalan Pengurus Besar, Kewangan dan Pentadbiran
- Kaunsel Kanan Perundangan
- Ketua Juruaudit Dalaman (Pemerhati)

Bahagian 2  
Tadbir Urus Korporat





### PENGENALAN

Satu daripada objektif kami, seperti yang dinyatakan dalam Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM), adalah untuk menggalakkan pengurusan risiko yang mantap dalam sistem kewangan. Kami memenuhi matlamat ini menerusi langkah-langkah, seperti Sistem Premium Berbeza (SPB) yang dilaksanakan pada 2008, yang mana kadar premium yang dikenakan bergantung pada penilaian profil risiko institusi kewangan.

Sebagai pengawal selia, kredibiliti PIDM memerlukan kami menetapkan organisasi kami sebagai contoh kepada yang lain. Sejak penubuhan, kami telah memperuntukkan masa dan tenaga untuk membangunkan infrastruktur pengurusan risiko amalan terbaik bagi tujuan menilai dan memantau risiko dengan berkesan menggunakan pendekatan yang holistik.

Pada 2007, kami melaporkan bahawa Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi kami telah dibangunkan. Sejak itu, kerja telah dijalankan dan laporan ini menyetujui kemajuan kami dalam pengurusan risiko organisasi pada 2008.

### LAPORAN PENGURUSAN RISIKO KAMI BAGI 2008

#### Pencapaian utama

Selaras dengan visi kami untuk menjadi penginsurans deposit amalan terbaik, kami komited kepada pelaksanaan dan penyenggaraan proses dan amalan terbaik pengurusan risiko organisasi. Kami sentiasa menilai prestasi kami terhadap amalan terbaik ini.

Elemen penting bagi mencapai pengurusan risiko yang cekap dan berkesan termasuklah mempunyai polisi dan rangka kerja risiko yang dinyatakan dengan jelas dan menetapkan kecenderungan risiko organisasi. Usaha ini disokong dengan penekanan kepada pemahaman yang tepat, secara keseluruhan dan luas korporat mengenai risiko yang dihadapi, serta dengan memastikan pengurusan risiko dijadikan satu bahagian yang penting dalam pengurusan strategik.

Pada 2008, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi telah menerapkan elemen-elemen ini ke dalam struktur organisasi PIDM. Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi melaksanakan rangka kerja, infrastruktur dan proses pengurusan risiko organisasi dalam PIDM.

Pencapaian utama Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi, khususnya, termasuk:

- (i) Membangunkan dan melaksanakan Penyataan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi. Penyataan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi kami mengesahkan komitmen kami kepada pengurusan risiko organisasi dan tadbir urus korporat yang baik. Penyataan Polisi ini terdapat di bahagian "Tadbir Urus" laman web kami di [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my);
- (ii) Mendokumentasikan rangka kerja dan garis panduan pengurusan risiko organisasi, serta mekanisme pemantauan risiko dan struktur pengawasan PIDM;
- (iii) Melaksanakan kitaran lengkap kedua proses pengurusan risiko organisasi, yang merangkumi pengenalanpastian, penaksiran, penilaian, pengendalian, pemantauan dan penyampaian risiko utama yang memberi kesan kepada PIDM, dan pelan tindakan mitigasi;
- (iv) Kejayaan menyatukan proses pengurusan risiko organisasi dengan proses perancangan korporat; dan
- (v) Penerapan proses pengurusan risiko organisasi ke dalam pendekatan audit dalaman berasaskan risiko PIDM. Penerapan ini membolehkan penyelarasan usaha pelaporan pengurusan, pempiawaan istilah risiko, pemupukan budaya pengurusan risiko dan memperoleh sokongan, semuanya menyumbang kepada tadbir urus korporat dan keberkesanan pengurusan yang lebih baik.

Ketua Pegawai Risiko juga giat menyertai beberapa forum perbincangan dan persidangan luaran untuk berkongsi pengalaman praktikal dalam kejayaan pelaksanaan rangka kerja dan infrastruktur pengawasan pengurusan risiko organisasi.

#### Inisiatif lain

Bagi memantapkan mekanisme pengurusan risiko, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi juga memulakan beberapa projek baru pada 2008,

yang akan diteruskan pada 2009. Ini termasuk:

#### (a) Rangka kerja bagi membangunkan polisi risiko Lembaga Pengarah

Polisi risiko Lembaga Pengarah akan menggariskan jangkaan khusus Lembaga Pengarah terhadap pihak Pengurusan bagi menyokong mereka dalam pengurusan kategori risiko berkenaan.

#### (b) Pembangunan Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi


Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi termasuk menanda aras kriteria penilaian sendiri bagi membolehkan PIDM menilai keberkesanan dan tahap kematangan amalan pengurusan risiko organisasi dalam Perbadanan. Dengan penilaian ini, PIDM berupaya mencatatkan prestasi usahanya untuk menambah baik dan meningkatkan keberkesanan amalan pengurusan risiko organisasi.

#### (c) Pemulaan projek pengurusan kesinambungan urus niaga

Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi, bersama dengan Bahagian Kewangan dan Pentadbiran, memulakan pelaksanaan program pengurusan kesinambungan urus niaga. Fasa pertama, yang dijadualkan untuk disempurnakan pada 2009, merupakan pembangunan pelan kesinambungan urus niaga bagi memastikan kesinambungan urus niaga organisasi sekiranya berlaku bencana.

### STRUKTUR PENGAWASAN PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI

Struktur Pengawasan Pengurusan Risiko Organisasi kami menggariskan secara jelas akauntabiliti dan tanggungjawab bagi proses pengurusan risiko. Ini memastikan aktiviti pengurusan risiko kekal sesuai dan berhemat, dan risiko utama diurus dan dipantau secara berterusan. Pada 2008, PIDM berjaya melaksanakan Struktur Pengawasan Pengurusan Risiko Organisasi. Kedua-dua Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan



Gambarajah 1: Struktur Pengawasan Pengurusan Risiko Organisasi PIDM

Risiko Organisasi mengadakan lima mesyuarat bagi memudahkan pemantauan, pengemaskinian dan perbincangan pelbagai isu berkaitan risiko. Amalan pemantauan bulanan status pelaksanaan pelan mitigasi bagi risiko utama juga dilaksanakan pada 2008.

- Lembaga Pengarah pada asasnya bertanggungjawab bagi pengawasan risiko utama PIDM. Lembaga Pengarah, menerusi Jawatankuasa Audit, memastikan sistem pengurusan risiko yang sesuai dan berhemat untuk menangani risiko utama urusan PIDM, telah dilaksanakan dan disemak secara berterusan.
- Jawatankuasa Audit bertanggungjawab untuk memastikan polisi, prosedur dan amalan yang mantap dilaksanakan untuk menangani risiko utama PIDM. Jawatankuasa akan menyemak bersama-sama dengan Pengurusan dan menasihatkan Lembaga Pengarah mengenai polisi yang dibangun

dan dilaksanakan bagi mengurus pendedahan risiko PIDM.

- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi menerajui dan mengawasi pelaksanaan pengurusan risiko organisasi dalam PIDM. Jawatankuasa ini mengurus dan memantau pendedahan risiko dan aktiviti pengurusan risiko organisasi termasuk pelaksanaan rangka kerja, polisi dan proses pengurusan risiko organisasi di seluruh PIDM.
- Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi menyokong Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dengan memudahkan penyelarasan aktiviti pengurusan risiko organisasi pada peringkat operasi.
- Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan bertanggungjawab bagi menjalankan penilaian



bebas dan mengesahkan keberkesanan dan pematuhan proses pengurusan risiko organisasi, dan menyediakan jaminan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah bahawa PIDM mempunyai proses pengurusan risiko organisasi yang berkesan dan polisi pengurusan risikonya dipatuhi.

- Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi menyediakan khidmat nasihat, memantau dan menyenggara rangka kerja pengurusan risiko organisasi, menggalakkan pengurusan berkesan bagi semua kategori risiko dan memupuk budaya risiko yang efektif di seluruh PIDM.

Dengan krisis kewangan global pada masa ini, pandangan bahawa isu pengurusan risiko tidak diberi pengawasan atau hala tuju yang mencukupi dan peranan Ketua Pegawai Risiko dalam institusi kewangan perlu diberi kuasa yang lebih besar, kini diberi lebih penekanan. Cadangan untuk memantapkan sesetengah amalan ini termasuklah, sebagai contoh, keperluan bagi Lembaga Pengarah mendapat maklumat berkenaan risiko lebih tepat pada masa dan mencukupi. Pada suku tahun terakhir 2008, PIDM mengambil langkah meningkatkan amalan

tadbir urus korporat Perbadanan. Cadangan untuk menyelaraskan struktur pelaporan Ketua Pegawai Risiko dibuat, iaitu Ketua Pegawai Risiko melapor secara fungsian kepada Jawatankuasa Audit dan dari segi pentadbiran, kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Dengan pelaksanaan struktur pelaporan baru pada 2009, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi akan diberi kuasa untuk menjalankan fungsinya dengan lebih bebas dan objektif.

### RISIKO UTAMA YANG MEMBERI KESAN KEPADA PIDM

#### Risiko utama

Pada 2008, kami menyemak risiko utama bagi tahun itu dan menyempurnakan kitaran kedua proses pengurusan risiko organisasi yang melibatkan pengenalpastian, penaksiran, penilaian, pengurusan, pemantauan dan pelaporan risiko.




Gambarajah 2: Proses Pengurusan Risiko Organisasi PIDM

Rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi PIDM dibangunkan sejajar dengan amalan terbaik yang dipatuhi. Rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi merangkumi lima proses utama, iaitu pengenalpastian risiko, penaksiran dan analisis risiko, penilaian dan pengendalian risiko, pemantauan dan kaji semula risiko, serta pelaporan dan penyampaian risiko.



Pendedahan utama PIDM diketengahkan dalam peta risiko di bawah.



Gambarajah 3: Risiko Utama Yang Memberi Kesan Kepada PIDM pada 2008

Risiko yang dikenal pasti dalam setiap kuadran berwarna menunjukkan tahap risiko:

**MERAH** Risiko kebimbangan serius.

**KUNING** Isu yang boleh berkembang menjadi isu besar jika tidak dipantau.

**JINGGA** Peristiwa luar biasa atau kejutan yang berkemungkinan rendah tetapi membawa kesan kritikal kepada misi PIDM jika ia berlaku.

**HIJAU** Risiko yang diurus dengan baik dan prosedur dan kawalan rutin pada ketika ini mencukupi.

Risiko utama yang memberi kesan kepada PIDM, bagi tempoh perancangan tiga tahun Rancangan Korporat kami, disenaraikan di bawah. Inisiatif khusus dan pelan tindakan, yang membentuk sebahagian daripada Rancangan Korporat 2009-2011, juga dibangunkan bagi menangani risiko utama ini, seperti yang diuraikan di bawah.

### 1) Risiko: Tahap kesedaran awam yang rendah mengenai sistem insurans deposit dan salah faham tentang peranan PIDM

Keyakinan awam adalah penting bagi mengekalkan

sistem kewangan yang stabil. Orang awam yang tidak berpengetahuan meningkatkan kemungkinan berlakunya pengeluaran deposit secara besar-besaran daripada bank yang boleh menjejaskan kestabilan kepada sistem kewangan. Meskipun tahap kesedaran tidak memenuhi sasaran tahun 2008 kami iaitu 35%, pemahaman orang awam mengenai sistem insurans deposit telah meningkat dengan ketara. Peningkatan itu merupakan hasil langsung daripada penyelarasan rancangan dan strategi komunikasi kami berdasarkan keputusan kaji selidik kesedaran awam 2007. Bahagian

tumpuan utama dalam hala tuju strategik kami bagi tempoh perancangan 2009-2011 termasuklah meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman awam mengenai sistem insurans deposit.

### 2) Risiko: Terdapatnya kemahiran dan pengalaman tentang insurans deposit

Kakitangan merupakan aset terpenting kami. Keupayaan kami untuk menarik, membangunkan, meningkat dan mengekalkan kumpulan kakitangan yang cekap dan mahir adalah penting bagi memastikan kesediaan operasi. Justeru, bahagian tumpuan utama dalam hala tuju strategik kami bagi tempoh perancangan 2009-2011 ialah pembangunan modal insan. Inisiatif untuk membangunkan dan memantapkan kecekapan tenaga kerja kami termasuklah program latihan dan pembangunan, pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Tenaga Kerja, pembangunan dan pelaksanaan Rangka Kerja Kecekapan, pengenaltastian peluang pembangunan silang-fungsi yang berkaitan, dan pelaksanaan Rangka Kerja Pengurusan Pengetahuan.

### 3) Risiko: Pendedahan maklumat sulit

Kami kini mempunyai lebih akses kepada maklumat terperinci mengenai institusi anggota. Kami juga mempunyai lebih akses kepada maklumat hasil daripada pembangunan dokumen dan sistem utama yang lain. Justeru, adalah penting untuk mempunyai polisi, prosedur dan sistem yang sesuai untuk menyenggara, menyimpan dan melindungi kerahsiaan maklumat. Pada 2008, kami memulakan projek untuk mengklasifikasikan dan melindungi maklumat dan memastikan pengurusan rekod yang sesuai. Pelaksanaan portal enterpris korporat pada 2009 akan menyediakan instrumen tambahan kepada PIDM bagi menyimpan dan melindungi maklumat penting dan rahsia. Perkhidmatan kepakaran luaran akan diperolehi untuk menjalankan pengesahan bebas bagi sistem dan proses yang dilaksanakan.

### 4) Risiko: Pembangunan polisi, sistem, amalan dan proses dalam operasi teras kami dan kesediaan untuk campur tangan dalam institusi yang bermasalah

Kami telah memulakan projek utama dalam bahagian campur tangan dan resolusi kegagalan untuk melaksanakan rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah yang dibangunkan pada 2007. Projek ini akan menghasilkan pembangunan polisi, prosedur, manual dan garis panduan dalam semua aspek campur tangan dan resolusi, dan akan melibatkan simulasi dan pembangunan rancangan komunikasi yang bersepadu bagi interaksi dengan pemegang kepentingan.

### 5) Risiko: Kesenambungan urus niaga

Kami membangun dan melaksanakan pelan dan infrastruktur kesinambungan urus niaga dan pemulihan bencana yang komprehensif, yang akan menyediakan PIDM dengan keupayaan untuk mengambil tindakan dengan efektif sekiranya berlaku peristiwa yang menyebabkan gangguan kepada fungsi-fungsi Perbadanan dan menghalang akses ke pejabatnya.

### 6) Risiko: Persekitaran luaran

Kami menyedari bahawa PIDM beroperasi dalam persekitaran yang semakin mencabar. Oleh itu, kami memantau dengan rapi risiko-risiko luaran ini serta mengkaji kemungkinan kesannya ke atas institusi anggota kami dan institusi kewangan yang menerima manfaat Jaminan Deposit Kerajaan.

**JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN**

Jaminan Deposit Kerajaan sementara diumumkan oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) pada 16 Oktober 2008. Dari perspektif risiko, kami menyedari kesan pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan ke atas profil risiko kami, yang termasuk risiko strategik dan tadbir urus, risiko insurans, risiko reputasi dan risiko operasi. Langkah-langkah sedang diambil untuk memastikan Jaminan Deposit Kerajaan dilaksanakan dengan berkesan dan dipantau dengan menggalakkan perjanjian pentadbiran serta pindaan khusus kepada Akta PIDM. Kami juga membuat persediaan bagi peralihan berikutnya daripada Jaminan Deposit Kerajaan apabila dikehendaki.

**KESIMPULAN**

Meskipun pergolakan kewangan global dan risiko-

risiko yang berbangkit, kami dengan sukacita melaporkan bahawa banyak kemajuan telah dicatat dalam pelaksanaan rangka kerja, garis panduan, polisi dan prosedur pengurusan risiko organisasi bagi memastikan PIDM berada dalam kawalan dan semua risiko utama dapat ditangani dengan berkesan.

Namun begitu, pelaksanaan yang berjaya dan kematangan pengurusan risiko akan memerlukan usaha dan pematuhan berdisiplin yang berterusan oleh semua kakitangan PIDM. Kami akan terus memantapkan infrastruktur dan proses kami dalam tadbir urus serta pengawasan dan pengurusan risiko. Kami juga merancang, sebagai fokus utama pada 2009, untuk terus membina keupayaan pengurusan risiko kami. Kami yakin bahawa langkah ini adalah penting bagi memastikan pembangunan pengurusan risiko dan untuk memastikan pengurusan risiko organisasi menjadi fungsi yang disepadukan dengan baik dalam PIDM.

**PENGENALAN**

Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah (Polisi) kami dibangunkan berdasarkan amalan terbaik yang disyorkan bagi tadbir urus korporat, dan mengambil kira hakikat bahawa Perbadanan merupakan entiti sektor awam. Polisi ini disemak setiap tahun, sejajar dengan perkembangan terkini dalam amalan terbaik tadbir urus korporat. Pada 2008, tiada perubahan dibuat kepada Polisi.

Penyataan ini ialah laporan bagi tugas kerja Lembaga Pengarah pada 2008.

**PENYATAAN KAMI**

Pada 2008, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan pematuhan penuh kepada setiap 15 piawaian ini.

**LEMBAGA PENGARAH****Komposisi, Pelantikan dan Elaun**

Lembaga Pengarah dianggotai oleh tujuh orang Pengarah, dengan bidang kemahiran dan pengalaman berkaitan yang luas. Dua orang Pengarah merupakan Pengarah *ex-officio*, iaitu, Gabenor Bank Negara Malaysia dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Semua Pengarah ialah bukan eksekutif, bagi tujuan mengekalkan kebebasan Lembaga Pengarah, dan Ketua Pegawai Eksekutif bukan ahli Lembaga Pengarah.

Menteri Kewangan melantik Pengarah bukan *ex-officio* berdasarkan syor Lembaga Pengarah. Pada 2008, kesemua lima Pengarah bukan *ex-officio* dengan tempoh pelantikan tiga tahun yang berakhir pada Ogos 2008, telah dilanjutkan pelantikan mereka. Sejalan dengan Polisi Perbadanan berkenaan Tempoh Jawatan, Persaraan dan Penggantian untuk Pengarah, tempoh jawatan bagi Pengarah-pengarah ini kini diatur agar tidak semua Pengarah bersara pada masa yang sama. Ini akan memastikan kesinambungan fungsi Lembaga Pengarah.

Pada 2008, para Pengarah secara kolektif menerima sejumlah RM315,241 sebagai ganjaran bagi pelaksanaan tugas kerja Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah**

Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM) menggariskan tanggungjawab keseluruhan Lembaga Pengarah bagi kendalian urusan dan hal ehwal Perbadanan, dan tanggungjawab Pengarah untuk melaksanakan tugas secara jujur, bebas dan penuh ketelitian. Huraian mengenai jangkaan daripada ahli Lembaga Pengarah dinyatakan dalam huraian jawatan, serta dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah. Akta PIDM, Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dan huraian tugas boleh didapati di laman web PIDM di [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my).

**Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Pada 2008, empat mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan. Rekod kehadiran adalah seperti berikut:

LEMBAGA PENGARAH	KEHADIRAN MESYUARAT LEMBAGA
Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha (Pengerusi, bukan <i>ex-officio</i> )	4 / 4
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz ( <i>ex-officio</i> )	4 / 4
Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah ( <i>ex-officio</i> )	2 / 4
Tan Sri Dato' Seri Haji Muhammad Azmi Kamaruddin (Bukan <i>ex-officio</i> )	3 / 4
Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Mahbob (Bukan <i>ex-officio</i> )	4 / 4
Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias (Bukan <i>ex-officio</i> )	3 / 4
Encik Michael Wong Kuan Lee (Bukan <i>ex-officio</i> )	4 / 4





**TUGAS LEMBAGA PENGARAH**

Bahagian berikutnya menggariskan tugas kerja utama Lembaga Pengarah pada 2008 berbanding piawaian dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.

**Tinjauan Tugas Lembaga Pengarah pada 2007**

Bagi 2007, Lembaga Pengarah melaporkan pematuhan penuh terhadap 10 piawaian dalam Polisi, prestasi ketara berkenaan dengan empat piawaian lain dan satu piawaian yang sedang diusahakan.


**Tinjauan Tugas Lembaga Pengarah pada 2008**

**PADA 2008, LEMBAGA PENGARAH MEMATUHI SEPENUHNYA SEMUA PIAWAIAN DALAM POLISI TADBIR URUS LEMBAGA PENGARAH.**

Jadual berikutnya menggariskan laporan terperinci mengenai tugas kerja Lembaga Pengarah. Seperti yang dicatatkan dalam jadual tersebut, sejak 2007, Lembaga Pengarah pada asasnya telah menyempurnakan tugas berkaitan dengan piawaian berikut:

- Komposisi dan penggantian Lembaga Pengarah (Piawaian No. 4),
- Pelan penggantian bagi pengurusan kanan utama (Piawaian No. 8),
- Risiko utama kepada Perbadanan (Piawaian No. 10),
- Persekitaran kawalan dan audit dalaman (Piawaian No. 11), dan
- Keupayaan pengawalan (Piawaian No. 12).

Berkaitan rancangan penggantian Lembaga Pengarah dan pengurusan, khususnya, ini merupakan satu proses yang berterusan, dan Lembaga Pengarah akan terus melaksanakannya pada tahun-tahun yang akan datang.



Gambarajah 4: Status Pematuhan terhadap Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah pada 2007

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN TUGAS KERJA 2008
<b>Piawaian 1: Kebebasan Lembaga Pengarah</b>	
Ahli Lembaga Pengarah akan melaksanakan penilaian dengan bebas.	Akta PIDM membezakan peranan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif, bagi memastikan kebebasan. Semua Pengarah ialah bukan eksekutif dan hendaklah menggunakan penilaian bebas mereka untuk bertindak demi kepentingan terbaik PIDM.
<b>Piawaian 2: Keberkesanan Lembaga Pengarah dan tanggungjawab tadbir urus</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan memperoleh dan mengekalkan pemahaman mengenai matlamat dan kuasa Perbadanan, serta tanggungjawab tadbir urusnya.</p> <p>Bagi mencapai pemahaman ini, Lembaga Pengarah akan:</p> <p>(i) membangunkan dan mengekalkan pendekatan untuk memenuhi tanggungjawab itu dan akan menilai secara objektif keberkesanannya dalam tindakan demikian dari semasa ke semasa; dan</p> <p>(ii) memastikan Perbadanan mempunyai perancangan bagi penyesuaian Pengarah baru dan pendidikan berterusan yang sesuai kepada tanggungjawab dan keperluan Lembaga Pengarah dari segi tadbir urus.</p>	<p>Lembaga Pengarah:</p> <p>(i) mempunyai proses untuk menilai keberkesanannya, yang dipatuhi setiap tahun dan disemak semula secara berterusan. Sejalan dengan amalan terbaik, keberkesanan Lembaga Pengarah, Jawatankuasanya dan setiap Pengarah dinilai setiap tahun. Diterajui oleh Pengerusi, Lembaga Pengarah mengadakan mesyuarat untuk membincangkan keberkesanan Lembaga Pengarah dan setiap Jawatankuasa pada 2008. Para Pengarah juga menjalankan penilaian sendiri terhadap prestasi individu dengan melengkapkan borang penilaian yang dibangunkan berasaskan tugas dan tanggungjawab mereka. Penilaian keberkesanan Lembaga pada 2008 disempurnakan pada Februari 2009; dan</p> <p>(ii) meneruskan penglibatan dalam sesi pendidikan bagi pembangunan dan pemahaman mengenai organisasi serta persekitaran operasinya. Pada 2008, sesi maklumat merangkumi perbincangan mengenai pelaksanaan Basel II dan pendekatan pengawalseliaan berasaskan risiko oleh BNM. Ahli Lembaga Pengarah juga dimaklumkan secara berterusan mengenai perkembangan terkini sistem insurans deposit dalam bidang kuasa utama dan perkembangan persekitaran global, termasuk krisis subprima.</p>
<b>Piawaian 3: Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa</b>	
Apabila Lembaga Pengarah melantik sebuah jawatankuasa, ia akan menetapkan tanggungjawab dan kuasa Jawatankuasa Lembaga Pengarah, serta keperluan kebertanggungjawaban untuk jawatankuasa ini.	Tanggungjawab, kuasa dan keperluan kebertanggungjawaban Jawatankuasa Lembaga Pengarah diperincikan dalam piagam masing-masing. Piagam itu disemak semula pada 2008 bagi memastikan ia kekal relevan.

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN TUGAS KERJA 2008
<b>Piawaian 4: Komposisi dan penggantian Lembaga Pengarah</b>	
<p>Perlembagaan Lembaga Pengarah hendaklah mengekalkan kebebasan, dan harus terdapat gabungan kemahiran dan keupayaan yang sesuai, dengan mengambil kira objektif dan hala tuju strategik Perbadanan.</p> <p>Bagi mencapainya, Lembaga Pengarah akan, secara rundingan dengan Ketua Pegawai Eksekutif:</p> <p>(i) membangunkan profil kemahiran dan keupayaan yang diinginkan bagi membolehkan Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab mereka dengan baik dan memaklumkan kepada Menteri Kewangan mengenai gabungan yang diperlukan bagi memenuhi kekosongan Lembaga Pengarah bukan <i>ex-officio</i>; dan</p> <p>(ii) mempunyai pelan penggantian ahli Lembaga Pengarah untuk disyorkan kepada Menteri Kewangan bagi memastikan penggantian Pengarah secara teratur.</p>	<p>Pada 2007, Lembaga Pengarah membangunkan pelan penggantian Lembaga Pengarah yang merangkumi Polisi bagi Tempoh Jawatan, Persaraan dan Penggantian dan proses membangunkan profil Lembaga Pengarah dan profil ahli individu. Pelan ini dimaklumkan kepada Menteri Kewangan sebagai sebahagian daripada syor Lembaga Pengarah bagi pelantikan Pengarah.</p> <p>Pada 2008, Lembaga Pengarah juga menjalankan analisis tahunan keperluan kemahiran, dengan mengambil kira mandat berkanun, objektif, hala tuju strategik dan keperluan PIDM. Berdasarkan analisis itu, terdapat gabungan kemahiran dan keupayaan yang sesuai dalam Lembaga Pengarah pada masa ini.</p> <p>Memandangkan kekosongan jawatan Pengarah pada 2009, Lembaga Pengarah mematuhi proses ini untuk mengemas kini profil Lembaga Pengarah secara kolektif, dan profil ahli individu berkaitan. Dalam membangunkan profil-profil ini, Lembaga Pengarah:</p> <p>(i) mempertimbangkan tahap pembangunan Perbadanan, keperluan dan aspirasi semasa, sejajar dengan matlamat berkanunnya; dan</p> <p>(ii) menilai kekuatan semasa, kemahiran dan pengalaman dalam Lembaga Pengarah, menerusi analisis keperluan kemahiran.</p> <p>Susulan pelaksanaan usaha ini, senarai calon berpotensi yang sesuai mengikut profil-profil ini telah dikenal pasti, dan senarai tersebut akan disenggara dan dikemas kini dari semasa ke semasa, bagi tujuan mengesyorkan pelantikan mana-mana Pengarah sekiranya perlu.</p> <p>Pada Februari 2008, Lembaga Pengarah memaklumkan kepada Menteri Kewangan mengenai gabungan kemahiran dan pengalaman dalam Lembaga Pengarah yang diperlukan. Lembaga Pengarah juga mengesyorkan kepada Menteri berkenaan pelantikan Pengarah baru untuk memenuhi kekosongan jawatan pada Januari 2009.</p>
<b>Piawaian 5: Peranan dan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif</b>	
<p>Tanggungjawab dan kebertanggungjawaban Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif harus dibezakan dan didokumentasikan dengan jelas.</p> <p>Sehubungan ini, Lembaga Pengarah akan:</p> <p>(i) membangunkan huraian tugas bagi Ketua Pegawai Eksekutif;</p> <p>(ii) membangunkan set objektif korporat sekurang-kurangnya sekali setahun yang merupakan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif untuk mencapainya dan menilai prestasi Ketua Pegawai Eksekutif berbanding objektif tersebut; dan</p> <p>(iii) memantapkan hubungan akauntabiliti Ketua Pegawai Eksekutif kepada Lembaga Pengarah.</p>	<p>Ini telah dibezakan dan didokumentasikan untuk memberi kejelasan huraian tugas bagi kedua-dua peranan.</p> <p>Sehubungan ini:</p> <p>(i) huraian tugas bagi Ketua Pegawai Eksekutif disemak semula pada 2008;</p> <p>(ii) petunjuk prestasi utama (PPU) bagi Ketua Pegawai Eksekutif ditentukan berdasarkan objektif korporat PIDM dan kemudiannya diluluskan oleh Lembaga Pengarah berdasarkan cadangan Jawatankuasa Ganjaran. Prestasi beliau juga dipantau mengikut PPU dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Ganjaran dan Lembaga Pengarah pada akhir tahun; dan</p> <p>(iii) di bawah Akta PIDM, Ketua Pegawai Eksekutif bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah bagi pelaksanaan kuasa dan tugasnya.</p>

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN TUGAS KERJA 2008
<b>Piawaian 6: Pelantikan pegawai korporat kanan</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan melantik pegawai korporat kanan Perbadanan (selain Ketua Pegawai Eksekutif) dan menentukan tempoh jawatan dan imbuhan yang diterima.</p>	<p>Lembaga Pengarah melantik dua pegawai korporat kanan pada 2006 dan seorang lagi pada 2007.</p>
<b>Piawaian 7: Imbuhan pegawai</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan memastikan, secara berterusan, bahawa imbuhan yang diterima oleh pegawai dan kakitangan Perbadanan adalah konsisten dengan pencapaian matlamat Perbadanan secara mampan, pengurusan urusan dan risiko yang dihadapinya secara berhemat dan kepatuhan kepada polisi dan prosedurnya.</p> <p>Lembaga Pengarah akan mengkaji semula program imbuhan bagi semua Pengarah, dan mengesyorkan program imbuhan yang sesuai kepada Menteri Kewangan.</p>	<p>Polisi imbuhan dan manfaat kakitangan serta polisi pengurusan prestasi diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Polisi-polisi ini sejajar dengan model urus niaga kami, yang memerlukan pasukan kerja khusus yang berupaya untuk terus mencapai mandat kami. Lembaga Pengarah juga menyemak semula program imbuhan bagi semua Pengarah.</p>
<b>Piawaian 8: Perancangan penggantian</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan merancang penggantian Ketua Pegawai Eksekutif dan menyemak semula pelan penggantian bagi jawatan pengurusan kanan utama.</p>	<p>Lembaga Pengarah menyelia pelan penggantian bagi jawatan pengurusan kanan utama pada 2008, dan telah mempertimbangkan pelan bagi penggantian Ketua Pegawai Eksekutif pada Februari 2009. Oleh sebab proses perancangan penggantian merupakan program berterusan yang menghendaki pembangunan calon yang berkebolehan tinggi, Lembaga Pengarah akan terus menyelia pelaksanaan pelan seumpama ini.</p>
<b>Piawaian 9: Piawaian tingkah laku dan etika</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan memantapkan piawaian tingkah laku dan etika bagi Pengarah, pegawai Perbadanan dan kakitangan lain, dan memperolehi secara tetap jaminan sewajarnya bahawa Perbadanan mempunyai proses yang berterusan, sesuai dan efektif bagi memastikan pematuhan kepada piawaian tersebut.</p>	<p>Lembaga Pengarah memantapkan piawaian tingkah laku dan etika Pengarah dan kakitangan menerusi Kod Tatalaku Urus Niaga dan Etika serta Kod Konfik Kepentingan. Pihak Pengurusan melaporkan pematuhan kepada Kod-kod ini kepada Lembaga Pengarah setiap tahun. Semua kakitangan menjalani latihan mengenai Kod-kod ini dan diingatkan untuk mengamalkan nilai-nilai korporat PIDM. Terdapat mekanisme "pemberitahuan maklumat" (<i>whistleblowing</i>) di bawah Polisi bagi Pendedahan Maklumat Berkaitan Salah Laku Di Tempat Kerja. Program pematuhan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah boleh didapati di laman web PIDM di <a href="http://www.pidm.gov.my">www.pidm.gov.my</a> dalam bahagian "Tadbir Urus".</p>

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN TUGAS KERJA 2008
<b>Piawaian 10: Risiko utama kepada Perbadanan</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan:</p> <p>(i) memperoleh pemahaman risiko utama urus niaga PIDM;</p> <p>(ii) memastikan sistem pengurusan risiko yang wajar dan berhemat bagi menangani risiko ini telah dilaksanakan dan disemak semula secara berterusan; dan</p> <p>(iii) memperoleh jaminan sewajarnya, secara berterusan, bahawa sistem ini dipatuhi dan risiko yang menjejaskan PIDM terus ditangani dengan berkesan.</p>	<p>(i) Lembaga Pengarah memperoleh pemahaman mengenai risiko utama Perbadanan menerusi penerimaan dan penyemakan laporan secara tetap mengenai kekukuhan institusi anggota. Lembaga Pengarah juga menerima dan menyemak laporan daripada pihak Pengurusan mengenai risiko kepada urus niaga dan hal ehwalnya secara berterusan, bagi meningkatkan pemahaman mengenai ciri-ciri dan kepentingan risiko utama kepada PIDM.</p> <p>(ii) Pada 2008, Lembaga Pengarah memastikan sistem pengurusan risiko yang sesuai dan berhemat dilaksanakan. Lembaga Pengarah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• mengguna pakai Penyataan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi, untuk menunjukkan komitmen PIDM kepada pengurusan risiko organisasi;</li> <li>• meluluskan program pengurusan risiko organisasi bagi memastikan penggunaan amalan pengurusan risiko yang konsisten di seluruh PIDM. Program ini merangkumi rangka kerja dan garis panduan yang mendokumenkan pendekatan pengurusan risiko organisasi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, garis panduan yang luas, had dan kriteria yang digunakan dalam proses pengurusan risiko organisasi;</li> <li>• memantau pelaksanaan kitaran lengkap proses pengurusan risiko organisasi oleh pihak Pengurusan, dan menerima laporan risiko secara tetap yang mengenal pasti polisi, kawalan dan pelan mitigasi bagi menangani risiko yang dikenal pasti;</li> <li>• meluluskan Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan Pengurusan Risiko Organisasi, dengan tujuan mewujudkan rangka kerja yang dapat menilai keberkesanan pengurusan risiko organisasi di PIDM;</li> <li>• mempertimbangkan dan memberi persetujuan berkenaan profil risiko utama Perbadanan dalam laporan risiko tahunan; dan</li> <li>• mempertimbangkan dan memberi persetujuan berkenaan polisi risiko Lembaga Pengarah yang akan dibangunkan.</li> </ul> <p>Selain itu, berkuat kuasa dari 2009, Ketua Pegawai Risiko akan melapor secara fungsian kepada Jawatankuasa Audit, bagi memastikan kebebasan daripada pihak Pengurusan.</p> <p>(iii) Lembaga Pengarah juga menerima laporan secara tetap daripada Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan mengenai pematuhan terhadap kawalan dalaman dan bahagian-bahagian audit tertentu. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan juga mengesahkan laporan pengurusan risiko organisasi, menerusi auditnya bagi pematuhan terhadap kawalan dalaman. Ini membolehkan Lembaga Pengarah mempunyai jaminan wajar bahawa polisi pengurusan risiko dipatuhi. Berkuat kuasa dari 2009, Ketua Pegawai Risiko akan menyediakan representasi kepada Lembaga Pengarah berkaitan kebertanggungjawaban beliau untuk pengurusan risiko organisasi setiap tahun. Sewajarnya, Lembaga Pengarah mempunyai suatu tahap jaminan bahawa sistem masing-masing dilaksana dan dipatuhi.</p>

HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN TUGAS KERJA 2008
<b>Piawaian 11: Persekitaran kawalan dan audit dalaman</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan memastikan Perbadanan mempunyai persekitaran kawalan yang menyokong pengurusan berhemat ke atas operasinya dan risiko yang ia terdedah kepada (termasuk risiko kepada pencapaian matlamatnya) dan mempunyai dasar serta amalan efektif bagi memastikan integriti kawalan dalaman dan sistem pengurusan maklumat.</p> <p>Sehubungan ini, Lembaga Pengarah akan:</p> <p>(i) memperuntuk sumber bagi, dan menubuhkan kumpulan audit dalaman, menetapkan mandatnya;</p> <p>(ii) meluluskan pelan auditnya setiap tahun; dan</p> <p>(iii) memperoleh daripada kumpulan audit dalaman secara berterusan, jaminan wajar berkaitan pemantauan dan pematuhan kawalan dalaman, integriti sistem, serta tindakan sesuai diambil bagi menangani sebarang kelemahan atau kegagalan yang dikenal pasti.</p>	<p>Lembaga Pengarah menerima tanggungjawab keseluruhan bagi sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko Perbadanan dan mendapatkan jaminan daripada pihak Pengurusan dan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan berhubung perkara ini. Sehubungan ini:</p> <p>(i) Lembaga Pengarah memantapkan fungsi audit dalaman, meluluskan mandatnya, dan menyediakan sumber bagi memastikan ia memenuhi tanggungjawabnya.</p> <p>(ii) Lembaga Pengarah juga memantapkan proses bagi meluluskan pelan audit tiga tahun setiap tahun. Pada 2008, Lembaga Pengarah telah meluluskan pelan bagi 2009 hingga 2011. Pelaksanaan dan prestasi terhadap pelan audit tersebut dilapor dan disemak dua kali setahun.</p> <p>(iii) Rangka kerja kawalan dalaman PIDM disempurnakan pada Februari 2007. Pada Februari 2009, Lembaga Pengarah akan mempertimbangkan laporan audit dalaman bagi penilaian pematuhan pihak Pengurusan dengan kawalan dalaman menggunakan kriteria yang telah dipersetujui. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan memberi jaminan wajar bagi pematuhan kawalan dalaman dan integriti sistem kawalan dalaman. (Sila rujuk Penyataan Kawalan Dalaman, di muka surat 59).</p>
<b>Piawaian 12: Mampu mengawal</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan mendapatkan, secara tetap, jaminan sewajarnya bahawa Perbadanan berada dalam keadaan "terkawal".</p> <p>(Nota: Konsep "terkawal" merujuk kepada keadaan operasi Perbadanan tertakluk kepada tadbir urus efektif oleh Lembaga Pengarah dan diuruskan mengikut proses pengurusan strategik dan risiko yang berterusan dalam persekitaran kawalan yang sesuai dan yang mana kelemahan ketara berkenaan dengan hal-hal tersebut akan dikenal pasti, ditangani dan diusulkan untuk perhatian Lembaga Pengarah).</p>	<p>Rangka kerja kawalan dalaman dan rangka kerja pengurusan risiko organisasi disempurnakan pada 2007. Pada 2008, Lembaga Pengarah memperoleh, sejajar dengan kriteria yang digariskan dalam rangka kerja masing-masing, jaminan sewajarnya bahawa urus niaga dan hal ehwal Perbadanan diurus dengan efektif mengikut proses pengurusan risiko yang dimantapkan dalam persekitaran kawalan yang sesuai. Sila rujuk Penyataan Kawalan Dalaman di muka surat 59.</p>



HURAIAN PIAWAIAN	LAPORAN TUGAS KERJA 2008
<b>Piawaian 13: Proses pengurusan strategik</b>	
<p>Lembaga Pengarah bertanggungjawab menyemak dan mengawasi pembangunan dan meluluskan pelan dan hala tuju strategik bagi Perbadanan, dengan mengambil kira peluang dan risiko yang dihadapi oleh Perbadanan.</p> <p>Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Lembaga Pengarah akan:</p> <p>(i) menilai secara tetap matlamat Perbadanan bagi memastikan ia terus relevan dan, jika dipertimbangkan sesuai, mencadangkan pindaan bagi pertimbangan Menteri Kewangan;</p> <p>(ii) guna pakai proses perancangan strategik;</p> <p>(iii) sekurang-kurangnya sekali setahun, meluluskan objektif dan strategi operasi, bajet operasi, bajet modal, pelan pinjaman, rancangan korporat dan kadar premium yang sesuai dan berhemat dengan mengambil kira matlamat, persekitaran semasa dan dijangka, risiko, sumber dan kedudukan kewangan Perbadanan;</p> <p>(iv) menilai secara tetap prestasi Perbadanan dalam melaksanakan pelan dan bajet yang diluluskan; dan</p> <p>(v) mendapatkan secara tetap jaminan sewajarnya bahawa Perbadanan mempunyai proses pengurusan strategik yang efektif.</p>	<p>Ahli Lembaga Pengarah menghadiri sesi perancangan strategik tahunan pada September 2008, untuk menyemak semula dan mengawasi pembangunan pelan dan hala tuju strategik. Analisis "risiko dan peluang" juga dijalankan.</p> <p>Penilaian matlamat PIDM dijalankan oleh Lembaga Pengarah menerusi Jawatankuasa Tadbir Urus. Lembaga Pengarah berpendapat tidak perlu sebarang perubahan kepada matlamat.</p> <p>Proses perancangan strategik telah diguna pakai oleh PIDM sejak ia ditubuhkan.</p> <p>Setiap tahun, Lembaga Pengarah meluluskan Rancangan Korporat bagi tempoh tiga tahun sejajar dengan piawaian ini, dan Rancangan Korporat ini diterbitkan.</p> <p>Laporan tetap mengenai prestasi Rancangan Korporat diedarkan kepada ahli Lembaga Pengarah, dan ini dipertimbangkan secara terperinci oleh Jawatankuasa Audit.</p> <p>Bahagian Audit dan Khidmat Perundangan memberikan jaminan ini secara berterusan.</p>
<b>Piawaian 14: Komunikasi efektif</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan memastikan Perbadanan berkomunikasi secara efektif dengan orang awam, BNM, badan berkanun atau pengawal selia yang lain, pendeposit, institusi anggota dan pihak berkaitan lain.</p>	<p>Lembaga Pengarah terus berinteraksi dengan pelbagai pemegang kepentingan menerusi beberapa cara. Bersempena dengan pengeluaran laporan tahunan kami, sesi dialog tahunan diadakan dengan kehadiran Lembaga Pengarah. Sebilangan besar Pengarah turut hadir di Kota Kinabalu semasa program Capaian Korporat yang diadakan pada Jun 2008.</p> <p>Lembaga Pengarah juga terus memantau usaha komunikasi oleh Pengurusan.</p>
<b>Piawaian 15: Kajian semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah</b>	
<p>Lembaga Pengarah akan menyemak semula Polisi Tadbir Urusnya setiap tahun bagi memastikan ia terus responsif kepada keadaan dan keperluan Perbadanan dan ia terus mengikut perundangan yang melibatkan pematuhan oleh Perbadanan, mandat Perbadanan, garis panduan bagi urusan tadbir urus khusus kepada badan berkanun dan amalan terbaik yang diiktiraf.</p>	<p>Dalam semakan semula Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah pada Mei 2008, Lembaga Pengarah mendapati bahawa polisi ini masih relevan kepada keperluan dan keadaan PIDM. Lembaga Pengarah juga mengakui prestasi menggalakkan telah dicapai berdasarkan senarai semakan Persekutuan Akauntan Antarabangsa (<i>Federation of Accountants</i>) dalam laporan "<i>Governance in the Public Sector – A Governing Body's Perspective</i>" (Ogos 2001).</p>

**JAWATANKUASA**

Lembaga menubuhkan tiga Jawatankuasa Lembaga Pengarah, iaitu: Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Ganjaran dan Jawatankuasa Tadbir Urus.

**JAWATANKUASA AUDIT****Ahli Jawatankuasa dan Kehadiran di Mesyuarat**

Jawatankuasa Audit mengadakan lima mesyuarat tetap Jawatankuasa Audit dan dua mesyuarat khas Jawatankuasa Audit pada 2008. Rekod kehadiran ahli Jawatankuasa Audit di mesyuarat adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA AUDIT	KEHADIRAN MESYUARAT
Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias (Pengerusi)	7 / 7
Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Mahbob	4 / 7
Encik Michael Wong Kuan Lee	7 / 7

**Piagam Jawatankuasa Audit**

Piagam Jawatankuasa Audit digariskan dalam Lampiran. Piagam Jawatankuasa Audit menghendaki mesyuarat diadakan sekurang-kurangnya empat kali setahun dan Jawatankuasa perlu memastikan penyata kewangan mengikut prinsip perakaunan yang diluluskan dan memberi gambaran tepat mengenai hal ehwal kewangan PIDM dalam cara paling komprehensif yang mungkin. Ia juga perlu memastikan bahawa juruaudit dalaman dan luaran tidak mempunyai sebab untuk meragui sebarang aspek akaun atau kawalan dan prosedur audit PIDM. Ia memaklumkan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelaporan kewangan lain, perakaunan dan isu-isu kawalan dalaman serta pengurusan kewangan, dan membantu dalam proses pengurusan strategik. Jawatankuasa Audit juga memainkan peranan dalam fungsi pengawasan risiko utama, dan peranannya berhubung perkara ini didokumentasikan dengan baik.

**Ringkasan Aktiviti 2008**

Berikut ialah laporan ringkasan tugas kerja Jawatankuasa Audit pada 2008:

**(a) Pergantungan pada audit dalaman**

Pada 2008, Jawatankuasa Audit mempertimbangkan enam laporan audit dalaman yang dikeluarkan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundangan, termasuk audit bagi perjanjian Perbadanan; pewujudan pangkalan penyedia perkhidmatan; pelaporan kewangan Perbadanan bagi tahun yang berakhir pada 31 Disember 2007; pembelajaran dan pembangunan; strategi, sistem, polisi, prosedur dan proses pusat data; dan aset Perbadanan. Jawatankuasa Audit juga mempertimbangkan laporan tetap oleh juruaudit dalaman berkenaan prestasi yang dicapai oleh pihak Pengurusan berbanding pelan susulan laporan audit; dan audit juruaudit luaran bagi penyata kewangan 2007. Laporan audit juruaudit luaran bagi penyata kewangan 2008 akan dipertimbangkan pada Februari 2009.

**(b) Maklumat**

Jawatankuasa Audit mempertimbangkan semua perkara yang diketengahkan untuk perhatiannya pada 2008, dan mempunyai akses terus kepada juruaudit luaran dan pihak Pengurusan Perbadanan serta kaunsel bebas luaran. Pada 2008, ia mengadakan dua sesi perbincangan *in camera* dengan juruaudit luaran dan satu sesi perbincangan *in camera* dengan Ketua Pegawai Eksekutif sebagai sebahagian daripada amalan tadbir urus yang baik. Tujuan sesi perbincangan *in camera* adalah untuk menyediakan peluang kepada juruaudit luaran membincangkan sebarang perkara membimbangkan yang perlu diberi perhatian. Jawatankuasa Audit berpuas hati bahawa tiada sebarang perkara sedemikian.

**(c) Pelaporan kewangan**

Jawatankuasa Audit mendapatkan pemahaman tentang laporan kewangan dan memantau ketepatan, keandalan serta kejelasan maklumat kewangan. Ia juga mempertimbangkan laporan tahunan dan bajet secara terperinci, dan memastikan laporan kewangan dalam laporan tahunan disediakan dengan sewajarnya kepada pemegang kepentingan Perbadanan seperti yang dikehendaki undang-undang.



### (d) Proses pelaporan kewangan, polisi perakaunan dan struktur kawalan dalaman

Jawatankuasa Audit mempertimbangkan polisi perakaunan dan mendapati tiada sebarang perubahan ketara dalam polisi perakaunan bagi 2008. Ia menyemak dan memaklumkan kepada Lembaga Pengarah mengenai penyata kewangan tahunan, perbincangan pengurusan dan analisis, dengan mengambil kira laporan audit luaran dan semakan integriti proses pelaporan kewangan dan laporan kawalan dalaman serta penyataan pihak Pengurusan. Jawatankuasa Audit juga menyemak pelan audit dalaman dan mencadangkannya untuk kelulusan Lembaga Pengarah, dan mendapati bahawa pihak Pengurusan mempunyai proses untuk melapor kepada Jawatankuasa Audit mengenai perancangan kewangan dan untuk memantau keputusan sebenar berbanding yang diunjurkan. Berhubung kawalan perakaunan dalaman, Jawatankuasa Audit memperoleh pengesahan bertulis daripada Ketua Juruaudit Dalaman yang menumpukan kepada sistem kawalan dalaman organisasi.

### (e) Pengawasan pengurusan kewangan

Pada 2008, Jawatankuasa Audit memenuhi tanggungjawabnya berhubung pengawasan pengurusan kewangan, iaitu, berkaitan bajet tahunan, pelaburan dan pengawasan perbelanjaan pegawai korporat. Jawatankuasa Audit menerima laporan tetap berkenaan prestasi Rancangan Korporat. Secara khususnya, Jawatankuasa Audit mempertimbangkan Rancangan Korporat 2009-2011 yang termasuk bajet operasi dan pelan modal tahunan, dan memaklumkan perkara ini kepada Lembaga Pengarah.

### (f) Fungsi audit dalaman

Jawatankuasa Audit menyemak semula Piagam Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan pada 2008. Ia juga menyemak semula pelan audit fungsi dalaman, bajet dan mempertimbangkan sumber yang diperlukan dan membuat pengesyoran kepada Lembaga Pengarah, serta memantau prestasi fungsi audit dalaman berbanding pelan auditnya dua kali setahun, dan memastikan kebebasan fungsi audit dalaman.

### (g) Pengurusan risiko

Berkaitan pengurusan risiko, Jawatankuasa Audit menyediakan nasihat dan sokongan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara yang dilaporkan di bawah Piawaian No. 10 hingga 12 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah. Jawatankuasa Audit juga mempertimbangkan dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah berkenaan penyelarasan dalam struktur pelaporan Ketua Pegawai Risiko dan Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi, agar Ketua Pegawai Risiko akan melapor terus secara fungsian kepada Jawatankuasa Audit dan dari segi pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif.

### (h) Pematuhan Etika dan Perundangan

Pada 2008, Jawatankuasa Audit menyemak semula Kod Konflik Kepentingan dan bersetuju mencadangkan perubahan tertentu, bagi meningkatkan kesesuaian dan kejelasan pentadbiran, untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Sejajar dengan amalan biasanya, Jawatankuasa Audit juga menyemak laporan akhir tahun bagi pematuhan terhadap Kod Konflik Kepentingan dan Kod Tatalaku Urus Niaga dan Etika bagi Pengarah dan Kakitangan, serta pematuhan terhadap undang-undang yang terpakai kepada PIDM. Pada Januari 2009, Jawatankuasa Audit juga menyemak semula program pematuhan PIDM. Semakan ini boleh didapati di laman web PIDM di [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my).

### (i) Semakan Piagam

Semakan tahunan Piagam Jawatankuasa Audit telah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Audit pada 2008, dan pindaan tertentu kepada Piagam untuk mencerminkan amalan pengurusan risiko organisasi dicadangkan bagi kelulusan Lembaga Pengarah pada Februari 2009.

Laporan penuh tugas kerja Jawatankuasa Audit boleh didapati di laman web PIDM, dalam bahagian "Tadbir Urus".

## JAWATANKUASA GANJARAN

### Ahli Jawatankuasa dan Kehadiran di Mesyuarat

Ahli Jawatankuasa Ganjaran, dan bilangan mesyuarat yang dihadiri oleh setiap ahli pada 2008 adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA GANJARAN	KEHADIRAN MESYUARAT
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz (Pengerusi)	3 / 3
Tan Sri Dato' Seri Haji Muhammad Azmi Kamaruddin	3 / 3
Encik Michael Wong Kuan Lee	3 / 3

### Piagam Jawatankuasa Ganjaran

Piagam Jawatankuasa Ganjaran dinyatakan dalam Lampiran. Piagam Jawatankuasa Ganjaran menghendaki Jawatankuasa bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun dan Jawatankuasa perlu menyemak dan membuat pengesyoran kepada Lembaga Pengarah bagi pelbagai isu sumber manusia, seperti imbuhan, pematuhan kepada keperluan perundangan berkaitan sumber manusia, polisi kakitangan, latihan, perancangan penggantian, aduan dan perkara-perkara berkaitan sumber manusia yang lain.

### Ringkasan Aktiviti 2008

Beberapa perkara utama yang dilaksanakan atau disemak oleh Jawatankuasa Ganjaran pada 2008 dinyatakan di bawah. Jawatankuasa:

- menyemak rangka kerja pengurusan tenaga kerja yang menyediakan kaedah bersistematik bagi pembangunan, penugasan dan pengekalan tenaga kerja, dan membuat cadangan bagi kelulusan Lembaga Pengarah;
- memantau penyempurnaan projek kecekapan yang termasuk pembangunan model kecekapan PIDM. Model tersebut mentakrif elemen kecekapan tingkah laku teras dan fungsi, yang membolehkan reka bentuk "profil kecekapan" bagi setiap kakitangan dan

menyepadukan model tersebut menjadi proses utama. Ini dicadangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah;

- mengambil kira laporan pematuhan terhadap polisi berkaitan sumber manusia utama dan keperluan perundangan, serta Kod Konflik Kepentingan dan Kod Tatalaku Urus Niaga dan Etika bagi Pengarah dan Kakitangan;
- menilai prestasi Ketua Pegawai Eksekutif pada 2008 berbanding objektif dan PPU yang diluluskan dan mengesyorkan cadangan yang sesuai. Jawatankuasa juga mempertimbangkan penyata objektif dan PPU 2009 bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah;
- mempertimbangkan kaji selidik perbandingan pasaran untuk menanda aras pakej ganjaran kakitangan terkini berbanding tawaran yang terdapat di pasaran; dan
- mempertimbangkan pelan pengurusan penggantian bagi memastikan pemimpin berpotensi terkini digalakkan untuk terus kekal dalam organisasi dan mengembangkan kerjaya mereka dengan tujuan memastikan kesediaan bagi memegang jawatan kritikal pada masa depan.

## JAWATANKUASA TADBIR URUS

### Ahli Jawatankuasa dan Kehadiran di Mesyuarat

Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus, dan bilangan mesyuarat yang dihadiri oleh setiap ahli pada 2008 adalah seperti berikut:

JAWATANKUASA TADBIR URUS	KEHADIRAN MESYUARAT
Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha (Pengerusi)	3 / 3
Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz	3 / 3
Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah	2 / 3



### Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus

Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus digariskan dalam Lampiran. Piagam Jawatankuasa Tadbir Urus menghendaki Jawatankuasa bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Tanggungjawab utamanya termasuk memastikan struktur dan proses yang sesuai disediakan untuk menyediakan pengawasan dan hala tuju yang efektif bagi aktiviti PIDM. Ia juga memastikan pembentukan polisi tadbir urus amalan terbaik dan piawaian tadbir urus yang tinggi, menyemak keseimbangan gabungan kemahiran yang sesuai, pengalaman dan pengetahuan Lembaga Pengarah dan mengenal pasti jurang kekurangan kemahiran, serta mengesyorkan pelantikan jawatan bukan *ex-officio* kepada Lembaga Pengarah pada masa depan.

### Ringkasan Aktiviti 2008

Jawatankuasa Tadbir Urus menyokong tugas Lembaga Pengarah dalam tadbir urus, seperti yang diketengahkan dalam laporan di atas. Selain tugas itu, berikut adalah antara sorotan utama tugas Jawatankuasa Tadbir Urus yang dilaksanakan pada 2008:

(a) pembangunan pelan pendidikan tahunan Lembaga Pengarah;

(b) pelaksanaan objektif Lembaga Pengarah bagi tahun 2008;

(c) pembangunan profil Lembaga Pengarah, secara kolektif dan individu, dan semakan keanggotaan terkini bagi ketiga-tiga Jawatankuasa Lembaga Pengarah;

(d) semakan mandat PIDM seperti yang digariskan dalam Akta PIDM;

(e) semakan pendekatan Perbadanan kepada tadbir urus serta polisi berkaitan tadbir urus, termasuk Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, Undang-Undang Kecil Korporat, huraian jawatan Ketua Pegawai Eksekutif, Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Pengarah; dan

(f) pertimbangan penilaian keberkesanan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa sejajar dengan proses yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

### MAKLUMAT LAIN

#### Komunikasi Pemegang Kepentingan

Kami mengekalkan laman web yang mesra pengguna

bagi menggalakkan akses maklumat berkaitan urus niaga dan hal ehwal PIDM. Dari segi amalan ketelusan, kami menyediakan maklumat mengenai polisi, amalan dan prosedur utama berkenaan bahagian seperti tadbir urus, etika dan pemerolehan kepada orang awam dalam laman web kami.

Strategi komunikasi kami juga melibatkan penyebaran bahan maklumat PIDM kepada orang awam. Ini termasuk rancangan korporat, laporan tahunan dalam empat bahasa utama dan risalah maklumat dalam enam bahasa.

Satu dialog tahunan diadakan bersama-sama dengan institusi anggota, dan setiap tahun, PIDM menganjurkan program Capaian Korporat di luar Lembah Klang.

### KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

#### Pelaporan kewangan

Kami mengguna pakai Piawaian Perakaunan bagi Entiti Selain Entiti Swasta yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia. Kami mentadbir dua sistem insurans deposit yang berbeza dan berasingan, satu untuk bank-bank konvensional dan satu lagi untuk bank-bank Islam. Kami menyediakan penjelasan dan laporan dana insurans deposit ini secara berasingan.

Laporan Pengarah bagi penyata kewangan tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2008 dan penyataan Pengarah yang disertakan bersamanya boleh didapati di muka surat 97 dan seterusnya.

#### Kawalan Dalaman

Penyataan kawalan dalaman boleh didapati di muka surat 59 dalam Laporan Tahunan ini.

#### Pengurusan Risiko

Bahagian mengenai pengurusan risiko Perbadanan boleh didapati di muka surat 39 dalam Laporan Tahunan ini.

#### Audit

Menurut Akta PIDM, akaun PIDM diaudit oleh Ketua Juruaudit Negara mengikut Akta Audit 1957. Dari sudut pandangan operasi, kami mengekalkan hubungan kerjasama dengan juruaudit luaran kami daripada Jabatan Audit Negara, yang wakilnya diberi jemputan untuk menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Audit. Sebagai satu kebiasaan, wakil Jabatan Audit Negara akan menerima semua laporan dan

dokumentasi Jawatankuasa Audit sebelum mesyuarat Jawatankuasa Audit tersebut. Fi tahunannya boleh didapati di muka surat 128 dalam Laporan Tahunan ini.

#### Pengurusan

Pihak Pengurusan Kanan bertanggungjawab bagi pengurusan harian PIDM. Ia diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif, dengan kuasa yang diperoleh daripada Akta PIDM dan huraian jawatan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pengurusan Kanan bertanggungjawab bagi fungsi masing-masing, dan Ketua Pegawai Kewangan, Pengurus Besar Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan, Kaunsel Am, serta Ketua Juruaudit Dalam dan Ketua Pegawai Risiko dikehendaki menyediakan penyataan mengenai kebertanggungjawaban mereka kepada Ketua Pegawai Eksekutif atau Lembaga Pengarah, yang mana berkaitan. Pihak Pengurusan menyediakan surat representasi komprehensif kepada Lembaga Pengarah dan Jabatan Audit Negara sebagai sebahagian daripada audit akhir tahun. Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan juga menyediakan deklarasi berkanun mengenai penyata kewangan dan kualiti kawalan dalaman.

Para pengarah mempunyai akses kepada rekod dan maklumat Perbadanan, kepada Setiausaha Korporat dan Pengurusan Kanan. Mereka menerima laporan terperinci secara tetap mengenai aspek kewangan dan operasi urus niaga Perbadanan dan boleh meminta penjelasan lanjut tentang laporan tersebut pada bila-bila masa.

Jawatankuasa-jawatankuasa utama berikut membantu Ketua Pegawai Eksekutif dalam pengurusan operasi PIDM:

- Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif;
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi;
- Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti;
- Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat; dan
- Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan.

Jawatankuasa ini memperoleh kuasa mereka daripada Ketua Pegawai Eksekutif. Jangkaan Lembaga Pengarah terhadap pihak Pengurusan dinyatakan secara khusus dalam Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah.



Penyataan Kawalan Dalaman (Penyataan) ini adalah untuk menyediakan maklumat peringkat tinggi yang bermanfaat mengenai keadaan sistem kawalan dalaman di PIDM kepada pemegang kepentingan dan pengguna Laporan Tahunan kami.

### PENGENALAN

Sebagai sebuah badan berkanun, PIDM tidak perlu mematuhi perenggan 15.27(b) Keperluan Penyenaaraan Bursa Malaysia Securities Berhad, yang memerlukan lembaga pengarah syarikat awam tersenarai mengeluarkan penyataan kawalan dalaman dalam laporan tahunan mereka.

Bagaimanapun, Lembaga Pengarah bersetuju bahawa ia merupakan amalan tadbir urus korporat yang baik, dan konsisten dengan matlamat Piawaian No. 11 dan 12 Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah, untuk mengeluarkan penyataan tersebut. Sehubungan ini, Penyataan ini telah disediakan, setakat yang boleh diguna pakai, mengikut Penyataan bagi Kawalan Dalaman – Garis Panduan bagi Pengarah Syarikat Awam Tersenarai (*Statement on Internal Control – Guidance for Directors of Public Listed Companies*) yang diterbitkan sebagai garis panduan bagi syarikat untuk mematuhi Keperluan Penyenaaraan tersebut dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

### TANGGUNGJAWAB BAGI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

#### Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah menetapkan hala tuju strategik keseluruhan bagi PIDM dan mempunyai tanggungjawab keseluruhan bagi mengekalkan sistem pengurusan risiko yang efektif dan sistem kawalan dalaman yang kukuh. Ia mengakui bahawa sistem kawalan dalaman PIDM direka untuk menangani dan mengurangkan risiko dan bukan untuk menghapuskan keseluruhan risiko kegagalan bagi mencapai mandat berkanun dan objektif PIDM. Sistem itu membantu menyediakan jaminan berpatutan – bukan mutlak – terhadap salah nyata, salah urus atau kerugian yang ketara.

Walaupun begitu, Lembaga Pengarah mengakui sistem kawalan dalaman yang kukuh diperlukan bagi mencapai operasi yang efektif dan efisien, pelaporan kewangan yang boleh dipercayai, pematuhan tegas terhadap undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, dan untuk tujuan melindungi aset PIDM dengan baik. Sehubungan ini, semakan keberkesanan, integriti dan kecukupan sistem kawalan dalaman PIDM merupakan satu proses padu dan berterusan, yang memerlukan pembabitian setiap pihak yang berikut:

#### (a) Jawatankuasa Audit

Tanggungjawab utama Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Piagam Jawatankuasa tersebut. Jawatankuasa Audit memaklumkan kepada Lembaga Pengarah mengenai isu pengurusan, perakaunan dan kawalan dalaman serta pelaporan dan pengurusan kewangan. Jawatankuasa Audit juga memainkan fungsi pengawasan risiko.



Butiran lanjut mengenai Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam Penyataan Tadbir Urus di muka surat 54.

#### (b) Pengurusan

Ketua Pegawai Eksekutif, yang memperoleh kuasanya daripada Akta PIDM dan huraian jawatan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, menetapkan "contoh kepimpinan dari peringkat atas". Ini mempengaruhi etika kakitangan, tatalaku urus niaga dan faktor-faktor lain bagi persekitaran kawalan yang positif. Ketua Pegawai Eksekutif memenuhi tanggungjawabnya dengan menyediakan kepimpinan dan hala tuju kepada Pengurusan dan meninjau cara mereka mengawal dan menguruskan urus niaga dan hal ehwal PIDM. Pihak Pengurusan, kemudiannya, menugaskan tanggungjawab kepada kakitangan bagi pembangunan dan pelaksanaan dasar dan prosedur operasi yang mentadbir fungsi, operasi dan aktiviti bahagian.

Pihak Pengurusan terus mengukuhkan keupayaan dan integriti kewangan dan operasi PIDM menerusi pengenalan dan peningkatan berterusan dasar, prosedur dan proses kewangan dan operasi utama. Pengurusan memastikan, sebelum pelaksanaannya, bahawa polisi, prosedur dan proses ini disemak oleh Bahagian Perundangan, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi dan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan bagi memastikan undang-undang dan peraturan yang terpakai diberi perhatian, risiko dikurangkan dan kawalan terbina dalam polisi, prosedur dan proses ini.

Pihak Pengurusan mengakui pengembangan saiz dan kerumitan operasi urus niaga menjadikan pengurusan spektrum risiko yang meluas dan pelbagai sebagai suatu yang perlu. Sehubungan ini, Pihak Pengurusan terus membantu Lembaga Pengarah dalam pelaksanaan rangka kerja, polisi dan proses pengurusan risiko organisasi di PIDM.

#### (c) Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi

Kawalan dalaman merupakan aspek kritikal ERM. Bagi mengiktiraf pengurusan risiko sebagai satu bahagian utama tadbir urus yang baik dan menggalakkan sistem kawalan dalaman yang kukuh, PIDM telah mengeluarkan Penyataan Polisi

Pengurusan Risiko Organisasi yang mengisytiharkan dan mengesahkan komitmen Perbadanan kepada pengurusan risiko yang mantap. Penyataan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi juga merujuk kepada Polisi Tadbir Urus Lembaga Pengarah dan Piagam Jawatankuasa Audit berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit dan Pengurusan. Penyataan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi juga menggariskan komitmen yang diperlukan daripada jawatankuasa yang terlibat dalam aktiviti pengurusan risiko organisasi serta PIDM secara keseluruhannya.

Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi membangun dan melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi (Rangka Kerja) dan Garis Panduan yang berfungsi sebagai asas bagi program pengurusan risiko organisasi untuk memastikan pengurusan risiko menjadi tanggungjawab semua kakitangan dan amalan pengurusan risiko diguna pakai secara konsisten di seluruh PIDM.

Rangka Kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah menghuraikan peringkat dalam proses pengurusan risiko, iaitu:

- Mengenal pasti risiko
- Menilai dan menganalisis risiko
- Menaksir dan menangani risiko
- Memantau dan mengkaji semula risiko
- Melapor dan menyampaikan risiko

Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi, dibantu oleh Jawatankuasa Kerja Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi dan Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi, menjalankan pengenalanpastian risiko setiap tahun, atau apabila situasi memerlukan. Pengenalpastian risiko pada tahap ini akan menumpukan kepada risiko organisasi yang, jika berlaku, boleh:

- menjejaskan keupayaan PIDM untuk memenuhi mandatnya;
- menjejaskan reputasi PIDM dengan teruk; atau
- mempunyai kesan bersistemik ke atas industri kewangan.



Sepanjang 2008, Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi bekerjasama rapat dengan semua Bahagian dalam melaksanakan proses pengurusan risiko. Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi mengelola dan menyelaraskan semua aktiviti berkaitan pengurusan menerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi. Ahli kedua-dua jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat secara tetap untuk membincang dan membuat keputusan berkenaan isu-isu atau perkara berkaitan pengenalan, penilaian, pemantauan risiko serta pengenalan kawalan untuk menangani risiko.

Pada 2008, bengkel kerja Perancangan Korporat diadakan serentak dengan bengkel kerja Pengurusan Risiko Organisasi kerana risiko strategik mungkin memberi kesan ketara kepada strategi perancangan korporat PIDM.

Ketua Pegawai Risiko melapor kepada Jawatankuasa Audit dua kali setahun mengenai profil risiko semasa PIDM dan ringkasan tentang sebarang perubahan utama sejak pelaporan terakhirnya kepada Jawatankuasa Audit. Ketua Pegawai Risiko juga melaporkan kepada Lembaga Pengarah menerusi Jawatankuasa Audit sekurang-kurangnya sekali setahun.

#### (d) Kakitangan Perbadanan

Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan mengiktiraf bahawa setiap kakitangan mempunyai tanggungjawab ke arah mengekalkan sistem kawalan dalaman yang mantap, dan ini diperkukuh menerusi pernyataan yang eksplisit dalam huraian tugas semua kakitangan bahawa mereka mesti mendukung piawaian etika tertinggi – komponen teras sistem kawalan dalaman kami.

Tambahan lagi, mereka mengakui bahawa, selain menggunakan maklumat dalam menjalankan

tugas dan tanggungjawab mereka, kakitangan juga menggunakan dan menyampaikan maklumat bagi tujuan melaksanakan kawalan untuk menambah baik proses dan operasi urus niaga. Sehubungan ini, pihak Pengurusan telah memantapkan mekanisme yang sesuai bagi memastikan maklumat disediakan kepada kakitangan yang sepatutnya dengan butiran yang cukup terperinci dan tepat pada masa bagi membolehkan mereka menunaikan tanggungjawab mereka dengan efektif dan efisien. Saluran komunikasi yang baik disediakan bagi membolehkan pekerja mengetengahkan isu-isu atau masalah, yang sebenar atau yang berkemungkinan akan berlaku, berkaitan dengan operasi PIDM serta kegagalan pematuan dengan kod dan polisi yang berkaitan.

#### (e) Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan

Meskipun Ketua Pegawai Eksekutif dan pihak Pengurusan mempunyai tanggungjawab muktamad bagi reka bentuk yang sesuai dan operasi sistem kawalan dalaman yang berkesan, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan memainkan peranan penting dalam mengesahkan sama ada pihak Pengurusan telah memenuhi tanggungjawabnya. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan menyokong peranan pengawasan Jawatankuasa Audit, dengan menyediakan jaminan yang bebas dan objektif, dan khidmat perundingan yang berkaitan, dengan menilai dan menambah baik keberkesanan proses kawalan, pengurusan risiko, proses urus niaga dan tadbir urus yang dilaksanakan oleh pihak Pengurusan. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan menyokong Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit dan pihak Pengurusan dalam pelaksanaan tanggungjawab mereka secara efektif dengan mencadangkan, apabila perlu, langkah kawalan dan pengurusan risiko yang efektif bagi mengurangkan risiko yang dikenal pasti dan memastikan tadbir urus yang baik.

Semasa tahun kewangan yang sedang disemak, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan mengambil pendekatan berasaskan risiko lengkap bagi pengauditan dan menyediakan khidmat perundingan dan nasihat mengikut pelan

audit yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan melaporkan kepada Jawatankuasa Audit, pada setiap suku tahun, hasil daripada auditan yang dijalankan dan mengetengahkan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman bahagian yang diaudit. Dalam mengetengahkan keseluruhan keberkesanannya, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan memperkukuh perkara berikut:

- pengenalan isu-isu audit menerusi penilaian bebas risiko dan kawalan bahagian yang diaudit di peringkat strategik dan proses;
- penilaian peristiwa risiko baru dan kekurangan kawalan yang berbangkit daripada isu audit; dan
- pengesahan kawalan sedia ada bagi mengurangkan risiko utama berkaitan dengan bahagian yang diaudit yang telah dikenal pasti oleh Bahagian Pengurusan Risiko Organisasi menerusi proses pengurusan risiko organisasi.

Jawatankuasa Audit menyemak dan menilai isu dan kebimbangan utama yang dibangkitkan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan dalam laporan audit dan memastikan tindakan pemulihan yang wajar dan segera diambil oleh pihak Pengurusan dalam tempoh masa yang sesuai. Tambahan lagi, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan juga menyediakan laporan kemas kini status pelaksanaan pelan tindakan yang dipersetujui oleh pihak Pengurusan kepada Jawatankuasa Audit dua kali setahun.

Sepanjang 2008, Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan memenuhi permintaan dalaman bagi khidmat perundingan dan nasihat menerusi pembabitan langsungnya dalam pembangunan dan pelaksanaan projek dan inisiatif Rancangan Korporat PIDM yang dirancang bagi 2008. Sebahagian besar kerja harian pegawai audit diperuntukkan untuk menyediakan khidmat perundingan dan nasihat kepada pelbagai jawatankuasa kerja, pasukan tugas kerja dan Bahagian yang bertanggungjawab bagi projek atau inisiatif Rancangan Korporat.

Manual Prosedur Audit Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan disemak semula pada 2008





bagi memastikan ia konsisten dengan piawaian amalan terbaik yang terpakai dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit.

Keseluruhan prestasi dan operasi Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan bagi 2008 telah disemak semula oleh Jawatankuasa Audit dan amalan ini akan dilaksanakan dua kali setahun mulai 2009 dan seterusnya, bagi memastikan Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan terus berfungsi dengan efektif dan prestasinya, apabila dibandingkan dengan pelan audit dan tugas perundingan bagi tahun itu, akan dipantau dengan sewajarnya. Maklum balas pihak yang diaudit dan cadangan bagi setiap audit yang dijalankan juga dipertimbangkan bagi tujuan meningkatkan prestasi Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan. Ini juga telah disemak semula oleh Jawatankuasa Audit.

### (f) Juruaudit Luar

Juruaudit luar PIDM ialah Ketua Audit Negara, seperti yang digariskan dalam Akta PIDM. Juruaudit luar menjalankan audit kewangan dan pengurusan, serta memberi nasihat sewajarnya kepada pihak Pengurusan dan Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tanggungjawab pengawasan mereka.

### PERSEKITARAN KAWALAN DALAMAN PERBADANAN PADA 2008

Pada 2008, polisi, amalan dan proses utama berikut dibentuk sebagai sebahagian daripada sistem kawalan dalaman kami:

- Struktur organisasi PIDM dibezakan mengikut fungsi dan dipusatkan dengan sewajarnya bagi membolehkan aliran maklumat yang perlu untuk pengurusan yang efektif ke atas operasi dan aktiviti. Keperluan sumber manusia disemak secara tetap bagi memastikan bilangan kakitangan yang mencukupi telah diambil bekerja, terutamanya untuk jawatan Pengurusan dan peringkat penyeliaan, dan kakitangan mempunyai masa yang mencukupi serta disediakan dengan sumber yang diperlukan untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan efektif.
- Kepentingan kebertanggungjawaban dan tadbir urus terus diberi keutamaan. Dalam hal ini, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Juruaudit Dalaman menyediakan pernyataan tahunan kepada Lembaga Pengarah mengenai tanggungjawab dan kebertanggungjawaban masing-masing. Bermula dari 2009, Ketua Pegawai Risiko dan Pengurus Besar Bahagian Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan

akan menyediakan pernyataan tahunan mereka kepada Lembaga Pengarah mengenai tanggungjawab dan kebertanggungjawaban mereka.

- Proses bagi menentukan kepuasan Lembaga Pengarah dengan sokongan dan laporan Pengurusan telah dilaksanakan dan dinilai.
- Rangka Kerja Kecekapan dibangun dan dilaksanakan bagi membimbing pembangunan dan penyenggaraan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, berdedikasi dan pelbagai, dan menggalakkan kecemerlangan dan profesionalisme. Model Kecekapan, yang merupakan satu daripada objektif kritikal Rangka Kerja itu, juga dibangun dan dilaksanakan. Model Kecekapan mentakrif piawaian kecekapan PIDM dan menerangkan dengan jelas bagaimana kakitangan boleh menunjukkan bahawa mereka memenuhi piawaian prestasi menerusi tingkah laku yang dapat diperhatikan.
- Rangka Kerja Pengurusan Tenaga Kerja bertujuan memantapkan proses pembelajaran dan pembangunan, pengalaman dan keberkesanan kakitangan telah dibangun dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Perancangan penggantian bagi jawatan Pengurusan utama, berdasarkan Rangka Kerja Pengurusan Penggantian yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, juga dilaksanakan.
- Sejalan dengan tahap pembangunan projek dan inisiatif utama masing-masing yang diluluskan di bawah Rancangan Korporat, polisi dan prosedur kewangan dan operasi yang berkaitan dengan projek dan inisiatif ini dirangka dan didokumentasikan. Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit dimaklumkan tentang perkembangan terkini pembangunan polisi dan prosedur ini. Polisi dan prosedur kewangan dan operasi sedia ada disemak dan dikemas kini dari semasa ke semasa bagi memastikan keupayaan kewangan dan operasi PIDM serta integriti terus diperkukuhkan dan konsisten dengan piawaian amalan terbaik yang terpakai.

- Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan mengadakan sesi perancangan strategik tahunan bagi membincang dan menetapkan hala tuju strategik PIDM. Hala tuju strategik menyediakan asas bagi inisiatif korporat. Teras strategik yang umum dikaji semula mengikut mandat PIDM dan sebarang isu, risiko dan ancaman yang timbul dan berpotensi menjejaskan sistem kewangan dipertimbangkan dengan teliti.
- Pembangunan Pelan Pengurusan Kesenambungan Urus Niaga dan Pemulihan Bencana yang komprehensif diusahakan mengikut rancangan, sejajar dengan sasaran Rancangan Korporat. Satu bengkel kerja kakitangan mengenai Pengurusan Kesenambungan Urus Niaga diadakan pada tahun ini.
- Pembangunan dan pelaksanaan Sistem Pengurusan Rekod dan Portal Enterpris PIDM juga dimulakan tahun ini dan berjalan lancar seperti yang dirancang mengikut sasaran Rancangan Korporat.
- Pembangunan dan pelaksanaan inisiatif Teknologi Maklumat (IT) yang dikenal pasti dalam Rancangan Korporat dan pelaksanaan Rangka Kerja Tadbir Urus IT terus dipantau oleh Jawatankuasa Pengemudi Teknologi Maklumat yang ditubuhkan pada 2007.
- Rangka kerja kawalan dalaman PIDM yang berasaskan Rangka Kerja Kawalan Dalaman Bersepadu oleh *Committee of Sponsoring Organisations of the Treadway Commission (COSO)*, dilaksanakan sepenuhnya untuk membantu pihak Pengurusan menilai keadaan sistem kawalan dalaman PIDM.
- Satu Kaji Selidik Kepuasan Kerja Kakitangan, yang menyediakan peluang kepada kakitangan bagi mengesyorkan cadangan mengenai cara meningkatkan produktiviti, kualiti dan penambahbaikan operasi lain, dilaksanakan. Keputusan kaji selidik itu menunjukkan indeks kepuasan kakitangan berada pada 81%. Selain itu, setiap Bahagian di PIDM juga menjalankan Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan Dalaman bagi mengukur keberkesanan perkhidmatan yang disediakan kepada kakitangan dari Bahagian lain.





Pada 2008, polisi dan proses utama berikut terus dilaksanakan sebagai sebahagian daripada sistem kawalan dalaman PIDM:

- Budaya kawalan dalaman terus dipupuk menerusi pengutamaan latihan dan kesedaran kakitangan mengenai nilai-nilai korporat, pencegahan konflik kepentingan, pematuhan Kod Tatalaku Urus Niaga dan Etika serta pengisytiharan aset dan liabiliti peribadi. Dalam mengukuhkan komitmen kepada piawai etika yang tinggi, kecekapan tingkah laku dan nilai-nilai etika diterapkan sebagai kriteria bagi penilaian prestasi, selain daripada kecekapan dari segi teknikal.
- Program mengenai pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan terpakai terus dilaksanakan. Ini menjadikan semakan pematuhan dan serahan pernyataan pematuhan daripada Ketua-ketua Bahagian yang berkaitan pada setiap tahun, sebagai sesuatu yang perlu.
- Jawatankuasa seperti Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif, Jawatankuasa Pengemudian Teknologi, Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti serta Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi terus menyediakan pemahaman dan membincangkan

perkara strategik dan/atau operasi, yang kemudiannya disalurkan semula kepada Bahagian berkaitan. Kuantiti maklumat yang disebarkan kepada kakitangan, bagaimanapun, berbeza kerana ia akan bergantung pada peringkat pengurusan mereka masing-masing. Pelbagai peringkat pengurusan juga menentukan perbezaan keperluan dan keutamaan maklumat.

- Bajet tahunan PIDM disediakan berdasarkan Rancangan Korporat dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Pihak Pengurusan terus mengamalkan pendekatan perancangan kewangan berhemat dalam proses pembangunan bajet. Prestasi sebenar terus disemak berbanding bajet oleh Lembaga Pengarah setiap suku tahun dengan penjelasan varians utama oleh pihak Pengurusan.
- Petunjuk Prestasi Utama (PPU) PIDM bagi inisiatif yang menyokong pencapaian Rancangan Korporat terus dipantau setiap bulan. PPU mendorong PIDM ke arah pencapaian sasaran prestasinya manakala risiko ditangani dan piawai tadbir urus dan kawalan dalaman yang tinggi dikekalkan. Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah menerima laporan terkini mengenai prestasi berbanding Rancangan Korporat pada setiap suku tahun.

### SEMAKAN SISTEM KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah menyemak keberkesanan sistem, polisi, amalan dan proses PIDM berdasarkan laporan daripada pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan, dan semakannya termasuklah perkara seperti berikut:

- Lembaga Pengarah menyemak secara tetap laporan daripada pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Ini termasuklah laporan mengenai semakan oleh Jawatankuasa Audit terhadap kedudukan kewangan PIDM, pematuhan kepada undang-undang dan etika, serta keberkesanan kawalan yang dilaksanakan bagi sistem atau proses yang telah diaudit oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan; laporan daripada Jawatankuasa Ganjaran mengenai pematuhan kepada polisi modal insan dan undang-undang berkaitan; selain laporan daripada Jawatankuasa Tadbir Urus mengenai pematuhan kepada polisi tadbir urus utama.
- Lembaga Pengarah menyemak, pada setiap suku tahun, (i) laporan kewangan PIDM yang juga dikemukakan kepada Perbendaharaan; (ii) penggunaan sumber berbanding bajet yang diluluskan; (iii) pelaksanaan Rangka Kerja dan perkembangan terkini tentang risiko dan langkah-langkah PIDM untuk mengurangkan risiko utama; dan (iv) perkembangan terkini dan prestasi keseluruhan pihak Pengurusan berbanding inisiatif yang diluluskan seperti yang digariskan dalam Rancangan Korporat serta penilaian pihak Pengurusan terhadap faktor dalaman dan luaran yang mungkin menjejaskan prestasi Rancangan Korporat.

Dalam semakan keberkesanan sistem, polisi, amalan dan proses PIDM yang dilaksanakan pada 2008, Lembaga Pengarah juga menyemak penilaian oleh pihak Pengurusan bagi kawalan dalaman berdasarkan kriteria yang digariskan dalam rangka kerja kawalan dalaman PIDM.

### PENYATAAN KEBERKESANAN SISTEM KAWALAN DALAMAN

Berdasarkan sistem, polisi, amalan, proses dan rangka kerja yang telah disediakan, dan mengambil kira keputusan penilaian dan pengesahan oleh Bahagian Audit dan Khidmat Perundingan terhadap kawalan dalaman, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya melaporkan bahawa sistem kawalan dalaman di PIDM telah diperkukuhkan. Secara khususnya:

- (a) ini dicapai menerusi kepimpinan yang diterajui, nilai-nilai korporat dan budaya yang mengutamakan kebertanggungjawaban bagi kawalan;
- (b) pelbagai risiko yang dihadapi oleh PIDM dikenal pasti dan dinilai secara rutin pada setiap peringkat dan dalam semua fungsi di PIDM (sila rujuk muka surat 39 untuk maklumat lanjut);
- (c) aktiviti kawalan dan mekanisme lain, seperti polisi, amalan dan prosedur utama yang dikenal pasti di atas sebagai sebahagian daripada sistem kawalan dalaman, dibentuk untuk menangani dan mengurangkan risiko utama;
- (d) maklumat yang kritikal untuk mengenal pasti risiko dan bagi mencapai objektif PIDM disampaikan menerusi saluran yang disediakan dalam PIDM dan dengan pihak luaran; dan
- (e) Pihak Pengurusan juga memantau keseluruhan sistem kawalan dalaman secara berterusan dan menangani isu atau masalah dengan sewajarnya dan tepat pada masa.

Lembaga Pengarah juga dengan sukacitanya melaporkan bahawa bagi tahun 2008, tiada laporan insiden kelemahan atau kekurangan dalam keupayaan dan integriti kawalan dalaman yang dilaksanakan dalam sistem, polisi, amalan dan proses PIDM.

Penyataan ini dibuat mengikut resolusi Lembaga Pengarah yang bertarikh 19 Februari 2009.

Bahagian 3  
Perbincangan dan  
Analisis Pengurusan



Pada tahun 2008, PIDM beroperasi dalam persekitaran yang agak dinamik. Perubahan dalam landskap persekitaran kewangan global baru-baru ini telah mempercepat siri-siri langkah pengawalseliaan oleh pihak Kerajaan, yang tertumpu kepada usaha untuk mengurangkan impak krisis kewangan global dan untuk mengekalkan dan menangani kestabilan kewangan.

Meskipun dalam keadaan ekonomi global yang kurang baik dan ketegangan luar biasa dalam pasaran kewangan di seluruh dunia, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan pada 2008. Kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengambil beberapa langkah awal pencegahan bagi mengurangkan impak situasi ekonomi global ke atas ekonomi domestik. Ini termasuk pengumuman jaminan deposit penuh, yang ditadbir oleh PIDM, bagi semua deposit dalam Ringgit dan mata wang asing sebagai langkah awal untuk mengekalkan kestabilan dalam sistem kewangan di Malaysia.

Sistem perbankan di Malaysia kekal teguh, seperti yang digambarkan oleh tahap modal yang mencukupi, kualiti aset yang baik, keuntungan yang kukuh dan kecairan yang mencukupi.



#### PENCAPAIAN PADA 2008

Dalam tempoh tiga tahun yang singkat ini, kami telah mencatatkan kemajuan ketara dalam menunjukkan komitmen kami untuk diiktiraf sebagai sebuah penginsurans deposit yang efektif. Usaha kami tertumpu kepada pembangunan infrastruktur organisasi yang kukuh menerusi pelaksanaan polisi dan amalan tadbir urus serta pengurusan risiko, pengurusan kewangan dan sistem kawalan dalaman. Kami juga memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan bagi memastikan kami mempunyai sumber dan kemampuan yang sesuai. Kami yakin bahawa kami mempunyai asas yang kukuh bagi memastikan PIDM terus melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya secara efektif.

Kejayaan ini dicapai menerusi proses perancangan strategik yang ditakrifkan dengan jelas, dan rancangan korporat tiga tahun kami yang diterbitkan setiap tahun yang memperincikan objektif yang perlu dicapai setiap tahun dalam membangunkan asas organisasi yang kukuh. Rancangan Korporat itu menggariskan hala tuju strategik, objektif dan keutamaan kami yang diterjemahkan kepada Petunjuk Prestasi Utama (PPU) dalam *scorecard* korporat yang digunakan untuk memantau prestasi kami.

Bahagian ini menggariskan kajian semula operasi kami bagi 2008 dan pencapaian kami berbanding Rancangan Korporat 2008-2010.

#### KAJIAN SEMULA OPERASI

##### Berkembang Kukuh daripada Kekuatan – Pencapaian Kami pada 2008

Dalam memenuhi mandat kami, kami terus mengekalkan teras strategik kami iaitu: kesediaan, amalan urus niaga dan kewangan yang mantap, kesedaran awam yang efektif dan perkongsian yang kukuh dengan pemegang kepentingan kami. PPU dan inisiatif kami menyokong teras strategik dan objektif korporat kami, yang pada dasarnya menyokong pencapaian mandat kami.

Bagi tahun 2008, kami memberi tumpuan pada usaha membina kapasiti dan keupayaan bagi memastikan kesediaan operasi. Hala tuju strategik kami ditumpukan kepada:

- Membangunkan modal insan;
- Memantapkan dan memastikan kesediaan operasi dan keberkesanan dalam polisi, sistem, amalan, pendekatan dan sumber bagi mengendalikan campur tangan dan resolusi kegagalan; dan
- Menggiatkan usaha komunikasi bagi meningkatkan tahap kesedaran dan pemahaman awam mengenai sistem insurans deposit.

Kami juga memulakan inisiatif untuk membangunkan pasukan kepimpinan yang mantap, mengukuhkan pengurusan hubungan kami dengan pemegang kepentingan serta memupuk budaya korporat yang utuh.





# PERBINCANGAN DAN ANALISIS PENGURUSAN

## PERSEKITARAN OPERASI KAMI

Objektif korporat PIDM seperti yang dihuraikan dari segi perspektif *Balanced Scorecard* adalah:

<b>PEMEGANG KEPENTINGAN</b>	<p><b>Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik</b> <b>Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat</b> <b>Perkongsian yang efektif</b></p> <p>Sebagai penginsurans deposit nasional, kami perlu menunjukkan bahawa kami ditadbir dan diurus dengan baik menerusi tatalaku urus niaga kami dan mematuhi amalan tadbir urus yang mantap serta mengguna pakai amalan pengurusan risiko organisasi dan kawalan dalaman yang efektif. Pemegang kepentingan yang bermaklumat penting kepada keberkesanan insurans deposit. Justeru, kami terus berinteraksi dengan semua pemegang kepentingan untuk mendidik mereka menerusi program kesedaran dan pendidikan awam serta melibatkan mereka dalam proses perundingan apabila membangunkan polisi dan peraturan yang membabitkan mereka. Perkongsian yang efektif juga kritikal untuk memenuhi mandat kami. Kami meneruskan kerjasama rapat dengan institusi anggota, badan kawal selia, penginsurans deposit lain dan penyedia perkhidmatan utama agar kami boleh melaksanakan objektif dan inisiatif dengan cekap dan berkesan.</p>	<p><b>Tenaga kerja yang cekap dan berpengetahuan</b> <b>Persekitaran korporat yang kondusif</b></p> <p>Kakitangan kami adalah aset paling penting kami. Justeru, kami menyediakan insentif yang sesuai untuk menarik dan mengekalkan kakitangan yang berkecuali yang mempunyai kemahiran pengurusan, pengalaman dan sikap yang bersesuaian. Kami juga komited untuk menyediakan peluang latihan dan pembangunan secara berterusan kepada kakitangan kami untuk membantu mereka mencapai potensi sepenuhnya. Persekitaran korporat yang kondusif boleh menghasilkan tahap kepuasan kerja dan prestasi kakitangan yang tinggi. Kami terus memupuk budaya korporat yang kondusif serta menyediakan persekitaran kerja yang selamat, sihat dan bebas daripada gangguan.</p>	<b>PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN</b>
<b>KEWANGAN</b>	<p><b>Penggunaan sumber yang optimum</b></p> <p>Sebagai badan awam yang bertanggungjawab kepada pemegang kepentingan, kami akan menggunakan sumber secara optimum melalui pengelolaan kewangan berhemat dan pengurusan dan penggunaan aset, modal insan dan harta intelektual kami dengan baik.</p>	<p><b>Kecemerlangan operasi</b></p> <p>Bagi meningkatkan keyakinan dan mentadbir sistem insurans deposit kami serta Jaminan Deposit Kerajaan dengan efektif, kami akan terus melaksana dan mengemas kini polisi, sistem, proses dan prosedur yang kukuh berdasarkan amalan terbaik tempatan dan antarabangsa yang berkaitan. Kami akan terus membina kapasiti dan keupayaan kami bagi memastikan kami memenuhi mandat, peranan dan tanggungjawab kami dengan cekap dan berkesan.</p>	<b>PROSES DALAMAN</b>

Sorotan pencapaian kami dihuraikan dalam muka surat berikutnya.

NOTA:	<b>G</b> Berjalan lancar seperti yang dijadualkan; dan/atau dalam lingkungan bajet	<b>Y</b> Belum dimulakan / tarikh bermula di masa hadapan
	<b>A</b> Sasaran dicapai / inisiatif disempurnakan	<b>R</b> Sasaran tidak dicapai / lewat berbanding jadual; dan/atau di bawah sasaran; dan/atau >±10% (tahun penuh) perbezaan bajet

	OBJEKTIF KORPORAT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (PPU)	SASARAN 2008	KEPUTUSAN DIS 2008	ULASAN	
PEMEGANG KEPENTINGAN	A Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	1 Penilaian Lembaga Pengarah terhadap: a. Pelaksanaan amalan tadbir urus terbaik b. Guna pakai amalan pengurusan c. Pematuhan terhadap polisi penting d. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan dengan berkesan dan memenuhi tanggungjawab	Kepuasan tinggi	<b>A</b>	Kami melaksanakan amalan terbaik berkenaan tadbir urus dan kami memantau perkembangannya secara berterusan bagi memastikan amalan kami kekal terkini dan relevan. Sila rujuk kepada Penyataan Tadbir Urus kami di muka surat 46 dalam Laporan Tahunan ini untuk maklumat terperinci. Sekali lagi, kami menerima anugerah Sijil Merit daripada Jawatankuasa Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan bagi Laporan Tahunan 2007 kami.	
			Kepuasan tinggi	<b>A</b>	Kami memantapkan kawalan dalaman kami. Mekanisme kawalan direka bentuk untuk menangani dan mengurangkan risiko utama.	
			100%	<b>A</b>	Kami mematuhi semua polisi utama yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Kami juga melaksanakan rangka kerja pematuhan bagi memastikan pematuhan berterusan dengan polisi utama serta undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan.	
			Kepuasan tinggi	<b>A</b>	Kami mengekalkan rejim kebertanggungjawaban yang kukuh dan hubungan kerjasama yang efektif dengan Lembaga Pengarah. Kami melaksanakan rancangan pengurusan penggantian berdasarkan rangka kerja yang diluluskan dan juga mengendalikan tiga sesi pendidikan formal Lembaga Pengarah semasa tahun ini. Lembaga Pengarah menilai prestasi Pengurusan dan mendapati pihak Pengurusan memenuhi jangkaan Lembaga Pengarah dalam aspek prestasi ini.	
		2 Berinteraksi dengan pemegang kepentingan yang lain dan responsif terhadap keperluan mereka	3 Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja pengurusan risiko organisasi: i. Fasa 4 – Penilaian dan kajian semula risiko secara berterusan ii. Polisi dan amalan pengurusan risiko organisasi iii. Rangka kerja penilaian keberkesanan pengurusan risiko organisasi b. Membangunkan dan melaksanakan pengauditan berasaskan risiko c. Melaksanakan rangka kerja kawalan dalaman d. Melaksanakan rancangan pengurusan penggantian bagi Lembaga Pengarah	Tindakan ke atas maklum balas diterima	<b>A</b>	PIDM mengambil pendekatan rundingan sepenuhnya bagi polisi dan peraturan-peraturan utama. Laporan Tahunan dan Rancangan Korporat kami merupakan terbitan umum dan diedarkan kepada pemegang kepentingan kami agar mereka mempunyai maklumat terkini mengenai prestasi kami berbanding rancangan yang digariskan.
				Dibangunkan & dilaksanakan	<b>A</b>	Kami melaksanakan rangka kerja dan proses Pengurusan Risiko Organisasi dengan sepenuhnya termasuk penilaian, kajian dan pelaporan risiko utama PIDM secara berterusan.
				Dibangunkan & dilaksanakan	<b>A</b>	Kami melaksanakan struktur tadbir urus Pengurusan Risiko Organisasi termasuk penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Organisasi dan Jawatankuasa Perancangan Strategik dan Pengurusan Risiko Organisasi.
				Dibangunkan	<b>A</b>	Kami meneruskan pelaksanaan pengurusan dan kawalan risiko sejajar dengan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi dan kawalan dalaman kami.
				Dibangunkan & dilaksanakan	<b>A</b>	Kami mengendalikan bengkel Pengurusan Risiko Organisasi korporat dan berikutan itu, kami melaksanakan proses pengauditan berasaskan risiko.
				Disempurnakan	<b>A</b>	Kami melaksanakan Rangka Kerja Kawalan Dalaman bagi memastikan kawalan dalaman yang mantap dalam operasi kami. Kami akan mengkaji semula rangka kerja ini secara berterusan bagi memastikan ia kekal terkini dan relevan kepada PIDM.
	B Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	4 Indeks kesedaran awam (kesedaran umum insurans deposit) 5 Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Mengkaji semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu: i. Melaksanakan program pengiklanan ii. Melaksanakan program perhubungan awam iii. Melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan b. Membangunkan dan melaksanakan program pendidikan c. Membangunkan dan melaksanakan program biasiswa	35%	<b>1</b>	Tahap kesedaran mengenai insurans deposit ialah 27%.	
			Disempurnakan	<b>A</b>	Satu siri usaha publisiti dilancarkan sepanjang tahun 2008 termasuk peredaran kesedaran awam "PIDM & Anda".	
			Disempurnakan	<b>A</b>	Kami melaksanakan program perhubungan awam yang dirancang bagi tahun ini. Sila rujuk kepada perbincangan mengenai inisiatif kesedaran awam di muka surat 143 dalam Laporan Tahunan ini untuk maklumat terperinci.	
			Disempurnakan	<b>A</b>	Kami melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan yang dirancang bagi tahun ini. Sila rujuk kepada perbincangan mengenai inisiatif kesedaran awam di muka surat 143 dalam Laporan Tahunan ini untuk maklumat terperinci.	
Dibangunkan			<b>G</b>	Kami memulakan pembangunan program pendidikan mengikut rancangan untuk pelaksanaan pada tahun 2009.		
Dibangunkan			<b>G</b>	Kami memulakan pembangunan program biasiswa mengikut rancangan untuk pelaksanaan pada tahun 2009.		
C Perkongsian efektif	6 Hubungan PIDM dengan: a. Bank Negara Malaysia b. Institusi anggota c. Penyedia perkhidmatan d. Penginsurans deposit antarabangsa	Kukuh	<b>A</b>	Hubungan kami dengan Bank Negara Malaysia (BNM) kukuh dengan adanya perjanjian perikatan strategik yang rasmi dengan BNM. Kami memantau prestasi berbanding jangkaan dan mengadakan mesyuarat dengan wakil BNM dari semasa ke semasa. Kami bergantung besar pada BNM bagi pengawalseliaan berkesan institusi anggota kami.		
		Memuaskan	<b>A</b>	Kami mengekalkan hubungan kerjasama yang baik dengan institusi-institusi anggota dengan memastikan institusi-institusi anggota sentiasa diberikan maklumat terkini mengenai inisiatif kami dan mengadakan rundingan dengan mereka berkenaan peraturan-peraturan berkaitan.		
		Kukuh	<b>A</b>	Kami meneruskan pemantapan pangkalan penyedia perkhidmatan utama dan mengekalkan hubungan kerjasama yang baik dengan penyedia perkhidmatan kami.		
		Kukuh	<b>A</b>	Kami mengekalkan hubungan kukuh dengan ahli-ahli Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa ( <i>International Association of Deposit Insurers - IADI</i> ) yang lain. Pada tahun ini, PIDM dicalonkan untuk anugerah kecemerlangan IADI; salah satu daripada dua penginsurans deposit di seluruh dunia yang dicalonkan.		
	7 Menyertai forum antarabangsa 8 Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Mewujudkan pangkalan rakan kongsi strategik b. Menganjurkan seminar insurans deposit	Penyertaan aktif	<b>A</b>	Kami menyertai pelbagai forum antarabangsa dengan aktif serta menerima dan menganjurkan beberapa lawatan sambil belajar pada tahun ini.		
		Dibangunkan	<b>A</b>	Kami terus membangunkan pangkalan rakan kongsi strategik sebagai sebahagian daripada inisiatif kesediaan operasi.		
		Disempurnakan	<b>A</b>	Kami menganjurkan Seminar Insurans Deposit Islam sebagai tuan rumah dan mengadakan sesi perkongsian pengetahuan dengan pemegang kepentingan utama.		
D Penggunaan sumber yang optimum	9 Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding dengan bajet yang diluluskan 10 Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja peruntukan b. Membangunkan rangka kerja dan proses urusan pembiayaan	-10% perbezaan +20% perbezaan	<b>2</b>	Lebih bersih kami kurang berbanding bajet disebabkan pendapatan premium yang kurang berbanding bajet.		
		Pembangunan berterusan menjangkau beberapa tahun	<b>G</b>	Rangka kerja peruntukan akan menjadi sebahagian daripada pembangunan dan pelaksanaan projek Dana Sasaran.		
		Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan	<b>G</b>	Pada tahun ini, kami memulakan pembangunan rangka kerja urusan pembiayaan dengan Kerajaan.		

**Nota**

1. Tahap kesedaran mengenai insurans deposit meningkat kepada **27%** (2007:15%, 2006:13%) dan tahap kesedaran mengenai PIDM meningkat kepada **32%** (2007:12%, 2006: 4%). Ia mencerminkan kenaikan ketara daripada tahun sebelumnya. Sila rujuk Laporan Tahunan muka surat 144 untuk butiran lanjut.  
2. Kami terus mengamalkan perancangan kewangan berhemat. Kedua-dua perbelanjaan operasi dan modal adalah di bawah bajet dan semua inisiatif utama kami dalam tahun 2008 telah dijalankan dalam lingkungan rancangan dan sasaran kewangan yang diluluskan. Walau bagaimanapun, lebih bersih kami kurang berbanding bajet berikutan kekurangan dalam pendapatan premium. Sila rujuk kepada muka surat 81 untuk butiran lanjut.

OBJEKTIF KORPORAT		PETUNJUK PRESTASI UTAMA (PPU)	SASARAN 2008	KEPUTUSAN DIS 2008	ULASAN		
<b>PROSES DALAMAN</b>	E Kecemerlangan operasi	11	Pematuhan terhadap kawalan dalaman	Kukuh	<b>A</b>	Kami mengekalkan kawalan dalaman yang mantap dalam operasi kami. Sila rujuk kepada Penyata Kawalan Dalaman di muka surat 59 dalam Laporan Tahunan ini untuk maklumat terperinci.	
		12	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:				
			a. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Premium Berbeza (SPB):				
			i. Peraturan-Peraturan SPB	Dilaksanakan	<b>A</b>	Kami mengeluarkan dan melaksanakan Peraturan-Peraturan SPB dan Terma dan Syarat Keanggotaan.	
			ii. Rangka Kerja SPB / Garis Panduan Jumlah Deposit Diinsuranskan	Dilaksanakan & kajian semula	<b>A</b>	Kami mengeluarkan Garis Panduan Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Peraturan-Peraturan Pengecualian di bawah Seksyen 80(h) Akta PIDM 2005 (Perjanjian atau Transaksi Kewangan).	
			b. Membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan yang komprehensif:				
			i. Fasa 2 – Peningkatan	Pembangunan berterusan	<b>G</b>	Kami mengukuhkan metodologi penilaian risiko dan pemantauan menerusi pelaksanaan Sistem Penilaian Risiko dan SPB.	
			c. Membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja Campur Tangan dan Resolusi yang komprehensif:				
			i. Fasa 2 – Membangunkan metodologi, polisi, proses dan kriteria resolusi yang khusus	Pembangunan berterusan	<b>G</b>	Kami terus membangunkan proses Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan. Projek ini dijangka akan dijalankan untuk tempoh dua tahun.	
			d. Membangunkan dan melaksanakan simulasi pengurusan krisis	Pembangunan berterusan	<b>G</b>	Kami memulakan pembangunan simulasi pengurusan krisis sebagai sebahagian daripada pembangunan metodologi dan proses Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan.	
			e. Membangunkan Manual Komunikasi Krisis	Pembangunan berterusan	<b>G</b>	Kami memulakan pembangunan Manual Komunikasi Krisis sempena pembangunan metodologi dan proses Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan.	
			f. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Pembayaran Balik Deposit				
			i. Fasa 1 – Membangunkan Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Pengurusan Hubungan dengan Pendeposit	Pembangunan berterusan	<b>G</b>	Kami memulakan Fasa 1 pembangunan Sistem Pembayaran Balik Deposit yang disasar untuk penyempurnaan pada 2010.	
			g. Membangunkan dan melaksanakan polisi dan peraturan insurans deposit:				
i. Garis panduan/peraturan faedah dan dividen boleh dibayar							
- Membangunkan rangka kerja (kertas konsep)	Disempurnakan	<b>G</b>	Kami menyempurnakan kertas konsep yang akan dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah.				
- Membangunkan kertas rundingan	Pembangunan berterusan	<b>G</b>	Kami memulakan pembangunan kertas perundingan bagi garis panduan / peraturan faedah dan dividen boleh dibayar yang akan diterbitkan untuk perundingan pada 2009 mengikut rancangan.				
ii. Hubungan kontrak antara PIDM dengan bank-bank yang menjalankan aktiviti perbankan Islam							
- Membangunkan dan mengeluarkan pekeliling	Disempurnakan	<b>A</b>	Kami mendapat bimbingan Majlis Penasihat Syariah BNM berkenaan perkara ini.				
h. Membangunkan dan melaksanakan Pelan Kesenambungan Urus Niaga dan Pemulihan Bencana	Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan	<b>G</b>	Kami memulakan pembangunan Pelan Kesenambungan Urus Niaga dan Pemulihan Bencana bagi memastikan kesinambungan operasi PIDM.				
i. Melaksanakan pelan peningkatan infrastruktur teknologi maklumat (IT)							
i. Fasa 4 – Usaha sama: Peningkatan teknologi dan memperkasakan pengguna	Disempurnakan	<b>A</b>	Kami meningkatkan sistem IT kami bagi memperkasakan pengguna dan keberkesanan operasi.				
ii. Fasa 4 – Pelaksanaan pelan peningkatan infrastruktur IT	Disempurnakan	<b>A</b>	Kami menyempurnakan peningkatan infrastruktur IT mengikut rancangan bagi tahun ini yang digariskan dalam Pelan Strategik IT kami.				
j. Melaksanakan sistem urus niaga utama	Disempurnakan	<b>A</b>	Kami terus mengkaji semula dan melaksanakan rangka kerja, polisi dan prosedur tadbir urus IT serta sistem operasi utama.				
k. Membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja dan Sistem Pengurusan Pengetahuan	Pembangunan berterusan	<b>G</b>	Kami memulakan pembangunan Rangka Kerja Pengurusan Pengetahuan kami yang akan disokong oleh proses dan instrumen berkaitan bagi memastikan pengetahuan diterima, dikekalkan, digunakan dan dikongsi secara efektif. Proses dan instrumen ini akan dibangunkan sepanjang tempoh dua tahun akan datang. Kami juga menubuhkan pasukan kerja Pengurusan Rekod dan Maklumat untuk meningkatkan proses pengurusan rekod dan maklumat kami.				
<b>PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN</b>	F Tenaga kerja yang berpengetahuan dan cekap	13	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:				
			a. Membina kecekapan kakitangan:				
			i. Mengkaji semula dan melaksanakan pelan latihan tahunan	Disempurnakan	<b>A</b>	Pelan latihan dikaji semula secara berterusan berdasarkan keperluan individu dan/atau Bahagian. Tambahan lagi, kami juga menyempurnakan Analisis Keperluan Latihan untuk semua kakitangan untuk mengenal pasti aspek yang perlu ditambah baik supaya pelan latihan yang sesuai boleh dibangunkan untuk memenuhi keperluan tersebut.	
			ii. Mengenal pasti, membangunkan dan melaksanakan peluang silang-fungsi	Dibangunkan	<b>A</b>	Kami mengkaji semula peluang latihan silang-fungsi secara berterusan. Meskipun program yang rasmi tidak wujud disebabkan kemahiran dan kepakaran khusus kakitangan kami, peluang sedemikian wujud menerusi penglibatan dan penyertaan dalam pelbagai jawatankuasa kerja dan projek.	
			iii. Mengenal pasti, membangunkan dan melaksanakan instrumen pembelajaran dan penilaian yang sesuai	Dibangunkan	<b>A</b>	Selaras dengan keperluan latihan, program pembelajaran dan penilaian yang sesuai dikenal pasti untuk meningkatkan inisiatif pembelajaran dan pembangunan.	
b. Membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Tenaga Kerja	Dibangunkan	<b>A</b>	Rangka Kerja Pengurusan Tenaga Kerja dibangunkan dan dimaklumkan kepada semua kakitangan. Model Kecekapan PIDM juga dibangunkan dengan penglibatan semua pemegang kepentingan utama.				
c. Membangunkan dan melaksanakan sistem perancangan / pengurusan penggantian berdasarkan rangka kerja yang diluluskan	Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan	<b>A</b>	Rancangan pengurusan penggantian untuk Pegawai Korporat dibentangkan kepada Jawatankuasa Tadbir Urus berdasarkan rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pelan peringkat atasan bagi mengenal pasti jawatan utama dan pengganti berpotensi dibentangkan kepada Jawatankuasa Ganjaran bagi pelaksanaan pada 2009.				
<b>PEMBELAJARAN DAN PEMBANGUNAN</b>	G Persekitaran korporat yang kondusif	14	Indeks kepuasan kerja kakitangan	75%	<b>A</b>	Kami mengendalikan kaji selidik kepuasan kerja kakitangan tahunan dengan penyertaan semua kakitangan. Keputusan keseluruhan kaji selidik ini menunjukkan pencapaian indeks kepuasan kerja pada tahap 81% (2007: 79%), melebihi tahap yang disasar iaitu 75%.	
			15	Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:			
		a. Mengkaji semula dan melaksanakan program pengiktirafan dan ganjaran	Disempurnakan	<b>A</b>	Program pengiktirafan dan ganjaran dimaklumkan kepada semua kakitangan PIDM dan PIDM menyampaikan anugerah kumpulan buat kali pertama pada Oktober 2008.		
		b. Membangunkan dan melaksanakan pelan tindakan ke atas keputusan kaji selidik indeks kepuasan kerja kakitangan	Tindakan penilaian dijalankan	<b>A</b>	Pendukung perubahan ( <i>change champions</i> ) dikenal pasti untuk membangunkan rancangan tindakan. Aspek tumpuan utama termasuklah interaksi silang-fungsi, perkongsian pengetahuan menerusi sesi taklimat, portal intranet serta keseimbangan hidup dan kerja.		
c. Mengkaji semula, membangunkan dan melaksanakan program yang selamat, sihat dan bebas gangguan	Dibangunkan & dilaksanakan	<b>A</b>	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan ditubuhkan dan latihan berkaitan dianjurkan untuk kakitangan.				



### **PENCAPAIAN MELEBIHI SCORECARD KORPORAT 2008**

Sepanjang tahun ini, kami juga telah menyempurnakan inisiatif tambahan yang tidak dikenal pasti sebelumnya dalam *Scorecard* Korporat 2008. Antaranya:

1. Kami membangunkan proses pengesahan luaran bagi maklumat Penyata Jumlah Deposit Diinsuranskan dan Sistem Premium Berbeza (SPB). Kami mendapatkan khidmat firma audit bagi membantu kami dengan pembentukan proses itu, dan mengadakan perbincangan untuk mendapatkan pandangan BNM, golongan profesional bidang perakaunan dan pengauditan serta institusi anggota kami, sebagai sebahagian daripada proses perundingan kami.
2. Kami, secara kerjasama dengan BNM, telah membangunkan dan melaksanakan Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan pada 2008. Objektif program ini adalah untuk

menggalakkan pembangunan lembaga pengarah berimpak tinggi dalam institusi kewangan di Malaysia yang menyediakan asas yang kukuh untuk kestabilan dan keutuhan sistem kewangan.

3. Kami membangunkan dan melaksanakan rangka kerja bagi mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan termasuk mengesyorkan pindaan perundangan kepada Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM) dan menyediakan perjanjian untuk dimeterai antara PIDM dan Menteri Kewangan, bertujuan untuk membolehkan PIDM melaksanakan Jaminan Deposit Kerajaan secara cekap dan berkesan.

### **KAJIAN SEMULA OPERASI BAHAGIAN**

Semua inisiatif utama pada 2008 dilancar dan disempurnakan menerusi lapan Bahagian dalam PIDM. Jadual berikut menyediakan huraian ringkas mengenai fungsi setiap Bahagian dan aktiviti-aktivitinya pada 2008.





BAHAGIAN	INISIATIF UTAMA BAGI 2008	MASA DEPAN
<p><b>Audit dan Khidmat Perundingan (Audit and Consulting Services – ACS)</b> ACS menyediakan perkhidmatan jaminan yang bebas dan objektif sejajar dengan pelan audit yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan menggunakan pendekatan pengauditan berasaskan risiko. ACS juga bekerjasama dengan pihak Pengurusan, menambah nilai melalui penyediaan perkhidmatan rundingan dan nasihat bagi projek-projek utama.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebagai sebahagian daripada tugas audit dan khidmat perundingan, ACS menyediakan khidmat perundingan dan nasihat dalam pembangunan pelbagai projek/inisiatif silang-fungsi bagi Rancangan Korporat 2009-2011.</li> <li>Melaksanakan Pelan Audit yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi 2008.</li> <li>Melaksanakan rangka kerja kawalan dalaman amalan terbaik dan mengguna pakai pendekatan pengauditan berasaskan risiko.</li> <li>Melaksanakan instrumen analisis audit bagi menambah baik proses pengauditannya.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>ACS akan melaksanakan Pelan Audit yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi 2009 hingga 2011. Ini ialah pelan audit berasaskan risiko bagi menyediakan kepada Lembaga Pengarah penilaian yang bebas dan objektif berhubung prestasi pihak Pengurusan dan pematuhannya terhadap kawalan dalaman.</li> <li>ACS akan memulakan tugas auditan secara bersama dengan sebuah firma audit luaran buat kali pertama.</li> <li>Inisiatif masa depan ACS termasuk pelaksanaan program semakan jaminan kualiti bagi bahagian itu dan penganjuran seminar antarabangsa mengenai kawalan dalaman dan pengurusan risiko organisasi bagi golongan profesional audit dalaman dari agensi pengawal selia dan badan insurans deposit serantau.</li> </ul>
<p><b>Komunikasi dan Hal Ehwat Awam (Communications and Public Affairs – COMMS)</b> Peranan utama COMMS adalah untuk menjalankan inisiatif kesedaran dan pendidikan awam secara berterusan bagi meningkatkan pemahaman orang awam tentang perlindungan insurans deposit dan peranan PIDM dalam menyumbang kepada kestabilan sistem kewangan Malaysia.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam usahanya untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai insurans deposit dan PIDM, COMMS menganjurkan Minggu Kesedaran Insurans Deposit, Program Capaian Korporat di Sabah, 48 sesi taklimat dan menyertai 10 pameran di seluruh Malaysia.</li> <li>Menerbit, melancar dan menyiarkan iklan televisyen, iklan radio, iklan cetak dan pengiklanan menerusi Internet.</li> <li>Menganjurkan Peraduan “PIDM &amp; Anda” yang menerima sambutan yang amat menggalakkan dengan lebih 1.6 juta penyertaan menerusi SMS (khidmat pesanan ringkas), dalam talian dan borang peraduan yang disiarkan dalam pelbagai akhbar, daripada 25,000 peserta di seluruh negara.</li> <li>Mengendalikan sesi temu bual sebagai tetamu undangan khas dalam rancangan ‘Selamat Pagi Malaysia’ dan ‘Bisnes Malaysia’ yang disiarkan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) serta pelbagai media cetak lain.</li> <li>Memulakan pembangunan program pendidikan bagi pelajar.</li> <li>Berdasarkan kaji selidik pengguna seluruh negara yang dikendalikan pada 2008, PIDM mencapai peningkatan ketara dalam tahap kesedaran insurans deposit kepada <b>27%</b> (pertengahan-2008: 19%; 2007: 15%; 2006: 13%). Kesedaran tentang PIDM juga meningkat kepada <b>32%</b> (pertengahan-2008: 20%; 2007: 12%; 2006: 4%).</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>COMMS akan menyesuaikan semula fokus usaha komunikasi dalam kesedaran dan pemahaman awam terhadap PIDM berikutan pelancaran Jaminan Deposit Kerajaan dan perubahan dalam persekitaran operasi.</li> <li>COMMS juga akan melaksanakan projek-projek baru bagi meningkatkan kesedaran awam, mengendalikan program pendidikan, menambah baik dan melancarkan risalah maklumat awam dan laman web, membangunkan Manual Komunikasi Krisis dan menambah baik Pusat Panggilan sebagai sebahagian daripada keseluruhan pembangunan Sistem Pembayaran Balik Deposit.</li> </ul>

BAHAGIAN	INISIATIF UTAMA BAGI 2008	MASA DEPAN
<p><b>Pengurusan Risiko Organisasi (Enterprise Risk Management – ERM)</b> Sebagai penginsurans deposit nasional di Malaysia, PIDM beroperasi dalam persekitaran yang dinamik, dengan pendedahan kepada pelbagai risiko dalaman dan luaran. Pengurusan risiko ialah bahagian yang penting dalam pengurusan yang mantap. Justeru, peranan utama bagi ERM adalah untuk melaksana dan mengekalkan proses dan amalan utama pengurusan risiko organisasi dalam PIDM.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyempurnakan kitaran tahunan proses pengurusan risiko organisasi iaitu mengenal pasti, menaksir, menilai, menangani, memantau dan menyampaikan risiko utama yang memberi kesan kepada PIDM dan pelan tindakan mitigasinya.</li> <li>Membangunkan dan merangka polisi risiko Lembaga Pengarah – Polisi Risiko Pasaran dan Polisi Risiko Kecairan.</li> <li>Membangunkan konsep rangka kerja penilaian keberkesanan pengurusan risiko organisasi.</li> <li>Menganjurkan sesi perkongsian pengetahuan mengenai amalan pengurusan risiko organisasi dengan kakitangan, BNM, Institut Insurans Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>ERM akan terus menyemak dan memantapkan rangka kerja ERM serta membangunkan dan melaksanakan polisi dan amalan risiko Lembaga Pengarah dan Rangka Kerja Penilaian Keberkesanan ERM PIDM.</li> <li>ERM akan terus menyokong dan menyediakan khidmat nasihat risiko kepada semua bahagian dan projek berkaitan dalam PIDM.</li> </ul>
<p><b>Kewangan dan Pentadbiran (Finance and Administration – FINAD)</b> Unit-unit dalam FINAD iaitu, Perancangan Korporat, Kewangan, Pentadbiran, Teknologi Maklumat serta Organisasi dan Kaedah menumpukan tugasnya kepada proses dalaman bagi memastikan operasi yang lancar dan berkesan di PIDM.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan rangka kerja dan proses pengaturcaraan pembiayaan.</li> <li>Membangunkan dan melaksanakan polisi operasi, kewangan dan pentadbiran pejabat.</li> <li>Menyemak semula dan memantapkan proses pengurusan kewangan.</li> <li>Menyemak dan memantapkan Rangka Kerja Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti.</li> <li>Menyemak semula dan memantapkan proses pemantauan dan pelaporan bajet.</li> <li>Memulakan pembangunan Pelan Kesenambungan Urus Niaga dan Pemulihan Bencana bersama ERM.</li> <li>Memantapkan infrastruktur IT bagi memperkasakan pengguna serta polisi dan prosedur tadbir urus IT.</li> <li>Menyelaras pembangunan Rancangan Korporat tahunan.</li> <li>Membangunkan dan melaksanakan sistem pengurusan inventori.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>FINAD akan mewujudkan dana sasaran dan rangka kerja peruntukan yang akan dilaksanakan pada masa depan.</li> <li>FINAD dan ERM akan terus membangunkan dan melaksanakan fasa-fasa yang lain dalam Pelan Kesenambungan Urus Niaga dan Pemulihan Bencana.</li> <li>Inisiatif utama lain termasuk pembangunan dan pelaksanaan proses pembiayaan yang efektif dan sistem pembayaran bagi menyokong proses pembayaran balik deposit, peningkatan infrastruktur IT yang berterusan serta Rangka Kerja dan Sistem Pengurusan Pengetahuan.</li> <li>FINAD akan terus menyemak semula dan memantapkan proses pengurusan kewangan bagi memastikan operasi yang cekap dan berkesan.</li> </ul>

BAHAGIAN	INISIATIF UTAMA BAGI 2008	MASA DEPAN
<p><b>Sumber Manusia (Human Capital – HC)</b> HC bertanggungjawab ke atas semua aspek pengurusan modal insan PIDM.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memulakan fasa pertama pembangunan Sistem Pengurusan Sumber Manusia.</li> <li>Memulakan pelaksanaan perancangan penggantian bagi pengurusan kanan berdasarkan rangka kerja yang diluluskan.</li> <li>Membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Tenaga Kerja dan Model Kecekapan.</li> <li>Menyempurnakan Program Pengenalpastian Tahap Keupayaan.</li> <li>Menyempurnakan Kaji Selidik Perbandingan Pasaran.</li> <li>Menganjurkan pelbagai aktiviti bagi kakitangan, termasuk hari keluarga, majlis makan malam tahunan dan Minggu Inisiatif Modal Insan.</li> <li>Sebagai sebahagian daripada objektif untuk membangunkan persekitaran korporat yang kondusif, HC juga menjalankan Kaji Selidik Kepuasan Kerja Kakitangan pada akhir 2008. Keputusan Kaji Selidik ini menunjukkan tahap indeks kepuasan kerja pada 81%, mengatasi tahap yang disasarkan iaitu 75%.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dengan pembangunan modal insan sebagai satu daripada tumpuan pada masa hadapan, HC akan meneruskan pelaksanaan inisiatif utama dalam pengurusan tenaga kerja, perancangan penggantian serta program latihan dan pembangunan khusus.</li> <li>HC akan membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja dan Sistem Pengurusan Pengetahuan.</li> <li>HC juga akan bekerjasama dengan COMMS untuk membangunkan program biasiswa oleh PIDM.</li> </ul>
<p><b>Insurans, Penilaian Risiko dan Pemantauan (Insurance, Risk Assessment and Monitoring – INRAM)</b> INRAM bertanggungjawab untuk memantau dan menilai risiko insurans institusi anggota kami, pentadbiran premium dan surcaj, pematuhan institusi anggota kepada Akta PIDM dan Peraturan-Peraturan serta pembangunan dan pelaksanaan metodologi campur tangan dan resolusi kegagalan selain proses pengurusan pembayaran balik deposit. INRAM diberi tanggungjawab membangun dan memperkenalkan insurans deposit Islam.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan SPB yang mana institusi anggota dikehendaki membayar premium berasaskan penilaian profil risiko mereka.</li> <li>Melaksanakan Sistem Penilaian Risiko yang membolehkan penilaian, pemantauan dan pelaporan profil risiko institusi anggota secara efisien.</li> <li>Membangunkan Rangka Kerja bagi Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan dan merangka "Garis Panduan berkenaan Campur Tangan" yang bertujuan menyediakan garis panduan umum bagi menangani situasi khusus atau masalah yang dihadapi oleh mana-mana institusi anggota.</li> <li>Membangunkan polisi, prosedur dan sistem pembayaran balik deposit bagi memastikan pembayaran balik tuntutan deposit diinsuranskan secara efisien. Sejalan dengan itu, PIDM juga berkongsi pengetahuan dan pengalamannya menerusi penyertaan aktif dalam Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (<i>International Association of Deposit Insurers – IADI</i>) bagi membangunkan "Garis Panduan Sistem Pembayaran Balik Deposit yang Efektif dan Efisien".</li> <li>Sebagai Pengerusi Kumpulan Insurans Deposit Islam di bawah IADI, PIDM menganjurkan seminar mengenai insurans deposit Islam bagi meningkatkan kesedaran dan membincangkan isu-isu di kalangan penginsurans deposit lain berkaitan dengan sistem insurans deposit Islam.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>INRAM akan terus memperkenalkan sistem insurans deposit Islam di seluruh dunia menerusi Kumpulan Insurans Deposit Islam melalui seminar dan kertas kerja perbincangan/penyelidikan mengenai insurans deposit Islam.</li> <li>INRAM akan menumpukan usahanya bagi membangunkan set polisi dan prosedur menyeluruh, manual dan garis panduan bagi semua aspek campur tangan dan resolusi kegagalan. Projek ini dilaksanakan secara berperingkat dan fasa terakhir dijangka disempurnakan pada 2011. Bahagian yang akan diberi perhatian dalam projek ini termasuklah Pelan Kontingensi, Kajian Terperinci, Pengurusan Aset, 'Bridge Bank', Pentadbir Harta Milik, Pembelian dan Pengambilalihan serta Pembubaran.</li> <li>INRAM akan memantapkan lagi pendekatan penilaian risiko dengan memasukkan lebih banyak petunjuk berkaitan pasaran serta elemen ramalan.</li> <li>INRAM akan memantapkan penilaian mereka terhadap institusi anggota yang menyediakan perkhidmatan perbankan Islam, agar lebih mencerminkan ciri-ciri unik perbankan Islam.</li> </ul>

BAHAGIAN	INISIATIF UTAMA BAGI 2008	MASA DEPAN
<p><b>Perundangan (LEGAL)</b> LEGAL menyediakan semua perkhidmatan perundangan dan sekretariat korporat untuk PIDM. Ini termasuk semakan bagi pematuhan terhadap undang-undang yang berkaitan serta peraturan-peraturan dan dasar utama lain. Ia juga menyokong pembangunan perundangan subsidiari dan perundangan berkaitan yang lain. LEGAL juga merupakan sekretariat kepada Lembaga Pengarah, yang memantau dan memaklumkan kepada Lembaga Pengarah berkenaan perkembangan tadbir urus korporat dan memberi nasihat mengenai perkara-perkara berkaitan tadbir urus. Bahagian ini juga merupakan sekretariat bagi aktiviti tanggungjawab sosial korporat PIDM untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar dalam organisasi, serta menyumbang kepada masyarakat, sejajar dengan Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>LEGAL memastikan pelaksanaan draf peraturan-peraturan dengan mewartakan Peraturan-Peraturan PIDM SPB 2008, Peraturan-Peraturan PIDM (Terma dan Syarat Keanggotaan) 2008, Peraturan-Peraturan PIDM (Perjanjian dan Transaksi Kewangan di bawah Perenggan 80(h) Akta) 2008 dan membincangkan draf Peraturan-Peraturan PIDM (Keperluan Maklumat) dengan Perbendaharaan dan Jabatan Peguam Negara.</li> <li>Merangka perundangan insurans penstabilan dan perjanjian dengan Kerajaan, bertujuan untuk membolehkan PIDM melaksanakan Jaminan Deposit Kerajaan dengan cekap dan berkesan.</li> <li>Menjalankan kajian semula secara menyeluruh Akta PIDM 2005 (serta peraturan berkaitan tertentu) bagi memastikan PIDM mempunyai kuasa yang diperlukan dan terkini untuk melaksanakan mandat dan tanggungjawabnya dengan cekap dan berkesan.</li> <li>Meneruskan tugas memberikan pengesahan untuk produk deposit yang disediakan oleh institusi anggota, berhubung kebolehinisuransan produk tersebut, sebelum pengumuman Jaminan Deposit Kerajaan.</li> <li>Membangunkan "Garis Panduan Pengurusan Kontrak" bagi memastikan operasi yang berkesan dan meminimumkan risiko yang terlibat dalam hal ehwal kontrak dengan pihak ketiga.</li> <li>Memberi khidmat nasihat berkenaan pembangunan program Manual "Permintaan Cadangan" serta Pengurusan Rekod dan Klasifikasi Maklumat.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>LEGAL akan terus menyediakan perkhidmatan perundangan dan sekretariat korporat. Bahagian ini juga akan terus menyediakan sokongan bagi pindaan kepada undang-undang atau pembangunan draf perundangan baru berkaitan dengan PIDM dan untuk menguatkuasakan Akta PIDM.</li> <li>LEGAL akan terus menyediakan perkhidmatan perundangan dan sokongan untuk Jaminan Deposit Kerajaan, projek Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan dan Sistem Pembayaran Balik Deposit, antara lainnya.</li> <li>LEGAL akan melaksanakan kajian semula Akta PIDM secara menyeluruh sejajar dengan pembangunan projek Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan.</li> </ul>
<p><b>Polisi dan Antarabangsa (Policy and International – POLICY)</b> POLICY menilai dan membangunkan polisi yang berkaitan dengan mandat dan operasi PIDM secara proaktif. Ia juga menerajui dan menyelaraskan aktiviti antarabangsa PIDM. Bahagian ini mengguna pakai pendekatan perundingan penuh bagi memastikan penggubalan dasar yang teguh dan efektif.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan Peraturan-Peraturan PIDM (Terma dan Syarat Keanggotaan) 2008.</li> <li>PIDM merupakan satu daripada dua organisasi yang dicalonkan bagi Anugerah Penginsurans Deposit Terbaik 2008, anugerah berprestij yang dianugerahkan oleh IADI kepada anggota IADI yang membantu menyumbang kepada kestabilan kewangan dengan memenuhi mandatnya. Organisasi yang dicalonkan untuk anugerah sedemikian merupakan anggota IADI yang bergiat aktif dalam bidang insurans deposit di peringkat antarabangsa dan memberi sumbangan besar kepada peningkatan objektif IADI.</li> <li>Seorang wakil daripada PIDM, telah dilantik sebagai anggota Majlis Eksekutif, badan pentadbir IADI, pada Oktober 2008.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>POLICY akan terus membina kredibiliti dan reputasi PIDM, menerusi pembangunan polisi insurans deposit yang mantap, khususnya, sepanjang tempoh Jaminan Deposit Kerajaan.</li> <li>Bahagian ini juga akan terus menjalin perkongsian strategik dengan penginsurans deposit utama dan agensi antarabangsa yang lain bagi pembangunan kapasiti dan perkongsian pengetahuan, serta penganjuran seminar insurans deposit.</li> </ul>

### JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN

Pada 16 Oktober 2008, Kementerian Kewangan dan BNM mengumumkan bahawa semua deposit dalam mata wang Ringgit dan asing di bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan dan bank Islam antarabangsa, serta institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan dikawal selia oleh BNM akan diberi jaminan sepenuhnya oleh Kerajaan menerusi PIDM sehingga 31 Disember 2010. Jaminan Deposit Kerajaan dilanjutkan kepada semua institusi perbankan asing yang diperbadankan di Malaysia.

Jaminan Deposit Kerajaan dilaksanakan sebagai langkah awal dan berjaga-jaga bagi membantu mengekalkan kestabilan sistem kewangan Malaysia. Langkah itu selaras dengan inisiatif yang diambil oleh negara-negara jiran. Memandangkan tahap permodalan institusi perbankan Malaysia kukuh dan mantap, Jaminan Deposit Kerajaan dijangka tidak akan diguna pakai. Walau bagaimanapun, PIDM terus menilai risiko dan memantau prestasi institusi-institusi ini secara berterusan.

Dengan pengumuman ini, PIDM dipertanggungjawabkan untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan dan akan bekerjasama rapat dengan BNM bagi memastikan institusi anggotanya dan institusi kewangan lain yang dijamin terus mengekalkan tahap dipermodalkan yang mencukupi dan tidak terlibat dalam pengambilan risiko yang berlebihan.

PIDM kekal bertanggungjawab untuk menginsuranskan deposit yang dipegang oleh institusi anggota seperti yang digariskan dalam Akta PIDM. Kerajaan di bawah Jaminan Deposit Kerajaan bertanggungjawab menjamin deposit yang tidak diinsuranskan secara langsung oleh PIDM dan bagi deposit yang dipegang oleh institusi kewangan lain yang dijamin. Oleh sebab itu, PIDM tidak mempunyai pendedahan kewangan di bawah Jaminan Deposit Kerajaan.

Bagi memastikan pentadbiran Jaminan Deposit Kerajaan yang efektif, PIDM mencadangkan pindaan kepada Akta PIDM bagi peruntukan insurans penstabilan. Peruntukan baru ini akan membolehkan Menteri Kewangan mengisytiharkan, dalam keadaan yang luar biasa, penggunaan insurans penstabilan sementara, dan bagi PIDM untuk mentadbir insurans seumpama itu. Peruntukan-peruntukan yang baru ini dijangka dibentangkan kepada Parlimen selewat-lewatnya pada suku tahun pertama 2009. PIDM juga mengadakan perjanjian dengan Kementerian Kewangan yang menggariskan terma dan syarat bagi operasi Jaminan Deposit Kerajaan termasuk mekanisme untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan, pembiayaan dan perkongsian maklumat.

### KEPUTUSAN OPERASI

Penyata Pendapatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember	2008 Sebenar RM'000	2008 Bajet RM'000	Perbezaan		2007 RM'000
			RM'000	%	
<b>Pendapatan</b>					
Pendapatan premium	90,079	120,000	(29,921)	(25)	110,156
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	8,487	8,000	487	6	5,754
Pendapatan pelbagai	-	-	-	-	39
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>98,566</b>	<b>128,000</b>	<b>(29,434)</b>	<b>(23)</b>	<b>115,949</b>
<b>Perbelanjaan Operasi</b>					
Manfaat kakitangan	19,170	21,230	2,060	10	13,072
Perhubungan awam dan pengiklanan	6,411	7,800	1,389	18	6,356
Susut nilai	1,642	2,452	810	33	1,314
Pajakan operasi	1,003	1,442	439	30	768
Perbelanjaan lain	6,316	12,076	5,760	48	5,591
<b>Jumlah Perbelanjaan Operasi</b>	<b>34,542</b>	<b>45,000</b>	<b>10,458</b>	<b>23</b>	<b>27,101</b>
<b>Lebih Bersih</b>	<b>64,024</b>	<b>83,000</b>	<b>(18,976)</b>	<b>(23)</b>	<b>88,848</b>


### PERBELANJAAN MODAL

	2008 Sebenar RM'000	2008 Bajet RM'000	Perbezaan		2007 RM'000
			RM'000	%	
Sistem komputer dan peralatan pejabat	6,504	15,210	8,706	57	3,037
Perabot, kelengkapan dan ubahsuai pejabat	380	400	20	5	3,966
Kenderaan motor	-	-	-	-	240
<b>Jumlah Perbelanjaan Modal</b>	<b>6,884</b>	<b>15,610</b>	<b>8,726</b>	<b>56</b>	<b>7,243</b>

**ULASAN PRESTASI KEWANGAN 2008**

Kami mencatatkan jumlah pendapatan RM98.5 juta dan perbelanjaan operasi RM34.5 juta, yang membawa kepada lebih bersih RM64.0 juta bagi 2008.

Carta 1: Arah Aliran Kewangan Utama




Nota: Tempoh kewangan 2005 merangkumi tempoh 4 bulan yang berakhir pada 31 Disember 2005.

**PENDAPATAN**

**Pendapatan premium**

Premium tahunan ditaksir adalah berdasarkan Jumlah Deposit Diinsuranskan yang dipegang oleh institusi anggota. Sejak penubuhan PIDM pada 2005, paras Jumlah Deposit Diinsuranskan berada dalam arah aliran meningkat.

Carta 2: Arah Aliran Jumlah Deposit Diinsuranskan dari tahun 2005 hingga 2008



Sehingga 2007, PIDM menaksir premium terhadap institusi anggotanya berdasarkan kadar tetap 0.06% daripada Jumlah Deposit Diinsuranskan. Pada 2008, kami memperkenalkan SPB. SPB membezakan institusi anggota mengikut profil risiko masing-masing


dan mengklasifikasi institusi anggota kepada empat kategori premium. Kadar premium yang terpakai bagi empat kategori adalah seperti berikut:

Kategori Premium	Kadar Premium
Kategori 1	0.03%
Kategori 2	0.06%
Kategori 3	0.12%
Kategori 4	0.24%

SPB bertujuan untuk memberi insentif kepada institusi anggota untuk mengguna pakai amalan pengurusan risiko yang mantap dan teguh termasuk penyenggaraan kedudukan modal yang kukuh. Di bawah SPB, institusi anggota dengan profil risiko rendah membayar premium yang rendah.

Dengan pengenalan SPB pada 2008, jumlah premium yang dikutip daripada institusi anggota adalah sebanyak RM90.0 juta berbanding dengan RM110.1 juta pada 2007. Memandangkan SPB diperkenalkan untuk kali pertama pada 2008, PIDM mengambil kira kesukaran dalam mengunjur dengan tepat pendapatan premium dalam Rancangan Korporatnya yang diluluskan pada Disember 2007. Pengurangan dalam premium yang dikutip daripada institusi anggota adalah disebabkan premium yang lebih rendah yang dibayar oleh institusi anggota terbabit yang mempunyai profil risiko yang lebih rendah. Juga, bagi tahun taksiran premium 2008 sahaja, PIDM menyediakan peruntukan peralihan dengan menyelaras naik skor SPB sebanyak 20% daripada skor kuantitatif mereka dan menaksir mana-mana institusi anggota yang diberi taraf Kategori 4 pada kadar yang sama seperti kadar dalam premium Kategori 3. Sistem SPB akan berkuat kuasa sepenuhnya mulai tahun 2009 dan seterusnya.

Carta 3: Arah Aliran Premium dari tahun 2005 hingga 2008




Bagi 2009, kami membajetkan pendapatan premium RM147.0 juta dengan jangkaan peningkatan Jumlah Deposit Diinsuranskan sebanyak 10% dari tahun sebelumnya. PIDM akan terus membina rizab dalam Dana Insurans Deposit bagi memperuntukkan sumber kewangan untuk memenuhi sebarang obligasi pada masa hadapan yang mungkin dihadapi olehnya sebagai penginsurans deposit.

**Pendapatan pelaburan**


Kami memperoleh pendapatan pelaburan seperti yang dibajetkan bagi 2008 dengan hasil pulangan purata wajaran 3.4% daripada pelaburan.

Carta 4: Pendapatan Pelaburan



Pada akhir 2008, dana kami dalam bentuk tunai, kesetaraan tunai dan pelaburan telah meningkat daripada RM206.2 juta pada 2007 kepada RM267.4 juta pada 2008. PIDM melabur dana lebihannya dalam sekuriti pelaburan BNM dan Kerajaan dengan pelbagai tempoh matang.


Carta 5: Tunai, kesetaraan tunai dan sekuriti pelaburan



**PERBELANJAAN OPERASI**

Perbelanjaan operasi kami bagi tahun 2008 berjumlah RM34.5 juta. Carta berikut menerangkan aliran perbelanjaan operasi kami.

Carta 6: Arah Aliran Perbelanjaan Operasi




Jumlah perbelanjaan operasi sehingga 31 Disember 2008 ialah RM10.5 juta atau 23% kurang daripada bajet tetapi RM7.4 juta atau 27% lebih tinggi berbanding dengan 2007. Arah aliran menaik dalam perbelanjaan operasi ialah hasil daripada langkah PIDM untuk terus membangunkan kapasiti dan keupayaannya.

**Manfaat kakitangan**

Sejak penubuhan kami pada 2005, kami telah memberi tumpuan untuk membangunkan pasukan kerja yang mantap dengan mengambil kakitangan yang mempunyai kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan sikap yang sesuai. Kami mengguna pakai strategi dan pendekatan pengambilan kakitangan baru yang berstruktur, termasuk menyediakan pakej imbuhan dan manfaat yang setanding dengan pasaran bagi menarik dan mengekalkan tenaga kerja yang sesuai. Oleh sebab kami masih di tahap pembangunan, kami meneruskan usaha membangunkan asas modal insan kami seperti yang dicerminkan oleh peningkatan bilangan kakitangan. Peningkatan utama adalah dalam bahagian operasi utama termasuk fungsi insurans, penilaian risiko dan pemantauan, perundangan dan komunikasi.

Carta 7: Bilangan Kakitangan




Hasil daripada ini, perbelanjaan manfaat kakitangan kami meningkat kepada RM19.2 juta pada 2008 daripada RM13.1 juta pada 2007. Bagaimanapun, ia adalah RM2.1 juta atau 10% lebih rendah daripada bajet, terutamanya disebabkan pengaturan masa pengambilan pekerja baru tahun ini.

**Perhubungan awam dan pengiklanan**

Komunikasi dan kesedaran awam merupakan salah satu daripada fungsi utama kami dalam memastikan keberkesanan sistem insurans deposit. Sejak

penubuhan kami pada 2005, tumpuan kami adalah untuk memastikan komunikasi yang efektif dalam usaha kami untuk meningkatkan tahap kesedaran awam mengenai sistem insurans deposit. Kami menyediakan program kesedaran awam bersepadu pelbagai tahun dengan pendekatan dan pelan komunikasi yang berstruktur. Pada tahun-tahun awal penubuhan, kami membangunkan bahan latihan dan menyediakan risalah maklumat yang diedarkan kepada orang awam serta digunakan dalam latihan kepada wakil institusi anggota mengenai sistem insurans deposit. Kami kemudiannya giat menjalankan aktiviti perhubungan awam termasuk ceramah awam, jerayawara, seminar serta penyertaan aktif dalam pameran dan persidangan. Pada 2007, kami mula melancarkan kempen pengiklanan menerusi pelbagai saluran media termasuk televisyen, radio dan media cetak.

Carta 8: Perbelanjaan Perhubungan Awam dan Pengiklanan




Bagi 2008, kami membajetkan RM7.8 juta bagi inisiatif perhubungan awam dan pengiklanan. Bagaimanapun, kami membelanjakan RM6.4 juta iaitu RM1.4 juta kurang daripada bajet. Keseluruhan perbezaan yang positif bagi tahun ini adalah disebabkan pembatalan beberapa program pengiklanan berikutan pengumuman Jaminan Deposit Kerajaan pada Oktober 2008. Penjimatan kos juga diperolehi

hasil daripada perkongsian dengan BNM dan agensi kerajaan berkaitan yang lain bagi jerayawara serta pelbagai program interaksi dengan pemegang kepentingan.

**Perbelanjaan modal dan susut nilai**


Hasil daripada model perniagaan yang diguna pakai oleh PIDM, kami meletakkan pergantungan besar kepada infrastruktur operasi yang kukuh dan efektif, terutamanya, Teknologi Maklumat (IT). Pada 2007, PIDM berpindah ke pejabat barunya di Kuala Lumpur Sentral yang menyediakan persekitaran pejabat yang lebih canggih termasuk pusat data yang komprehensif. Sejak itu, tumpuan kami adalah untuk membangunkan infrastruktur IT yang kukuh bagi meningkatkan keberkesanan operasi kami.

Carta 9: Arah Aliran Perbelanjaan Modal



Perbelanjaan modal yang ditanggung dan dikontrak sehingga 31 Disember 2008 berhubung kait terutamanya dengan sistem IT utama bagi menyokong operasi kami. Pada 2007, kami memulakan pembangunan Sistem Penilaian Risiko yang disempurnakan dalam suku tahun pertama 2008. Pada 2008, kami memulakan pembangunan Fasa 1 Sistem Pembayaran Balik Deposit kami. Kami juga terus meningkatkan infrastruktur IT operasi kami termasuk memantapkan rangkaian dan keselamatan IT serta automasi proses urus niaga bagi beberapa fungsi utama.

Carta 10: Pecahan Perbelanjaan Modal Utama dari 2005 hingga 2008




Bagi 2008, kami membajetkan RM15.6 juta untuk perbelanjaan modal, terutamanya bagi sistem IT kami. Bagaimanapun, kami hanya membelanjakan RM6.9 juta atau 44% daripada bajet kami. Perbezaan positif ketara ini berpunca terutamanya daripada penjadualan semula beberapa inisiatif IT disebabkan keutamaan operasi lain. Inisiatif ini akan dilaksanakan pada 2009. Kami juga memperoleh penjimatan kos ketara berkaitan dengan Sistem Pembayaran Balik Deposit – Fasa 1 berjumlah kira-kira RM5.3 juta.

Perbelanjaan susut nilai meningkat sejajar dengan peningkatan dalam hartanah dan peralatan PIDM. Bagaimanapun, ia RM0.8 juta atau 33% di bawah bajet disebabkan pengaturan masa aset diperolehi dan dipermodalkan.


**Perbelanjaan lain**

Perbelanjaan lain berhubung kait dengan perbelanjaan Am dan Pentadbiran kami seperti sewa pejabat, fi profesional dan perundingan, perbelanjaan latihan dan pembangunan, kos percetakan dan alat tulis, kos langganan dan telekomunikasi. Terdapat peningkatan dalam perbelanjaan ini dari tahun ke tahun memandangkan jumlah kakitangan kami meningkat dan lebih banyak inisiatif dilaksanakan. Bagaimanapun, sejak 2007, kebanyakan perbelanjaan pentadbiran pejabat kami seperti sewa pejabat, kos utiliti, kos pencetakan dan alat tulis, langganan dan keahlian serta kos laman web mula stabil.

Carta 11: Arah Aliran Perbelanjaan Lain




Carta 12: Butiran Utama dalam Perbelanjaan Lain



Kenaikan dalam perbelanjaan lain daripada RM5.6 juta pada 2007 kepada RM6.3 juta pada 2008 berpunca terutamanya daripada peningkatan dalam perkhidmatan profesional dan perundingan untuk menyokong inisiatif utama yang dilaksanakan serta kos latihan dan pembangunan. Keseluruhan perbelanjaan kami dalam kategori perbelanjaan ini adalah kurang daripada bajet sebanyak RM5.8 juta.

## SOROTAN LEMBARAN IMBANGAN

Carta 13: Komposisi Aset



### Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember 2008

Gabungan tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM76.4 juta pada 31 Disember 2008. Sumber dan kegunaan tunai dijelaskan dalam Penyata Aliran Tunai di Bahagian 4 Laporan Tahunan ini.

### Pelaburan

Jumlah pelaburan mencatatkan peningkatan sebanyak 12% kepada RM191.0 juta berbanding tahun 2007. Polisi pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah menghendaki kami melabur dalam sekuriti Kerajaan dalam mata wang Ringgit jangka pendek dengan pelbagai tempoh matang. Polisi pelaburan kami melarang kami membuat pelaburan atau menandatangani dana dengan mana-mana institusi anggota, melainkan bagi tujuan operasi harian.

Portfolio pelaburan PIDM pada 31 Disember 2008 terdiri daripada sekuriti pelaburan BNM dan Kerajaan dengan tempoh jangka pendek daripada 42 hari hingga 360 hari.

### Hartanah dan peralatan dan aset lain pada 31 Disember 2008

Hartanah dan peralatan kami pada 31 Disember 2008 berjumlah RM8.4 juta dengan peningkatan RM2.6 juta dari tahun sebelumnya. Kami mengekalkan polisi susut nilai yang mana aset disusut nilai dalam tempoh antara tiga dan lima tahun bergantung kepada jenis dan klasifikasi. Sila rujuk nota 2.2(c) penyata kewangan.

Aset lain berjumlah RM1.1 juta berkaitan terutamanya deposit sewa dan utiliti bagi hartanah disewa, pra-pembayaran bagi sewa serta akaun belum terima daripada pelaburan.

### Liabiliti pada 31 Disember 2008

Jumlah liabiliti menurun sebanyak 59% kepada RM1.5 juta pada 2008. Ia terdiri daripada akaun belum bayar bagi utiliti, perkhidmatan komunikasi, sistem IT, peruntukan bagi cuti yang tidak digunakan serta perkhidmatan yang diberikan berkaitan dengan khidmat perundingan dan bekalan barangan.

### Dana Insurans Deposit pada 31 Disember 2008

Jumlah Dana Insurans Deposit berjumlah RM275.3 juta, suatu kenaikan sebanyak 30% dari tahun sebelumnya. Bagaimanapun, Dana Insurans Deposit adalah 6% lebih rendah berbanding bajet RM292.2 juta disebabkan pendapatan premium yang lebih rendah diimbangi oleh pengurangan dalam perbelanjaan operasi. Jumlah Dana Insurans Deposit merangkumi Dana Insurans Deposit Konvensional berjumlah RM243.0 juta dan Dana Insurans Deposit Islam berjumlah RM32.3 juta.

### Kontingensi atau luar jangkaan

Di bawah Akta PIDM, PIDM mempunyai pendedahan kepada kerugian disebabkan ia menginsuranskan deposit institusi anggotanya. Oleh sebab pendedahan ini tidak dapat ditentu atau dianggarkan dengan tepat pada tahap kebolehpercayaan yang boleh diterima, tiada peruntukan am atau khusus telah direkodkan dalam penyata kewangan bagi tempoh kewangan semasa. Sejak penubuhan PIDM pada 2005, ia tidak menanggung sebarang kerugian yang memerlukan peruntukan khusus dibuat dan dinyatakan dalam penyata kewangan.

Fungsi penilaian risiko dan pemantauan berterusan PIDM membolehkannya bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa pengawal selia bagi mengambil tindakan pemulihan segera untuk meminimumkan kemungkinan kegagalan institusi anggota. Tambahan pula, PIDM memperkukuhkan disiplin kewangan menerusi SPB yang menyediakan insentif yang kukuh bagi institusi untuk mengguna pakai amalan pengurusan risiko yang mantap termasuk penyenggaraan kedudukan modal yang kukuh. Sekiranya berlaku kegagalan sesebuah bank, PIDM diberi mandat dan mempunyai kuasa yang perlu untuk campur tangan dan mengendalikan resolusi ke atas institusi terbabit dengan cara yang meminimumkan kerugian kepada sistem kewangan.

Meskipun tiada peruntukan am atau khusus direkodkan seperti di atas, PIDM terus meningkatkan rizabnya dalam Dana Insurans Deposit menerusi kutipan premium tahunan yang ditaksir terhadap institusi anggotanya. Rizab ini sedia ada bagi menampung sebarang kerugian atau obligasi masa hadapan PIDM. Sekiranya rizab itu tidak mencukupi, PIDM, sebagai sebuah badan berkanun, mempunyai kuasa untuk meminjam atau mengumpul dana, termasuk meminjam

daripada Kerajaan serta menaksir premium yang lebih tinggi dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Sebagai satu daripada inisiatif dalam bahagian ini, kami menjalankan satu kaji selidik untuk membangunkan metodologi peruntukan yang sesuai, memandangkan kekurangan data dan pengalaman berkenaan kerugian dalam sistem perbankan Malaysia. Ini termasuk mengenal pasti proksi bagi kadar kerugian akibat kemungkiran dan kebarangkalian mungkir. Kami juga menjalankan penyelidikan mengenai pembangunan dana sasaran bagi Dana Insurans Deposit Konvensional dan Dana Insurans Deposit Islam. Ini adalah untuk membolehkan kami menyediakan pelan pembiayaan komprehensif untuk tempoh jangka masa panjang.

### Sumber pembiayaan dan keupayaan kewangan

Sebagai badan berkanun, sumber pembiayaan dan keupayaan masa hadapan kami untuk memenuhi liabiliti dan komitmen adalah terjamin. Kami ditadbir oleh undang-undang dan mempunyai kewajipan untuk melindungi pendeposit daripada kehilangan deposit mereka, sekiranya sesebuah institusi anggota tidak dapat memenuhi liabilitinya kepada pendeposit. Akta PIDM memberikan kuasa kepada kami untuk meminjam atau mengumpul dana bagi memenuhi obligasi kami. Kami juga mungkin memohon pinjaman daripada Kumpulan Wang Disatukan dengan kelulusan daripada Menteri Kewangan mengikut terma dan syarat yang ditentukan oleh Menteri.

Kami juga diberi kuasa di bawah perundangan kami untuk menaksir premium tahunan terhadap institusi anggota dan menetapkan kadar premium dengan kelulusan Menteri Kewangan. Jika pembiayaan lebih diperlukan, kadar premium, di bawah Akta PIDM, boleh dinaikkan dengan kelulusan Menteri Kewangan.


Lebih bersih kami dikekalkan dalam Dana Insurans Deposit yang berjumlah RM275.3 juta pada akhir 2008. Polisi kami adalah untuk membina rizab dalam Dana Insurans Deposit bagi menyediakan kami dengan dana yang mencukupi dan sedia ada untuk memenuhi sebarang obligasi pada masa depan.

Akhir sekali, Akta PIDM menghalang pembubaran urus niaga dan hal ehwal PIDM.

PIDM menilai dan memantau risiko institusi anggota secara berterusan. Fungsi ini dipertingkatkan lagi dengan penyempurnaan Sistem Penilaian Risiko pada awal 2008 yang menyediakan PIDM dengan instrumen risikan urus niaga untuk menilai dan memantau institusi anggota kami dengan efektif dan efisien, daripada perspektif setiap bank dan juga industri.

Petunjuk kewangan keanggotaan kami sehingga Disember 2008 menunjukkan bahawa institusi anggota kami mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan berdaya tahan. Ini dicerminkan daripada kualiti aset yang teguh, modal yang mencukupi, keuntungan kukuh dan kecairan yang mencukupi. Bagaimanapun, industri bersedia untuk berhadapan dengan tahun yang lebih mencabar pada 2009 apabila kesan kegawatan ekonomi dunia memberi impak kepada ekonomi tempatan kita.

Carta 14: Petunjuk Kualiti Aset Terpilih




**Keseluruhan kualiti aset masih kukuh**

Kami memerhatikan bahawa petunjuk utama kualiti aset masih kukuh. Nisbah pinjaman tidak dibayar (NPL) bersih kekal kukuh pada 2.1% pada akhir Disember, kedudukan stabil secara relatif sejak September 2008, selepas penambahbaikan berterusan dari awal tahun. Nisbah pinjaman tertunggak (2 hingga 3 bulan selepas tarikh patut bayar), juga menunjukkan arah aliran yang stabil pada 1.4% pada akhir Disember 2008, lebih baik berbanding nisbah setahun lalu. Pinjaman tidak dibayar mutlak juga menurun dengan kadar stabil daripada RM40.8 bilion pada akhir Disember 2007 kepada RM34.3 bilion pada akhir Disember 2008, meskipun kadar pengurangan menjadi perlahan sejak September 2008. Arah aliran itu ditunjukkan dalam carta berikut.

Secara keseluruhannya, asas pinjaman berkembang kukuh pada 2008 berikutan aktiviti perniagaan yang rancak. Pinjaman tertunggak meningkat sebanyak 13.7% pada akhir Disember 2008, lebih tinggi berbanding peningkatan 8.9% yang dicatatkan pada 2007. Kadar peningkatan pinjaman dijangka menjadi stabil pada 2009 disebabkan permohonan pinjaman dan kadar kelulusan yang lebih rendah sejak beberapa

bulan terakhir 2008. Kadar mungkir (pinjaman tidak dibayar berbanding pinjaman tertunggak) dalam sektor utama terpilih masih pada paras yang baik. Kami akan terus memantau kesan penyederhanaan ekonomi ke atas sektor perniagaan dan runcit (sektor isi rumah – yang menyumbang kira-kira 54% daripada pinjaman tertunggak pada akhir Disember 2008).

Carta 15: Kadar Mungkir Sektor Terpilih




**Kedudukan modal yang mencukupi**

Keseluruhan nisbah kecukupan modal wajaran risiko kekal utuh dan melebihi keperluan pengawalseliaan minimum iaitu 8% meskipun ia berada dalam arah aliran menurun secara beransur-ansur. Ini disebabkan peningkatan kukuh dalam aset wajaran risiko (peningkatan 16.8% pada 2008) dengan pelaksanaan Basel II yang menerapkan komponen

risiko operasi. Meskipun peningkatan kukuh dalam modal Tier 1, seperti yang dicerminkan daripada nisbah modal teras stabil kira-kira 10% sepanjang tahun, asas modal susut sedikit dalam beberapa bulan kebelakangan ini kepada kira-kira RM107.9 bilion disebabkan pelaburan yang lebih tinggi dalam subsidiari.



Carta 16: Nisbah Modal Terpilih



Sumber: Buletin Perangkaan Bulanan BNM Januari 2009

**Prestasi pendapatan kukuh pada 2008**

Keseluruhannya, aktiviti perniagaan yang rancak serta peruntukan kerugian pinjaman rendah menyumbang kepada prestasi pendapatan tinggi pada 2008. Prestasi itu mungkin bertambah baik jika tidak kerana kesan kerugian dagangan tinggi dan kerugian penilaian semula tidak direalisasikan berikutan pergerakan dinamik dalam jangkaan dan harga pasaran pada setengah tahun kedua 2008. Dengan keuntungan

yang lebih tinggi pada 2008, institusi anggota kami mencatatkan pulangan bagi aset dan pulangan ekuiti tahunan yang lebih tinggi berbanding dengan 2007 walaupun asas aset dan ekuiti lebih besar. Meskipun keseluruhan penjanaan keuntungan dijangka terus kukuh, tahun 2009 diunjur lebih mencabar disebabkan jangkaan aktiviti perniagaan yang perlahan dengan penyebaran faedah yang lebih kecil dan potensi bagi peruntukan kerugian pinjaman yang lebih tinggi.

Jadual 1: Petunjuk Pendapatan Terpilih

	Setengah tahun 2007	Tahun penuh 2007	Setengah tahun 2008	Tahun penuh 2008
Keuntungan sebelum cukai (RM Bilion)	7.16	15.87	9.69	18.50
Peruntukan kerugian pinjaman khusus kasar (RM Bilion)	5.78	10.21	4.20	8.13
Pulangan atas aset tahunan	1.39%	1.52%	1.69%	1.58%
Pulangan atas ekuiti tahunan	17.88%	19.46%	21.78%	19.59%

**Kedudukan kecairan yang mencukupi**

Tiada isu utama berkaitan dengan kedudukan kecairan. Jumlah deposit RM937.3 bilion dicatat pada akhir Disember 2008. Nisbah pinjaman kepada deposit terus berada pada paras sewajarnya 77.4%, bertambah baik daripada 77.7% pada akhir Disember 2007.

**Kesimpulan**

Keseluruhan prestasi institusi anggota kami pada 2008 kekal kukuh dengan penambahbaikan ketara dari segi kualiti aset dan prestasi kewangan. Di samping persekitaran operasi yang positif sebahagian besar tempoh 2008, kami yakin bahawa inisiatif dan usaha

utama yang telah dan sedang diusahakan untuk meningkatkan keupayaan pengurusan risiko dan fungsi pengawasan oleh lembaga pengarah dan pengurusan institusi anggota menyumbang kepada kedudukan kewangan anggota kami yang berdaya tahan pada masa ini. Ini akan mengukuhkan asas bagi menempuhi tahun yang lebih mencabar pada 2009. Meskipun kami menjangka prestasi anggota menyederhana pada 2009, kami juga menjangka kesan ke atas prestasi berlaku secara beransur-ansur dan dapat diurus. Berdasarkan anggaran semasa, kami tidak menjangka sebarang kemerosotan teruk yang akan menjejaskan daya maju anggota kami.

**“Penginsurans deposit amalan terbaik”**

Meskipun sebagai sebuah organisasi yang masih baru, kami bangga yang usaha berterusan kami telah menyumbang kepada pencapaian visi jangka terdekat kami. Kami kemudiannya meneliti asas inspirasi kami untuk maju ke masa hadapan dan dengan sukacita mengumumkan visi baru kami untuk menjadi: **“Penginsurans deposit amalan terbaik”** dalam Rancangan Korporat 2009-2011. Kami berhasrat untuk menjadi penginsurans deposit amalan terbaik dalam keseluruhan operasi kami – merangkumi tadbir urus, pengurusan risiko, kewangan dan pentadbiran, penjenamaan dan komunikasi, polisi, sehinggalah pembangunan modal insan.

Rancangan Korporat 2009-2011 menggariskan hala tuju strategik, tumpuan dan keutamaan kami bagi tempoh tiga tahun yang akan datang untuk memenuhi mandat kami dengan efektif dan mencapai visi kami. Kami telah mengguna pakai rangka kerja pengurusan strategik komprehensif yang menerapkan penilaian risiko utama kami menggunakan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi. Berdasarkan ini dan penilaian risiko kami, kami menetapkan andaian perancangan utama, hala tuju strategik dan inisiatif kami.

**STRATEGI KAMI**

**Rancangan Korporat dan Kewangan**

*Strategi Kami*

Tempoh beberapa tahun akan datang akan menjadi lebih mencabar bagi kami disebabkan persekitaran operasi dan skop tanggungjawab kami yang semakin bertambah dalam mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan. Meskipun begitu, hala tuju strategik kami bagi pembangunan modal insan, kesediaan operasi dan komunikasi kekal terkini, relevan dan terfokus.

*Hala Tuju Strategik*

Hala tuju strategik kami yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi tempoh perancangan 2009-2011 akan ditumpukan kepada:

- Membangunkan modal insan kami;
- Memantapkan aktiviti penilaian risiko dan pemantauan;
- Memastikan keberkesanan operasi yang berterusan;
- Membangunkan kesediaan bagi mengendalikan aktiviti campur tangan dan resolusi kegagalan; dan
- Menyesuaikan semula fokus usaha komunikasi kami dalam kesedaran awam, serta mengekalkan keyakinan terhadap sistem kewangan.

*Membangunkan modal insan kami*

Kakitangan kami ialah aset terpenting kami. Justeru, rancangan strategik Modal Insan kami adalah untuk terus menarik, membangunkan, meningkatkan dan mengekalkan tenaga kerja terbaik di PIDM bagi membina kapasiti dan keupayaan serta memastikan organisasi yang mampan dan berprestasi tinggi.

Dalam usaha kami untuk menarik dan mengekalkan tenaga kerja utama, kami akan meneruskan pelaksanaan imbuhan dan manfaat yang sesuai,



insentif, program latihan dan amalan pengurusan tenaga kerja yang lain. Inisiatif utama kami termasuk:

- Program pembelajaran dan pembangunan yang komprehensif;
- Program pengurusan tenaga kerja;
- Program pengurusan penggajian; dan
- Program lain berkaitan kakitangan.

**Memantapkan aktiviti penilaian risiko dan pemantauan dan memastikan keberkesanan dan kesediaan operasi yang berterusan bagi mengendalikan aktiviti campur tangan dan resolusi kegagalan.**

Kesediaan dan keberkesanan operasi dalam semua aspek operasi teras kami adalah penting dalam usaha untuk memenuhi mandat kami. Kami akan terus memantapkan operasi kami menerusi:

- Memantapkan aktiviti Penilaian Risiko dan Pemantauan yang komprehensif;
- Membangunkan dan melaksanakan metodologi, polisi, proses dan kriteria Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan;
- Melaksanakan polisi dan peraturan bagi institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin;
- Membangunkan polisi dan prosedur Sistem Pembayaran Balik Deposit;
- Membangunkan rangka kerja bagi dana sasaran dan peruntukan;
- Melaksanakan inisiatif Pelan Strategik IT;
- Membangunkan dan melaksanakan Pelan Kesenambungan Urus Niaga dan Pemulihan Bencana;
- Membangunkan Manual Komunikasi Krisis;
- Membangunkan Rangka Kerja dan Sistem Pengurusan Pengetahuan;
- Melaksanakan polisi, proses dan infrastruktur Pengurusan Rekod dan Klasifikasi Maklumat;
- Menyemak semula dan mencadangkan pindaan kepada Akta PIDM; dan



- Menyemak semula keperluan operasi untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan dengan lebih efektif serta membangunkan dan melaksanakan pelan peralihan untuk beralih daripada Jaminan Deposit Kerajaan.

**Menyesuaikan semula fokus usaha komunikasi kami dalam kesedaran awam, pemahaman mengenai PIDM serta mengekalkan keyakinan terhadap sistem kewangan kita.**

Kami telah menyesuaikan semula fokus usaha komunikasi kami berikutan pengumuman Jaminan Deposit Kerajaan dan perubahan yang berlaku dalam persekitaran operasi. Kami akan terus menyemak semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu kami dan memperkembangkan inisiatif tahun lepas, bagi memastikan program komunikasi kami disasarkan dengan baik, relevan dan sesuai bagi memenuhi tujuan kami. Ini akan dilakukan menerusi:

- Program pengiklanan dan perhubungan awam;
- Program kesedaran awam dan pendidikan; dan
- Program interaksi bersama pemegang kepentingan.

Butiran terperinci bahagian tumpuan dan inisiatif utama yang menyokong objektif korporat kami bagi 2009-2011 dijelaskan dalam *Scorecard* Korporat baru kami dalam Lampiran.

#### **Menyokong Pelan Kewangan**

Pelan Kewangan bagi 2009 telah dibangunkan untuk menyokong pencapaian inisiatif 2009. Pendapatan premium yang dibajetkan bagi 2009 adalah berasaskan kepada struktur kadar SPB. Pendapatan premium dibajetkan pada RM147.0 juta. Digabungkan dengan faedah dibajet dan pendapatan pelaburan RM11.0 juta, jumlah pendapatan PIDM dijangka berjumlah RM158.0 juta bagi tahun 2009, perbelanjaan operasi berjumlah RM54.0 juta dan perbelanjaan modal dibajetkan berjumlah RM15.6 juta. Justeru, kami menjangka lebih bersih sebanyak RM104.0 juta, yang akan meningkatkan jumlah Dana Insurans Deposit berjumlah RM275.3 juta pada 31 Disember 2008 kepada RM379.3 juta pada akhir 2009.

#### **MASA HADAPAN**

Sejak memulakan operasi pada 2005, kami telah mencatatkan kemajuan ketara dalam membina asas untuk menjadi penginsurans deposit amalan terbaik. Kami ditadbir dan diurus dengan baik dan akan terus menumpukan sumber kami ke arah meningkatkan kapasiti dan keupayaan dalam semua bahagian operasi teras. Tumpuan jangka panjang kami akan diteruskan untuk membangunkan pasukan kepimpinan yang mantap, memantapkan pengurusan hubungan dengan pemegang kepentingan kami dan memupuk budaya inovatif yang kukuh dalam usaha kami untuk membina organisasi yang mampan dan berprestasi tinggi.

Bahagian 4  
Penyata Kewangan





Dengan ini, para Pengarah membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

### AKTIVITI UTAMA

PIDM adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM).

Tanggungjawab utama PIDM adalah untuk mentadbir sistem insurans deposit, menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit institusi anggota, memberi insentif bagi pengurusan risiko yang utuh dalam sistem kewangan dan menggalakkan atau menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan. PIDM hendaklah melaksanakan fungsi dan aktiviti dengan cara yang akan meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Memandangkan sistem perbankan merangkumi sistem perbankan Islam dan Konvensional, PIDM menginsuranskan kedua-dua deposit Islam dan Konvensional. PIDM menyenggara dan mentadbir dua kumpulan dana yang berasingan untuk deposit Islam dan Konvensional bagi memastikan wujudnya urus tadbir yang baik di samping pematuhan kepada prinsip dan kehendak Syariah.

### HASIL KEWANGAN

	2008	2007
	RM	RM
<b>Lebih bersih bagi tempoh kewangan</b>		
Dana Insurans		
Deposit Konvensional	52,597,387	79,181,078
Dana Insurans		
Deposit Islam	11,427,020	9,667,088
<b>Jumlah lebih bersih</b>	<b>64,024,407</b>	<b>88,848,166</b>
<b>Kumpulan Dana Insurans Deposit</b>		
Dana Insurans		
Deposit Konvensional	242,997,356	190,399,969
Dana Insurans		
Deposit Islam	32,349,598	20,922,578
<b>Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit</b>	<b>275,346,954</b>	<b>211,322,547</b>

### PENGARAH

Nama para Pengarah PIDM yang berkhidmat pada 31 Disember 2008 adalah:

- Tan Sri Dato' Abdul Aziz Haji Taha (Pengerusi)
- Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz
- Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah
- Tan Sri Dato' Seri Muhammad Azmi Kamaruddin
- Tan Sri Dato' Sri Dr. Sulaiman Mahbob
- Datuk Dr. Abdul Samad Haji Alias
- Encik Michael Wong Kuan Lee

Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz dan Tan Sri Dato' Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah dilantik sebagai pengarah atas dasar jawatan mereka, menurut Seksyen 11(2) Akta PIDM. Selain daripada ahli *ex-officio*, ahli Lembaga Pengarah PIDM telah dilantik oleh Menteri Kewangan mengikut Seksyen 11(2) Akta PIDM.

### MANFAAT PENGARAH

Sepanjang tahun kewangan dan pada tarikh laporan ini, tiada Pengarah PIDM yang telah menerima atau layak untuk menerima manfaat (selain daripada ganjaran Pengarah yang dinyatakan dalam penyata kewangan) atas sebab kontrak yang dibuat oleh PIDM dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah itu adalah seorang ahli atau dengan syarikat di mana Pengarah itu memegang kepentingan kewangan yang ketara.

### RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan dibuat ke dalam atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan.

### HUTANG LAPUK DAN RAGU

Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbalan dimuktamadkan, para Pengarah telah mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa tindakan telah diambil dalam menghapus kira hutang lapuk dan membuat peruntukan terhadap hutang ragu, dan mereka telah berpuas hati bahawa tiada hutang lapuk untuk dihapus kira atau hutang ragu yang perlu dibuat peruntukan.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang memerlukan sebarang jumlah untuk dihapus kira sebagai hutang lapuk atau hutang yang dianggap sebagai ragu sehingga ke tahap ketara yang perlu dibuat peruntukan.

### KAEDAH PENILAIAN

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang boleh menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada di dalam akaun PIDM mengelirukan atau tidak sesuai.

### PERUBAHAN SITUASI

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui sebarang keadaan yang tidak diambil kira di dalam laporan atau penyata kewangan PIDM yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.

### PERKARA LUAR BIASA

Pada pendapat para Pengarah, tiada sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang berlaku yang akan menjejaskan dengan ketara hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan ini.

Dalam tempoh antara tahun akhir kewangan dengan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusan niaga atau peristiwa penting dan luar biasa yang didapati menjejaskan dengan ketara hasil operasi PIDM bagi tahun kewangan semasa di mana laporan ini disediakan.

Pada tarikh laporan ini, tidak berlaku sebarang caj ke atas aset PIDM yang berbangkit sejak berakhirnya tahun kewangan ini yang menjamin liabiliti mana-mana pihak lain.

### PERISITIAWA PENTING

Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengumumkan pada 16 Oktober 2008, bahawa semua deposit Ringgit dan mata wang asing

dalam bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan dan bank Islam antarabangsa serta institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan dikawal selia oleh BNM akan diberi jaminan sepenuhnya oleh Kerajaan menerusi PIDM sehingga 31 Disember 2010. Jaminan Deposit Kerajaan (JDK) dilanjutkan kepada semua institusi perbankan domestik dan asing yang diperbadankan di Malaysia.

PIDM dipertanggungjawabkan untuk menjamin deposit yang disimpan oleh institusi anggota seperti yang dinyatakan di dalam Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM). Kerajaan melalui JDK bertanggungjawab untuk menjamin deposit yang tidak dijamin secara langsung oleh PIDM dan deposit yang dipegang oleh institusi bukan anggota. Justeru, PIDM tidak mempunyai pendedahan kewangan di bawah JDK.

Memandangkan permodalan institusi perbankan Malaysia yang teguh dan kukuh, JDK dijangka tidak akan diguna pakai. Bagaimanapun, PIDM tetap sentiasa menilai dan memantau risiko yang membawa kesan kepada prestasi institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin dari masa ke semasa.

### KONTINJEN LUAR JANGKA

*Pendedahan kepada kerugian daripada jaminan deposit*

Di bawah Akta PIDM, PIDM terdedah kepada kerugian akibat operasi institusi anggotanya. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan kuantitinya atau dipastikan nilainya pada masa ini. Oleh itu, tiada peruntukan am atau khas telah direkodkan dalam penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa. Semenjak PIDM diperbadankan pada 2005, tiada kerugian berlaku yang memerlukan peruntukan dibuat pada penyata kewangan.

Penilaian risiko dan aktiviti pemantauan PIDM yang berterusan membolehkannya bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk mengambil langkah pembaikan dengan segera dan secara tidak langsung mengurangkan kemungkinan kegagalan sesebuah institusi anggota. Di samping itu, PIDM mengukuhkan disiplin kewangan melalui sistem premium berbeza yang menyediakan insentif kepada institusi untuk mengamalkan



pengurusan risiko yang ketat dan mantap termasuk penyenggaraan kedudukan modal yang kukuh. Dalam keadaan ketidakmungkinan kegagalan berlaku, PIDM telah diberikan mandat dan kuasa untuk campur tangan dan membuat resolusi terhadap institusi yang gagal dengan meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

PIDM sebagai badan berkanun, mengumpul dana melalui kutipan premium tahunan daripada institusi anggota dan tiada peruntukan am atau khas yang telah direkodkan di dalam penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa. Dana yang terkumpul akan digunakan untuk membiayai sebarang kerugian dan komitmen yang ditanggung oleh PIDM. Di bawah Akta PIDM, Perbadanan telah diberi kuasa untuk meminjam dana dari Kerajaan atau menaikkan kadar premium dengan kelulusan Menteri Kewangan.

#### TANGGUNGJAWAB BAGI PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Dalam memberikan pendapat berhubung penyata kewangan, para Pengarah telah bergantung kepada pernyataan Pengurusan PIDM mengenai proses dan sistem kawalan dalaman serta fungsi audit dalaman dan luaran yang direka bagi memastikan bahawa:

- i) Penyata kewangan telah disediakan mengikut peruntukan Akta PIDM dan *Financial Reporting Standards* (FRS) yang berkenaan supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan PIDM pada 31 Disember 2008 dan hasil serta aliran tunai PIDM bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. FRS adalah piawaian perakaunan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board* - MASB) yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian.
- ii) Dana Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir mengikut kehendak Syariah, seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

#### JURUAUDIT

Menurut Akta PIDM, penyata kewangan PIDM diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah

**Tan Sri Dato' Abdul Aziz  
bin Haji Taha**  
Pengerusi  
Lembaga Pengarah

**Datuk Dr. Abdul  
Samad bin Haji Alias**  
Pengerusi  
Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur  
19 Februari 2009



Kami, Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha dan Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias, dua daripada Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan telah disediakan mengikut peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM) dan *Financial Reporting Standards*, iaitu piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board* - MASB) yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal PIDM pada 31 Disember 2008 serta hasil kewangan dan aliran tunai PIDM bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Para Pengarah juga berpendapat bahawa Dana Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir mengikut kehendak Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi para Pengarah

**Tan Sri Dato' Abdul Aziz bin Haji Taha**  
Pengerusi Lembaga Pengarah

**Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias**  
Pengerusi Jawatankuasa Audit

Kuala Lumpur  
19 Februari 2009



# PENYATA KEWANGAN

## AKUAN BERKANUN OLEH PIHAK PENGURUSAN BERHUBUNG TANGGUNGJAWAB PELAPORAN KEWANGAN

Penyediaan penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) dan maklumat berhubung penyata kewangan ini adalah tanggungjawab pihak Pengurusan. Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM) dan *Financial Reporting Standards* iaitu piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board - MASB*) yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian, supaya dapat memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai hal ehwal PIDM pada 31 Disember 2008 serta hasil kewangan dan aliran tunai PIDM bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut. Dana Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir mengikut kehendak Syariah seperti yang digariskan di dalam Akta PIDM.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya bagi memastikan integriti dan kesaksamaan penyata kewangan, pihak Pengurusan menyenggara sistem kawalan dan amalan kewangan dan pengurusan serta fungsi audit dalaman yang direka untuk memberi jaminan yang munasabah bahawa urus niaga telah diluluskan dengan sewajarnya, aset adalah dilindungi dan rekod disenggarakan dengan teratur mengikut Akta PIDM dan *Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980*.

Penyata kewangan ini telah diaudit dengan sewajarnya oleh Ketua Audit Negara Malaysia dan hasil pengauditan telah diambil maklum dengan sewajarnya oleh pihak Pengurusan. Juruaudit mempunyai akses bebas kepada Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah yang menyelia tanggungjawab pihak Pengurusan dalam menyenggara sistem kawalan dan kualiti pelaporan kewangan yang mencukupi serta mengesyorkan penyata kewangan ini kepada Lembaga Pengarah.

Penyata kewangan ini telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Kami, Jean Pierre Sabourin dan Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi, dua pegawai utama yang bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan PIDM, dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan, dengan sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami adalah betul dan kami membuat pengakuan ini dengan berhemat dan penuh kepercayaan bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan *Akta Akuan Berkanun 1960*.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh penama yang dinyatakan di atas di Kuala Lumpur pada 19 Februari 2009

**Jean Pierre Sabourin**  
Ketua Pegawai Eksekutif



Di hadapan saya,  
Pesuruhjaya Sumpah

20th Floor, Ambank Group Building  
No. 55, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur.

**Wan Ahmad Ikram bin Wan Ahmad Lotfi**  
Pengurus Besar, Bahagian Kewangan dan Pentadbiran dan Ketua Pegawai Kewangan



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

Saya telah mengaudit penyata kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2008. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia pada 31 Disember 2008, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI HAMBRIN BIN BUANG)  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
25 FEBRUARI 2009





## PENYATA KEWANGAN

LEMBARAN IMBANGAN  
PADA 31 DISEMBER

## PENYATA KEWANGAN

PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2008 RM	2007 RM
<b>ASET</b>			
Tunai dan kesetaraan tunai	3	76,400,643	35,292,638
Pelaburan			
<i>Pelaburan pegangan hingga matang</i>	4	191,034,648	170,869,969
Aset lain	5	1,058,056	1,465,786
Hartanah dan peralatan	6	8,393,821	7,448,740
<b>Jumlah Aset</b>		<b>276,887,168</b>	215,077,133
<b>LIABILITI</b>			
Akaun belum bayar	7	1,540,214	3,754,586
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>1,540,214</b>	3,754,586
<b>KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT DAN RIZAB</b>			
Dana Insurans Deposit Konvensional	8a	242,997,356	190,399,969
Dana Insurans Deposit Islam	8b	32,349,598	20,922,578
<b>Jumlah Kumpulan Dana Insurans Deposit</b>		<b>275,346,954</b>	211,322,547
<b>Jumlah Liabiliti dan Kumpulan Dana Insurans Deposit</b>		<b>276,887,168</b>	215,077,133

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.

	Nota	2008 RM	2007 RM
Hasil premium	9	90,078,953	110,155,613
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	10	8,486,577	5,754,463
Pendapatan lain		-	39,000
		<b>98,565,530</b>	115,949,076
Manfaat kakitangan	11	19,170,141	13,071,515
Perhubungan awam dan pengiklanan		6,411,079	6,355,822
Susut nilai	6	1,641,609	1,314,364
Pajakan operasi		1,002,584	767,724
Perbelanjaan lain	12	6,315,710	5,591,485
		<b>34,541,123</b>	27,100,910
<b>Lebihan bersih</b>		<b>64,024,407</b>	88,848,166

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



# PENYATA KEWANGAN

PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN DANA DAN RIZAB  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

	Nota	Dana Insurans Deposit Islam RM	Dana Insurans Deposit Konvensional RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2007	8	11,255,490	111,218,891	122,474,381
Lebihan bersih bagi tahun		9,667,088	79,181,078	88,848,166
Pada 31 Disember 2007	8	<u>20,922,578</u>	<u>190,399,969</u>	<u>211,322,547</u>
<b>Pada 1 Januari 2008</b>	<b>8</b>	<b>20,922,578</b>	<b>190,399,969</b>	<b>211,322,547</b>
<b>Lebihan bersih bagi tahun</b>		<b>11,427,020</b>	<b>52,597,387</b>	<b>64,024,407</b>
<b>Pada 31 Disember 2008</b>	<b>8</b>	<b><u>32,349,598</u></b>	<b><u>242,997,356</u></b>	<b><u>275,346,954</u></b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



# PENYATA KEWANGAN

PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2008 RM	2007 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Penerimaan premium daripada institusi anggota	9	90,078,953	110,155,613
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(34,186,234)	(29,717,652)
Penerimaan pendapatan pelaburan		6,736,631	4,323,190
Pendapatan lain		-	14,000
<b>Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi</b>		<b>62,629,350</b>	<b>84,775,151</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		296,944,905	278,000,000
Pembelian sekuriti pelaburan		(315,314,427)	(346,035,525)
Pembelian hartanah dan peralatan		(3,151,823)	(6,563,250)
<b>Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>		<b>(21,521,345)</b>	<b>(74,598,775)</b>
<b>Kenaikan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>		<b>41,108,005</b>	<b>10,176,376</b>
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		35,292,638	25,116,262
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>	<b>3</b>	<b><u>76,400,643</u></b>	<b><u>35,292,638</u></b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.





## PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT KONVENSIONAL  
LEMBARAN IMBANGAN  
PADA 31 DISEMBER

	Nota	2008 RM	2007 RM
<b>ASET</b>			
Tunai dan kesetaraan tunai	3	72,918,225	32,177,249
Pelaburan			
<i>Pelaburan pegangan hingga matang</i>	4	163,048,573	152,953,961
Aset lain	5	821,159	1,392,827
Hartanah dan peralatan	6a	7,586,075	6,762,331
<b>Jumlah Aset</b>		<b>244,374,032</b>	193,286,368
<b>LIABILITI</b>			
Akaun belum bayar	7	1,376,676	2,886,399
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>1,376,676</b>	2,886,399
<b>DANA INSURANS DEPOSIT DAN RIZAB</b>			
Dana Insurans Deposit Konvensional	8a	242,997,356	190,399,969
<b>Jumlah Dana Insurans Deposit</b>		<b>242,997,356</b>	190,399,969
<b>Jumlah Liabiliti dan Dana Insurans Deposit</b>		<b>244,374,032</b>	193,286,368

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



## PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT KONVENSIONAL  
PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2008 RM	2007 RM
Hasil premium	9	75,991,230	98,546,846
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	10	7,533,560	5,203,432
Pendapatan lain		-	35,408
		<b>83,524,790</b>	103,785,686
Manfaat kakitangan	11	17,147,171	11,867,856
Perhubungan awam dan pengiklanan		5,740,619	5,771,979
Susut nilai	6a	1,490,031	1,193,119
Pajakan operasi		897,938	696,978
Perbelanjaan lain	12	5,651,644	5,074,676
		<b>30,927,403</b>	24,604,608
<b>Lebihan bersih</b>		<b>52,597,387</b>	79,181,078

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



## PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT KONVENSIONAL  
PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2008 RM	2007 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Penerimaan premium daripada institusi anggota	9	75,991,230	98,546,846
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(30,048,567)	(27,439,797)
Penerimaan pendapatan pelaburan		5,762,069	3,875,936
Pendapatan lain		-	12,711
<b>Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi</b>		<b>51,704,732</b>	<b>74,995,696</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		257,700,800	255,000,000
Pembelian sekuriti pelaburan		(265,844,935)	(314,809,200)
Pembelian hartanah dan peralatan		(2,819,621)	(6,030,408)
<b>Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>		<b>(10,963,756)</b>	<b>(65,839,608)</b>
<b>Kenaikan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>			
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		40,740,976	9,156,088
		32,177,249	23,021,161
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>	3	<b>72,918,225</b>	<b>32,177,249</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



## PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT ISLAM  
LEMBARAN IMBANGAN  
PADA 31 DISEMBER

	Nota	2008 RM	2007 RM
<b>ASET</b>			
Tunai dan kesetaraan tunai	3	3,482,418	3,115,389
Pelaburan			
<i>Pelaburan pegangan hingga matang</i>	4	27,986,075	17,916,008
Aset lain	5	236,897	72,959
Hartanah dan peralatan	6b	807,746	686,409
<b>Jumlah Aset</b>		<b>32,513,136</b>	<b>21,790,765</b>
<b>LIABILITI</b>			
Akaun belum bayar	7	163,538	868,187
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>163,538</b>	<b>868,187</b>
<b>DANA INSURANS DEPOSIT DAN RIZAB</b>			
Dana Insurans Deposit Islam	8b	32,349,598	20,922,578
<b>Jumlah Dana Insurans Deposit</b>		<b>32,349,598</b>	<b>20,922,578</b>
<b>Jumlah Liabiliti dan Dana Insurans Deposit</b>		<b>32,513,136</b>	<b>21,790,765</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



## PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT ISLAM  
PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2008 RM	2007 RM
Hasil premium	9	14,087,723	11,608,767
Pendapatan pelaburan daripada tunai dan sekuriti pelaburan	10	953,017	551,031
Pendapatan lain		-	3,592
		<b>15,040,740</b>	<b>12,163,390</b>
Manfaat kakitangan	11	2,022,970	1,203,659
Perhubungan awam dan pengiklanan		670,460	583,843
Susut nilai	6b	151,578	121,245
Pajakan operasi		104,646	70,746
Perbelanjaan lain	12	664,066	516,809
		<b>3,613,720</b>	<b>2,496,302</b>
<b>Lebihan bersih</b>		<b>11,427,020</b>	<b>9,667,088</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



## PENYATA KEWANGAN

DANA INSURANS DEPOSIT ISLAM  
PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER

	Nota	2008 RM	2007 RM
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>			
Penerimaan premium daripada institusi anggota	9	14,087,723	11,608,767
Pembayaran operasi semasa kepada pembekal dan kakitangan		(4,137,667)	(2,277,855)
Penerimaan pendapatan pelaburan		974,562	447,254
Pendapatan lain		-	1,289
<b>Aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi</b>		<b>10,924,618</b>	<b>9,779,455</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>			
Hasil daripada penjualan sekuriti pelaburan		39,244,105	23,000,000
Pembelian sekuriti pelaburan		(49,469,492)	(31,226,325)
Pembelian hartanah dan peralatan		(332,202)	(532,842)
<b>Aliran tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan</b>		<b>(10,557,589)</b>	<b>(8,759,167)</b>
<b>Kenaikan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>		<b>367,029</b>	<b>1,020,288</b>
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		3,115,389	2,095,101
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>	3	<b>3,482,418</b>	<b>3,115,389</b>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan.



### 1. AKTIVITI UTAMA

PIDM adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM).

Tanggungjawab utama PIDM adalah untuk mentadbir sistem insurans deposit, menyediakan insurans terhadap kehilangan sebahagian atau kesemua deposit institusi anggota, memberikan insentif bagi pengurusan risiko yang utuh dalam sistem kewangan dan menggalakkan atau menyumbang ke arah kestabilan sistem kewangan. PIDM hendaklah melaksanakan fungsi dan aktiviti dengan cara yang meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

Akta PIDM menyediakan perlindungan berasingan bagi deposit Islam dan Konvensional. PIDM menyenggara dan mentadbir dua kumpulan dana yang berasingan untuk deposit Islam dan deposit Konvensional bagi memastikan wujudnya urus tadbir yang baik serta pematuhan kepada kehendak Syariah.

Pada 16 Oktober 2008, PIDM dipertanggungjawab untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan. Butiran lanjut dinyatakan di Nota 19.

Alamat pejabat PIDM ialah Aras 19, 1 Sentral, Jalan Travers, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Lembaga Pengarah telah membenarkan penerbitan Penyata Kewangan melalui resolusinya bertarikh 19 Februari 2009.

### 2. DASAR PENTING PERAKAUNAN

#### 2.1 Asas perakaunan

Penyata kewangan telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah serta mematuhi peruntukan Akta PIDM. Sebagai polisi, penyata kewangan ini disediakan mengikut *Financial Reporting Standards*, iaitu piawaian Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (*Malaysian Accounting Standards Board - MASB*) yang diluluskan di Malaysia bagi Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian.

Penyata kewangan ini merangkumi aktiviti berhubung pentadbiran kedua-dua Kumpulan Dana Insurans Deposit Islam dan Konvensional PIDM. Dana

Insurans Deposit Islam disenggara dan ditadbir menurut kehendak Syariah seperti yang digariskan dalam Akta PIDM.

#### 2.2 Ringkasan polisi penting perakaunan

##### (a) Instrumen kewangan

Instrumen kewangan diakaunkan dalam lembaranimbangan apabila PIDM menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

##### (i) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai di tangan, deposit panggilan di bank dan pelaburan mudah tunai jangka pendek yang sedia untuk ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang rendah. Penyata aliran tunai disediakan secara kaedah langsung.

##### (ii) Pelaburan

Pelaburan terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia dan sekuriti pelaburan lain yang dijamin oleh Bank Negara Malaysia, iaitu sekuriti yang mudah dipasarkan dan bertujuan untuk dipegang sehingga tarikh matang. Sekuriti ini sama ada yang berbayaran tetap atau boleh tentu dan mempunyai tarikh matang yang tertentu dinyatakan pada kos yang diselaraskan bagi pelunasan premium atau akresi diskaun. Sekuriti ini dikira berdasarkan kaedah hasil malar, dari tarikh pembelian sehingga tarikh matang. Pelunasan premium dan akresi diskaun diambil kira di dalam penyata pendapatan.

##### (iii) Akaun belum terima dan aset lain

Akaun belum terima dan aset lain dinyatakan pada nilai boleh realis bersih. Hutang lapuk akan dihapus kira setelah dikenal pasti. Peruntukan hutang ragu, jika ada, dibuat selepas mengambil kira semua jumlah tertunggak pada tarikh lembaranimbangan.

##### (iv) Akaun belum bayar

Akaun belum bayar dinyatakan pada nilai saksama bayaran yang perlu dibayar untuk barangan dan perkhidmatan yang telah diterima.

##### (b) Penjejasan nilai aset bukan kewangan

Pada setiap tarikh lembaranimbangan, PIDM mengkaji amaun bawaan asetnya, selain daripada

aset kewangan, bagi menentukan sama ada terdapat petunjuk penjejasan nilai. Jika terdapat petunjuk tersebut, penjejasan nilai itu akan dikira dengan membandingkan nilai bawaan aset itu dengan amaun diperolehi semula.

Bagi akaun muhibah, aset tidak ketara yang mempunyai jangka hayat tidak terhad dan aset tidak ketara yang belum dapat digunakan, amaun yang boleh diperolehi semula dianggarkan pada setiap tarikh lembaranimbangan atau lebih kerap apabila petunjuk penjejasan nilai dikenal pasti.

Bagi tujuan ujian penjejasan nilai aset, amaun yang boleh diperolehi semula dianggarkan untuk setiap aset. Amaun yang boleh diperolehi semula ialah amaun yang lebih tinggi antara nilai saksama aset tersebut setelah dikurangkan harga jualan dengan nilai digunakan. Nilai digunakan dikira dengan merujuk kepada anggaran aliran tunai hadapan yang didiskaunkan mengikut kadar diskaun yang menggambarkan penilaian semasa pasaran ke atas nilai tunai hadapan dan risiko aset yang terlibat. Apabila amaun bawaan untuk sesuatu aset melebihi amaun yang boleh diperolehi semula, aset tersebut dianggap terjejas dan nilai bawaannya akan dikurangkan kepada amaun yang boleh diperolehi semula.

Kerugian penjejasan nilai dicajkan ke dalam penyata pendapatan tempoh yang sama, melainkan aset itu dibawa pada amaun yang dinilai semula. Sebarang penjejasan nilai sesuatu aset yang dinilai semula hendaklah diakaunkan sebagai pengurangan penilaian semula setakat mana amaun kerugian penjejasan nilai itu tidak melebihi amaun yang disimpan dalam rizab penilaian semula aset, bagi aset yang sama.

Kerugian penjejasan nilai bagi aset selain akaun muhibah akan diselaraskan semula hanya jika terdapat perubahan antara anggaran yang digunakan untuk menilai amaun yang diperolehi semula dengan anggaran yang digunakan sebelumnya. Selain dari aset muhibah, nilai yang dibawa bagi sesuatu aset boleh dinaikkan kepada amaun diperolehi semula, asalkan amaun tersebut tidak melebihi amaun yang sepatutnya ditentukan (nilai selepas ditolak pelunasan dan susut nilai) sekiranya kerugian penjejasan nilai

tersebut tidak dikira pada tahun sebelumnya. Suatu pelarasan semula penjejasan nilai bagi aset selain daripada aset muhibah akan diakaunkan di dalam penyata pendapatan, melainkan aset tersebut direkodkan pada amaun dinilai semula. Dalam situasi ini, pelarasan semula penjejasan nilai tersebut harus diakaunkan sebagai penambahan amaun nilai semula. Penjejasan nilai bagi aset muhibah tidak boleh diselaraskan semula bagi tempoh berikutnya.

##### (c) Hartanah dan Peralatan dan Susut Nilai

Hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos. Kos tambahan berikutnya akan dimasukkan ke dalam nilai bawaan atau dianggap sebagai aset yang lain, mengikut kesesuaian, hanya apabila kebarangkalian manfaat ekonomi masa hadapan yang dikaitkan dengannya diperolehi oleh PIDM dan penilaian kos butiran tersebut boleh dipercayai. Amaun bawaan bagi bahagian atau komponen aset yang diganti akan diselaraskan semula. Kos pembaikan dan penyelenggaraan yang lain akan diakaunkan dalam penyata pendapatan tempoh kewangan di mana ianya berlaku.

Selepas dikenal pasti, hartanah dan peralatan akan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai dan kerugian nilai terkumpul.

Susut nilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset sepanjang anggaran hayat kegunaan aset tersebut. Kadar susut nilai tahunan utama yang digunakan adalah seperti berikut:

Perabot dan kelengkapan	20%
Kenderaan bermotor	20%
Ubahsuai pejabat	20%
Peralatan pejabat dan sistem komputer	33.3%

Nilai sisa, jangka hayat dan kaedah susut nilai dikaji semula pada setiap akhir tahun kewangan bagi memastikan amaunnya, kaedah dan tahun disusut nilai adalah selaras dengan anggaran sebelumnya serta corak penggunaan manfaat ekonomi hartanah dan peralatan tersebut.

Hartanah dan peralatan tidak lagi diambil kira, setelah dilupuskan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan dari penggunaannya. Bagi pelupusan aset, perbezaan antara hasil pelupusan



bersih, jika ada, dan amaun bawaan diakaunkan dalam penyata pendapatan. Bahagian amaun lebih penilaian yang belum digunakan akan diambil kira terus dalam perolehan tertahan.

**(d) Pengiktirafan pendapatan dan perbelanjaan**

Semua pendapatan dan perbelanjaan operasi diakaunkan mengikut asas akrual. Mengikut Akta PIDM, perbelanjaan PIDM yang tidak boleh diperuntukkan secara langsung kepada Dana Insurans Deposit Islam atau Dana Insurans Deposit Konvensional dibahagi mengikut bahagian jumlah premium Islam dan Konvensional yang diterima ke atas jumlah premium tahunan sebaik sahaja sebelum tahun di mana perbelanjaan itu dibuat. Bagi operasi tahun kewangan semasa, penentuan asas pembahagian adalah berdasarkan premium sebenar yang diterima bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2007. Bahagian premium Islam dan premium Konvensional bagi tempoh laporan itu masing-masing ialah 10.54% (2007:9.21%) dan 89.46% (2007:90.79%).

Pendapatan premium diakaunkan dalam sesuatu tempoh kewangan berdasarkan risiko yang diambil semasa tempoh kewangan berkenaan. Institusi anggota membayar premium tahunan bagi tempoh perlindungan yang sama dengan tempoh kewangan PIDM.

Pendapatan pelaburan termasuk pendapatan Perjanjian Belian Balik pasaran wang diakaunkan mengikut kadar pulangan efektif aset tersebut.

**(e) Manfaat kakitangan****(i) Manfaat jangka pendek**

Upah, gaji, bonus, caruman keselamatan sosial dan lain-lain manfaat seperti faedah kesihatan dan elaun diakaunkan sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan yang berkaitan diberi oleh kakitangan PIDM. Cuti berganjaran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan diambil kira apabila perkhidmatan diberi oleh kakitangan. Ia boleh dikumpul dan ditokok atas kelayakan cuti berganjaran masa hadapan. Ketidakhadiran berganjaran jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit diambil kira pada masa ketidakhadiran berlaku.

**(ii) Rancangan caruman tetap**

Rancangan caruman tetap adalah manfaat yang diberikan selepas tamat perkhidmatan di mana PIDM membayar caruman tetap ke dalam dana atau kepada sebuah entiti lain. PIDM tidak lagi bertanggung untuk membuat caruman tambahan sekiranya dana tersebut tidak mempunyai aset yang cukup untuk membayar manfaat kakitangan berdasarkan perkhidmatan kakitangan semasa atau tahun sebelumnya. Caruman itu diakaunkan sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila ianya berlaku. Sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang, PIDM membuat caruman kepada skim pencen berkanun nasional, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

**(f) Mata wang asing**

**(i) Mata wang yang digunakan dan dinyatakan**  
Penyata kewangan PIDM dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang utama bagi ekonomi di mana PIDM beroperasi (matawang fungsian).

**(ii) Urus niaga mata wang asing**

Semasa penyata kewangan PIDM disediakan, urus niaga dalam mata wang asing selain dari matawang fungsian akan direkodkan dalam mata wang fungsian dengan kadar tukaran yang digunakan semasa urus niaga dilakukan. Pada tarikh lembaran imbalan, butiran kewangan yang disebut dalam mata wang asing akan ditukar mengikut kadar tukaran semasa tarikh lembaran imbalan. Butiran bukan kewangan yang dibawa pada nilai saksama dan disebut dalam mata wang asing akan ditukar kepada matawang fungsian dengan kadar tukaran yang digunakan pada tarikh nilai saksamanya ditentukan. Butiran bukan kewangan yang diukur mengikut kos sejarah dalam mata wang asing tidak ditukarkan.

Perbezaan tukaran asing akibat dari penyelesaian dan penukaran butiran kewangan akan diambil kira dalam penyata pendapatan untuk tempoh berkaitan. Bagi butiran bukan kewangan, perbezaan tukaran asing diambil kira dalam penyata pendapatan untuk tempoh berkaitan kecuali keuntungan atau kerugian butiran tersebut yang diakaunkan terus ke dalam ekuiti. Perbezaan tukaran asing bagi keuntungan atau kerugian butiran tersebut akan juga diiktiraf terus ke dalam ekuiti.

**3. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI**

	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Deposit dengan Bank Negara Malaysia Baki tunai dan baki di bank	172,202 3,483,064	155,783 3,007,531	16,419 475,533
Pelaburan jangka pendek: Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	14,819,612 57,251,558 72,071,170	14,819,612 54,261,569 69,081,181	- 2,989,989 2,989,989
Tambah: Akresi diskaun selepas pelunasan premium	674,207 72,745,377	673,730 69,754,911	477 2,990,466
	<u>76,400,643</u>	<u>72,918,225</u>	<u>3,482,418</u>
Nilai pasaran pelaburan jangka pendek yang dipegang pada 31 Disember 2008 adalah seperti berikut: Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	14,927,010 57,877,048 72,804,058	14,927,010 54,885,925 69,812,935	- 2,991,123 2,991,123
	<u>35,292,638</u>	<u>32,177,249</u>	<u>3,115,389</u>
Nilai pasaran pelaburan jangka pendek yang dipegang pada 31 Disember 2007 adalah seperti berikut: Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	9,918,740 19,943,500 29,862,240	8,926,740 17,949,150 26,875,890	992,000 1,994,350 2,986,350

Pelaburan jangka pendek yang mempunyai tempoh matang kurang daripada 90 hari diklasifikasikan sebagai kesetaraan tunai.



# PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

### 4. PELABURAN

	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	111,443,173	111,443,173	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	77,294,251	49,332,351	27,961,900
	<u>188,737,424</u>	<u>160,775,524</u>	<u>27,961,900</u>
Akresi diskaun selepas pelunasan premium	2,297,224	2,273,049	24,175
	<u>191,034,648</u>	<u>163,048,573</u>	<u>27,986,075</u>
Nilai pasaran pelaburan: Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	113,568,615	113,568,615	-
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	77,267,410	49,531,030	27,736,380
	<u>190,836,025</u>	<u>163,099,645</u>	<u>27,736,380</u>
	2007		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	34,863,663	31,949,393	2,914,270
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	135,634,145	120,658,312	14,975,833
	<u>170,497,808</u>	<u>152,607,705</u>	<u>17,890,103</u>
Akresi diskaun selepas pelunasan premium	372,161	346,256	25,905
	<u>170,869,969</u>	<u>152,953,961</u>	<u>17,916,008</u>
Nilai pasaran pelaburan: Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	35,212,700	32,275,940	2,936,760
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	135,682,320	120,704,880	14,977,440
	<u>170,895,020</u>	<u>152,980,820</u>	<u>17,914,200</u>

Keseluruhan pelaburan adalah dalam nilai Ringgit Malaysia.

Nilai pasaran pelaburan dalam Dana Insurans Deposit Islam dan Konvensional sebagaimana yang dinyatakan di atas menunjukkan nilai saksama mereka pada akhir tahun kewangan dan ditentukan dengan merujuk kepada petunjuk harga pasaran yang disediakan oleh Bank Negara Malaysia.

### 5. ASET LAIN

	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Deposit dan bayaran terdahulu	687,024	617,346	69,678
Pendapatan pelaburan belum terima	340,632	176,233	164,399
Aset lain	30,000	27,222	2,778
Akaun belum terima lain	400	358	42
	<u>1,058,056</u>	<u>821,159</u>	<u>236,897</u>
	2007		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Deposit dan bayaran terdahulu	460,475	417,993	42,482
Pendapatan pelaburan belum terima	374,968	349,572	25,396
Aset lain	30,000	27,222	2,778
Akaun belum terima lain	600,343	598,040	2,303
	<u>1,465,786</u>	<u>1,392,827</u>	<u>72,959</u>



# PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

### 6. HARTANAH DAN PERALATAN

2008	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan bermotor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>					
Baki pada 1 Januari 2008	3,752,417	1,667,532	412,009	2,734,800	8,566,758
Penambahan (i)	2,206,932	60,509	-	319,249	2,586,690
Pengkelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2008	<u>5,959,349</u>	<u>1,728,041</u>	<u>412,009</u>	<u>3,054,049</u>	<u>11,153,448</u>
<b>Susut nilai terkumpul</b>					
Baki pada 1 Januari 2008	545,262	309,113	57,335	206,308	1,118,018
Caj bagi tahun semasa	669,972	334,643	82,402	554,592	1,641,609
Pengkelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2008	<u>1,215,234</u>	<u>643,756</u>	<u>139,737</u>	<u>760,900</u>	<u>2,759,627</u>
<b>Nilai buku bersih</b>					
Pada 31 Disember 2008	<u>4,744,115</u>	<u>1,084,285</u>	<u>272,272</u>	<u>2,293,149</u>	<u>8,393,821</u>

### 6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

2007	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan bermotor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>					
Baki pada 1 Januari 2007	1,091,696	755,271	172,009	814,081	2,833,057
Penambahan	3,166,974	1,569,272	240,000	2,734,800	7,711,046
Pengkelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	(506,253)	(657,011)	-	(814,081)	(1,977,345)
Baki pada 31 Disember 2007	<u>3,752,417</u>	<u>1,667,532</u>	<u>412,009</u>	<u>2,734,800</u>	<u>8,566,758</u>
<b>Susut nilai terkumpul</b>					
Baki pada 1 Januari 2007	257,933	217,949	25,801	559,365	1,061,048
Caj bagi tahun semasa	539,449	282,357	31,534	461,024	1,314,364
Pengkelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	(252,120)	(191,193)	-	(814,081)	(1,257,394)
Baki pada 31 Disember 2007	<u>545,262</u>	<u>309,113</u>	<u>57,335</u>	<u>206,308</u>	<u>1,118,018</u>
<b>Nilai buku bersih</b>					
Pada 31 Disember 2007	<u>3,207,155</u>	<u>1,358,419</u>	<u>354,674</u>	<u>2,528,492</u>	<u>7,448,740</u>

i. Termasuk dalam peralatan pejabat dan sistem komputer adalah amaun berjumlah RM3,845,937 (2007: 1,730,563) berkaitan perbelanjaan bagi aset masih dalam pembinaan yang termasuk Sistem Penilaian Risiko berjumlah RM2,390,155, Sistem Pembayaran Semula Deposit berjumlah RM1,395,581 dan Sistem Maklumat Sumber Manusia berjumlah RM60,201.



## 6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

## a. Dana Insurans Deposit Konvensional

2008	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan bermotor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>					
Baki pada 1 Januari 2008	3,406,462	1,513,735	373,977	2,482,925	7,777,099
Penambahan	1,974,043	54,131	-	285,601	2,313,775
Pengkelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2008	<u>5,380,505</u>	<u>1,567,866</u>	<u>373,977</u>	<u>2,768,526</u>	<u>10,090,874</u>
<b>Susut nilai terkumpul</b>					
Baki pada 1 Januari 2008	494,885	280,551	52,026	187,306	1,014,768
Caj bagi tahun semasa	608,047	303,775	74,796	503,413	1,490,031
Pengkelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2008	<u>1,102,932</u>	<u>584,326</u>	<u>126,822</u>	<u>690,719</u>	<u>2,504,799</u>
<b>Nilai buku bersih</b>					
Pada 31 Disember 2008	<u>4,277,573</u>	<u>983,540</u>	<u>247,155</u>	<u>2,077,807</u>	<u>7,586,075</u>

## 6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

## a. Dana Insurans Deposit Konvensional

2007	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan bermotor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>					
Baki pada 1 Januari 2007	990,604	685,333	156,081	738,697	2,570,715
Penambahan	2,875,296	1,424,742	217,896	2,482,925	7,000,859
Pengkelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	(459,438)	(596,340)	-	(738,697)	(1,794,475)
Baki pada 31 Disember 2007	<u>3,406,462</u>	<u>1,513,735</u>	<u>373,977</u>	<u>2,482,925</u>	<u>7,777,099</u>
<b>Susut nilai terkumpul</b>					
Baki pada 1 Januari 2007	234,048	197,767	23,412	507,567	962,794
Caj bagi tahun semasa	489,690	256,379	28,614	418,436	1,193,119
Pengkelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	(228,853)	(173,595)	-	(738,697)	(1,141,145)
Baki pada 31 Disember 2007	<u>494,885</u>	<u>280,551</u>	<u>52,026</u>	<u>187,306</u>	<u>1,014,768</u>
<b>Nilai buku bersih</b>					
Pada 31 Disember 2007	<u>2,911,577</u>	<u>1,233,184</u>	<u>321,951</u>	<u>2,295,619</u>	<u>6,762,331</u>





## 6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

## b. Dana Insurans Deposit Islam

2008	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan bermotor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>					
Baki pada 1 Januari 2008	345,955	153,797	38,032	251,875	789,659
Penambahan	232,889	6,378	-	33,648	272,915
Pengkelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2008	<u>578,844</u>	<u>160,175</u>	<u>38,032</u>	<u>285,523</u>	<u>1,062,574</u>
<b>Susut nilai terkumpul</b>					
Baki pada 1 Januari 2008	50,377	28,562	5,309	19,002	103,250
Caj bagi tahun semasa	61,925	30,868	7,606	51,179	151,578
Pengkelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2008	<u>112,302</u>	<u>59,430</u>	<u>12,915</u>	<u>70,181</u>	<u>254,828</u>
<b>Nilai buku bersih</b>					
Pada 31 Disember 2008	<u>466,542</u>	<u>100,745</u>	<u>25,117</u>	<u>215,342</u>	<u>807,746</u>

## 6. HARTANAH DAN PERALATAN (sambungan)

## b. Dana Insurans Deposit Islam

2007	Peralatan pejabat dan sistem komputer RM	Perabot dan kelengkapan RM	Kenderaan bermotor RM	Ubahsuai pejabat RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>					
Baki pada 1 Januari 2007	101,092	69,938	15,928	75,384	262,342
Penambahan	291,678	144,530	22,104	251,875	710,187
Pengkelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	(46,815)	(60,671)	-	(75,384)	(182,870)
Baki pada 31 Disember 2007	<u>345,955</u>	<u>153,797</u>	<u>38,032</u>	<u>251,875</u>	<u>789,659</u>
<b>Susut nilai terkumpul</b>					
Baki pada 1 Januari 2007	23,885	20,182	2,389	51,798	98,254
Caj bagi tahun semasa	49,759	25,978	2,920	42,588	121,245
Pengkelasan semula	-	-	-	-	-
Pelupusan	(23,267)	(17,598)	-	(75,384)	(116,249)
Baki pada 31 Disember 2007	<u>50,377</u>	<u>28,562</u>	<u>5,309</u>	<u>19,002</u>	<u>103,250</u>
<b>Nilai buku bersih</b>					
Pada 31 Disember 2007	<u>295,578</u>	<u>125,235</u>	<u>32,723</u>	<u>232,873</u>	<u>686,409</u>



# PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

### 7. AKAUN BELUM BAYAR

	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Amaun terhutang kepada Bank Negara Malaysia	219,950	196,767	23,183
Akaun belum bayar runcit	27,000	24,154	2,846
Akaun belum bayar lain	846,106	755,727	90,379
Peruntukan cuti yang tidak terambil	447,158	400,028	47,130
	<b>1,540,214</b>	<b>1,376,676</b>	<b>163,538</b>

	2007		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Amaun terhutang kepada Bank Negara Malaysia	199,192	180,846	18,346
Akaun belum bayar runcit	27,000	24,513	2,487
Akaun belum bayar lain	3,309,563	2,482,363	827,200
Peruntukan cuti yang tidak terambil	218,831	198,677	20,154
	<b>3,754,586</b>	<b>2,886,399</b>	<b>868,187</b>

### 8. KUMPULAN DANA INSURANS DEPOSIT

#### a. Dana Insurans Deposit Konvensional:

	2008 RM	2007 RM
Baki pada 1 Januari	190,399,969	111,218,891
Lebih bersih	52,597,387	79,181,078
Baki pada 31 Disember	<b>242,997,356</b>	190,399,969

#### b. Dana Insurans Deposit Islam:

	2008 RM	2007 RM
Baki pada 1 Januari	20,922,578	11,255,490
Lebih bersih	11,427,020	9,667,088
Baki pada 31 Disember	<b>32,349,598</b>	20,922,578

### 9. PENDAPATAN PREMIUM

	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Premium pertama	3,344,000	-	3,344,000
Premium tahunan	86,734,953	75,991,230	10,743,723
	<b>90,078,953</b>	<b>75,991,230</b>	<b>14,087,723</b>

Di bawah Perintah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Premium Tahunan) 2008, kadar Premium Tahunan bagi tahun taksiran 2008 adalah:

#### Kadar premium tahunan sistem premium berbeza

- Jika kategori premium yang dalamnya suatu institusi anggota dikelaskan bagi suatu tahun taksiran, menurut Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza) 2008, adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (1), kadar premium tahunan yang kena dibayar oleh institusi anggota itu bagi tahun taksiran itu adalah kadar premium yang dinyatakan berseparatan dengannya dalam ruang (2), seperti yang berikut:

Kategori Premium (1)	Kadar Premium (2)
1	0.03%
2	0.06%
3	0.12%
4	0.24%

Premium pertama  
Premium tahunan

- Jika suatu institusi anggota dikelaskan dalam kategori premium yang berlainan berkenaan dengan deposit Islam diinsuranskan dan deposit Konvensional diinsuranskan, kadar premium tahunan yang kena dibayar bagi deposit itu adalah kadar premium bagi masing-masing kategori premium deposit itu.

#### Kadar premium pertama

- Berkenaan dengan suatu institusi anggota baru, sebagaimana yang ditakrifkan dalam peraturan 2 Peraturan-Peraturan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Sistem Premium Berbeza) 2008, yang memegang deposit Islam diinsuranskan atau deposit Konvensional diinsuranskan, kadar premium pertama institusi anggota itu hendaklah sama dengan kadar premium untuk kategori premium 1.

#### Peralihan kepada sistem premium berbeza

- Berkenaan dengan kadar premium tahunan ke atas mana-mana institusi anggota yang bertanggung untuk membayar premium tahunan bagi tahun taksiran 2008, kadar premium tahunan yang terpakai bagi mana-mana institusi anggota itu yang dikelaskan dalam kategori premium 3 hendaklah terpakai bagi mana-mana institusi anggota itu yang dikelaskan dalam kategori premium 4.

	2007		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Premium pertama	250,000	-	250,000
Premium tahunan	109,905,613	98,546,846	11,358,767
	<b>110,155,613</b>	<b>98,546,846</b>	<b>11,608,767</b>



# PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

### 10. PENDAPATAN PELABURAN

	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	2,920,534	2,830,620	89,914
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	5,533,279	4,680,198	853,081
Pendapatan Perjanjian Belian Balik	32,764	22,742	10,022
	<u>8,486,577</u>	<u>7,533,560</u>	<u>953,017</u>

	2007		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia	1,105,993	972,886	133,107
Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara	4,648,470	4,230,546	417,924
Pendapatan Perjanjian Belian Balik	-	-	-
	<u>5,754,463</u>	<u>5,203,432</u>	<u>551,031</u>

Kadar pulangan purata berwajaran bagi sekuriti pelaburan untuk tahun kewangan semasa adalah 3.47% (2007: 3.43%) bagi portfolio Islam dan 3.45% (2007: 3.41%) bagi portfolio Konvensional.

### 11. PERBELANJAAN MANFAAT KAKITANGAN

	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Gaji dan upahan	16,251,824	14,538,881	1,712,943
Caruman kepada rancangan caruman tetap	1,879,596	1,681,487	198,109
Peruntukan cuti yang tidak terambil	228,328	201,352	26,976
Lain-lain manfaat	810,393	725,451	84,942
	<u>19,170,141</u>	<u>17,147,171</u>	<u>2,022,970</u>

	2007		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Gaji dan upahan	10,888,532	9,886,006	1,002,526
Caruman kepada rancangan caruman tetap	1,245,282	1,130,504	114,778
Peruntukan cuti yang tidak terambil	183,666	166,768	16,898
Lain-lain manfaat	754,035	684,578	69,457
	<u>13,071,515</u>	<u>11,867,856</u>	<u>1,203,659</u>

Bilangan kakitangan pada akhir tahun kewangan ialah enam puluh tujuh (67) (2007: 59).

### 12. PERBELANJAAN LAIN

	2008		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Yuran audit	27,000	24,154	2,846
Saraan dan Fi Pengarah*	315,241	282,015	33,226
Persidangan Tahunan Persatuan	-	-	-
Penginsurans Deposit Antarabangsa	-	-	-
Perbelanjaan percetakan dan alat tulis	936,424	837,738	98,686
Fi penasihat dan perundingan	1,437,802	1,286,241	151,561
Pelupusan hartanah dan peralatan	-	-	-
Keahlian dan yuran langganan	353,683	317,246	36,437
Perbelanjaan latihan dan pembangunan	1,336,657	1,195,773	140,884
Perbelanjaan perjalanan	479,439	428,906	50,533
Perbelanjaan telekomunikasi dan sistem komputer	650,929	582,520	68,409
Perbelanjaan pembangunan dan penyelenggaraan laman web	113,900	101,895	12,005
Perbelanjaan lain	664,635	595,156	69,479
	<u>6,315,710</u>	<u>5,651,644</u>	<u>664,066</u>

\* Para Pengarah dibayar berdasarkan struktur fi dan elaun yang telah diluluskan oleh Menteri Kewangan.

	2007		
	Jumlah RM	Konvensional RM	Islam RM
Yuran audit	27,000	24,513	2,487
Saraan dan Fi Pengarah*	333,054	300,796	32,258
Persidangan Tahunan Persatuan	-	-	-
Penginsurans Deposit Antarabangsa	399,053	363,211	35,842
Perbelanjaan percetakan dan alat tulis	788,616	714,760	73,856
Fi penasihat dan perundingan	795,759	722,992	72,767
Pelupusan hartanah dan peralatan	719,951	653,330	66,621
Keahlian dan yuran langganan	326,264	296,156	30,108
Perbelanjaan latihan dan pembangunan	676,232	614,144	62,088
Perbelanjaan perjalanan	726,188	659,145	67,043
Perbelanjaan telekomunikasi dan sistem komputer	304,885	276,803	28,082
Perbelanjaan pembangunan dan penyelenggaraan laman web	57,260	51,986	5,274
Perbelanjaan lain	437,223	396,840	40,383
	<u>5,591,485</u>	<u>5,074,676</u>	<u>516,809</u>

**13. PERCUKAIAN**

PIDM diberi pengecualian penuh daripada cukai pendapatan di peringkat statutori.

**14. ATURAN PAJAKAN OPERASI**

PIDM telah memeterai satu kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan bagi penggunaan ruang pejabat di Aras 19, 1 Sentral, Kuala Lumpur Sentral. Pajakan ini adalah bagi tempoh 5 tahun bermula 18 April 2007 pada kadar sewaan tetap dan mengandungi opsyen untuk memperbaharui pajakan bagi tempoh 5 tahun tambahan. Kontrak ini tidak mengandungi opsyen pembelian atau klausa menambah. Dalam memeterai kontrak ini, PIDM tidak tertakluk kepada sebarang sekatan.

PIDM juga telah memperolehi pelbagai peralatan pejabat melalui kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan. Pajakan ini adalah untuk tempoh 5 tahun dengan pembaharuan automatik bagi tempoh 5 tahun tambahan sekiranya PIDM tidak memberi notis penamatan dalam tempoh tiga bulan sebelum tarikh luput penggal utama pajakan. Kontrak ini tidak mengandungi opsyen pembelian atau klausa menambah.

Agregat pembayaran minimum pajakan untuk masa hadapan di bawah kontrak pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan, yang dimeterai pada tarikh lembaran imbangan tetapi tidak diambil kira sebagai liabiliti adalah seperti berikut:

	<b>2008</b>	<b>2007</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pembayaran minimum bagi sewa untuk masa hadapan:		
Tidak lebih dari 1 tahun	985,632	975,192
Melebihi dari 1 tahun tetapi tidak lebih dari 5 tahun	2,332,919	3,268,961
	<u>3,318,551</u>	<u>4,244,153</u>

**15. KOMITMEN MODAL**

	<b>2008</b>	<b>2007</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Perbelanjaan modal		
Perbelanjaan yang diluluskan dan telah dikontrak:		
Hartanah dan peralatan	4,271,803	316,809
	<u>4,271,803</u>	<u>316,809</u>

**16. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN****a. Transaksi dengan pihak berkaitan**

- i. Dalam tahun 2008, PIDM telah memeterai satu kontrak dengan Shook Lin & Bok, firma guaman di mana seorang daripada Pengarah PIDM merupakan penasihat berkontrak firma tersebut, bagi peruntukan perkhidmatan nasihat undang-undang kepada PIDM. Fi yang dikenakan ialah RM48,773 yang mana ia setara dengan harga pasaran. Pada 31 Disember 2008, tiada amaun tertunggak yang patut dibayar kepada firma tersebut. Pengarah berkenaan tidak terlibat dalam proses pemilihan ataupun menyertai perbincangan mengenai keputusan yang dibuat oleh Pengurusan untuk memeterai kontrak dengan firma tersebut. Pengarah berkenaan juga tidak memperolehi sebarang faedah daripada kontrak tersebut.
- ii. Dalam tahun 2008, PIDM telah memeterai kontrak dengan Chan & Associates, sebuah firma guaman di mana suami kepada salah seorang daripada Pegawai Korporat PIDM (Pegawai) merupakan ahli sekutu firma tersebut yang dipertanggungjawabkan bagi peruntukan perkhidmatan nasihat undang-undang kepada PIDM. Fi yang dikenakan ialah RM78,750 yang mana ia setara dengan harga pasaran. Pada 31 Disember 2008, tiada amaun tertunggak yang patut dibayar kepada firma tersebut. Pegawai tersebut tidak terlibat dalam proses pemilihan mahupun menyertai perbincangan mengenai keputusan yang dibuat oleh Pengurusan untuk memeterai kontrak dengan firma tersebut. Pegawai berkenaan itu juga tidak terlibat dalam pengendalian atau pengurusan tugas atau aktiviti yang membabitkan perkhidmatan firma tersebut.
- iii. Dalam tahun 2008, PIDM telah memeterai satu kontrak dengan Ernst & Young, yang merupakan sebuah firma di mana Pengerusi Jawatankuasa Audit adalah juga Pengerusi Bukan Eksekutif firma tersebut sehingga 31 Julai 2008. Kontrak tersebut adalah untuk memberi khidmat rundingan kepada PIDM untuk proses pengesahan luaran Penyata Jumlah Deposit Diinsuranskan (TID) dan maklumat Sistem Premium Berbeza (DPS). Fi dicaj yang berjumlah RM 99,925 adalah setanding dengan harga pasaran. Pada 31 Disember 2008, tiada amaun tertunggak yang patut dibayar kepada firma tersebut. Pengarah PIDM tersebut tidak terbabit di dalam proses pemilihan serta tidak terbabit di dalam perbincangan bersama Pengurusan bagi melantik firma tersebut. Pengarah PIDM ini juga tidak memperolehi apa-apa faedah atau manfaat daripada kontrak tersebut.
- iv. Dalam tahun 2008, salah seorang daripada Pengarah PIDM juga telah dilantik sebagai Pengerusi Bank Pembangunan, di mana ia merupakan institusi anggota kewangan lain yang di bawah Jaminan Deposit Kerajaan.



# PENYATA KEWANGAN

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2008

### 16. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN (sambungan)

#### b. Ganjaran kakitangan pengurusan utama

	2008	2007
	RM	RM
Manfaat jangka pendek	8,116,250	6,232,293
Manfaat selepas persaraan:		
Caruman kepada rancangan caruman tetap	637,155	443,172
	<b>8,753,405</b>	<b>6,675,465</b>

Ganjaran kakitangan pengurusan utama di atas termasuk ganjaran Ketua Pegawai Eksekutif dan semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif, iaitu mereka yang diberi kuasa dan tanggungjawab bagi perancangan, pengarah dan kawalan ke atas aktiviti Perbadanan.

Walau bagaimanapun, ia tidak termasuk para Pengarah yang mana ganjarannya dinyatakan secara berasingan dalam Nota 12. Ganjaran kakitangan Pengurusan utama juga termasuk dalam pendedahan manfaat kakitangan dalam Nota 11.

### 17. INSTRUMEN KEWANGAN

Dasar pengurusan risiko kewangan PIDM bertujuan memastikan bahawa sumber kewangan adalah mencukupi untuk menjalankan aktiviti PIDM semasa menguruskan risiko mata wang, kadar faedah dan kadar pulangan, mudah tunai, pasaran dan risiko kredit PIDM. PIDM beroperasi mengikut garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dasar PIDM adalah untuk melabur hanya dalam sekuriti Kerajaan jangka pendek dalam nilai Ringgit yang mempunyai pelbagai tempoh matang. Tiada pelaburan dibuat dengan institusi anggota memandangkan PIDM adalah penginsurans deposit.

#### a. Risiko mata wang asing

Pada masa ini PIDM tidak terdedah kepada sebarang risiko mata wang asing memandangkan semua transaksi diurusniagakan dalam mata wang Ringgit Malaysia.

#### b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan

Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan PIDM akan timbul terutamanya daripada perbezaan tarikh matang aset dan liabiliti kewangannya.

Aset kewangan terdiri daripada aset pelaburan, termasuk Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, dan Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia. Risiko kadar faedah dalam hal ini timbul daripada turun naik kadar faedah pasaran yang boleh memberi kesan kepada nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan. Risiko kadar pulangan ialah impak faktor pasaran yang berpotensi menjejaskan pulangan daripada aset dan seterusnya boleh mengakibatkan nilai pasaran dan keputusan pelaburan semula aset kewangan ini terjejas. Bagi mengurangkan risiko, buat masa ini, PIDM hanya melabur dalam sekuriti jangka pendek yang mengurangkan sebarang kesan perubahan kadar faedah pasaran atau kadar pulangan atas nilai pasaran sekuriti.

### 17. INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

#### b. Risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan (sambungan)

Pada masa ini, PIDM tidak mempunyai sebarang liabiliti yang terdedah kepada risiko kadar faedah.

Jadual berikut menunjukkan nilai bawaan, kadar pulangan purata berwajaran (WAYR) pada tarikh lembaran imbangan dan tarikh matang instrumen kewangan PIDM yang terdedah kepada risiko kadar faedah dan risiko kadar pulangan.

Dana Insurans Deposit Konvensional	Nota	WAYR %	Dalam tempoh 1 bulan RM	1>3 bulan RM	3>12 bulan RM	Jumlah RM
<b>31 Disember 2008</b>						
<i>Kadar tetap</i>						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	3.34	18,132,888	54,785,337	-	72,918,225
Pelaburan	4	3.45	-	-	163,048,573	163,048,573
<b>31 Disember 2007</b>						
<i>Kadar tetap</i>						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	3.19	14,277,383	17,899,866	-	32,177,249
Pelaburan	4	3.53	-	-	152,953,961	152,953,961
<b>Dana Insurans Deposit Islam</b>						
<b>31 Disember 2008</b>						
<i>Kadar tetap</i>						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	2.90	491,952	2,990,466	-	3,482,418
Pelaburan	4	3.55	-	-	27,986,075	27,986,075
<b>31 Disember 2007</b>						
<i>Kadar tetap</i>						
Tunai dan kesetaraan tunai	3	3.19	1,127,415	1,987,974	-	3,115,389
Pelaburan	4	3.53	-	-	17,916,008	17,916,008



### c. Risiko kecairan

Sebahagian besar daripada kumpulan dana yang diperuntukkan bagi tujuan pelaburan telah dilaburkan dalam sekuriti jangka pendek. PIDM berusaha secara berterusan untuk mengurus profil kematangan sekuriti ini bagi memastikan bahawa terdapat dana yang mencukupi pada setiap masa, untuk memenuhi keperluan modal kerja seharian.

### d. Risiko pasaran

Pelaburan PIDM dalam sekuriti jangka pendek bertujuan untuk dipegang sehingga matang dan tidak diurus niaga secara aktif. Oleh itu, pendedahan PIDM kepada risiko pasaran dalam konteks pelaburan ini adalah minimum.

### e. Risiko kredit

PIDM hanya melabur dalam Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia; dan Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia, yang secara amnya dianggap sebagai aset berisiko rendah. PIDM tidak menjangkakan pihak yang berurusan dengannya gagal dalam pembayaran dan oleh itu, menganggap risiko kredit atas aset pelaburannya sebagai sangat minimum.

### f. Nilai saksama

Secara amnya, nilai bawaan aset dan liabiliti kewangan Dana Insurans Deposit Islam dan Dana Insurans Deposit Konvensional hampir setara dengan nilai saksama mereka, kecuali bagi pelaburan dalam Sekuriti dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia; dan Bil dan Nota Boleh Niaga Bank Negara Malaysia yang nilai saksamanya boleh diwakilkan oleh nilai pasaran sekuriti ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Nota 3 dan 4.

## 18. MATA WANG

Semua amaun dinyatakan dalam nilai Ringgit Malaysia.

## 19. PERISTIWA PENTING - JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN

Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengumumkan pada 16 Oktober 2008, bahawa semua deposit Ringgit Malaysia dan mata wang asing dalam bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan dan bank Islam antarabangsa serta institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan dikawal selia oleh BNM akan diberi jaminan sepenuhnya oleh Kerajaan menerusi PIDM sehingga 31 Disember 2010. Jaminan Deposit Kerajaan (JDK) dilanjutkan kepada semua institusi perbankan domestik dan asing yang diperbadankan di Malaysia.

PIDM dipertanggungjawabkan untuk menjamin deposit yang disimpan oleh institusi anggota seperti yang dinyatakan di dalam Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM). Kerajaan melalui JDK untuk menjamin deposit yang tidak dijamin secara langsung oleh PIDM dan deposit yang dipegang oleh institusi bukan anggota. Justeru, PIDM tidak mempunyai pendedahan kewangan di bawah JDK.

Memandangkan permodalan institusi perbankan Malaysia yang teguh dan kukuh, JDK dijangka tidak akan diguna pakai. Bagaimanapun, PIDM tetap sentiasa menilai dan memantau dengan rapat risiko yang membawa kesan kepada institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin dari masa ke semasa.

## 20. KONTINJEN LUAR JANGKA

### *Pendedahan kepada kerugian daripada jaminan deposit*

Di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM), PIDM terdedah kepada kerugian akibat operasi institusi anggotanya. Bagaimanapun, pendedahan ini tidak boleh ditentukan kuantitinya atau dipastikan nilainya pada masa ini. Oleh itu, tiada peruntukan am atau khas telah direkodkan dalam penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa. Semenjak PIDM diperbadankan pada 2005, tiada kerugian berlaku yang memerlukan peruntukan dibuat pada penyata kewangan.

Penilaian risiko dan aktiviti pemantauan PIDM yang berterusan membolehkannya bekerja rapat dengan badan kawal selia untuk mengambil langkah pembaikan dengan segera dan secara tidak langsung mengurangkan kemungkinan kegagalan sesebuah institusi anggota. Di samping itu, PIDM mengukuhkan disiplin kewangan melalui sistem premium berbeza yang menyediakan insentif kepada institusi untuk mengamalkan pengurusan risiko yang ketat dan mantap termasuk penyelenggaraan kedudukan modal yang kukuh. Dalam keadaan ketidakmungkinan kegagalan berlaku, PIDM telah diberikan mandat dan kuasa untuk campur tangan dan membuat resolusi terhadap institusi yang gagal dengan meminimumkan kos kepada sistem kewangan.

PIDM sebagai badan berkanun, mengumpul dana melalui kutipan premium tahunan daripada institusi anggota. Dana yang terkumpul akan digunakan untuk membiayai sebarang kerugian dan komitmen yang ditanggung oleh PIDM. Di bawah Akta PIDM, Perbadanan telah diberi kuasa untuk meminjam dana, termasuk daripada Kerajaan serta kuasa untuk menaikkan kadar premium dengan kelulusan Menteri Kewangan.

Bahagian 5  
Artikel





Sebagai langkah tindakan terhadap persekitaran ekonomi kewangan yang mencabar, banyak negara di Eropah dan Asia melaksanakan jaminan deposit menyeluruh sebagai sebahagian daripada langkah untuk mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan masing-masing dan bagi memastikan sistem pembayaran mereka berfungsi seperti biasa.

Jadual berikut menunjukkan beberapa negara yang melaksanakan jaminan deposit menyeluruh pada setengah tahun kedua 2008.

Jadual 2: Negara-negara yang melaksanakan Jaminan Deposit

No.	Negara	Tempoh berkuat kuasa
1	Ireland	29 September 2008 sehingga 28 September 2010
2	Jerman	5 Oktober 2008 sehingga diberitahu kelak
3	Austria	5 Oktober 2008 sehingga diberitahu kelak
4	Denmark	6 Oktober 2008 sehingga diberitahu kelak
5	Iceland	7 Oktober 2008 sehingga diberitahu kelak
6	Taiwan	8 Oktober 2008 sehingga diberitahu kelak
7	Australia	12 Oktober 2008 sehingga 12 Oktober 2011
8	New Zealand	12 Oktober 2008 sehingga 12 Oktober 2010
9	Emiriah Arab Bersatu	12 Oktober 2008 sehingga 11 Oktober 2011
10	Hong Kong	14 Oktober 2008 sehingga 31 Disember 2010
11	Singapura	16 Oktober 2008 sehingga 31 Disember 2010
12	Malaysia	16 Oktober 2008 sehingga 31 Disember 2010
13	Brunei	23 Oktober 2008 sehingga 31 Disember 2010

Sumber: Pelbagai akhbar dan laman web

Pada 16 Oktober 2008, Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan Jaminan Deposit Kerajaan yang berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2010. Sistem insurans deposit eksplisit yang wujud pada masa ini terus dikuatkuasakan dan institusi anggota terus membayar premium kepada PIDM berasaskan Sistem Premium Berbeza (SPB) yang dilaksanakan untuk bank konvensional dan Islam

secara berasingan. Jaminan Deposit Kerajaan disediakan untuk melindungi pendeposit yang memegang deposit melebihi had yang dilindungi oleh PIDM. Kerajaan bertanggungjawab menjamin deposit yang tidak diinsuranskan secara langsung oleh PIDM dan deposit yang dipegang oleh institusi kewangan lain yang dijamin. Justeru, PIDM tidak mempunyai pendedahan kewangan di bawah Jaminan Deposit Kerajaan.

### MENGAPA IA DILAKSANAKAN?

Pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan merupakan langkah persediaan dan berjaga-jaga bagi mengekalkan kestabilan kewangan memandangkan sistem kewangan Malaysia mempunyai tahap modal dan kecairan yang mencukupi dan keyakinan pendeposit kekal utuh. Jaminan Deposit Kerajaan ini sejajar dengan inisiatif serantau yang serupa untuk mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan masing-masing.

Memandangkan tahap modal institusi perbankan Malaysia yang mantap dan kukuh, Jaminan Deposit Kerajaan tidak dijangka akan diguna pakai. Malaysia juga mempunyai rangka kerja pengawalseliaan yang mantap yang diperkukuhkan oleh disiplin kewangan yang dilaksanakan oleh PIDM menerusi SPB yang menyediakan insentif kukuh bagi bank-bank untuk mengamalkan praktik pengurusan risiko yang ketat dan mampan.

### SKOP

Jaminan Deposit Kerajaan menjamin dengan sepenuhnya semua deposit Ringgit dan mata wang asing yang disimpan dengan institusi kewangan yang dijamin. Ini termasuk:

- Deposit tetap, akaun semasa, akaun simpanan, akaun bersama dan akaun amanah;
- Semua akaun Islam (berstruktur atau sebaliknya);
- Deposit berstruktur konvensional yang prinsipalnya dijamin dan;
- Instrumen deposit boleh niaga yang dipegang oleh institusi atau entiti bukan bank.

Institusi kewangan yang dijamin termasuk institusi perbankan asing yang diperbadankan di Malaysia, seperti berikut :

- Semua bank perdagangan, bank Islam, bank pelaburan, bank Islam antarabangsa; dan
- Lima institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan dikawal selia oleh BNM,

iaitu Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (AgroBank).

### MENGURUSKAN JAMINAN DEPOSIT KERAJAAN

Bagi memastikan pentadbiran yang efektif dan mengurangkan bahaya moral, langkah-langkah yang sewajarnya telah diambil. Ini termasuk:

- Cadangan pindaan bagi peruntukan insurans penstabilan yang akan dibuat kepada Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM);
- Larangan penggunaan Jaminan Deposit Kerajaan sebagai cara untuk memasarkan atau mempromosi produk deposit;
- Memantapkan aktiviti pengawalseliaan dan pelaporan;
- Menetapkan matlamat dan jangkaan pengawalseliaan semasa tempoh jaminan;
- Bekerjasama rapat dengan BNM bagi memastikan institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin mengekalkan tahap modal yang mencukupi dan diurus dengan baik;
- Menaksir fi bagi institusi kewangan lain yang dijamin berasaskan jumlah deposit yang dipegang pada 31 Disember tahun taksiran sebelumnya dan bagi institusi anggota, berasaskan amaun yang melebihi Jumlah Deposit Diinsuranskan pada tahun taksiran sebelumnya; dan
- Membangunkan perjanjian dengan Kementerian Kewangan, menggariskan terma dan syarat bagi pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan termasuk mekanisme untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan, pembiayaan dan penyediaan maklumat.

Suatu rangka kerja peralihan yang komprehensif akan dibangunkan pada tahun hadapan untuk memastikan peralihan yang lancar kepada sistem insurans deposit eksplisit yang disokong oleh kempen kesedaran awam yang menyeluruh.





## PENGENALAN

Malaysia melaksanakan sistem dwi perbankan, iaitu sistem perbankan Islam beroperasi seiringan dengan sistem perbankan konvensional. Pada akhir tahun 2008, sistem perbankan Islam menguasai sebanyak 17.4% daripada jumlah aset dalam sistem perbankan. Oleh yang demikian, pengenalan insurans deposit Islam dianggap sebagai suatu elemen penting dalam memastikan daya saing sistem perbankan Islam.

Sistem insurans deposit yang berasingan untuk deposit Islam dan konvensional telah diperkenalkan pada bulan September 2005 susulan penguatkuasaan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 (Akta PIDM). Sistem insurans deposit Islam beroperasi secara berasingan, tetapi selari dengan sistem konvensional dan kedua-dua sistem ditadbir oleh PIDM. Seperti yang dikehendaki oleh Akta PIDM, keanggotaan dalam sistem insurans deposit Islam adalah wajib untuk semua bank Islam domestik dan asing yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan Islam 1983.

Bagi memastikan sebuah sistem yang patuh Syariah, PIDM mengguna pakai suatu pendekatan yang berasaskan kontrak, iaitu operasi sistem



insurans deposit Islam adalah berdasarkan kontrak *kafalah bil ujah* (konsep jaminan dengan fi). Konsep ini telah disahkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (BNM). Selaras dengan kontrak tersebut, berikut adalah ciri-ciri utama sistem insurans deposit Islam di Malaysia:

### (a) Pendanaan dan penilaian premium

Operasi insurans deposit Islam dibiayai sepenuhnya oleh premium yang diterima daripada institusi anggota Islam (IAI), yang terdiri daripada bank-bank Islam dan kaunter perbankan Islam di bank perdagangan. Premium tersebut ditaksir berdasarkan jumlah deposit Islam yang diinsuranskan pada 31 Disember tahun sebelumnya. Dari tahun 2005 hingga 2007, premium IAI telah ditaksir berdasarkan kadar tetap. Pada tahun 2008, PIDM memperkenalkan sistem premium berbeza di mana IAI kini dikehendaki membayar premium tahunan berdasarkan profil risiko masing-masing. IAI dengan profil risiko yang lebih tinggi akan membayar kadar premium tahunan yang lebih tinggi berbanding IAI dengan profil risiko yang lebih rendah.

### (b) Perlindungan

PIDM menyediakan perlindungan yang saksama kepada deposit Islam dan konvensional. Oleh yang demikian, deposit Islam menikmati perlindungan yang berbeza dan berasingan daripada deposit di bank konvensional. Deposit Islam yang layak mendapat perlindungan termasuk deposit simpanan, permintaan dan pelaburan yang diterima di bawah kontrak *mudharabah* dan bukan *mudharabah* seperti *wadiah*, *qard* dan *murabahah*. Dengan pelaksanaan Jaminan Deposit Kerajaan pada bulan Oktober 2008, deposit di IAI akan menikmati perlindungan melebihi perlindungan yang disediakan oleh sistem insurans deposit yang eksplisit dan deposit di institusi yang dijamin juga dilindungi sehingga akhir tahun 2010.

### (c) Pengurusan Dana Insurans Deposit Islam

Premium selepas ditolak perbelanjaan yang dibenarkan, disenggara dan ditadbir secara berasingan dalam Dana Insurans Deposit Islam (DIDI). PIDM menyimpan rekod perakaunan dan menyediakan penyata kewangan berasingan untuk

sistem insurans deposit Islam dan konvensional. PIDM dikehendaki melabur rizab DIDI dalam instrumen yang patuh Syariah. Ketika ini, pelaburan kami adalah terhadap kepada instrumen yang diterbitkan atau dijamin oleh Kerajaan atau BNM. Perbelanjaan yang dibenarkan ialah perbelanjaan yang dibuat dalam aktiviti yang patuh Syariah sahaja. Sekiranya PIDM campur tangan dalam urusan sesebuah IAI yang bermasalah, PIDM dikehendaki oleh mandat berkanunnya untuk menyelesaikan kegagalan tersebut pada kos yang paling minimum kepada sistem kewangan.

PIDM juga perlu memastikan bahawa tidak berlaku percampuran atau saling memberi subsidi antara DIDI dan Dana Insurans Deposit Konvensional. Sekiranya DIDI tidak mencukupi untuk melaksanakan mandatnya, PIDM akan mendapatkan dana daripada Kerajaan atau pasaran yang akan distruktur mengikut keperluan Syariah.

### (d) Pembayaran dan keutamaan pembayaran

Bagi mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan, PIDM antara lain, bertanggungjawab melindungi pendeposit daripada kehilangan deposit mereka apabila sesebuah IAI mengalami kegagalan. PIDM dikehendaki membayar balik dengan segera wang pendeposit yang dilindungi di sesebuah IAI yang gagal dalam tempoh tidak lebih tiga bulan daripada tarikh arahan pembubaran seperti termaktub dalam undang-undang. Semua kerugian yang berlaku dalam PIDM memenuhi tanggungjawabnya kepada pendeposit yang dilindungi akan ditanggung oleh dana insurans deposit masing-masing.

Keutamaan tuntutan yang diberikan kepada pendeposit akan memberi kesan kepada tahap kos resolusi yang dibuat oleh PIDM. Mengikut Akta PIDM, pendeposit secara automatik memindahkan hak dan kepentingan ke atas deposit mereka kepada PIDM tetapi hanya setakat jumlah pembayaran insurans deposit yang telah dibuat. Berhubung deposit Islam, keutamaan pembayaran adalah berdasarkan kontrak yang diguna pakai untuk deposit di mana deposit bukan *mudharabah* diberikan keutamaan berbanding deposit *mudharabah*.

## PIDM DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Pada bulan Mei 2007, PIDM diberi mandat untuk mengoperasikan Kumpulan Insurans Deposit Islam, sebuah kumpulan yang ditubuhkan oleh Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers - IADI*). Bidang tugas kumpulan ini adalah seperti berikut:

- mempelajari pengalaman anggota dalam menubuhkan dan melaksanakan insurans deposit Islam dengan mengkaji pelaksanaan sistem tersebut dan pengajaran yang diperolehi;
- mengesyorkan panduan mengenai isu berkaitan sistem insurans deposit Islam dengan mengambil kira perbezaan keadaan, latar dan struktur;
- menggalakkan kesedaran mengenai insurans deposit Islam dan menyediakan suatu forum perbincangan tentang keperluan anggota berhubung insurans deposit Islam; dan
- memudahkan perkongsian dan pertukaran kepakaran dan maklumat mengenai isu insurans deposit Islam.

Kumpulan Insurans Deposit Islam telah memulakan beberapa inisiatif berkaitan insurans deposit Islam. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah penganjuran suatu seminar mengenai insurans deposit Islam pada bulan Ogos 2008 yang dihadiri oleh peserta daripada pelbagai negara anggota IADI. Objektif seminar tersebut adalah untuk memudahkan perkongsian dan pertukaran kepakaran dan maklumat mengenai isu insurans deposit Islam di kalangan para peserta.

Dengan perkembangan luar biasa dalam kewangan Islam global, dijangka lebih banyak negara akan membangunkan sistem kewangan Islam. Bagi mengekalkan daya saing sistem kewangan Islam, penggubal polisi perlu mengambil kira manfaat memperkenalkan sebuah sistem insurans deposit Islam yang efektif sebagai sebahagian daripada jaringan keselamatan kewangan mereka. Memandangkan kekurangan panduan dan pengalaman dalam pembangunan sistem insurans deposit Islam, kepakaran di Malaysia dalam bidang ini boleh menjadi model yang berguna untuk negara lain. Oleh yang demikian, PIDM menerajui inisiatif Kumpulan Insurans Deposit Islam dalam merangka panduan tersebut dan sanggup berkongsi pendekatannya dengan pihak yang berminat.

Bahagian 6  
Inisiatif Kesedaran Awam  
dan Tanggungjawab Sosial  
Korporat





# INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## INISIATIF KESEDARAN AWAM

### PENGENALAN

Kesedaran awam dan pemahaman yang jelas mengenai sistem insurans deposit merupakan elemen penting bagi menentukan kejayaan PIDM sebagai penginsurans deposit amalan terbaik yang efektif. Pendeposit berpengetahuan yang sedar dan yakin dengan keselamatan depositnya, menyumbang secara positif kepada kestabilan sistem kewangan.

Di PIDM, kami telah melaksanakan beberapa langkah untuk membina kesedaran pengguna tentang insurans deposit dan ciri-cirinya. Sejak permulaan operasi kami, PIDM telah menyediakan pelbagai saluran komunikasi bagi orang awam termasuk talian pertanyaan bebas tol, laman web rasmi dalam empat bahasa – Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil, dan pengedaran risalah maklumat awam dalam enam bahasa, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Iban dan Bahasa Kadazandusun.

Kami menyedari bahawa tahap kesedaran awam yang disasarkan tidak dapat dicapai menerusi aktiviti *ad hoc* semata-mata dalam tempoh jangka pendek. Justeru, pada 2007, PIDM mula melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu (Rancangan) pelbagai tahun untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai insurans deposit dan PIDM menerusi pendekatan yang sistematik dan strategi yang menyeluruh. Rancangan itu mengenal pasti teras strategik yang merupakan asas permulaan semua aktiviti komunikasi awam PIDM, manakala pendekatan pelbagai tahun membolehkan kami terus membina berasaskan kejayaan kami.

### INISIATIF KAMI PADA 2008

Tahun ini menandakan pelaksanaan inisiatif yang khusus di bawah Rancangan tersebut. Dengan mengambil kira hasil kaji selidik 2007 kami, strategi kempen kami pada tahun lepas berdasarkan pendekatan yang khusus



dan disasar. Bagi 2008, PIDM menumpukan inisiatif pengiklanan dan komunikasi kepada tiga kumpulan sasaran yang mempunyai akaun bank:

- “Golongan Berpendapatan Tinggi” – Golongan pekerja profesional, pengurus dan eksekutif di Malaysia dengan pendapatan isi rumah bulanan melebihi RM3,000.
- “Orang Awam – Melayu” – Penduduk berketurunan Melayu di Malaysia, berusia 18 tahun ke atas.
- “Orang Awam – Cina” – Penduduk berketurunan Cina di Malaysia, berusia 18 tahun ke atas.

Sepanjang tahun ini, PIDM juga melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan kesedaran mengenai insurans deposit menerusi program kesedaran dan capaian awam. Antara inisiatif ini termasuk Minggu Kesedaran Insurans Deposit, Program Capaian Korporat, hubungan media dan menerusi penyertaan kami sebagai penyampai di pelbagai persidangan dan seminar di dalam dan luar negara.

Selain itu, PIDM bekerjasama dengan rakan strategik kami termasuk Bank Negara Malaysia (BNM), Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Biro Pengantaraan Kewangan (*Financial Mediation Bureau* - FMB) dan Institut Bank-Bank Malaysia (IBBM). Strategi tersebut berjaya membantu meningkatkan keberkesanan inisiatif kesedaran awam kami, justeru mengembangkan capaian PIDM kepada khalayak awam yang lebih luas.

Antara inisiatif utama kesedaran awam PIDM bagi tahun 2008 ialah Peraduan “PIDM & Anda” yang mendapat sambutan begitu menggalakkan dengan lebih 1.6 juta penyertaan diterima menerusi Sistem Pesanan Ringkas (SMS), dalam talian dan borang peraduan yang disiarkan dalam akhbar-akhbar daripada 25,000 peserta di seluruh negara. PIDM juga menyertai pelbagai program temu bual media termasuk segmen “Selamat Pagi Malaysia” dan “Bisnes Malaysia”, kedua-duanya program televisyen yang disiarkan di Radio Televisyen Malaysia (RTM), serta dalam media cetak.

Usaha kesedaran awam kami pada 2008 yang khusus dan disasar jelas menunjukkan keberkesanan berdasarkan keputusan yang menggalakkan daripada kaji selidik pengguna seluruh negara yang dijalankan pada suku



tahun terakhir. Menurut kaji selidik tersebut, tahap kesedaran mengenai insurans deposit menunjukkan peningkatan ketara kepada **27%** (2007: 15%; 2006: 13%) manakala tahap kesedaran mengenai PIDM melonjak kepada **32%** (2007: 12%; 2006: 4%).



Keputusan kaji selidik itu juga mendedahkan penambahbaikan yang kukuh dengan peningkatan dalam kesedaran dan pengetahuan mengenai insurans deposit PIDM serta peranan dan fungsinya. Peningkatan kesedaran ini dicapai secara umumnya dalam semua kumpulan demografi – khususnya dalam kalangan penduduk Melayu dan mereka yang berusia antara 25 hingga 44 tahun. Responden berketurunan Melayu dan Cina mencatatkan tahap kesedaran insurans deposit yang sama, iaitu 28%. Terdapat juga peningkatan dalam kesedaran insurans deposit dalam kalangan responden dengan pendapatan isi rumah bulanan RM3,000 ke bawah. Pada tahun-tahun sebelumnya, kumpulan responden khusus ini menunjukkan tahap minat, kesedaran dan pemahaman yang lebih rendah mengenai insurans deposit.



# INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## INISIATIF KESEDARAN AWAM

Berikut ialah sorotan inisiatif utama kami pada 2008 untuk meningkatkan kesedaran awam tentang insurans deposit dan PIDM.



INISIATIF	HURAIAN	OBJEKTIF
<b>PENGIKLANAN DAN PUBLISITI (BERTERUSAN)</b>	<p>PIDM melancarkan kempen pengiklanan tahunannya pada Mei 2008 termasuk iklan surat khabar, televisyen, radio dan pengiklanan di Internet.</p> <p>Iklan surat khabar kami diterbitkan dan disiarkan dalam empat bahasa, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil, manakala iklan radio diterbitkan dan disiarkan dalam tiga bahasa, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina.</p> <p>Dua versi iklan Bahasa Malaysia diterbitkan dan disiarkan di televisyen:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• "Suri Rumah"</li> <li>• "Ahli Muzik"</li> </ul>   <p>"Suri Rumah"                      "Ahli Muzik"</p> <p>PIDM menerbitkan dan menyiarkan segmen iklan bermaklumat (<i>infomercial</i>) dalam bahasa Cina (Mandarin dan Kantonis) di saluran-saluran bahasa Cina ASTRO seperti Wah Lai Toi dan AEC.</p> <p>PIDM juga menerbitkan dan menyiarkan kapsul khas di Buletin Utama TV3 dalam Bahasa Malaysia mengenai ciri-ciri dan manfaat sistem insurans deposit.</p> <p>PIDM turut memulakan pengiklanan di Internet menerusi enjin carian Google.</p> <p>Sepanjang kempen pengiklanan pada 2008, Pusat Panggilan PIDM (bebas tol 1-800-88-1266) mencatatkan peningkatan ketara dalam bilangan pertanyaan daripada orang awam. Sejumlah 2,970 panggilan diterima pada 2008 berbanding tahun sebelumnya dengan hanya lebih 700 panggilan diterima.</p> <p>Laman web rasmi PIDM (<a href="http://www.pidm.gov.my">www.pidm.gov.my</a>) turut mencatatkan peningkatan ketara dari segi jumlah pengunjung kepada 135,894 pada 2008 berbanding hanya lebih 35,000 pengunjung pada 2007.</p>	<p>PIDM terus membuat pengiklanan dalam media massa kerana ia merupakan pendekatan yang kreatif bagi meningkatkan kesedaran awam mengenai insurans deposit dan dapat menyampaikan mesej kepada kumpulan sasaran yang lebih meluas daripada pelbagai latar belakang demografi seperti usia, jantina, bangsa, pekerjaan dan tahap pendidikan.</p> <p>Sebelum setiap kempen iklan, PIDM menugaskan agensi penyelidikan untuk mengendalikan perbincangan kumpulan fokus di bandar-bandar dengan kumpulan demografi tertentu untuk menguji tahap penerimaan, pemahaman dan perkaitan bahan pengiklanan dan mesej utama.</p>

INISIATIF	HURAIAN	OBJEKTIF
<b>PERADUAN "PIDM &amp; ANDA" (14 JULAI HINGGA 31 OGOS 2008)</b>	<p>PIDM mengendalikan peraduan kesedaran awam yang dikenali sebagai Peraduan "PIDM &amp; Anda". Peraduan ini menerima sambutan yang amat menggalakkan dengan kira-kira 1.6 juta penyertaan menerusi SMS, dalam talian dan borang peraduan yang disiarkan dalam akhbar daripada 25,000 peserta dari seluruh negara.</p> 	<p>Peraduan ini merupakan sebahagian daripada usaha PIDM untuk mendidik rakyat Malaysia mengenai insurans deposit. Peraduan ini berjaya menarik minat dalam kalangan rakyat Malaysia mengenai insurans deposit dan menggalakkan mereka untuk mendapat maklumat lanjut mengenai PIDM dan peranannya sebagai penginsurans deposit nasional.</p>
<b>TAKLIMAT BAGI INSTITUSI ANGGOTA DAN PELBAGAI PEMEGANG KEPENTINGAN (BERTERUSAN)</b>	<p>PIDM mengendalikan 20 sesi latihan untuk pegawai bank di bandar-bandar di Malaysia kepada kira-kira 1,100 kakitangan bank. Ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk melengkapkan kakitangan institusi anggota PIDM dengan pengetahuan yang tepat mengenai cara insurans deposit berfungsi bagi membolehkan mereka mengurus dan memberi maklum balas kepada pertanyaan daripada pelanggan mereka.</p> <p>PIDM turut mengadakan 28 taklimat bagi pemegang kepentingan yang lain (agensi Kerajaan, universiti, badan profesional dan persatuan), termasuk ceramah awam.</p> <p>Dalam menjalankan sesi latihan kepada pegawai bank, PIDM terus bekerjasama dengan IBBM dan cawangan-cawangan BNM.</p> <p>Bagi senarai lengkap taklimat kami, sila rujuk kepada Kalendar Peristiwa kami bagi tahun 2008 (muka surat 153).</p> 	<p>Objektif inisiatif ini adalah untuk mewujudkan masyarakat awam yang berpengetahuan yang menyumbang kepada keyakinan terhadap kestabilan sistem kewangan kita.</p>



# INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## INISIATIF KESEDARAN AWAM

INISIATIF	HURAIAN	OBJEKTIF
<b>MINGGU KESEDARAN INSURANS DEPOSIT (5 HINGGA 12 MEI 2008)</b>	<p>Semasa Minggu Kesedaran Insurans Deposit, PIDM melancarkan Kempen Pengiklanan 2008 dan menyiarkan iklan berbentuk rencana (<i>advertorial</i>) mengenai insurans deposit dalam akhbar-akhbar harian utama.</p> <p>PIDM menjalankan program capaian di Johor Bahru, yang termasuk sesi taklimat bagi cawangan-cawangan institusi anggota PIDM pada 9 Mei 2008 dan ceramah awam pada 10 Mei 2008. Selain taklimat mengenai insurans deposit, sesi awam juga termasuk taklimat tentang topik-topik lain seperti perbankan, pengurusan kad kredit dan penyelesaian bagi pertikaian kewangan yang dikendalikan oleh wakil dari BNM, AKPK dan FMB.</p> <p>Dalam menganjur dan mempromosikan program capaian itu, PIDM bekerjasama dengan BNM (cawangan Johor Bahru), jawatankuasa kecil Persatuan Bank-Bank di Malaysia (<i>Association of Banks in Malaysia - ABM</i>) di Johor dan kumpulan Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (<i>Financial Planning Association of Malaysia - FPAM</i>) di Johor Bahru.</p> 	<p>Minggu Kesedaran Insurans Deposit merupakan acara tahunan yang diadakan bersempena dengan Minggu Insurans Deposit Antarabangsa tahunan.</p> <p>Sepanjang minggu ini, penginsurans deposit seluruh dunia menjalankan kempen dan aktiviti khas untuk memupuk kesedaran mengenai insurans deposit.</p>
<b>PENERBITAN LAPORAN TAHUNAN PIDM 2007 (12 MEI 2008)</b>	<p>PIDM mengadakan Dialog Tahunan keduanya dengan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan Institusi Anggota pada 12 Mei 2008, bersempena dengan penerbitan Laporan Tahunan PIDM 2007.</p> 	<p>Tujuan Dialog Tahunan ini adalah untuk memaklumkan kepada institusi anggota tentang kedudukan kewangan dan peristiwa penting pada tahun sebelumnya, dialog mengenai isu-isu berkaitan institusi anggota, serta pertukaran maklumat dan pandangan tentang inisiatif terkini dan masa hadapan yang melibatkan institusi anggota.</p>


INISIATIF	HURAIAN	OBJEKTIF
<b>PROGRAM CAPAIAN KORPORAT (11 HINGGA 12 JUN 2008)</b>	<p>PIDM menganjurkan Program Capaian Korporat tahunan yang kedua di Kota Kinabalu, Sabah yang mana ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM bertemu dengan pelbagai pemegang kepentingan.</p> <p>Program capaian itu termasuklah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Taklimat bagi wakil media tempatan di Sabah. Berikutan itu artikel mengenai PIDM dan ceramah awam disiarkan dalam kebanyakan akhbar tempatan.</li> <li>• Makan malam dan ceramah bersama pegawai kanan Kerajaan dan golongan ahli perniagaan di Sabah.</li> <li>• Ceramah awam mengenai "Perlindungan Pengguna Kewangan yang Efektif" yang dikendalikan bersama BNM, AKPK dan FMB.</li> </ul> <p>Dalam menganjur dan mempromosikan ceramah awam, PIDM bekerjasama dengan BNM (cawangan Kota Kinabalu) dan jawatankuasa kecil ABM di Sabah.</p>	<p>Capaian Korporat tahunan merupakan inisiatif Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif PIDM untuk memperluaskan capaian kami kepada orang awam bagi meningkatkan kesedaran mengenai insurans deposit dan perlindungan pengguna kewangan di Malaysia.</p> <p>Dengan melibatkan pegawai Kerajaan Negeri dan pemimpin masyarakat dalam program capaiannya, PIDM berminat untuk menyumbang kepada peningkatan pengetahuan mengenai insurans deposit serta mandat dan operasi PIDM secara umumnya. Dengan itu, pemegang kepentingan dapat berkongsi dan menyebarkan pengetahuan kepada khalayak sasaran yang lebih luas.</p> <p>Objektif ceramah awam adalah untuk meningkatkan celik kewangan dan pengetahuan mengenai organisasi-organisasi yang menyediakan perlindungan dan pendidikan kepada pengguna.</p>
<b>PENYERTAAN DALAM PAMERAN DAN JERAYAWARA (BERTERUSAN)</b>	<p>PIDM bekerjasama dengan BNM dan agensi-agensi berkaitan dalam pelbagai jerayawara nasional termasuk Minggu Saham Amanah Malaysia, Hari Pengguna Malaysia dan Minggu Kesedaran Kewangan (M2K), yang melibatkan penyertaan PIDM sebagai penganjur bersama dan peserta pameran.</p> <p>M2K telah diadakan dari 20 hingga 26 Oktober 2008 di Johor Bahru. Ini merupakan usaha kerjasama utama antara BNM, FMB, AKPK dan PIDM bersama dengan penganjur sokongan iaitu Suruhanjaya Sekuriti (<i>Securities Commission - SC</i>) dan Kerajaan Negeri Johor.</p> <p>Dari 20 hingga 21 Oktober 2008, wakil PIDM memberi taklimat kepada kakitangan akademik dan pelatih di Institut Perguruan Temenggong Ibrahim dan mahasiswa di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Penyampai taklimat yang lain adalah dari BNM, FMB, AKPK dan SC.</p> <p>PIDM menyertai pameran M2K yang diadakan dari 24 hingga 26 Oktober 2008 di Johor Bahru. Pameran itu dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Datuk Shahrir Abdul Samad, pada 25 Oktober 2008. Semasa pameran tersebut, PIDM mengadakan lima sesi ceramah awam untuk mendidik para pengunjung mengenai sistem insurans deposit. Pameran itu dikunjungi kira-kira 30,000 pengunjung.</p> <p>Bagi mendapatkan senarai lengkap pameran dan jerayawara yang disertai oleh PIDM, sila rujuk kepada Kalendar Peristiwa kami bagi tahun 2008 (muka surat 153).</p>	<p>PIDM bekerjasama rapat dengan BNM dalam pelbagai bidang sebagai sebahagian daripada Perjanjian Perikatan Strategik, termasuk meningkatkan kesedaran awam.</p> <p>PIDM juga bekerjasama dengan rakan strategik lain, termasuk AKPK dan FMB untuk memaksimumkan keberkesanan inisiatif kesedaran awam kami dan memperluaskan capaian kami kepada orang awam.</p>



# INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## INISIATIF KESEDARAN AWAM

INISIATIF	HURAIAN	OBJEKTIF
<b>PROGRAM PENDIDIKAN (BERTERUSAN)</b>	<p>PIDM menjadi ahli Jawatankuasa Kerja Strategi Celik Kewangan (<i>Financial Literacy Strategy Working Committee - FLSWC</i>) yang baru ditubuhkan dan jawatankuasa diterajui oleh AKPK. Mesyuarat pertama Jawatankuasa ini diadakan pada April 2008. Keahlian Jawatankuasa ini termasuklah BNM, SC, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (<i>Malaysia Financial Planning Council - MFPC</i>), ABM dan Persekutuan Persatuan Pengguna Malaysia.</p> <p>PIDM memulakan pembangunan program pendidikan untuk sekolah dan institusi pengajian tinggi. Fasa awal program pendidikan dijadualkan untuk pelancaran pada 2009.</p>	<p>Untuk menyumbang kepada usaha sama dalam kalangan ahli Jawatankuasa Kerja Strategi Celik Kewangan dalam membangunkan rangka kerja pendidikan kewangan komprehensif yang mana inisiatif di bawahnya boleh diselaraskan dengan efektif.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk mendidik pelajar mengenai PIDM dan ciri-ciri sistem insurans deposit serta menggalakkan kesedaran dan celik kewangan, terutama mengenai kepentingan budaya menyimpan wang.</li> <li>• Untuk menjadikan kempen kesedaran dan celik kewangan sebagai program jangka panjang di sekolah dan institusi pengajian tinggi menerusi pelbagai kaedah pengajaran di dalam kelas dan aktiviti peningkatan kualiti.</li> </ul>
<b>KAJI SELIDIK PENGGUNA SELURUH NEGARA (PERTENGAHAN TAHUN DAN AKHIR TAHUN)</b>	<p>PIDM menugaskan sebuah agensi penyelidikan bebas untuk menjalankan kaji selidik seluruh negara dua kali setahun. Kaji selidik pertengahan tahun dijalankan pada Julai 2008 yang melibatkan kira-kira 600 responden manakala kaji selidik akhir tahun dijalankan dari Oktober hingga November 2008 melibatkan kira-kira 1,000 responden.</p> <p>Responden diselidik menggunakan kaedah kuantitatif temu bual bersemuka. Sama seperti kaji selidik pengguna yang dijalankan bagi PIDM sebelum ini, sampel responden mewakili komponen nasional dari segi jantina, usia, bangsa dan agama, untuk mencerminkan pandangan penduduk Malaysia dengan tepat.</p> <p>Hasil daripada kaji selidik itu digunakan dalam pembangunan dan peningkatan berterusan inisiatif pengiklanan dan kesedaran awam PIDM.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk menilai tahap kesedaran dan pemahaman yang terkini tentang insurans deposit dan PIDM.</li> <li>• Untuk mengukur tahap keberkesanan kempen pengiklanan yang dijalankan dan meningkatkan keberkesanan kempen pada masa hadapan.</li> </ul>

INISIATIF	HURAIAN	OBJEKTIF
<b>HUBUNGAN MEDIA (BERTERUSAN)</b>	<p>PIDM meningkatkan kempen medianya dan mendidik orang awam mengenai insurans deposit menerusi taklimat media, sidang media, temu bual eksklusif, penyiaran artikel, kenyataan akhbar dan inisiatif media yang lain.</p> <p>PIDM terlibat dalam pelbagai rancangan temu bual media termasuk program televisyen 'Selamat Pagi Malaysia' dan 'Bisnes Malaysia' yang disiarkan di Radio Televisyen Malaysia (RTM), saluran radio berkaitan perniagaan BFM 89.9 serta media cetak.</p> <p>Pada pertengahan tahun kedua 2008, terdapat peningkatan dalam liputan media mengenai insurans deposit dan PIDM ekoran perkembangan dalam pasaran kewangan global, kebimbangan orang awam tentang perlindungan insurans deposit, dan kemudiannya pengumuman Jaminan Deposit Kerajaan pada 16 Oktober 2008.</p> 	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk meningkatkan profil PIDM.</li> <li>• Untuk mendidik orang awam dan menyampaikan mesej utama menerusi media sebagai saluran dan rakan kongsi komunikasi yang amat berkesan dan penting.</li> </ul>

### MELANGKAH KE HADAPAN

Bagi tahun 2009, PIDM akan terus melaksanakan inisiatif kesedaran awam dan capaian berterusan termasuk pengiklanan, taklimat, penyertaan dalam pameran dan jerayawara serta hubungan media. Dengan pengumuman Jaminan Deposit Kerajaan pada 16 Oktober 2008 dan keputusan daripada kaji selidik kesedaran awam, PIDM sedang mengkaji semula strategi dan inisiatif kesedaran awam serta mesej utama bagi 2009 dan 2010. Jaminan Deposit Kerajaan yang disediakan sehingga 31 Disember 2010, menyediakan perlindungan tambahan kepada pendeposit yang memegang dana deposit, melebihi had perlindungan PIDM. Justeru, PIDM sedang mengemas kini dan menyemak semula bahan maklumat awam dan laman web rasminya untuk mencerminkan Jaminan Deposit Kerajaan dan penyelarasan had dan perlindungan yang berbangkit daripadanya.

PIDM juga akan terus bekerjasama dengan IBBM, BNM dan organisasi berkaitan bagi meningkatkan pengetahuan insurans deposit dalam kalangan

kakitangan institusi kewangan yang depositnya kini dijamin di bawah Jaminan Deposit Kerajaan, terutamanya pegawai khidmat pelanggan di kaunter hadapan.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan kesediaan komunikasi sekiranya berlaku kegagalan sesebuah bank, PIDM akan membangunkan Manual Komunikasi Krisis dan menambah baik Pusat Panggilannya sebagai sebahagian daripada pembangunan Sistem Pembayaran Balik Deposit dalam tempoh dua tahun yang akan datang.

Dalam tempoh yang sama, PIDM juga akan menumpu kepada pelaksanaan program pendidikan bagi sekolah dan institusi pengajian tinggi untuk meningkatkan kesedaran mengenai insurans deposit dan peranan PIDM dalam sistem kewangan Malaysia, serta meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan pelajar ke arah mewujudkan masyarakat awam yang lebih berpengetahuan mengenai kewangan.



# INISIATIF KESEDARAN AWAM DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Di PIDM, kami mengakui bahawa badan sektor awam boleh memainkan peranan penting dalam masyarakat dan alam sekitar kita, dan komited kepada Tanggungjawab Sosial Korporat.

Pengaruh dan kakitangan kami dikehendaki, di bawah Kod Tatalaku dan Etika Urus Niaga, untuk menghormati dan menyokong Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat kami. Polisi ini yang dibentuk pada 2007, menggariskan komitmen kami kepada kewarganegaraan dan tadbir urus yang baik serta mengenal pasti tema teras bagi tumpuan tanggungjawab sosial korporat kami, iaitu kebajikan kakitangan, penglibatan dalam komuniti dan perlindungan alam sekitar. Justeru, Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat kami menyediakan pemahaman mengenai tujuan dan usaha yang akan kami pilih untuk disokong.

### AKTIVITI TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT PADA 2008

Pada 2007, kami menyaksikan pembangunan rangka kerja Tanggungjawab Sosial Korporat yang terdiri daripada:

- (i) polisi Tanggungjawab Sosial Korporat;
- (ii) prosedur bagi pengendalian permohonan untuk sumbangan oleh pihak ketiga; dan
- (iii) proses untuk menyokong kakitangan dalam usaha Tanggungjawab Sosial Korporat mereka.

Sejak itu, pada 2008, kami mempertimbangkan cara untuk terus mencerminkan kewarganegaraan korporat kami. Sehubungan ini, Pasukan Tugas Khas Tanggungjawab Sosial Korporat – kumpulan sukarela kakitangan – berusaha ke arah memilih aktiviti dan program yang selaras dengan tiga tema teras yang dikenal pasti dalam Polisi Tanggungjawab Sosial Korporat kami.

### KEBAJIKAN KAKITANGAN

Bahagian Sumber Manusia memainkan peranan penting dalam memperjuangkan aspek kebajikan kakitangan. Pada 2008, Bahagian Sumber Manusia menganjurkan pelbagai acara untuk menggalakkan pelbagai aspek kebajikan kakitangan. Sebagai contoh, sesi latihan berkenaan keselamatan di jalan raya telah diadakan.

Bahagian Sumber Manusia terus memupuk nilai korporat dalam kalangan kakitangan. Kami mengadakan dua program minggu pembangunan berpasukan di bawah Minggu Inisiatif Modal Insan untuk menggalakkan persekitaran kerja yang sihat dan mesra bagi semua kakitangan. Selain itu, program sokongan kakitangan diperkenalkan untuk menyediakan kakitangan dengan akses kepada bantuan khidmat kaunseling, sekiranya perlu, ketika menghadapi tekanan kerja, serta membantu mereka mencapai keseimbangan kerja dan kehidupan yang sihat.

### PENGLIBATAN DALAM KOMUNITI

Berikutan amalan kami yang dilaksanakan pada 2006, kami meneruskan kempen sumbangan derma “*Jeans Friday*”, yang mana kakitangan diberikan peluang memakai seluar jeans pada hari Jumaat dengan pengenaan yuran nominal. Hasil daripada sumbangan akan disalurkan kepada pelbagai badan kebajikan seperti Rumah Nur Salam, pusat aktiviti kanak-kanak yang beroperasi di Kuala Lumpur. Rumah kebajikan ini dipilih oleh kakitangan PIDM daripada beberapa organisasi kebajikan.

Selain itu, kami mengumpul wang dengan mengadakan lelongan istimewa bagi kakitangan. Kakitangan berpeluang untuk membuat kebajikan menerusi pembidaan untuk pelbagai barangan dan produk – daripada baucar makan malam kepada perkakasan elektronik, semuanya ditaja oleh pihak pengurusan kanan dan kakitangan – dalam satu majlis yang meriah. Lelongan dan kutipan itu berjaya mengumpulkan kira-kira RM20,000 dan lanjutan itu, PIDM turut menyumbangkan amaun yang sama.

Kami bercadang untuk bekerjasama dengan Rumah Nur Salam dalam mengenal pasti cara terbaik menggunakan dana ini pada 2009. Ini termasuk pengenalanpastian kesan yang dirasakan oleh kanak-kanak tersebut akibat kekurangan pembiayaan atau sumber lain yang diperlukan oleh rumah kebajikan tersebut. Sejalan dengan usaha untuk melibatkan kakitangan dalam aktiviti tanggungjawab sosial korporat, kami juga merancang untuk menyediakan sokongan pentadbiran atau sokongan lain yang diperlukan oleh Rumah Nur Salam dalam projek pembangunan keupayaan yang berasingan.



### PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR

Pada 2008, kami terus meningkatkan kesedaran mengenai isu-isu alam sekitar. Susulan beberapa tayangan dokumentari mengenai pemanasan global dan perubahan iklim, Pasukan Tugas Khas Tanggungjawab Sosial Korporat mengeluarkan senarai langkah-langkah penjimatan tenaga dan amalan mesra alam sekitar yang lain untuk diguna pakai oleh semua kakitangan. Amalan yang mudah tetapi berkesan ini termasuk menutup lampu, pemanas air, komputer, mesin pencetak dan mesin fotokopi apabila tidak digunakan, terutamanya selepas waktu pejabat. Langkah mengurangkan penggunaan kertas juga dilaksanakan dan Pasukan Tugas Khas Tanggungjawab Sosial Korporat memantau penggunaan kertas dalam PIDM. Sejalan dengan langkah ini, PIDM juga turut memastikan penggunaan kertas mesra alam sekitar dalam penerbitan Laporan Tahunan kami sejak 2007.

Selain itu, pertandingan juga diadakan untuk menguji pengetahuan am kakitangan tentang alam sekitar. Hadiah mesra alam sekitar juga diberikan kepada pemenang tiga tempat teratas, termasuk kunjungan

pendidikan mesra alam sekitar ke Sabah. Pada masa yang sama, filem dokumentari, “*The 11th Hour*” yang bertumpu kepada cara manusia mengubah landskap ekologi global juga ditayang untuk tontonan kakitangan.

### MELANGKAH KE HADAPAN

Selain bekerjasama dengan badan kebajikan pilihan kami, kami juga akan mengkaji keperluan dan manfaat program celik kewangan pada masa hadapan. Ini merupakan usaha yang bukan sahaja sejajar dengan mandat PIDM untuk meningkatkan keyakinan pendeposit bagi menggalakkan kestabilan sistem kewangan, tetapi juga usaha yang kami telah kenal pasti sebagai satu tanggungjawab, memandangkan mandat organisasi serta pengalaman dan kepakaran kakitangan kami. Dengan mengkaji selidik usaha yang kami mungkin boleh menyumbang atau melengkapinya, kami yakin bahawa kami mampu melengkapkan inisiatif pendidikan kewangan lebih besar yang sedang dilaksanakan pada masa ini.

Akhir sekali, kami yakin bahawa kami boleh memberikan impak yang bermakna kepada masyarakat yang mana kami merupakan sebahagian daripadanya.

Bahagian 7  
Kalendar Peristiwa







- JANUARI 7** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Mesyuarat Jawatankuasa Audit
- 11** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Lawatan *Reserve Bank of India*
- 25** **Majlis Peguam Negara, Kuala Lumpur**  
Taklimat kepada kakitangan Majlis Peguam Negara
- 25-26** **Masjid Negara, Kuala Lumpur**  
Pameran Kempen Kesedaran Kewangan Islam
- 30** **Pulau Langkawi, Kedah**  
Taklimat kepada ahli-ahli Exco Kesatuan Kakitangan Perkhidmatan Tadbir dan Awam Pasukan Polis, Semenanjung Malaysia
- Pulau Langkawi, Kedah**  
Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota
- IBBM, Kuala Lumpur**  
Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota

- FEBRUARI 4** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Mesyuarat Jawatankuasa Audit
- 11** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus
- 12-16** **Basel, Switzerland**  
Mesyuarat Majlis Eksekutif Persatuan Penginsurans Deposit Antarabangsa (*International Association of Deposit Insurers - IADI*)
- 14** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Lawatan sambil belajar oleh pelajar dan staf akademik Universiti Institut Teknologi MARA (UiTM) Kampus Jengka, Pahang
- 18** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Mesyuarat Lembaga Pengarah
- 19** **Institut Perbankan dan Kewangan Islam (*Islamic Banking and Finance Institute of Malaysia - IBFIM*), Kuala Lumpur**  
Taklimat Insurans Deposit dalam *IBFIM I-Series Programme* mengenai Pengurusan Deposit dan Kecairan

- FEBRUARI 21** **Kuala Lumpur**  
Dialog bersama Pegawai Perhubungan Institusi Anggota
- 22-24** **Pusat Konvensyen Sunway Pyramid, Selangor**  
Persidangan Penasihat-Penasihat Perancangan Kewangan Antarabangsa (IFPAC) 2008
- 26** **Shah Alam, Selangor**  
Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota
- PIDM, Kuala Lumpur**  
Lawatan *World Bank*
- 26 Feb-1 Mac** **Tokyo, Japan**  
Perbincangan Meja Bulat *Deposit Insurance Corporation of Japan (DICJ) Ke-3*

- MAC 2-4** **Bangkok, Thailand**  
Lawatan hormat ke *Bank of Thailand*
- 10** **Kuala Lumpur**  
Taklimat mengenai Garis Panduan Sistem Premium Berbeza (SPB) kepada Institusi Anggota
- 24** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Sesi Lembaga Pengarah: Pengiklanan dan Penyelidikan Pengguna
- Universiti Malaya, Kuala Lumpur**  
Taklimat Insurans Deposit kepada pelajar Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya
- 26-29** **Bali, Indonesia**  
Mesyuarat Tahunan dan Persidangan Jawatankuasa Rantau Asia IADI Ke-6





- APRIL 1** **Kota Kinabalu, Sabah**  
Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota
- 4-6** **Pusat Pameran Mid Valley, Kuala Lumpur**  
Ekspo Keusahawanan Ke-3
- 4-9** **London, United Kingdom**  
Persidangan *Financial Services Authority* (FSA)
- 8-10** **Universiti Multimedia, Melaka**  
Ekspo Kerjaya dan Keusahawanan Universiti Multimedia (MMU)
- 11** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Mesyuarat Jawatankuasa Audit
- 14-18** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Minggu Inisiatif Modal Insan untuk kakitangan PIDM

- 15** **Carcosa Sri Negara, Kuala Lumpur**  
Sesi Lembaga Pengarah: Penyeliaan Bank dan Campur Tangan
- 17** **Bank Negara Malaysia (BNM), Kuala Lumpur**  
Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran
- BNM, Kuala Lumpur**  
Pembentangan kepada Pengurusan Kanan BNM mengenai Tadbir Urus, Pengurusan Risiko Organisasi dan Audit Dalaman
- Seremban, Negeri Sembilan**  
Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota

- APRIL 18** **Melaka**  
Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota
- 19-28** **Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka, Melaka**  
Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM)
- 28** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Mesyuarat Lembaga Pengarah

- MEI 6-8** **Basel, Switzerland**  
Seminar bersama *Financial Stability Institute* (FSI) dan *Toronto Centre* mengenai Pengurusan Situasi bagi Bank Bermasalah
- 8** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Pengeluaran Peraturan-Peraturan SPB PIDM
- 9** **Johor Bahru, Johor**  
Minggu Kesedaran Insurans Deposit - Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota
- 10** **Johor Bahru, Johor**  
Minggu Kesedaran Insurans Deposit – Taklimat Umum mengenai Perlindungan Pengguna Kewangan yang Efektif





- MEI 12** **Kuala Lumpur**  
Pelancaran Laporan Tahunan 2007 PIDM  
Dialog Tahunan Ke-2 dengan Institusi Anggota  
Sidang Akhbar
- 15** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus
- 16** **Kajang, Selangor**  
Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota
- 30** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Mesyuarat Jawatankuasa Audit

- JUN 2** **Kuala Lumpur**  
Taklimat kepada pelajar mengenai Program Peningkatan Kemahiran dalam Sektor Kewangan (*Financial Sector Talent Enrichment Programme - FSTEP*)
- 5-6** **Kuala Lumpur**  
Taklimat mengenai Insurans Deposit dan pameran PIDM di Sidang Kemuncak Perbankan Malaysia Ke-12 anjuran Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (*Asian Strategy & Leadership Institute - ASLI*)
- 11-13** **Kota Kinabalu, Sabah**  
Capaian Korporat PIDM oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif
- 20** **Johor Bahru, Johor**  
Taklimat kepada Ketua Serantau Institusi Anggota, Institusi Kewangan Pembangunan dan Syarikat Insurans

- JUN 21-22** **Johor Bahru, Johor**  
Pameran *My Career and Education*
- 26** **Kota Bharu, Kelantan**  
Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota
- 30** **Kuala Lumpur**  
Mesyuarat dengan Pengurusan Kanan Institusi Anggota mengenai Kertas Perundingan bagi Program Pengesahan untuk SPB dan Jumlah Deposit Diinsuranskan

- JULAI 5** **Mines Wonderland, Selangor**  
Hari Keluarga PIDM
- 7-10** **Pusat Latihan Federal Deposit Insurance Corporation (FDIC), Arlington, USA**  
Program Latihan Eksekutif IADI mengenai Pengurusan Resolusi: Prinsip dan Amalan Terbaik
- 8** **Kuala Terengganu, Terengganu**  
Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota
- 9** **Bangi, Selangor**  
Taklimat Insurans Deposit kepada Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM)
- 11-15** **Washington DC, USA**  
Lawatan sambil belajar ke FDIC





- |   |  |  |   |
|---|--|--|---|
| <p><b>JULAI 14</b> <b>PIDM, Kuala Lumpur</b><br/>Taklimat Media dan Pelancaran Peraduan "PIDM &amp; Anda"</p> <p><b>18</b> <b>IBBM, Kuala Lumpur</b><br/>Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota</p> <p><b>23</b> <b>Kuala Lumpur</b><br/>Penyampaian di Persidangan ASLI mengenai pencapaian Pengurusan Risiko Organisasi Efektif</p> <p><b>26</b> <b>Miri, Sarawak</b><br/>Bengkel Kelab Kewangan Pelajar Sekolah-Sekolah Rendah Peringkat Kebangsaan 2008</p> <p><b>26-27</b> <b>Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur</b><br/>Pameran di Karnival Hari Pengguna</p> <p><b>31</b> <b>Kuching, Sarawak</b><br/>Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota</p> | <p><b>OGOS 1</b> <b>Sibu, Sarawak</b><br/>Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota</p> <p><b>8</b> <b>Ipoh, Perak</b><br/>Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota</p> <p><b>13</b> <b>BNM, Kuala Lumpur</b><br/>Taklimat Insurans Deposit kepada pelajar dan staf akademik UiTM Kampus Jengka, Pahang</p> <p><b>BNM, Kuala Lumpur</b><br/>Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran</p> <p><b>14</b> <b>PIDM, Kuala Lumpur</b><br/>Mesyuarat Jawatankuasa Audit</p> | <p><b>OGOS 14</b> <b>Batu Pahat, Johor</b><br/>Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota</p> <p><b>Batu Pahat, Johor</b><br/>Taklimat Insurans Deposit kepada Dewan Perniagaan Cina (<i>Chinese Chamber of Commerce</i>)</p> <p><b>16</b> <b>Kuala Lumpur</b><br/>Taklimat Insurans Deposit kepada pelajar program Sarjana Pentadbiran Perniagaan – <i>University of East London (MBA-UJEL)</i></p> <p><b>18-19</b> <b>Kuala Lumpur</b><br/>Dialog <i>Southeast Asian Central Banks (SEACEN)</i> Awam-Swasta Ke-4</p> <p><b>Kuala Lumpur</b><br/>Tuan rumah bagi Seminar mengenai Kewangan Islam dan Insurans Deposit Islam</p> | <p><b>21</b> <b>PIDM, Kuala Lumpur</b><br/>Sesi Perkongsian Pengetahuan dengan wakil-wakil daripada <i>Deposit Insurance Fund Board of Kenya</i> dan <i>Philippines Deposit Insurance Corporation</i></p> <p><b>22-23</b> <b>Kuala Lumpur</b><br/>Perlawanan Persahabatan BNM – PIDM</p> <p><b>26</b> <b>Bandar Baru Bangi, Selangor</b><br/>Penyampaian mengenai Pengurusan Risiko Organisasi di Persidangan Pengurusan Risiko Antarabangsa 2008, Institut Insurans Malaysia</p> <p><b>28</b> <b>IBBM, Kuala Lumpur</b><br/>Taklimat Insurans Deposit kepada Institusi Anggota</p> |
|---|--|--|---|





**SEPTEMBER 1-5**

**Taipei, Taiwan**  
Latihan Eksekutif IADI mengenai Pengurusan Resolusi: Prinsip dan Amalan Terbaik

**11** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Mesyuarat Lembaga Pengarah

**15** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Peraturan-Peraturan Terma dan Syarat Keanggotaan PIDM berkuat kuasa

**22** **Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur**  
Perkongsian pengetahuan dengan Pasukan Pengurusan Risiko, Strategi & Pembangunan Suruhanjaya Sekuriti

**OKTOBER 6-10**

**PIDM, Kuala Lumpur**  
Minggu Inisiatif Modal Insan untuk kakitangan PIDM

**10** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Lawatan *Central Bank of Vietnam*

**13** **Universiti Malaya, Kuala Lumpur**  
Taklimat Insurans Deposit kepada pelajar Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya

**16** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Lawatan *Deposit Protection Board of Zimbabwe*

**Kuala Lumpur**  
Pengumuman Jaminan Deposit Kerajaan oleh Kementerian Kewangan dan BNM

**OKTOBER 20**

**Institut Perguruan Temenggong Ibrahim (IPTI), Johor Bahru, Johor**  
Taklimat kepada pelajar dan staf akademik IPTI

**21** **Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai, Johor**  
Taklimat Insurans Deposit kepada pelajar Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, UTM

**22** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Sesi Lembaga Pengarah: Perancangan Strategik

**23** **Akademi Audit Negara, Nilai, Negeri Sembilan**  
Penyampaian Anugerah Pengurusan Kewangan Cemerlang kepada PIDM di Majlis Anugerah Prestasi Pengurusan Cemerlang Berdasarkan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara

**24**

**BNM, Kuala Lumpur**  
Taklimat Jaminan Deposit Kerajaan kepada kakitangan BNM

**24-26**

**Johor Bahru, Johor**  
Pameran Minggu Kesedaran Kewangan (M2K)

**27-31**

**Washington DC, USA**  
Mesyuarat Agung Tahunan dan Persidangan Tahunan IADI Ke-7

**28**

**Washington DC, USA**  
Mesyuarat bersama Sheila Bair, Pengerusi FDIC

**30**

**PIDM, Kuala Lumpur**  
Peraturan-Peraturan PIDM bagi Akta PIDM Perjanjian dan Transaksi Kewangan di bawah Perenggan 80(h) berkuat kuasa





- NOVEMBER 5** **Putrajaya**  
Bengkel Pendidikan Kewangan 2008 bagi Guru-Guru (di bawah Program Sekolah Angkat BNM)
- 10** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Mesyuarat Jawatankuasa Audit
- 12** **Kuala Lumpur**  
Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan "PIDM & Anda" dan Sidang Akhbar
- 13** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus
- 16-18** **Beijing, China**  
Kumpulan Kerja FSI dan Mesyuarat Eksekutif bagi Bank-Bank Pusat Asia Pasifik Timur mengenai Penyeliaan Perbankan

- 19** **Kuala Lumpur**  
Penyampaian Sijil Merit kepada PIDM di Anugerah Laporan Tahunan Korporat Kebangsaan
- 20** **Kuala Lumpur**  
Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam - Mempertingkatkan Ketahanan dan Kestabilan Sistem Kewangan Islam
- 24** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Mesyuarat Jawatankuasa Audit
- 25** **BNM, Kuala Lumpur**  
Mesyuarat Jawatankuasa Ganjaran
- 29** **Kuala Lumpur**  
Majlis Makan Malam PIDM

- DISEMBER 4** **PIDM, Kuala Lumpur**  
Mesyuarat Lembaga Pengarah
- 11** **Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur**  
Perkongsian pengetahuan dengan Pasukan Pengurusan Risiko, Strategi & Pembangunan Suruhanjaya Sekuriti



Lampiran





## A. MANDAT

Menurut Seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu suatu jawatankuasa tadbir urus ditubuhkan.

## B. OBJEKTIF

Jawatankuasa Tadbir Urus (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah PIDM bertanggungjawab untuk mengarahkan pelaksanaan prinsip tadbir urus yang utuh dalam PIDM. Oleh yang demikian, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi pembangunan prinsip dan amalan tadbir urus yang berkesan; penilaian fungsi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan; pencalonan individu yang berkelayakan untuk menjadi Pengarah selaras dengan kriteria yang diluluskan oleh PIDM; dan perancangan penggantian.

## C. PRINSIP OPERASI

### 1. Fungsi dan Komposisi

- Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.
- Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada pihak Pengurusan.
- Jawatankuasa hendaklah melaksanakan fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah dan aktiviti sampingan yang konsisten dengan Piagam ini sebagaimana yang disifatkan oleh Jawatankuasa atau Lembaga Pengarah sebagai perlu atau sesuai.

### 2. Pengerusi

Pengerusi merupakan Pengarah bukan *ex-officio* yang dilantik oleh Pengerusi Lembaga Pengarah.

### 3. Kuorum

Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa.

### 4. Pengundian

Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.

### 5. Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat

Tertakluk kepada sebarang resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan sesuatu perkara, Pengerusi hendaklah menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.

### 6. Setiausaha dan Minit

Setiausaha Perbadanan hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit prosiding Jawatankuasa hendaklah dihantar oleh Setiausaha Perbadanan kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila ianya telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

### 7. Keperluan dan Panggilan Mesyuarat

Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa, tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada empat kali setahun.

### 8. Notis Mesyuarat

Tempoh notis wajar untuk memanggil mesyuarat Jawatankuasa ialah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

### 9. Agenda Mesyuarat

Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa berserta bahan berkaitan, jika ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.

### 10. Kehadiran Tambahan

Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya boleh dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

### 11. Terma Pelantikan / Penggiliran Ahli Jawatankuasa

Ahli Jawatankuasa hendaklah ditukar mengikut kesesuaian dan secara tetap. Pertukaran itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak ditukar dalam satu masa.

### 12. Pelaporan

Jika perlu, Jawatankuasa akan membuat laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.

### 13. Kajian Semula Piagam

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan menilai kecukupan Piagam ini pada setiap tahun. Sekiranya Jawatankuasa berpendapat bahawa pindaan perlu dibuat, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan pindaan itu kepada Lembaga Pengarah bagi kelulusan.

### 14. Penilaian Sendiri

Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap yang mana Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang disebutkan dalam Piagam ini.

### 15. Pendedahan

Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan isi kandungannya didedahkan kepada umum.

### 16. Penasihat Bebas atau Penasihat Lain

Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat penasihat luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding bebas dan/ atau pakar lain yang diperlukan bagi mengkaji

semula hal di bawah tanggungjawabnya, mengikut ketetapan atau dasar Lembaga Pengarah yang relevan.

## D. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

### 1. Pengawasan Tadbir Urus Korporat

- Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula pendekatan PIDM terhadap isu tadbir urus pada setiap tahun dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung kajian semula garis panduan tadbir urus PIDM. Jawatankuasa hendaklah membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai dasar berkenaan tempoh perkhidmatan, persaraan dan penggantian pengarah.
- Memastikan terdapatnya sistem yang membolehkan Jawatankuasa Lembaga Pengarah atau ahli Lembaga Pengarah mendapatkan khidmat penasihat bebas atau penasihat lain yang berasingan dalam keadaan yang sesuai yang mana perbelanjaannya ditanggung oleh PIDM dan bertanggungjawab bagi pentadbiran berterusan sistem tersebut.
- Mengkaji semula mandat PIDM sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005 secara berkala dan membuat sebarang cadangan yang wajar kepada Lembaga Pengarah.
- Mengikuti perkembangan mutakhir mengenai tadbir urus korporat untuk memastikan bahawa amalan tadbir urus PIDM adalah selaras dengan amalan terbaik.
- Melaksanakan inisiatif tadbir urus lain yang perlu atau dikehendaki bagi memastikan bahawa terdapat proses, struktur dan maklumat yang sesuai dan perlu bagi pengarah dan pengawasan yang berkesan supaya dapat menyumbang kepada tadbir urus dan pengurusan utuh PIDM.





## 2. Penilaian Operasi Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah

- (a) Menilai keperluan Lembaga Pengarah dari segi kekerapan dan lokasi mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa, agenda mesyuarat, dokumen dan maklumat, dan perjalanan mesyuarat serta membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah jika perlu, melalui rundingan dengan Ketua Pegawai Eksekutif.
- (b) Membangunkan, mengesyorkan dan mengkaji semula mandat dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Pengerusi Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah pada setiap tahun untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- (c) Membangunkan suatu proses untuk membantu Lembaga Pengarah menentukan sama ada Lembaga Pengarah berpuas hati dengan cara, kekerapan dan ketepatan masa terhadap isu penting yang dibawa kepada perhatiannya serta kesesuaian maklumat tersebut.
- (d) Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah suatu kaedah untuk menilai secara tetap keberkesanan Lembaga Pengarah dan setiap ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan melaksanakannya pada setiap tahun serta mengesyorkan sebarang perubahan wajar yang berbangkit.

## 3. Pencalonan Lembaga Pengarah

- (a) Membangunkan, mengesyorkan dan membuat semakan pada setiap tahun kedua-dua profil Lembaga Pengarah dan profil ahli Lembaga Pengarah mengenai kelayakan, kemahiran dan ciri-ciri seseorang pengarah bagi memenuhi tanggungjawab dengan berkesan dengan mengambil kira kekuatan, kemahiran dan pengalaman semasa Lembaga Pengarah, terma, tarikh persaraan dan hala tuju strategik PIDM.

- (b) Mengenal pasti senarai calon Lembaga Pengarah yang berpotensi yang menepati profil dan mengemaskinikan senarai tersebut secara tetap.
- (c) Mempertimbangkan profil terkini yang disyorkan dan mengemaskinikannya jika perlu apabila terdapat kekosongan dalam Lembaga Pengarah serta menyediakan dan mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah senarai calon untuk mengisi kekosongan tersebut untuk membolehkan Lembaga Pengarah membuat cadangan kepada Menteri.
- (d) Membangunkan dan melaksanakan suatu strategi untuk mengemukakan profil dan calon berpotensi kepada Menteri.
- (e) Mengkaji semula secara berkala program imbuhan ahli Lembaga Pengarah dan membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah.
- (f) Mengkaji semula, memantau dan membuat cadangan mengenai orientasi, latihan dan pembangunan berterusan ahli Lembaga Pengarah.

## 4. Perancangan Penggantian

Mengkaji semula rancangan penggantian Pengurusan bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai korporat lain yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah serta membuat cadangan mengenainya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan jika ada.

## 5. Pelaporan dan Pendedahan

Mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk mengemukakan mana-mana laporan tentang tadbir urus yang perlu atau dianggap wajar didedahkan kepada umum.



## A. MANDAT

Menurut Seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) boleh menubuhkan sebarang jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu suatu jawatankuasa ganjaran ditubuhkan.

## B. OBJEKTIF

Objektif Jawatankuasa Ganjaran (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah PIDM adalah untuk memastikan bahawa PIDM mempunyai dasar sumber manusia yang adil dan saksama dalam menetapkan profil bagi pengambilan dan pengekalan kakitangan yang mempunyai kepakaran dan kelayakan yang sesuai. Oleh yang demikian, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi: sumber manusia dan perihal imbuhan; perancangan penggantian secara amnya; kajian semula dan kelulusan objektif tahunan bagi Ketua Pegawai Eksekutif dan pelaksanaan penilaian tahunan; serta dasar dan proses berhubung amalan perniagaan dan etika tingkah laku kakitangan.

## C. PRINSIP OPERASI

### 1. Fungsi dan Komposisi

- (a) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.
- (b) Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada pihak Pengurusan.
- (c) Jawatankuasa hendaklah melaksanakan fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah dan aktiviti sampingan yang konsisten dengan Piagam ini sebagaimana yang disifatkan oleh Jawatankuasa atau Lembaga Pengarah sebagai perlu atau sesuai.

## 2. Pengerusi

Pengerusi merupakan Pengarah bukan *ex-officio* yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

## 3. Kuorum

Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa.

## 4. Pengundian

Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.

## 5. Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat

Tertakluk kepada sebarang resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan sesuatu perkara, Pengerusi hendaklah menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.

## 6. Setiausaha dan Minit

Setiausaha Perbadanan hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit hendaklah dihantar oleh Setiausaha Perbadanan kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila ianya telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

## 7. Kekerapan dan Panggilan Mesyuarat

Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada empat kali setahun.

## 8. Notis Mesyuarat

Tempoh notis wajar untuk memanggil mesyuarat Jawatankuasa ialah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.



### 9. Agenda Mesyuarat

Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa berserta bahan berkaitan, jika ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.

### 10. Kehadiran Tambahan

Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya boleh dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

### 11. Terma Pelantikan / Penggiliran Ahli Jawatankuasa

Ahli Jawatankuasa hendaklah ditukar mengikut kesesuaian dan secara tetap. Pertukaran itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak ditukar dalam satu masa.

### 12. Pelaporan

Jika perlu, Jawatankuasa akan membuat laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.

### 13. Kajian Semula Piagam

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan menilai kecukupan Piagam ini pada setiap tahun. Sekiranya Jawatankuasa berpendapat bahawa pindaan perlu dibuat, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan pindaan itu kepada Lembaga Pengarah bagi kelulusan.

### 14. Penilaian Sendiri

Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap di mana Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang disebutkan dalam Piagam ini.

### 15. Pendedahan

Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan isi kandungannya didedahkan kepada umum.

### 16. Penasihat Bebas atau Penasihat Lain

Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat penasihat luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding bebas dan/atau pakar lain yang diperlukan bagi mengkaji semula hal di bawah tanggungjawabnya mengikut ketetapan atau dasar Lembaga Pengarah yang relevan.

## D. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA

### 1. Dasar dan Strategi

(a) Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dasar dan strategi utama sumber manusia dan mencadangkan sebarang perubahan yang perlu.

(b) Jawatankuasa hendaklah mengkaji falsafah imbuhan PIDM dan dasar yang berkaitan serta membuat saranan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan jika ada.

(c) Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa PIDM mempunyai dasar dan prosedur yang berterusan, bersesuaian dan berkesan mengenai amalan perniagaan dan etika tingkah laku kakitangan serta hendaklah mengkaji semula dasar dan kod serta membuat syor kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan, jika ada.

### 2. Pematuhan dan Laporan

Jawatankuasa hendaklah mengkaji laporan mengenai:

(a) pematuhan terhadap keperluan perundangan dan dasar utama korporat berhubung hal sumber manusia pada setiap tahun; dan

(b) pematuhan terhadap polisi berkenaan amalan urus niaga dan etika tatalaku kakitangan pada setiap tahun atau sebaik sahaja keadaan memerlukan. Jika perlu, Jawatankuasa hendaklah membuat permohonan kepada pihak Pengurusan untuk mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa Audit sekiranya berlaku ketidakpatuhan atau telah timbul perkara yang memerlukan pengemukaan laporan.

3. **Hal yang dirujuk oleh Ketua Pegawai Eksekutif**  
Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula sebarang perkara berhubung sumber manusia dan perihal imbuhan yang dirujuk oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

### 4. Laporan kepada Lembaga Pengarah

Jika perlu, Jawatankuasa hendaklah membuat laporan kepada Lembaga Pengarah mengenai sumber manusia dan perihal imbuhan serta prestasi pihak Pengurusan dalam hal ini.

### 5. Pemberian Bonus

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan meluluskan pemberian bonus kepada setiap kakitangan sebagaimana yang disyorkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif.

### 6. Objektif dan Penilaian Ketua Pegawai Eksekutif

Jawatankuasa hendaklah:

(a) Mengkaji semula pernyataan objektif tahunan untuk Ketua Pegawai Eksekutif dan mengesyorkannya kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan; dan

(b) Mengkaji semula prestasi Ketua Pegawai Eksekutif berdasarkan penilaian oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, dengan mengambil kira pernyataan objektif dan sebarang faktor lain yang relevan. Sekiranya ada, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah mengenai imbuhan dan bonus Ketua Pegawai Eksekutif.

### 7. Aduan

Jawatankuasa hendaklah bertindak sebagai perantara hubungan awal pada peringkat Lembaga Pengarah bagi sebarang aduan mengenai Ketua Pegawai Eksekutif yang sampai kepada pengetahuan Lembaga Pengarah dengan pemahaman bahawa mekanisme resolusi yang lazim hendaklah diikuti dan aduan akan hanya dibawa ke hadapan apabila proses rayuan yang lain telah gagal, melainkan ia dinyatakan dengan jelas dalam mana-mana Piagam atau dasar lain Lembaga Pengarah.



## A. MANDAT

Menurut Seksyen 7 Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) boleh menubuhkan sebarang jawatankuasa yang difikirkannya perlu atau sesuai bagi pelaksanaan fungsi-fungsinya. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah perlu suatu jawatankuasa audit ditubuhkan.

## B. OBJEKTIF

Objektif Jawatankuasa Audit (Jawatankuasa) Lembaga Pengarah PIDM adalah untuk memastikan bahawa pengauditan, prinsip dan amalan perakaunan adalah selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dan Malaysia serta mematuhi kesemua keperluan perundangan. Oleh yang demikian, objektif utama Jawatankuasa adalah untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi: integriti penyata kewangan PIDM; proses pelaporan kewangan; sistem kawalan dalaman bagi perakaunan dan kewangan; pelaksanaan fungsi audit dalaman PIDM; pengenalpastian dan pengurusan risiko utama PIDM; dan pematuhan PIDM kepada polisi yang berkaitan dengan etika serta keperluan perundangan dan pengawalan.

## C. PRINSIP OPERASI

### 1. (a) Fungsi dan Komposisi

Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada tiga ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah. Setiap ahli Jawatankuasa mestilah bebas daripada pihak Pengurusan. Jawatankuasa akan menjalankan apa-apa fungsi yang ditugaskan atau diwakilkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah.

### (b) Kecekapan

Semua ahli Jawatankuasa yang dilantik hendaklah sama ada:

(i) arif dalam bidang kewangan semasa pelantikannya iaitu mempunyai kefahaman asas tentang kewangan dan perakaunan serta berkebolehan membaca dan memahami asas penyata kewangan termasuklah kunci kira-kira, penyata pendapatan dan penyata aliran tunai; atau

(ii) berjanji untuk menimba pengetahuan dalam bidang kewangan dalam tempoh masa yang munasabah selepas pelantikan sebagai ahli Jawatankuasa.

Tertakluk kepada kepakaran yang ada, sekurang-kurangnya seorang ahli Jawatankuasa mestilah mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan. "Kepakaran kewangan" bermaksud seseorang yang mempunyai ciri-ciri berikut: latar belakang dalam bidang perakaunan atau pengalaman berkaitan pengurusan kewangan termasuk sebarang pengalaman atau latar belakang yang memperlihatkan pengetahuan kewangan individu itu, termasuk menjadi atau pernah menjadi seorang juruaudit, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai kewangan atau pegawai kanan lain yang bertanggungjawab menyelia urusan kewangan.

Jika perlu, ahli Jawatankuasa akan meningkatkan pengetahuan mereka tentang amalan kewangan, perakaunan dan bidang lain yang berkaitan dengan mengikuti perkembangan arah aliran dan amalan terbaik termasuk mempertimbangkan isu semasa dan aplikasinya kepada PIDM serta dengan mengambil bahagian dalam sesi pendidikan atau peluang latihan lain.

### 2. Pengerusi

Pengerusi merupakan Pengarah bukan *ex-officio* yang dilantik oleh Lembaga Pengarah.

### 3. Kuorum

Kehadiran dua orang ahli membentuk kuorum bagi sesuatu mesyuarat Jawatankuasa.

## 4. Pengundian

Sesuatu perkara yang dibentangkan untuk pengundian pada sesuatu mesyuarat Jawatankuasa hendaklah diputuskan mengikut bilangan undi majoriti dan sekiranya bilangan undi yang sama banyak diperolehi, Pengerusi Jawatankuasa mempunyai undi kedua.

## 5. Prosedur dan Pengelolaan Mesyuarat

Tertakluk kepada sebarang resolusi daripada Lembaga Pengarah berkenaan sesuatu perkara, Pengerusi hendaklah menentukan prosedur dan pengelolaan mesyuarat Jawatankuasa.

## 6. Setiausaha dan Minit

Setiausaha Perbadanan hendaklah menjadi setiausaha Jawatankuasa. Salinan minit hendaklah dihantar oleh Setiausaha Perbadanan kepada semua ahli Lembaga Pengarah apabila ianya telah diluluskan oleh Jawatankuasa.

## 7. Ke kerap an dan Panggilan Mesyuarat

Jawatankuasa akan bermesyuarat mengikut budi bicara Pengerusi Jawatankuasa tetapi kekerapannya mestilah tidak kurang daripada empat kali setiap tahun.

## 8. Notis Mesyuarat

Tempoh notis wajar untuk memanggil mesyuarat Jawatankuasa ialah sekurang-kurangnya 14 hari atau notis yang lebih singkat sebagaimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa.

## 9. Ketua Audit Negara

Ketua Audit Negara sebagaimana yang dirujuk kepada Akta Audit 1957 (Disemak 1972) (Akta 62):

(i) berhak menerima notis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa yang mana perbelanjaannya ditanggung oleh PIDM untuk menghadiri dan didengari pada setiap mesyuarat dan akan dijemput menghadiri setiap mesyuarat Jawatankuasa; dan

(ii) boleh memanggil mesyuarat Jawatankuasa.

## 10. Mesyuarat Sulit

Jawatankuasa boleh bermesyuarat secara sulit sebagai suatu jawatankuasa dan secara berkala dengan pihak Pengurusan, Ketua Audit Negara dan ketua fungsi audit dalaman dalam sesi sulit yang berasingan.

## 11. Agenda Mesyuarat

Agenda bertulis bagi setiap mesyuarat Jawatankuasa berserta bahan berkaitan, jika ada, akan diedarkan kepada ahli Jawatankuasa sekurang-kurangnya lima hari sebelum tarikh mesyuarat.

## 12. Kehadiran Tambahan

Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat yang akan memanfaatkan Jawatankuasa dalam menjalankan tugasnya boleh dijemput oleh Pengerusi untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

## 13. Terma Pelantikan /Penggiliran Anggota Jawatankuasa

Ahli Jawatankuasa hendaklah ditukar mengikut kesesuaian dan secara tetap. Pertukaran itu hendaklah dibuat secara bergilir-gilir untuk memastikan bahawa keseluruhan ahli Jawatankuasa tidak ditukar dalam satu masa.

## 14. Pelaporan

Jika perlu, Jawatankuasa akan membuat laporan bertulis atau lisan mengenai setiap mesyuarat Jawatankuasa pada mesyuarat tetap Lembaga Pengarah yang berikutnya atau sebagaimana yang dikehendaki oleh Lembaga Pengarah.

## 15. Kajian Semula Piagam

Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula dan menilai kecukupan Piagam ini pada setiap tahun. Sekiranya Jawatankuasa berpendapat bahawa pindaan perlu dibuat, Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan pindaan itu kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusannya.

**16. Penilaian Sendiri**

Penilaian Jawatankuasa hendaklah dilakukan secara tetap di mana Jawatankuasa hendaklah mengkaji semula prestasinya, antara lain bagi menilai sama ada Jawatankuasa telah memenuhi tanggungjawab dan tugas yang disebutkan dalam Piagam ini.

**17. Pendedahan**

Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa Piagam ini dan isi kandungannya didedahkan kepada umum.

**18. Penasihat Bebas atau Penasihat Lain**

Jawatankuasa mempunyai kuasa untuk mendapatkan khidmat penasihat luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat, perunding audit bebas dan/atau pakar lain yang diperlukan bagi mengkaji semula hal di bawah tanggungjawabnya, mengikut ketetapan atau dasar Lembaga Pengarah yang relevan.

**D. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UTAMA****1. Nasihat dan Syor kepada Lembaga Pengarah**

Jawatankuasa bergantung pada kepakaran pihak Pengurusan, fungsi audit dalaman PIDM dan Ketua Audit Negara dalam menjalankan tugas dan tanggungjawabnya. Walaupun Jawatankuasa tidak menjalankan audit dalaman, ia memantau audit yang dibuat dan menyemak laporan serta membuat siasatan yang munasabah bagi membolehkannya memberi nasihat dan cadangan yang wajar kepada Lembaga Pengarah.

**2. Penyiasatan**

Jawatankuasa diberi kuasa untuk menyiasat sebarang perkara yang dibawa kepada perhatiannya dengan akses penuh kepada semua buku, rekod, kemudahan, Ketua Audit Negara dan kakitangan PIDM bagi membantu Lembaga Pengarah menjalankan peranan penyeliaannya. Jawatankuasa hendaklah mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah supaya penyiasatan khas dilakukan ke atas perkara yang difikirkan sesuai berdasarkan maklumat yang dibekalkan kepadanya.

**3. Pelaporan Kewangan**

Jawatankuasa hendaklah membantu Lembaga Pengarah memainkan peranan penyeliaannya terhadap pelaporan kewangan yang benar, tepat dan jelas, termasuk menyemak semula penyata kewangan tahunan PIDM serta laporan perbincangan dan analisis pihak Pengurusan sebelum memperoleh kelulusan Lembaga Pengarah dan membuat kajian semula yang sewajarnya ke atas penyediaan dan penyebaran maklumat kewangan bukan umum yang penting. Kajian semula dibuat sekiranya perlu, tetapi sekurang-kurangnya sekali setahun dan harus merangkumi perbincangan dengan pihak Pengurusan, fungsi audit dalaman dan Ketua Audit Negara berkenaan isu penting tentang prinsip perakaunan, dasar perakaunan PIDM serta anggaran dan pertimbangan penting yang dibuat oleh pihak Pengurusan termasuk isu kualiti dan kebolehterimaan prinsip perakaunan yang diterima umum.

Selain daripada pendedahan umum penyata kewangan tahunan PIDM, Jawatankuasa hendaklah memastikan bahawa terdapat prosedur yang mencukupi bagi kajian semula pendedahan umum maklumat kewangan PIDM yang diperoleh daripada penyata kewangan PIDM dan hendaklah menilai kecukupan prosedur tersebut secara berkala.

**4. Proses Pelaporan Kewangan, Dasar Perakaunan dan Struktur Kawalan Dalaman**

Pihak Pengurusan bertanggungjawab dalam penyediaan, persembahan, dan integriti penyata kewangan PIDM dan penyenggaraan prinsip, dasar, kawalan dalaman dan prosedur pelaporan perakaunan dan kewangan yang dirangka bagi memastikan pematuhan kepada piawai perakaunan dan undang-undang dan peraturan yang telah diguna pakai.

Jawatankuasa hendaklah mendapatkan pandangan pihak Pengurusan dan Ketua Audit Negara tentang langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperbaiki kualiti prinsip perakaunan PIDM yang diguna pakai dalam laporan kewangannya, menyiasat pelaksanaan alternatif yang telah dipertimbangkan tetapi ditolak kemudiannya,

mengkaji keagresifan atau konservatisme prinsip dan anggaran perakaunan PIDM, dan menyiasat situasi yang mana nasihat Ketua Audit Negara berkenaan perihal perakaunan atau pendedahan tidak diambil kira.

Secara khususnya, Jawatankuasa hendaklah membantu Lembaga Pengarah dalam penyeliaan proses pelaporan kewangan PIDM termasuklah:

- (a) menyemak dan menasihati Lembaga Pengarah mengenai penyata kewangan tahunan PIDM;
- (b) menyemak dan menasihati Lembaga Pengarah berkenaan laporan audit tahunan Ketua Audit Negara;
- (c) mengkaji perubahan utama yang berlaku kepada prinsip dan amalan pengauditan dan perakaunan PIDM sebagaimana yang dicadangkan oleh Ketua Audit Negara, fungsi audit dalaman atau pihak Pengurusan;
- (d) mengkaji integriti proses dan struktur kawalan dalaman pelaporan kewangan PIDM;
- (e) memastikan bahawa pihak Pengurusan mempunyai dasar dan prosedur berkaitan kawalan dalaman yang mematuhi undang-undang, peraturan dan panduan yang diguna pakai bagi memberikan jaminan yang wajar tentang kecukupan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman PIDM; dan mengkaji semula laporan berkaitan daripada pihak Pengurusan dan fungsi audit dalaman tentang kawalan dalaman tersebut;
- (f) mengkaji proses berhubung perakuan Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan tentang integriti penyata kewangan PIDM;
- (g) mengkaji rancangan bagi audit tahunan dengan menilai kewajaran skop dan rancangan audit serta menentukan sama ada PIDM menerima liputan audit dan usaha keseluruhan yang sewajarnya, berpuas hati bahawa Ketua Audit

Negara telah mempertimbangkan hasil kerja fungsi audit dalaman dalam membangunkan strategi audit keseluruhannya dan menilai tahap jaminan bahawa Lembaga Pengarah boleh mengambil alihnya daripada kerja Ketua Audit Negara. Oleh itu, Jawatankuasa hendaklah berpuas hati bahawa skop audit tidak terhad dalam apa-apa cara sekalipun dan bahawa bidang yang penting kepada Lembaga Pengarah diliputi dengan secukupnya;

- (h) mengkaji dan memantau pelaksanaan syor yang dibuat melalui audit tahunan oleh Ketua Audit Negara dan sebarang surat pengurusan yang disediakan oleh Ketua Audit Negara dan maklum balas pihak Pengurusan terhadap laporan dan surat tersebut;
- (i) menubuhkan sistem pelaporan kepada Jawatankuasa oleh pihak Pengurusan, Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman berkenaan pertimbangan penting yang dibuat dalam penyediaan penyata kewangan oleh pihak Pengurusan dan sebarang kerumitan yang dihadapi semasa kajian atau audit, termasuklah apa-apa sekatan ke atas skop kerja atau akses kepada maklumat yang dikehendaki; dan
- (j) melalui penyeliaannya ke atas fungsi audit dalaman, berpuas hati bahawa PIDM menyenggarakan buku akaun, rekod berkaitan kawalan kewangan dan pengurusan serta sistem maklumat dan amalan pengurusan mengikut cara yang boleh memberikan jaminan yang wajar bahawa:
  - (i) aset PIDM dilindungi dan terkawal;
  - (ii) transaksi PIDM adalah mengikut kehendak Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 (Akta 240), peruntukan perundangan, arahan, pekeliling atau garis panduan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan atau Jabatan Perdana Menteri; dan



(iii) sumber kewangan, manusia dan fizikal PIDM diuruskan dengan cermat dan efisien dan operasi PIDM dijalankan dengan berkesan.

#### 5. Pengawasan Pengurusan Kewangan dan Strategik

(a) Bajet Operasi dan Pelan Modal – semakan semula dan cadangan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan rancangan korporat Perbadanan dan memantau serta memaklumkan kepada Lembaga Pengarah berkaitan prestasi pihak Pengurusan berbanding rancangan tersebut.

(b) Pembiayaan – mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berhubung dasar dan prosedur PIDM yang berkaitan dengan terma dan syarat pembiayaan luaran yang hendak dibuat atau diambil oleh PIDM melalui sekuriti PIDM atau selainnya.

(c) Pelaburan – mengkaji dan menasihati Lembaga Pengarah berkenaan dasar dan prosedur PIDM yang berkaitan dengan terma dan syarat pelaburan aset tunai PIDM dalam sekuriti jangka pendek dan jangka panjang.

(d) Perbelanjaan Pengerusi dan Pegawai – menerima laporan daripada pihak Pengurusan dan menyemak laporan daripada fungsi audit dalaman dan/atau Ketua Audit Negara tentang semakan mereka ke atas akaun perbelanjaan Pengerusi dan Pegawai PIDM.

#### 6. Fungsi Audit Dalaman

Fungsi audit dalaman adalah untuk menyiasat serta memberi maklumat dan jaminan kepada Jawatankuasa dan pihak Pengurusan tentang buku akaun dan rekod PIDM; keberkesanan dan prestasi kawalan kewangan dan pengurusan; sistem maklumat dan amalan pengurusan; serta jaminan bahawa operasi PIDM dijalankan secara efektif mengikut perundangan yang berkaitan.

Bagi memenuhi tanggungjawabnya, fungsi audit dalaman memerlukan status bebas bagi melaporkan secara langsung kepada Jawatankuasa dan Ketua Pegawai Eksekutif. Hubungan ini memerlukan Jawatankuasa dan fungsi audit dalaman mempunyai akses secara langsung tanpa sekatan antara satu sama lain.

Jawatankuasa Audit bertanggungjawab bagi pengawasan tugas fungsi audit dalaman serta imbuhan dan pengawasan tugas kerja Ketua Audit Dalaman. Pengerusi Jawatankuasa perlu dirunding berkenaan pelantikan Ketua Audit Dalaman dan hendaklah mengendalikan temu duga kemasukan dan penamatan jawatan dengannya.

Jawatankuasa Audit menyelia audit dalaman Perbadanan. Tanggungjawab khusus Jawatankuasa termasuklah:

(a) mengkaji semula mandat fungsi audit dalaman setiap tahun;

(b) menilai keupayaan fungsi audit dalaman;

(c) mengkaji semula kebebasan fungsi audit dalaman dan struktur pelaporannya;

(d) mengkaji rancangan fungsi audit dalaman, bajet, kualiti dan kuantiti kakitangan dan sumber lain yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya dengan berkesan;

(e) mengkaji prestasi fungsi audit dalaman termasuk prestasi terhadap rancangan audit dan bajetnya;

(f) mengkaji laporan fungsi audit dalaman;

(g) memantau pelaksanaan laporan dan syor fungsi audit dalaman;

(h) memastikan koordinasi fungsi audit dalaman dengan audit Ketua Audit Negara dan pemeriksaan khas tahunan; dan

(i) mengkaji operasi keseluruhan fungsi audit dalaman dengan mengambil kira mandatnya dan piawaian audit dalaman semasa.

#### 7. Pengurusan Risiko

Fungsi pengurusan risiko organisasi menyediakan nasihat bebas, pemantauan dan mengekalkan rangka kerja pengurusan risiko organisasi Perbadanan, menggalakkan pengurusan efektif bagi semua kategori risiko dan pemupukan serta penyenggaraan budaya risiko efektif dalam operasi Perbadanan.

Ketua Pegawai Risiko, sebagai ketua fungsi pengurusan risiko organisasi, bertanggungjawab melaksana, membangunkan dan menyenggara rangka kerja pengurusan risiko organisasi bagi Perbadanan. Fungsi pengurusan risiko organisasi membantu dan menyediakan maklumat kepada Jawatankuasa berhubung semua aktiviti pengurusan risiko organisasi dan hasil proses pengurusan risiko organisasi, iaitu, pengenalpastian, penaksiran, penilaian, pengendalian, pemantauan dan penyampaian risiko utama yang memberi kesan kepada Perbadanan. Fungsi pengurusan risiko organisasi juga menyediakan penilaian bebas berhubung keupayaan pengurusan risiko Perbadanan, dan mengesyorkan cadangan untuk menambah baik keupayaan ini, di mana sesuai. Ketua Pegawai Risiko bertanggungjawab membuat pelaporan secara tetap kepada Jawatankuasa serta kepada Lembaga Pengarah.

Bagi menunaikan tanggungjawabnya dengan efektif, Ketua Pegawai Risiko memerlukan status bebas, dan justeru, melapor secara fungsian terus kepada Jawatankuasa dan melapor dari segi pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif. Hubungan ini memerlukan bahawa Jawatankuasa dan Ketua Pegawai Risiko mempunyai akses tanpa had kepada antara satu sama lain secara langsung. Jawatankuasa bertanggungjawab bagi pengawasan tugas fungsi pengurusan risiko organisasi dan bagi prestasi, dan pengawasan

Ketua Pegawai Risiko, dan perlu memastikan fungsi pengurusan risiko organisasi mempunyai sumber yang berkualiti dan mencukupi, bagi memenuhi peranannya. Pengerusi Jawatankuasa perlu dirunding berkenaan pelantikan Ketua Pegawai Risiko atau penamatan pekerjaannya dan hendaklah mengendalikan temu duga kemasukan dan penamatan jawatan dengannya.

Jawatankuasa hendaklah:

(a) memastikan bahawa dasar, garis panduan dan amalan yang utuh dilaksanakan bagi pengurusan risiko korporat yang penting;

(b) menerima maklumat yang mencukupi bagi memahami keadaan dan magnitud risiko penting yang dihadapi oleh PIDM;

(c) mengkaji bersama pihak Pengurusan dan menasihati Lembaga Pengarah tentang dasar dan garis panduan yang dibangunkan dan dilaksanakan bagi mengurus risiko PIDM serta mengkaji semula dasar itu sekurang-kurangnya sekali setahun bagi memastikan bahawa ia masih sesuai dan berhemat;

(d) mendapatkan jaminan yang wajar secara tetap bahawa dasar dan garis panduan pengurusan risiko penting PIDM adalah dipatuhi;

(e) melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang: profil risiko penting; terdapat pelan dan kawalan mitigasi bagi menguruskan risiko penting; dan keberkesanan keseluruhan proses pengurusan risiko itu;

(f) mempertimbangkan peranan Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman secara berkala berkenaan pengurusan risiko dalam PIDM dan menilai prestasi Ketua Audit Negara dan fungsi audit dalaman pada setiap tahun berhubung peranan itu; dan

(g) meminta laporan daripada fungsi audit dalaman yang mengesahkan penilaian risiko pihak Pengurusan.



### 8. Pematuhan Etika dan Undang-Undang

Jawatankuasa hendaklah:

- (a) mengkaji bersama penasihat PIDM sebarang perkara perundangan yang boleh memberikan kesan ketara kepada penyata kewangan PIDM;
- (b) memastikan pengawasan etika dan integriti serta pengekalan reputasi PIDM dengan menerima laporan tentang pematuhan dasar atau kod amalan perniagaan dan etika tingkah laku PIDM daripada pihak Pengurusan dan apa-apa perkara lain yang boleh mendatangkan liabiliti kepada PIDM; dan dengan mengkaji mana-mana laporan yang diterima daripada fungsi audit dalaman, Ketua Audit Negara dan/ atau Pengerusi Jawatankuasa lain tentang kajian pematuhan;
- (c) memastikan bahawa terdapat sistem bagi memantau pematuhan PIDM terhadap undang-undang dan peraturan serta mendapatkan laporan pada setiap tahun bahawa PIDM mematuhi kehendak perundangan yang diguna pakai;
- (d) menyemak hasil penyiasatan pihak Pengurusan dan tindakan yang diambil berkaitan mana-mana kawalan dalaman atau perkara perakaunan yang boleh dipersoalkan;
- (e) membina suatu proses bagi (i) penerimaan, penyimpanan dan layanan aduan atau perkara berkenaan perakaunan, kawalan dalaman atau perihal pengauditan; (ii) pengemukaan rahsia dan tanpa nama mengikut dasar korporat yang mantap oleh kakitangan PIDM berkaitan perkara perakaunan atau pengauditan yang boleh dipersoalkan; dan (iii) penerimaan, penyimpanan dan layanan aduan berkaitan Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai kanan PIDM. Membina suatu proses bagi penilaian, penyiasatan dan resolusi berkenaan perakaunan, kawalan dalaman atau pengauditan yang mungkin dipersoalkan; dan
- (f) menyiasat apa-apa dakwaan bahawa mana-mana pegawai atau pengarah PIDM atau pihak lain yang bertindak di bawah arahan mereka telah mengambil tindakan untuk mempengaruhi, memaksa, memanipulasi atau mengelirukan pihak yang diambil khidmatnya untuk melaksanakan audit penyata kewangan PIDM bagi tujuan menyebabkan penyata kewangan itu mengelirukan dan mengambil atau mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah tindakan disiplin yang sewajarnya jika dakwaan itu dibuktikan benar.



OBJEKTIF KORPORAT	PETUNJUK PRESTASI UTAMA (PPU)	SASARAN				
		2009	2010	2011		
PEMEGANG KEPENTINGAN	A Organisasi yang ditadbir dan diurus dengan baik	1. Penilaian Lembaga Pengarah terhadap: a. Pelaksanaan amalan tadbir urus terbaik b. Guna pakai amalan pengurusan c. Pematuhan terhadap polisi penting d. Keberkesanan polisi dan amalan Pengurusan Risiko Organisasi (ERM) e. Maklumat terkini dan relevan serta kualiti cadangan yang disyorkan oleh Pengurusan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan dengan berkesan dan memenuhi tanggungjawab	Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi 100% Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi	Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi 100% Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi	Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi 100% Kepuasan tinggi Kepuasan tinggi	
		2. Berinteraksi dengan pemegang kepentingan yang lain dan responsif terhadap keperluan mereka	Tindakan ke atas maklum balas diterima	Tindakan ke atas maklum balas diterima	Tindakan ke atas maklum balas diterima	
		3. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Menyelenggara Rangka Kerja ERM: i. Penilaian dan kajian semula risiko secara berterusan ii. Polisi dan amalan risiko Lembaga ERM iii. Rangka kerja penilaian keberkesanan ERM b. Melaksanakan Rangka Kerja Jaminan Deposit Kerajaan	Kajian semula Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan & dilaksanakan Dilaksanakan	Kajian semula Kajian semula Kajian semula Dilaksanakan	Kajian semula Kajian semula Kajian semula Dilaksanakan	
	B Pemegang kepentingan yang terdidik dan bermaklumat	4. Indeks Kesedaran Awam (kesedaran umum mengenai insurans deposit)	30%	35%	40%	
		5. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Mengkaji semula dan melaksanakan Rancangan Komunikasi Bersepadu (termasuk memenuhi objektif Jaminan Deposit Kerajaan): i. Melaksanakan program pengiklanan ii. Melaksanakan program perhubungan awam iii. Melaksanakan program interaksi dengan pemegang kepentingan b. Membangunkan dan melaksanakan program pendidikan c. Membangunkan dan melaksanakan program biasiswa	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dilaksanakan Dilaksanakan	Disempurnakan Disempurnakan Disempurnakan Dilaksanakan Dilaksanakan	
		C Perkongsian efektif	6. Hubungan PIDM dengan: a. Bank Negara Malaysia b. Institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin c. Penyedia perkhidmatan d. Penginsurans deposit antarabangsa e. Kerajaan	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Kukuh	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Kukuh	Kukuh Memuaskan Kukuh Kukuh Kukuh
	7. Menyertai forum antarabangsa		Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	Penyertaan aktif	
	8. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Mewujudkan pangkalan rakan kongsi strategik		Dibangunkan	Dibangunkan	Dibangunkan	
	KEWANGAN	D Penggunaan sumber yang optimum	9. Perbezaan perbelanjaan sebenar berbanding dengan bajet yang diluluskan	-10% perbezaan +15% perbezaan	±10% perbezaan	±10% perbezaan
			10. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama: a. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja pembiayaan	Fasa 1 dilaksanakan & Fasa 2 dibangunkan	Fasa 2 dilaksanakan	
b. Membangunkan dan melaksanakan rangka kerja bagi: i. Dana Sasaran ii. Peruntukan			Dibangunkan	Dibangunkan & dilaksanakan Dibangunkan	Dibangunkan & dilaksanakan	



OBJEKTIF KORPORAT		PETUNJUK PRESTASI UTAMA (PPU)	SASARAN			
			2009	2010	2011	
PROSES DALAMAN	E	Kecemerlangan operasi	11. Pematuhan Kawalan Dalaman	Kukuh	Kukuh	Kukuh
			12. Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan Dalaman	75%	75%	75%
			13. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:	Kajian semula	Disempurnakan	
			a. Mengkaji semula Garis Panduan DPS dan Jumlah Deposit Diinsuranskan (TID)	Dibangunkan	Dibangunkan	Kajian semula & dipertingkatkan
			b. Membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja Penilaian Risiko dan Pemantauan yang komprehensif (Fasa 2 - Peningkatan)	Dibangunkan	Dibangunkan	Dibangunkan & dilaksanakan
			c. Membangunkan dan melaksanakan metodologi, polisi, proses dan kriteria Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan			
			d. Membangunkan dan melaksanakan polisi dan peraturan-peraturan bagi institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin:	Disempurnakan		
			i. Garis panduan/peraturan faedah dan dividen boleh dibayar	Disempurnakan		
			ii. Polisi lain			
			e. Membangunkan dan melaksanakan Sistem, polisi dan prosedur Pembayaran Balik Deposit:	Dibangunkan & dilaksanakan		
			i. Fasa 1 - Membangunkan Pengurusan Maklumat Liabiliti Pendeposit dan Pengurusan Hubungan Dengan Pendeposit	Dibangunkan	Dibangunkan & dilaksanakan	
			ii. Fasa 2 - Membangunkan Proses dan Sistem Pengurusan Pembayaran Balik Deposit		Dibangunkan	Dibangunkan & dilaksanakan
			iii. Fasa 3 - Membangunkan Pangkalan Data Deposit Dinamik	Disempurnakan	Disempurnakan	Dibangunkan & dilaksanakan
			f. Melaksanakan inisiatif Pelan Strategik IT tahunan			Disempurnakan
			g. Membangunkan dan melaksanakan Pelan Kesenambungan Urus Niaga dan Pemulihan Bencana:	Dibangunkan & dilaksanakan		
			i. Fasa 1 - Penilaian, Reka Bentuk dan Dokumentasi Pelan	Dibangunkan & dilaksanakan		
			ii. Fasa 2 - Latihan, Kesedaran, Ujian, Perancangan Pemulihan Bencana dan Persediaan Kemudahan		Dibangunkan & dilaksanakan	
iii. Fasa 3 - Pelaksanaan, simulasi dan pematuhan infrastruktur tambahan			Kajian semula			
h. Membangunkan Manual Komunikasi Krisis	Dibangunkan	Dibangunkan	Disempurnakan			
i. Membangunkan dan melaksanakan Sistem Maklumat Sumber Manusia	Fasa 1 dilaksanakan & Fasa 2 dibangunkan	Fasa 2 dilaksanakan & Fasa 3 dibangunkan	Fasa 3 dilaksanakan & dipertingkatkan			
j. Membangunkan dan melaksanakan Rangka Kerja dan Sistem Pengurusan Pengetahuan:	Disempurnakan					
i. Fasa 1 - Membangunkan Rangka Kerja Pengurusan Pengetahuan	Dibangunkan	Dibangunkan	Disempurnakan			
ii. Fasa 2 - Membangunkan polisi, proses dan infrastruktur Pengurusan Pengetahuan	Fasa 1 dibangunkan & dilaksanakan	Fasa 2 dibangunkan & dilaksanakan	Kajian semula & dipertingkatkan			
k. Melaksanakan Portal Enterpris Korporat	Dilaksanakan	Kajian semula				
l. Melaksanakan polisi, proses dan infrastruktur Pengurusan Rekod dan Klasifikasi Maklumat	Kajian semula	Disempurnakan	Dilaksanakan			
m. Kajian semula had perlindungan	Dilaksanakan	Dilaksanakan & diuji	Dilaksanakan & diuji			
n. Mengkaji semula dan mengesyorkan pindaan kepada akta PIDM	Dibangunkan & dilaksanakan	Dibangunkan & dilaksanakan				
o. Kajian semula keperluan operasi untuk mentadbir Jaminan Deposit Kerajaan dengan efektif dan kemudiannya beralih daripada Jaminan Deposit Kerajaan apabila diperlukan						
PEMBELAJARAN DAN PERTUMBUHAN	F	Tenaga kerja yang berpengetahuan dan cekap	14. Pelaksanaan rancangan latihan tahunan	80%	80%	80%
			15. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:	Dibangunkan & dilaksanakan	Kajian semula & dipertingkatkan	
	G	Persekitaran korporat yang kondusif	16. Indeks kepuasan kerja kakitangan	75%	75%	75%
			17. Menyempurnakan dengan jayanya inisiatif utama:	Disempurnakan	Disempurnakan	Disempurnakan
			a. Melaksanakan program berkaitan kakitangan untuk menggalakkan persekitaran korporat yang kondusif			





## LAMPIRAN

### RINGKASAN BAGI POLISI UTAMA YANG DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2008

#### **PENYATAAN POLISI PENGURUSAN RISIKO ORGANISASI**

Penyataan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi ialah deklarasasi mengenai pendekatan, tujuan dan komitmen PIDM ke arah pengurusan risiko mantap. Pengurusan risiko dikenal pasti sebagai satu bahagian penting bagi pengurusan yang mantap, justeru polisi ini menggariskan komitmen PIDM kepada pengurusan risiko organisasi yang termasuk seperti berikut:

- Rangka kerja pengurusan risiko organisasi PIDM akan memastikan polisi risiko yang relevan disampaikan sepenuhnya kepada kakitangan dan dipraktikkan secara efektif dalam operasi harian mereka.

- PIDM akan memastikan risiko penting yang mungkin memberi kesan kepada objektif PIDM dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan. Pembangunan proses dan rangka kerja pengurusan risiko organisasi akan berdasarkan kepada amalan terbaik dalam pengurusan risiko.
- PIDM akan sentiasa memantau dan mengkaji semula kemajuan yang dicapai dalam memupuk budaya pengurusan risiko yang sesuai. Ia juga akan melaksanakan dan mengekalkan strategi pengurusan risiko semasa sebagai asas untuk penambahbaikan berterusan.

Penyataan Polisi Pengurusan Risiko Organisasi boleh didapati di laman web PIDM di **[www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)**.



<p><b>Deposit dan instrumen yang dijamin</b></p> <p>Semua deposit termasuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Deposit tetap, akaun semasa, akaun simpanan, akaun bersama dan akaun amanah</li> <li>• Semua deposit Islam (berstruktur atau tidak berstruktur)</li> <li>• Deposit berstruktur konvensional yang prinsipalnya dijamin</li> <li>• Deposit mata wang asing</li> <li>• Instrumen deposit boleh niaga yang dipegang oleh institusi atau entiti bukan bank</li> </ul>	<p><b>Deposit dan instrumen yang tidak dijamin</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Produk berstruktur konvensional yang prinsipalnya tidak dijamin</li> <li>• Deposit yang dibayar di luar Malaysia</li> <li>• Peletakan dana di pasaran wang antara bank</li> <li>• Instrumen deposit boleh niaga yang dipegang oleh bank</li> <li>• Perjanjian belian balik</li> </ul>
<p><b>Institusi kewangan yang diberi jaminan deposit</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesemua 22 bank perdagangan dan 17 bank Islam termasuk bank domestik dan bank asing yang diperbadankan di Malaysia</li> <li>• Kesemua 15 bank pelaburan</li> <li>• 2 bank Islam antarabangsa, iaitu Unicorn International Islamic Bank Malaysia Berhad dan PT. Bank Syariah Muamalat Indonesia, Tbk</li> <li>• 5 institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit, iaitu Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Perusahaan Kecil &amp; Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (AgroBank)</li> </ul>	<p><b>Adakah cawangan dan subsidiari bank domestik di luar Malaysia dijamin?</b></p> <p>Tidak, tetapi mereka mungkin dijamin oleh jaminan sementara atau skim insurans atau perlindungan deposit di negara mereka beroperasi.</p> <p><b>Had jaminan deposit</b></p> <p>Jumlah penuh deposit dan instrumen terjamin yang dipegang di institusi kewangan yang dijamin.</p> <p><b>Adakah jaminan ini sementara atau kekal?</b></p> <p>Jaminan ini ialah langkah sementara. Ia berkuat kuasa bermula dari 16 Oktober 2008 hingga 31 Disember 2010.</p>



**1. Apakah jaminan baru yang diumumkan oleh Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM)?**

Jaminan baru ini melindungi jumlah penuh deposit dan instrumen terjamin yang dipegang oleh institusi kewangan khusus.

**2. Apakah deposit atau instrumen yang dijamin?**

Semua deposit termasuk:

- Deposit tetap, akaun semasa, akaun simpanan, akaun bersama dan akaun amanah
- Semua deposit Islam (berstruktur atau tidak)
- Deposit berstruktur konvensional yang prinsipalnya dijamin
- Deposit mata wang asing
- Instrumen deposit boleh niaga yang dipegang oleh institusi atau entiti bukan bank.

**3. Apakah deposit dan instrumen yang tidak dijamin?**

- Produk berstruktur konvensional yang prinsipalnya tidak dijamin
- Deposit yang dibayar di luar Malaysia
- Peletakan dana di pasaran wang antara bank
- Instrumen deposit boleh niaga yang dipegang oleh bank
- Perjanjian belian balik.

**4. Institusi kewangan manakah yang dijamin?**

- Kesemua 22 bank perdagangan dan 17 bank Islam termasuk bank domestik dan bank asing yang diperbadankan di Malaysia
- Kesemua 15 bank pelaburan
- 2 bank Islam antarabangsa, iaitu Unicorn International Islamic Bank Malaysia Berhad dan PT. Bank Syariah Muamalat Indonesia, Tbk

- 5 institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit, iaitu Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Bank Simpanan Nasional, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (AgroBank)

**5. Adakah cawangan dan subsidiari bank domestik di luar Malaysia dijamin?**

Tidak, tetapi mereka mungkin dijamin oleh jaminan atau skim insurans atau perlindungan deposit di negara mereka beroperasi.

**6. Saya bukanlah penduduk Malaysia. Adakah deposit saya dengan bank di Malaysia dijamin?**

Ya. Tempat anda menetap atau kewarganegaraan anda tidak diambil kira untuk jaminan ini.

**7. Adakah jaminan ini suatu langkah sementara atau kekal?**

Jaminan ini merupakan suatu langkah sementara dan berkuat kuasa bermula dari 16 Oktober 2008 hingga 31 Disember 2010.

**8. Apakah peranan PIDM sekarang?**

Peranan kami adalah untuk mentadbir jaminan Kerajaan ini dan bekerjasama dengan BNM untuk memastikan bahawa institusi anggota kami dan institusi kewangan lain yang dijamin tidak terlibat dalam pengambilan risiko yang berlebihan dan mempunyai modal yang mencukupi. Tambahan lagi, kami telah meningkatkan tanggungjawab kami untuk memupuk disiplin kewangan di lebih banyak institusi kewangan bagi melengkap fungsi pengawalseliaan BNM.



**9. Adakah kadar premium untuk institusi anggota akan ditukar atau fi akan dikenakan ke atas institusi kewangan lain yang dilindungi di bawah jaminan ini?**

Sistem premium berbeza semasa akan terus dilaksanakan oleh PIDM. Sebagai tambahan, jaminan Kerajaan yang disediakan kepada institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin akan melibatkan kos. Maklumat terperinci akan dimaklumkan kelak.

**10. Adakah institusi kewangan yang baru dijamin kini dikehendaki menjadi institusi anggota PIDM serta mematuhi peraturan dan undang-undang PIDM?**

Tidak, mereka tidak dikehendaki menjadi institusi anggota. Walau bagaimanapun, PIDM dan BNM akan mengambil kira peraturan tambahan untuk institusi kewangan yang dijamin bagi mengurangkan pengambilan risiko yang berlebihan.

**11. Apakah yang akan berlaku pada bulan Januari 2011? Adakah PIDM akan kembali kepada had RM60,000? Adakah institusi yang diberi jaminan akan diterus dijamin?**

Jaminan sementara Kerajaan ini akan berakhir pada 31 Disember 2010. Kami bercadang untuk kembali kepada sistem insurans deposit yang eksplisit dengan perlindungan yang terhad. PIDM akan memantau perkembangan di dalam sistem perbankan serta menilai keperluan untuk menaikkan had dan skop perlindungan pada masa itu.

**12. Mengapakah jaminan sementara ini dilaksanakan dan bukan kenaikan pada had insurans deposit semasa?**

Jaminan ini dilaksanakan selaras dengan langkah awal dan berjaga-jaga yang serupa bagi perlindungan pendeposit seperti yang dilaksanakan di negara jiran bagi mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan masing-masing.

**13. Adakah keputusan untuk menyediakan jaminan sementara ini disebabkan oleh penurunan keyakinan awam dalam sistem perbankan?**

Tidak. Keyakinan pendeposit masih utuh. Pelaksanaan jaminan ini sememangnya langkah awal dan selaras dengan langkah serupa yang dilaksanakan di negara-negara jiran.



### Bank-Bank Perdagangan (22)

1. Affin Bank Berhad
2. Alliance Bank Malaysia Berhad
3. AmBank (M) Berhad
4. Bangkok Bank Berhad
5. Bank of America Malaysia Berhad
6. Bank of China (Malaysia) Berhad
7. Bank of Tokyo-Mitsubishi UFJ (Malaysia) Berhad
8. CIMB Bank Berhad
9. Citibank Berhad \*
10. Deutsche Bank (Malaysia) Berhad
11. EON Bank Berhad
12. Hong Leong Bank Berhad
13. HSBC Bank Malaysia Berhad
14. J.P. Morgan Chase Bank Berhad
15. Malayan Banking Berhad
16. OCBC Bank (Malaysia) Berhad
17. Public Bank Berhad
18. RHB Bank Berhad
19. Standard Chartered Bank Malaysia Berhad
20. The Bank of Nova Scotia Berhad
21. The Royal Bank of Scotland Berhad
22. United Overseas Bank (Malaysia) Berhad

\* Institusi ini menyediakan perkhidmatan perbankan Islam.

### Bank-Bank Islam (17)

1. Affin Islamic Bank Berhad
2. Alliance Islamic Bank Berhad
3. Al Rajhi Banking & Investment Corporation (Malaysia) Berhad
4. AmIslamic Bank Berhad
5. Asian Finance Bank Berhad
6. Bank Islam Malaysia Berhad
7. Bank Muamalat Malaysia Berhad
8. CIMB Islamic Bank Berhad
9. EONCAP Islamic Bank Berhad
10. Hong Leong Islamic Bank Berhad
11. HSBC Amanah Malaysia Berhad
12. Kuwait Finance House (M) Berhad
13. Maybank Islamic Berhad

14. OCBC Al-Amin Bank Berhad
15. Public Islamic Bank Berhad
16. RHB Islamic Bank Berhad
17. Standard Chartered Saadiq Berhad

### Bank-Bank Pelaburan (15)

1. Affin Investment Bank Berhad
2. Alliance Investment Bank Berhad
3. AmInvestment Bank Berhad
4. CIMB Investment Bank Berhad
5. ECM Libra Investment Bank Berhad
6. Hong Leong Investment Bank Berhad
7. Hwang-DBS Investment Bank Berhad
8. KAF Investment Bank Berhad
9. Kenanga Investment Bank Berhad
10. Maybank Investment Bank Berhad
11. MIDF Amanah Investment Bank Berhad
12. MIMB Investment Bank Berhad
13. OSK Investment Bank Berhad
14. Public Investment Bank Berhad
15. RHB Investment Bank Berhad

### Bank Islam Antarabangsa (2)

1. Unicorn International Islamic Bank Malaysia Berhad
2. PT. Bank Syariah Muamalat Indonesia, Tbk

### Institusi Kewangan Pembangunan Yang Menerima Deposit (5)

1. Bank Pembangunan Malaysia Berhad
2. Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank)
3. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)
4. Bank Simpanan Nasional (BSN)
5. Bank Pertanian Malaysia Berhad (AgroBank)



#### **Aset risiko berwajaran**

Aset risiko berwajaran merujuk kepada konsep yang dibangunkan oleh Jawatankuasa Basel untuk Penyeliaan Bank bagi nisbah kecukupan modal. Aset diwajibkan mengikut faktor yang mewakili tahap risiko dan potensi kemungkiran.

#### **Bahaya moral**

Insentif bagi pengambilan risiko tambahan yang mungkin timbul daripada peruntukan insurans deposit atau jaminan deposit yang diberi dan institusi-institusi kewangan tidak akan mengalami kerugian akibat daripada pengambilan risiko ini.

#### **Basel II**

Rangka Kerja Basel II menghuraikan ukuran dan piawaian minimum yang lebih komprehensif untuk kecukupan modal yang kini diusahakan oleh badan-badan penguat kuasa penyeliaan kebangsaan untuk dilaksanakan melalui prosedur pembikinan peraturan dan pemakaian domestik. Ia bertujuan untuk menambah baik peraturan sedia ada dengan menyelaraskan keperluan modal pengawal selia lebih dekat dengan dasar-dasar risiko yang dihadapi oleh bank. Di samping itu, Rangka Kerja Basel II bertujuan menggalakkan pendekatan yang lebih berpandangan hadapan mengenai penyeliaan modal, yang membolehkan bank mengenal pasti risiko yang mungkin dihadapi, pada masa kini dan masa hadapan, dan membangunkan atau meningkatkan keupayaan mereka untuk menguruskan risiko tersebut. Dengan itu, ia bertujuan untuk lebih fleksibel dan dapat berkembang dengan kemajuan dalam pasaran dan amalan pengurusan risiko dengan lebih baik.

#### **Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan**

Campur tangan merujuk kepada tindakan yang diambil oleh PIDM ke atas sesebuah institusi anggota bagi menangani keprihatinan tertentu terhadap institusi anggota. Tindakan ini biasanya diambil sebelum sebarang resolusi kegagalan diambil ke atas institusi anggota tersebut. Resolusi kegagalan merujuk kepada tindakan dalam menangani sesebuah institusi anggota yang gagal yang telah diisytiharkan sebagai tidak berdaya maju.

#### **Dana Insurans Deposit Islam**

Semua premium yang diterima oleh PIDM daripada bank-bank anggota Islam atau bank-bank anggota perdagangan yang menyediakan perbankan Islam dan pulangan yang dibuat tolak kos langsung operasi sistem insurans deposit Islam.

#### **Dana Insurans Deposit Konvensional**

Semua premium yang diterima oleh PIDM dan faedah diperoleh ditolak kos langsung operasi sistem insurans deposit konvensional.

#### **Disiplin pasaran**

Suatu situasi yang mana pendeposit atau pemiutang menilai ciri-ciri risiko sesebuah bank dan bertindak ke atas penilaian tersebut untuk menyimpan atau mengeluarkan wang daripada bank.

#### **Institusi anggota**

Institusi anggota ialah semua bank perdagangan (termasuk bank asing yang diperbadankan di Malaysia) yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 dan semua bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan Islam 1983. Keanggotaan diwajibkan di bawah Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia 2005. Senarai penuh bank-bank ini boleh didapati di muka surat 188.

#### **Institusi kewangan lain yang dijamin**

Institusi ini ialah institusi kewangan bukan anggota yang diberi perlindungan di bawah Jaminan Deposit Kerajaan, iaitu bank pelaburan, bank Islam antarabangsa dan institusi kewangan pembangunan yang menerima deposit dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Senarai penuh bank dan institusi kewangan ini boleh didapati di muka surat 188.

#### **Jaminan Deposit Kerajaan**

Jaminan Deposit Kerajaan yang diumumkan oleh Kerajaan Malaysia pada 16 Oktober 2008 merupakan suatu jaminan deposit sementara yang memberi perlindungan sepenuhnya kepada deposit dan instrumen yang dijamin dalam institusi anggota dan institusi kewangan lain yang dijamin. Jaminan Deposit Kerajaan ini merupakan suatu langkah awal dan berjaga-jaga sejajar dengan langkah yang diambil oleh negara jiran bagi mengekalkan keyakinan dalam sistem kewangan dan berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2010.

#### **Jaringan keselamatan kewangan**

Lazimnya merangkumi fungsi insurans deposit, peraturan dan penyeliaan berhemat serta fungsi peminjam-paling-akhir.

#### **Jumlah Deposit Diinsuranskan**

Jumlah deposit yang dilindungi oleh PIDM di institusi anggota.

#### **Kemudahubahan Pulangan yang Diselaraskan (Adjusted Return Volatility)**

Kemudahubahan pulangan berselaraskan min mengukur kemampuan atau kemudahubahan pendapatan sesebuah institusi anggota dengan menggunakan deviasi separa-piawai bagi keuntungan sebelum cukai. Deviasi separa-piawai ialah ukuran statistik kemudahubahan yang hanya mengambil kira kemudahubahan berkaitan dengan kemerosotan pendapatan dan bukannya dari semua variasi (positif dan negatif) yang dibandingkan dengan min.

#### **Mandat**

Mandat ialah satu set arahan rasmi atau pernyataan tujuan.

#### **Mudharabah**

Suatu bentuk perkongsian yang mana satu pihak menyediakan dana manakala satu pihak lagi menyediakan kepakaran dan pengurusan. Keuntungan akan dikongsi oleh kedua-dua pihak berdasarkan asas yang telah dipersetujui, manakala kerugian akan ditanggung oleh pihak yang menyediakan modal.

#### **Murabahah**

Penjualan sesuatu pada keuntungan yang telah dipersetujui bersama yang mana penjual mengenakan bayaran kepada pembeli kos tersebut berserta keuntungan.



#### **Nisbah kecekapan**

Nisbah kecekapan mengukur keupayaan institusi anggota untuk menggunakan sumber-sumbernya secara optimal untuk menjana pendapatan, dan dengan itu, menyediakan satu petunjuk kecekapan beroperasi institusi anggota tersebut.

#### **Nisbah Kecukupan Modal (*Capital Adequacy Ratio* - CAR)**

Nisbah kecukupan modal ialah nisbah modal pengawalseliaan sebuah bank terhadap pendedahan aset risiko berwajaran. Piawaian antarabangsa mengesyorkan nisbah minimum lapan peratus bertujuan untuk membolehkan bank menyerap kerugian tanpa menjadi tak mampu bayar bagi melindungi pendeposit.

#### **Nisbah Tumpu**

Nisbah tumpu mengukur pendedahan keseluruhan portfolio pinjaman sesebuah institusi anggota dalam bidang ekonomi, iaitu peratusan pinjaman belum dibayar yang terdedah dalam sektor ekonomi tertentu. Sekiranya pinjaman sesebuah institusi anggota hanya tertumpu dalam sektor ekonomi tertentu, institusi anggota tersebut akan mempunyai risiko tumpu yang tinggi. Pinjaman yang berwajarkan ke arah sektor ekonomi yang khusus akan mewujudkan nisbah yang lebih tinggi berbanding satu set pinjaman yang diedarkan secara rata kerana pinjaman yang serata boleh mengurangkan risiko kerunduman ekonomi dan kemungkiran dalam mana-mana industri yang khusus.

#### **Pengurusan risiko organisasi (*enterprise risk management*)**

Rangka kerja ini diguna pakai secara menyeluruh dalam organisasi untuk memastikan dan menunjukkan bahawa risiko ketara sesebuah entiti dikenal pasti, dinilai, diurus, dipantau dan dilaporkan secara konsisten dan berterusan.

#### **Portal enterpris**

Portal enterpris ialah sistem untuk mengintegrasikan maklumat, insan dan proses. Ia membenarkan pengguna mengakses maklumat yang disimpan di dalam portal ini melalui satu saluran sahaja.

#### **Prinsip Syariah**

Undang-undang Islam, berasaskan al-Quran, *Sunnah* (hadis dan pelakuan Nabi Muhammad S.A.W), *Ijma'* (persetujuan cendekiawan Islam) dan *Qiyas* (perumpamaan).

#### **Qard**

Suatu kontrak pinjaman yang mana peminjam hanya bertanggungjawab membayar balik jumlah prinsipal pinjaman tersebut.

#### **Rangka Kerja Kecekapan dan Model Kecekapan**

Sebagai sebahagian daripada Rangka Kerja Pengurusan Tenaga Kerja, Rangka Kerja Kecekapan menggariskan pembangunan Model Kecekapan. Model Kecekapan ini membantu mentakrifkan ciri-ciri yang akan membezakan PIDM daripada organisasi lain dan selari dengan bidang tugas, objektif korporat, nilai

korporat, misi dan visi PIDM. Pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang diperlukan untuk tahap-tahap berlainan bagi prestasi kakitangan dikenal pasti dalam Model Kecekapan.

#### **Rangka Kerja Pengurusan Tenaga Kerja**

Rangka Kerja Pengurusan Tenaga Kerja menggariskan takrifan utama tenaga kerja dan falsafah berkaitan dengan pengurusan tenaga kerja. Ia menekankan matlamat strategik dalam mendapatkan tenaga kerja terbaik, memperoleh prestasi terbaik daripada kakitangan kami dan mengekalkan kakitangan dengan kemahiran yang sesuai untuk PIDM bagi memastikan bekalan kakitangan berkemahiran yang konsisten dan boleh dtugaskan dengan kerja yang betul pada masa yang tepat.

#### **Rangka Kerja Campur Tangan dan Resolusi Kegagalan**

Suatu rangka kerja yang akan memberi panduan kepada PIDM dalam merangka langkah-langkah campur tangan dan resolusi kegagalan. Ia menggariskan pendekatan menyeluruh PIDM berhubung campur tangan dan resolusi kegagalan serta menyediakan pelbagai tindakan dan pilihan yang ada kepada PIDM untuk menangani institusi anggota yang bermasalah atau gagal.

#### **Rancangan Komunikasi Bersepadu**

Rancangan lima tahun ini mengenal pasti strategi dan inisiatif untuk meningkatkan pemahaman dan penerimaan berkenaan sistem insurans deposit. Rancangan ini berasaskan dua teras utama: untuk mewujudkan kesedaran mengenai sistem insurans deposit dan untuk membina kredibiliti dan kewibawaan PIDM sebagai pentadbir sistem insurans deposit.

#### **Sistem Pembayaran Balik Deposit**

Suatu sistem untuk membayar balik pendeposit bagi deposit mereka yang dilindungi sekiranya sesebuah institusi anggota mengalami kegagalan.

#### **Sistem insurans deposit dengan perlindungan terhad**

Suatu sistem insurans deposit yang melindungi deposit layak yang disimpan di institusi anggota sehingga had yang diperuntukkan oleh undang-undang atau had yang telah ditentukan.

#### **Sistem premium berbeza**

Suatu sistem yang mengenakan premium kepada institusi anggota pada kadar yang berbeza berdasarkan profil risiko masing-masing.

#### **Wadiah**

Suatu kontrak simpanan deposit yang berasaskan prinsip amanah.



LAMPIRAN

HUBUNGI KAMI

**Untuk maklumat lanjut mengenai PIDM**

- Hubungi Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan kami  
Talian bebas tol **1-800-88-1266**  
**8.30 pagi hingga 5.30 petang, Isnin hingga Jumaat**
- Layari laman web kami di **[www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)**
- Emel kepada **[info@pidm.gov.my](mailto:info@pidm.gov.my)**
- Tulis kepada:  
**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Awam**  
**Perbadanan Insurans Deposit Malaysia**  
**Aras 19, 1 Sentral**  
**Jalan Travers**  
**Kuala Lumpur Sentral**  
**50470 Kuala Lumpur**  
**Telefon: 603-2173 7436**  
**Faks: 603-2260 7431/7432**

